Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DSMZ.,DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Azhar bin Jusoh, AMT.,PJK.

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

PUKUL 10.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMOHON PERKENAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN DAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH TERENGGANU UNTUK BERANGKAT KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

TITAH UCAPAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahir Rabbil Alamin. Wabihi Nastain. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu. Yang Berhormat Ahli–Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu. Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, Beta mengucapkan setinggi kesyukuran kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat Beta dan Sultanah hadir di Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas pada pagi yang penuh dengan kerahmatan ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam yang membawa rahmat ke seluruh alam. Beta juga memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat yang dikurniakan kepada negeri kita, Terengganu Darul Iman dan rakyat jelata sekalian.

Beta bersyukur atas nikmat kemakmuran, keselamatan dan keamanan yang dikecapi oleh negeri selama ini. Beta berharap kesejahteraan negeri akan kekal berterusan pada masa-masa hadapan. Beta juga merasa amat gembira dengan sokongan ikhlas dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak dalam memacu pembangunan negeri. Beta bersyukur kerana Pilihan Raya Umum ke 13 telah berjalan dengan aman. Beta berharap kerajaan yang dipilih memastikan dasar-dasar negeri yang dirangka sebelum ini diteruskan pelaksanaannya.

Susulan keputusan Pilihan Raya tersebut juga, isu–isu seperti perkauman, hak keistimewaan orang-orang Melayu dan Perlembagaan Malaysia telah dibangkitkan dan ini sedikit sebanyak menggugat kestabilan politik dan keharmonian negeri. Tanpa keharmonian dan keamanan, sudah tentu pembangunan negeri akan terjejas. Justeru itu, Beta berharap semua lapisan rakyat akan terus mengekalkan semangat hormat–menghormati antara satu sama lain yang merupakan tunjang kepada keamanan dan keharmonian yang dinikmati selama ini.

Dalam menjayakan agenda pembangunan negeri, perpaduan tetap menjadi acuan utuh bagi meneruskan legasi pembangunan. Beta berharap bibit perpaduan akan terus tersemai dalam kalangan rakyat Negeri Terengganu bagi menjadikan negeri ini negeri maju menjelang Tahun 2020.

Beta juga menyeru setiap umat Islam untuk bermuhasabah dan berpegang kepada ajaran Al–Quran dan Al–Sunnah dalam menangani isu–isu yang mencabar. Isu-isu yang menyentuh tentang sensitiviti agama dan nilai budaya masyarakat setempat, perlulah ditangani dengan penuh bijaksana oleh semua pihak. Perkara ini jika tidak ditangani dengan teliti, akan membawa akibat yang buruk kepada negeri ini.

Beta berpuas hati dengan hasil pelaksanaan program pembangunan yang dilaksanakan kerajaan Beta di mana ekonomi Negeri Terengganu Darul Iman telah berkembang pada tahap positif. Pencapaian yang memberangsangkan ini dapat dilihat dalam peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) daripada RM14,738 juta pada tahun 2008 kepada RM16,200 juta pada tahun 2012, iaitu pertumbuhan sebanyak 9.92%. Angka-angka ini merupakan penterjemahan daripada aktiviti-aktiviti ekonomi yang rancak di Negeri Terengganu. Beta difahamkan sektor perkhidmatan menjadi penyumbang yang ketara kepada peningkatan KDNK pada tahun 2012 iaitu sebanyak RM9,636 juta.

Kadar pengangguran Negeri Terengganu pada tahun 2012 ialah sebanyak 2.9%. Angka ini jelas menunjukkan Negeri Terengganu mencapai guna tenaga penuh. Ini menunjukkan kemampuan Kerajaan Negeri mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu Darul Iman. Beta percaya kerajaan peka dengan keperluan untuk mewujudkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Kerajaan yang berjaya adalah kerajaan yang mampu menguruskan sumber dan kewangan dengan penuh cekap dan berkesan. Oleh itu, Beta menyeru supaya Kerajaan Negeri mengambil langkah berjimat cermat di dalam perbelanjaan, termasuk di dalam aspek pelaksanaan projek dan program. Projek-projek yang kurang efektif dan tidak memberi manfaat kepada rakyat secara menyeluruh

perlulah dielakkan. Kerajaan perlu mengawal perbelanjaan dengan mengekalkan konsep berhemah.

Bagi rakyat negeri ini pula, Beta suka mengingatkan mereka supaya turut menjalani kehidupan secara sederhana dan membuat perbelanjaan secara bijaksana. Dalam konteks ini, rakyat juga turut memainkan peranan dalam menjana ekonomi yang mapan dan berdaya saing.

Beta berasa sukacita kerana banyak kejayaan yang dicapai oleh Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Menteri Besar Dato' Seri Haji Ahmad bin Said. Slogan "Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan" benar-benar diterjemahkan ke dalam sistem pentadbiran negeri. Urusan pentadbiran negeri yang bersifat mesra rakyat telah memberi keselesaan kepada rakyat apabila mereka berurusan dengan agensi-agensi kerajaan negeri. Malah kurangnya karenah birokrasi menjadikan sesuatu perkara berkaitan permasalahan rakyat cepat diselesaikan. Beta berharap supaya apa yang dipraktikkan pada hari ini akan diteruskan kelak bagi menjamin kelangsungan perkhidmatan Kerajaan Negeri.

Beta merasa gembira Kerajaan Negeri terus memberi penekanan kepada pembangunan fizikal secara keseluruhannya. Ini telah terbukti dengan pembangunan 'Kuala Terengganu City Centre' (KTCC) di Tanjung dan Ladang, Kuala Terengganu. Langkah ini adalah amat bertepatan sekali bagi pembangunan Bandar Kuala Terengganu. Projek pembangunan KTCC ini kelak akan turut memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat di kawasan sekitarnya.

Suntikan pembangunan, di dalam kawasan Kuala Terengganu ini adalah wajar dengan statusnya sebagai sebuah Bandaraya. Walaubagaimanapun, Beta suka mengingatkan bahawa pembangunan sebegini perlu dibuat melalui perancangan dan penyelarasan yang teliti supaya apa yang dilakukan kelak mampu memberi impak yang positif.

Potensi Kuala Terengganu untuk berkembang dengan lebih pesat dengan kawasan pembangunan yang lain nampaknya telah dirancang dengan teliti. Beta percaya Bandar Baru Bukit Besar yang juga menempatkan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan akan membawa satu perubahan suasana bandaraya Kuala Terengganu dan akan memudahkan segala urusan rakyat bertepatan dengan slogan "Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan".

Pengwujudan daerah baru secara tidak langsung mampu memberi suntikan ekonomi yang lebih baik. Beta difahamkan bahawa daerah baru Kuala Nerus sedang menunggu kelulusan daripada pihak berwajib di peringkat pusat. Beta berharap daerah baru Kuala Nerus ini akan lebih merancakkan lagi pertumbuhan

ekonomi di kawasan sekitar. Beta percaya perkhidmatan oleh agensi kerajaan akan dapat dipertingkatkan lagi apabila daerah baru dapat direalisasikan. Selain itu, pembangunan kawasan-kawasan baru di seluruh Negeri Terengganu seperti di Gong Badak, Kijal, Ajil dan sebagainya akan menjadi pemangkin bagi kegiatan perekonomian di kawasan sekitar. Malah pembangunan-pembangunan baru ini mampu menyelesaikan masalah-masalah asas rakyat seperti kawasan perumahan, infrastruktur asas dan keperluan asas lain.

Beta percaya pembangunan-pembangunan kawasan baru yang akan wujud mampu mewujudkan peluang pekerjaan dan secara tidak langsung memberi kesan positif kepada peningkatan taraf hidup rakyat.

Sektor Industri Kecil Sederhana (IKS) turut memainkan peranan dan menjadi suntikan kepada ekonomi negeri. Beta dimaklumkan pembinaan Kompleks Usahawan di Kampung Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu dan Galeri Sultanah Nur Zahirah di Tanjung Bunut, Kuala Terengganu akan menjadi 'hot spot' baru IKS Negeri Terengganu. Projek-projek ini akan menjadi platform kepada usahawan untuk memajukan dan mengukuhkan serta memperluaskan pasaran IKS.

Beta ingin mengingatkan bahawa segala apa jua pembangunan hendaklah dilakukan secara menyeluruh di Negeri Terengganu Darul Iman ini supaya tidak akan ada tempat yang ketinggalan dari arus pembangunan. Langkah-langkah ini perlu segera diambil bagi menjamin kelangsungan ekonomi, peluang pekerjaan dan sebagainya.

Sehubungan itu, Beta berharap penyelarasan dan kerjasama di antara semua agensi kerajaan dan pihak-pihak yang terlibat perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Di peringkat yang lebih tinggi, Beta juga berharap kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan perlu dipertingkatkan. Beta percaya hubungan yang rapat dan berterusan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat mengukuhkan hubungan dua hala yang telah terjalin selama ini dan seterusnya akan memberi banyak manfaat kepada Kerajaan Negeri dalam memacu pembangunan negeri.

Beta juga gembira dengan perlaksanaan projek East Coast Economic Region (ECER) yang berjalan dengan baik. Dasar yang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan ini jelas memberi manfaat kepada Kerajaaan Negeri. Beta difahamkan bahawa dibawah East Coast Economic Region (ECER) iaitu Taman Biopolimer Kerteh telah menerima pelaburan sebanyak RM2.24 bilion bagi tahun 2012 dan ini akan memberi peluang pekerjaan kepada hampir 500 orang. Ini sudah tentu memberi khabar gembira kepada rakyat Negeri Terengganu Darul Iman terutama

graduan yang baru menamatkan pengajian. Beta mengucapkan terima kasih di atas sokongan Kerajaan Persekutuan.

Beta dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah berusaha menarik pelabur baru dalam sektor perlombongan bijih besi dengan nilaian pelaburan dianggarkan sebanyak RM15 billion dan mampu menyediakan 5,000 peluang pekerjaan.

Dalam sektor pelancongan pula, usaha–usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam merancakkan sektor pelancongan ini haruslah dipuji. Tahun Melawat Terengganu 2013 perlulah diperhebatkan lagi aktiviti dan dalam masa yang sama mewujudkan aktiviti yang beridentiti Negeri Terengganu dalam menarik kedatangan pelancong. Malah Kerajaan Negeri perlulah mencari satu mekanisme supaya sektor pelancongan mampu membuka peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi kepada rakyat.

Beta juga percaya dengan Aku Janji Kerajaaan bagi menjadikan Tasik Kenyir sebagai hab pelancongan utama negeri akan menjadi kenyataan pada tahun 2014. Ini sudah tentu mampu menarik dan menggamit kehadiran pelancong ke negeri ini khususnya ke Tasik Kenyir.

Beta suka mengingatkan bahawa pembangunan Tasik Kenyir perlulah dibuat secara kerjasama dengan agensi swasta supaya tidak membebankan kerajaan dalam usaha membangunkan Tasik Kenyir.

Beta mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah memberi penumpuan yang bersungguh-sungguh bagi menyediakan kemudahan asas kepada golongan berpendapatan rendah. Malah dasar Kerajaan Negeri yang mensasarkan 10,000 buah rumah mampu milik bagi tahun 2009 hingga 2012 kepada rakyat telah tercapai. Ini ditambah dengan Aku Janji Kerajaan Negeri yang ingin mensasarkan dasar 10,000 buah rumah mampu milik kepada rakyat dalam jangka masa lima (5) tahun ke hadapan. Beta menyeru supaya Kerajaan Negeri menggunapakai kaedah-kaedah yang boleh mempercepatkan pembinaan rumah-rumah ini. Penglibatan pihak-pihak swasta atau syarikat-syarikat perumahan di bawah kendalian Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan juga boleh dijadikan rakan kongsi bagi membina lebih banyak rumah mesra rakyat untuk rakyat.

Sektor pertanian merupakan faktor penting dalam konteks pembangunan Negeri Terengganu ini. Rakyat Terengganu masih ramai lagi yang terlibat dalam sektor ini. Perancangan-perancangan yang lebih berstrategi perlu diperkenalkan bagi menjadikan sektor ini lebih berdaya maju. Beta percaya dengan slogan bahawa 'pertanian merupakan satu perniagaan'. Aktiviti-aktiviti pertanian komersial perlu

digembleng dengan kaedah-kaedah yang lebih terkini bagi membolehkan pulangan yang lebih baik diperolehi dan dinikmati oleh rakyat yang terlibat. Aktiviti-aktiviti pertanian juga boleh dijadikan sebagai salah satu komponen dalam aktiviti pembangunan sosial yang lain kerana ianya boleh menjana pendapatan secara langsung dan terus kepada mereka yang terlibat.

Apa yang perlu diberi perhatian adalah pemasaran daripada hasil-hasil pertanian ini. Beta difahamkan Projek Rimbunan Kasih yang sedang dalam perlaksanaan di Rantau Abang, menggunapakai kaedah ini. Kaedah penempatan setempat yang digabungkan dengan aktiviti pertanian bersepadu dan dibantu dari segi pemasaran oleh pihak swasta, pastinya akan menambahbaik kualiti kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah.

Beta percaya segala perancangan untuk pembangunan negeri adalah bermula daripada pembangunan modal insan rakyatnya. Pencapaian pendidikan di Negeri Terengganu bagi tempoh 10 tahun kebelakangan amat membanggakan. Usaha-usaha bagi mengekalkan momentum kerajaaan ini perlu dipertingkatkan. Beta juga percaya program-program yang lebih kreatif akan mampu melonjakkan prestasi bidang pendidikan apabila dilaksanakan kelak. Keberkesanan program pendidikan adalah bermula sejak dari awal kelahiran lagi. Program-program seperti TB Kids perlu diperhebatkan lagi terutama di kawasan luar bandar supaya pembangunan modal insan dapat dilakukan secara meyeluruh. Beta sarankan agar program pendidikan yang dilaksanakan perlu juga diberi penekanan kepada aspek sahsiah diri ke arah pembentukan akhlak terpuji generasi masa depan.

Beta menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya dapat memperbanyakkan penggunaan ICT dalam aktiviti seharian. Beta percaya ICT akan memudahkan segala urusan kita dan dalam masa yang sama mempercepatkan urusan dalam perkhidmatan kerajaan. Idea menjadikan ICT sebagai satu industri juga patut diperkembangkan.

Industri-industri berasaskan ICT seperti animasi sebagai contoh perlu diwujudkan bagi membuka peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini.

Satu lagi aspek yang perlu diberi penumpuan khusus oleh kerajaan ialah tahap kemiskinan rakyat negeri. Beta dimaklumkan bahawa kutipan zakat pada tahun 2012 berjumlah (RM107 juta). Sepatutnya kutipan zakat tersebut dapat dimanfaatkan oleh golongan miskin ini. Beta percaya sebagai sebuah institusi agama, Jabatan Baitulmal MAIDAM perlulah proaktif dalam urusan seharian, langkah-langkah yang dapat diambil seperti program turun padang perlu diadakan bagi membantu rakyat yang miskin. Beta percaya golongan fakir dan miskin serta asnaf-asnaf yang lain perlu dibantu dengan kutipan wang zakat ini. Kaedah-

kaedah yang berinovatif boleh digunakan untuk tujuan membantu golongan-golongan ini.

Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah sangat penting dalam pembangunan perbandaran. PBT berperanan menentukan kualiti hidup rakyat terkawal dan terjamin melalui penguatkuasaan undang-undang. Isu-isu yang sering dibangkitkan oleh masyarakat setempat walaupun nampak kecil, tidak boleh dipandang remeh oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, PBT perlulah bertindak dengan memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Tanggungjawab yang diamanahkan kepada PBT seperti melaksanakan projek-projek pembangunan, mengawal pembangunan, melaksanakan projek-projek pembangunan dan lain-lain perkhidmatan perlulah dipikul dengan sebaik-baiknya.

Sebagai agensi barisan hadapan, PBT hendaklah bersikap kreatif dalam melakukan pembaharuan dan mempertingkatkan keberkesanan penyampaiannya bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat. PBT perlu bergerak sebagai satu jentera kerajaan yang cekap dan berwibawa dalam mentransformasi perkhidmatan dan perbandaran.

Aspek sosial juga perlu diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri. Masyarakat yang kuat akan menjadi tulang belakang kepada negeri ini. Beta berpuas hati dengan pembangunan masyarakat di Negeri Terengganu pada masa kini. Langkah-langkah yang lebih efektif dan berterusan perlu diambil bagi menjamin pembangunan masyarakat yang baik. Ini penting kerana sejak akhir-akhir ini bibit-bibit perpecahan di kalangan masyarakat telah wujud. Aktiviti-aktiviti dan program yang dapat mengeratkan silaturrahim perlulah diperbanyakkan bagi memastikan perpaduan masyarakat Terengganu terus utuh.

Beta difahamkan bahawa kerajaan negeri telah memberi perhatian serius kepada pembangunan sektor perkhidmatan kesihatan. Pembukaan Pusat Rawatan Ibu dan Anak yang baru di Hospital Sultanah Nur Zahirah diharapkan dapat mengatasi masalah kesesakan dan ketidakselesaan pelanggan di samping perkhidmatan dapat ditingkatkanan melalui kemudahan baru yang disediakan. Program-program kesihatan di kawasan luar Bandar perlu juga ditingkatkan bagi memastikan setiap rakyat berhak mendapat perkhidmatan terbaik.

Generasi remaja sekarang memerlukan sentuhan mesra daripada pihak bertanggungjawab.

Kerajaan Negeri perlu mempunyai pendekatan yang mampu menarik golongan ini mengikuti program-program belia dan sukan. Beta percaya sentuhan ke atas golongan muda mampu mencegah golongan ini terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang

tidak bermanfaat. Malah perlu diingat, golongan ini akan menjadi pelapis kepada kepimpinan negeri. Modiul program-program belia dalam bentuk ilmiah dan sahsiah diri mampu melahirkan masyarakat berilmu dan berpengetahuan. Kesannya, ruang bagi golongan belia untuk terlibat dalam aktiviti kurang sihat dapat diminimakan. Dalam masa yang sama dapat membentuk generasi ulung yang berkualiti dan dihormati.

Khusus untuk sektor awam, Beta mengucapkan terima kasih kepada semua anggota pentadbiran awam dan anggota keselamatan di Negeri Terengganu yang terus memberi perkhidmatan cemerlang bagi kesejahteraan rakyat. Beta berharap tahap perkhidmatan akan sentiasa dipertingkatan terutama dari aspek penyampaian perkhidmatan supaya halacara pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan akan sampai kepada kumpulan sasaran. Namun semua usaha ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan penerimaan semua pihak serta kesediaan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan bersih, cekap dan amanah. Oleh itu, kita menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai–pegawai dan kakitangan kerajaan, pemimpin-pemimpin sektor swasta dan NGO serta semua golongan masyarakat mengeratkan hubungan antara satu sama lain tanpa mengira fahaman politik dan bekerjasama untuk mengharungi cabaran-cabaran yang bakal ditempuhi kelak. Bergerak ke hadapan, Beta berharap segala perancangan dan pembangunan negeri ini perlu dilaksanakan secara bersistematik. Ianya perlu diterjemahkan secara bersepadu dalam bentuk yang lebih jelas dan perlu mengambil kira isu-isu semasa dan isu-isu arus pembangunan negeri ini seperti kepelbagaian asas akademik, kualiti hidup rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan miskin, gunatenaga berkemahiran dan berpengetahuan, ketidakseimbangan tahap sosioekonomi antara kawasan, peningkatan produktiviti dalam aktiviti ekonomi dan lain-lain. Semua ini perlu didokumentasikan supaya dapat dikongsi dan menjadi panduan kepada semua pihak, sama ada pihak-pihak perancang, pelaksana mahupun kepada rakyat yang ingin tahu apa yang dirancang oleh kerajaan.

Daripada sudut pembangunan syiar Islam, Beta amat bersyukur kehadrat Allah Subhanu Wata'ala kerana langkah-langkah untuk memperkasakan lagi institusi Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Terengganu telah mula dilaksanakan dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri melalui pengukuhan fungsi dan penguatkuasaan bidangkuasa Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). MAIDAM kini tidak hanya mentadbir Jabatan Baitulmal sahaja, malah terdapat tujuh (7) jabatan yang telah dimasukkan di bawah pentadbiran MAIDAM, iaitu Jabatan Dakwah Pendidikan dan Pengurusan Masjid, Jabatan Hal Ehwal Fatwa dan Adat Melayu, Jabatan Pembangunan Keluarga dan Penguatkusaan, Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan, Jabatan Teknikal dan Jabatan Pengurusan Halal. Objektif MAIDAM telah diperkukuhkan sesuai

dengan matlamatnya sebagai pihak Berkuasa Utama Hal Ehwal Islam yang bertanggungjawab menasihati dan membantu Beta dalam menjalankan wazifah sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Beta percaya penyusunan semula MAIDAM dan melalui pendekatan yang telah dikenalpasti ini, pembangunan syiar Islam, kebajikan golongan sasar, kedudukan ekonomi dan masalah umat dapat ditingkatkan lagi.

Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai Ahli Dewan Negeri yang mulia ini, hendaklah sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Tetap Dewan semasa bersidang. Penuh rasa hormat menghormati antara satu sama lain tanpa mengambil kira ideologi politik masing-masing. Berkhidmat dengan ikhlas kepada rakyat demi kebajikan dan kesejahteraan kepada mereka.

Akhirnya, Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar sentiasa memberi rahmat dan hidayah-Nya kepada seluruh rakyat dan Kerajaan Beta di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Seri Haji Ahmad Bin Said untuk memajukan negeri dan rakyat ke arah Terengganu Maju Tahun 2020 menjadi realiti. InsyaAllah.

Semoga semua usaha murni ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wataala. Dengan lafaz yang mulia, Bismillahir Rahmanir Rahim, Beta dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.

Selamat Bersidang.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA DAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH TERENGGANU DIIRINGI OLEH YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN BERANGKAT KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti Titah Ucapan Diraja bagi membuat perbahasan, saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga esok hari, Selasa, 18 Jun 2013, jam

9.30 pagi dan marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.00 PAGI.

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 18 JUN 2013

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Mohd Zubir bin Embong, AMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.,AMN.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, DPMT.,SMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Haji Rozi bin Mamat, SMZ.,AMT.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Mahdi bin Musa
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar
WAKIL JABI

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DSMZ.,DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Azhar bin Jusoh, AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi yang mulia ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahir Rabbil Alamin. Wassalatu wassalamu ala Sayyidina Muhamaddin. Wa ala alihi wasahbihi ajmain. Rabbi yaasir wa alatu aasir. Yaa karim, yaa karim, yaa karim. Yaa latif.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah petunjuk, kekuatan maka kita dapat bersama-sama berada di Dewan yang mulia ini iaitu hari yang ketiga, Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Bagi Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.

Dalam kesempatan ini saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah mencadang dan memberi kepercayaan kepada saya dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu yang ketiga belas ini. Saya berikrar untuk melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan ini dengan sebaik-baiknya, sesempurna-sempurnanya dan sedaya kemampuan saya, Insya Allah. Namun begitu saya bersendirian tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik tanpa bantuan Ahli-ahli Dewan semua.

Persidangan kali ini berlangsung selama empat hari iaitu bermula pada 16, 17, 18 dan 19 Jun 2013. Pada 16 haribulan telah selamat disempurnakan Majlis Pelantikan Yang Dipertua Dewan dan Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan sekalian. Manakala pada 17 haribulan telah juga selamat disempurnakan Majlis

Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Dewan Undangan Negeri Kali Ketiga Belas oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan pada hari ini, 18 haribulan dan juga esok 19 haribulan akan diteruskan dengan Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pentadbiran ini menerima sebanyak 155 jumlah keseluruhan soalan. Soalan Lisan sebanyak 83 dan Soalan Bertulis sebanyak 72. Seperti biasa sesi bagi Soalan-soalan Lisan akan diberi masa selama 1 jam dan soalan-soalan tambahan mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Fasal 27(5). Soalan-soalan tambahan bagi setiap soalan hanya 3 soalan dibenarkan. Persidangan seterusnya akan diikuti dengan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Diatas Titah DiRaja yang akan berlangsung selama dua hari iaitu sehingga esok 19 haribulan. Ini bergantung sama ada, ada atau sebaliknya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan yang akan dibuka nanti. Esok 19 Jun adalah merupakan hari terakhir dan sekiranya Persidangan berjalan sebagaimana Tertib Pekerjaan Dewan yang telah ditetapkan pihak kerajaan akan membuat penggulungan dan diikuti dengan dua lagi usul iaitu Usul Pelantikan Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan dan Usul Pelantikan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya mengambil perhatian di sini Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri hendaklah dipatuhi dan dihormati. Setiap Ahli-ahli Yang Berhormat telah dibekalkan dengan buku Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan ini. Saya amat mengharapkan kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat semoga Persidangan kali ini akan berjalan dengan lancar, teratur, tertib, tawadu' dan harmoni. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, diharap sangat dapat menjaga nama baik Dewan yang mulia ini.

Marilah kita semua sama-sama banyak bersabar sebagaimana Allah amat mengasihi orang-orang yang bersabar sebagaimana Firman Allah S.W.T. dalam Surah Ali Imran (ayat ke 200) yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu sekalian dan teguhkanlah kesabaran itu dan bersedialah serta bertawakallah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya." Marilah kita semua menjaga silatulrahim sesama kita sepertimana Firman Allah S.W.T. dalam Surah Al-Hujurat (ayat ke 10) yang bermaksud: "Sebenarnya orang-orang yang beriman

itu adalah bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat." Mudah-mudahan Persidangan kita ini diberkati dan dirahmati oleh Allah S.W.T. Selamat Bersidang.

Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

[LAMPIRAN]

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis akan diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan Soalan-soalan Bertulis adalah daripada:-

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
   (Wakil Air Putih)
2. Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
   (Wakil Jertih)
3. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
   (Wakil Wakaf Mempelam)
4. Y.B. Mohd Mahdi bin Musa
   (Wakil Kota Putera)
5. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
   (Wakil Rhu Rendang)
6. Y.B Haji Bazlan bin Abd. Rahman
   (Wakil Batu Rakit)
7. Y.B. Mohd Iskandar bin Jaafar
   (Wakil Jabi)
8. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
   (Wakil Batu Burok)
9. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat
   (Wakil Paka)
10. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
    (Wakil Bukit Tunggal)
11. Y.B. Azan bin Ismail
    (Wakil Bandar)

12. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)

13. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
(Wakil Ladang)

14. Y.B. Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)

15. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)

16. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Teluk Pasu)

17. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepuh)

18. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)

19. Y.B. Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)

20. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, Wakil Air Putih mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

> *Nyatakan jumlah industri baru yang akan dibawa masuk di Kawasan Industri Teluk Kalung. Nyatakan jumlah peluang pekerjaan yang akan ditawarkan nanti?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya bagi pihak kerajaan menjawab soalan, izinkan saya Yang Berhormat Yang Dipertua mewakili penduduk kawasan Kuala Berang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Dipertua di atas pelantikan sebagai Yang Dipertua Dewan, semoga Insya Allah pelantikan Yang Dipertua ini akan diberi penuh rahmat, diberi kejayaan memandu persidangan kita ini seterusnya dengan cemerlang, Insya Allah.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Air Putih ingin mengetahui jumlah industri baru yang dibawa masuk ke Kawasan Industri Teluk Kalung dan berapakah jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan di dalam program ini.

Tuan Yang Dipertua, industri baru yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan untuk dibawa masuk ke kawasan Perindustrian Teluk Kalung sebanyak 19 industri dan peluang pekerjaan yang akan ditawarkan atau boleh ditawarkan melalui 19 industri ini sebanyak hampir 4,000 jumlah pekerjaan. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Soalan tambahan. Apakah prosedur kerajaan untuk meluluskan projek-projek ini dan jangka masa yang diperlukan bermula dari cadangan diterima dari syarikat-syarikat tersebut sampai ianya beroperasi? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Tuan Yang Dipertua, atur cara atau pun prosedur ke arah mewujudkan industri di dalam negeri kita ini sebenarnya Tuan Yang Dipertua tidaklah menjadi kepayahan. Keperluan-keperluan seperti biasa untuk mendapatkan tapak sebenarnya pihak kerajaan telahpun berusaha untuk mempercepatkan apa jua keputusan demi kepentingan rakyat.

Contoh yang boleh saya bagi Yang Berhormat kalau kawasan yang dipohon itu tidak melebihi 10 hektar ia memberi kelulusan yang amat cepat di mana ia tidak perlu dibawa ke majlis atau jawatankuasa-jawatankuasa yang banyak cuma dikehendaki untuk memberi taklimat pelaburan yang akan dibuat sama ada dari dalam ataupun luar negara kemudian diperakui oleh EXCO. Selepas dibuat pertimbangan, dibuat penelitian dan pengkajian oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan dibawa terus ke Pejabat Setiausaha Kerajaan untuk dibawa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Kalau lebih dari 10 hektar tapaknya dibawa taklimat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, kemudian dibawa terus kepada keputusan dan apabila keputusan telah pun ada maka adalah lulus ataupun tidak lulus. Seterusnya, tapak industri ini akan diproses mengikut prosedur dengan Borang Tawaran 5A, Borang Bayaran Premium dan sebagainya dan seterusnya selepas itu bermula dengan kadar untuk pembinaan kilang dan seterusnya. Saya jangka jika semua syarat-syarat dipatuhi ataupun mencukupi, tempoh ini tidaklah lama Yang Berhormat, tidak akan memakan masa yang lama tapi saya percaya dalam tempoh yang singkat ianya bergantung kepada dokumen ataupun perkara-perkara yang boleh diselesaikan dengan cepat. Saya ingin menjelaskan bahawa pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri mempunyai usaha-usaha yang lebih baik, contohnya dengan menyediakan satu Pusat Sehenti, One Stop Agency, dengan izin Yang Dipertua, untuk menguruskan supaya perkara-perkara ini dapat kita percepatkan.

Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, khususnya Air Putih, Insya Allah kawasan industri kita sebenarnya mendapat sambutan yang baik. Kemudian saya daripada soalan ini saya percaya kita tidak boleh apa kita katakan sebenarnya kita juga melihat persaingan hebat kepada pelabur-pelabur ini, kita semestinyalah daripada pegawai dan pihak kerajaan sendiri mempastikan setiap pelaburan yang ingin datang dan berminat kepada kita itu terus kita tangkap dan pastikan mereka

melabur dengan cepat untuk memberi pekerjaan dan pembangunan kawasan kepada negeri kita. Insya Allah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan saya yang kedua. Berapakah peluang pekerjaan sebenarnya yang telah wujudkan oleh Kerajaan Negeri kalau nak dibandingkan dari tahun 1999 hingga 2004, yang pertama. Yang Kedua, tahun 2004 – 2008. Yang Ketiga, tahun 2008 – 2013. Bolehkah pihak kerajaan maklumkan kepada Dewan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, menjawab kepada soalan Air Putih ini secara khususnya, saya faham soalan ini, sebenarnya tahun 1999 – 2004 itu kalau ikut soalan tambahan tadi Yang Dipertua, rakan kita di sebelah pembangkang menjadi kerajaan. Dan 2008 itu kita, Barisan Nasional menjadi kerajaan sehingga sekarang ataupun sebelum pilihan raya yang lepas. Saya ada maklumat tidaklah terperinci tetapi maklumat khusus pekerjaan yang dibawa dalam industri sepanjang tempoh 1999 – 2004 berjumlah 8,887. Manakala tempoh selepas 2008 sehingga Mei 2013 berjumlah 23,477. Ini rekod daripada Unit Perancang yang telahpun tersedia di negeri kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan saya satu lagi, kalau boleh? Wakil Kuala Berang menyatakan bahawa banyak industri, sebanyak 19 industri yang telah diluluskan. Cuma persoalan saya ialah adakah anak Terengganu ini mempunyai kemahiran yang cukup untuk mengisi keperluan industri yang akan bertapak di negeri Terengganu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, kita sangat sedar bahawa setiap pelaburan sebenarnya menjadi minat kepada pelabur-pelabur untuk datang banyak, bukan hanya kita boleh bercakap, kita boleh bawa pekerjaan begitu sahaja. Sebenarnya minat pelabur akan bergantung kepada banyak terutama iklim pelabur itu sendiri, kemudahan infrastruktur, kemudahan asas, kemudian juga tenaga-tenaga yang boleh kita bekalkan dalam industri ini. Jadi atas sifat inilah, kalau kita lihat negeri kita agak tidak berapa agresif tetapi Insya Allah, perjalanan ataupun rel yang kita bawa itu sangat betul, pertamanya. Pada soalan Air Putih tadi memang kita

membangunkan pusat-pusat latihan khusus bagi mempastikan setiap ruang pekerjaan dapat diisi oleh anak negeri kita. Kalau kita lihat di bidang pendidikan, kita dengan agresifnya melalui Yayasan Terengganu, kita mempastikan murid-murid cemerlang dan kita ada lagi tambahan khusus supaya anak-anak cemerlang ini dilatih di dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang-bidang kursus, profesional dan sebagainya. Manakala di golongan pertengahan, lepasan SPM dan sebagainya yang tidak pergi ke peringkat yang tinggi, mereka ini didedahkan program-program persijilan, diploma malah boleh menyambung ke peringkat yang lebih tinggi melalui agensi latihan negeri seperti TESDEC, TATI-UC ataupun agensi-agensi lain yang banyak di negeri kita ini seperti TTI-TC, kita ada ABM (Akademik Binaan Malaysia), kita ada IKBN dan sebagainya. Jadi saya percaya sangat cukup bidang-bidang yang kita ada cuma kita perlu, pertamanya, Tuan Yang Dipertua, mendedahkan kepada seluruh rakyat bahawa peluang-peluang yang diwujudkan ini adalah untuk mereka. Bermulalah dengan kemahiran dan teruskanlah dengan ketekunan dan pastikan kemahiran awal hari pertama akan berakhir dengan kejayaan. Malah kita alu-alukan kepada penduduk negeri Terengganu bermula dengan jadi buruh, jadi pekerja dan suatu hari besok mereka akan jadi pengusaha yang berjaya.

Suka saya sebagai menambah kepada soalan tambahan yang ketiga Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga mengalu-alukan kepada Dewan kita ini terutama sekali pelabur-pelabur akan melihat iklim pelaburan sesebuah negeri sebagai salah satu punca utama untuk mereka melabur. Contohnya kalau politik sesebuah negeri itu tidak stabil ataupun banyak cengkaman-cengkaman, masalah birokrasi dan sebagainya maka mereka tidak akan berminat datang ke kawasan itu. Jadi daripada rakan-rakan pembangkang seharusnyalah jangan kita iklimkan suasana politik, suasana pentadbiran, suasana negeri kita ini dengan pembangunan infrastruktur lebuh raya, pelabuhan, lapangan terbang dan sebagainya untuk jadikan sebagai daya penarik utama bagi mempastikan Insya Allah, Terengganu sebagai pusat ataupun sebagai negeri yang terbaik kepada pelabur demi untuk kita wujudkan pekerjaan kepada rakyat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Berang. Saya rasa dah cukup dah tu, tiga dah, Y.B. Bandar. Saya rasa kita teruskan kepada soalan yang kedua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya dah tiga kali bangun.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Lepas ini, Insya Allah. Wakil Air Putih untuk soalan kedua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Jertih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Jertih boleh?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya habis dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bandar ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dia tak boleh gitu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, kita bagi kepada Wakil Jertih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

> *Apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Negeri Terengganu dalam membantu usahawan di negeri ini?*

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil Jertih iaitu soalan yang pertama.

Terdapat banyak program yang telah dan sedang dilaksanakan bagi membantu usahawan di negeri ini. Antaranya ialah:-

i. Menyediakan kemudahan pembiayaan/pinjaman kepada para usahawan yang memerlukan modal pusingan bagi mempertingkatkan lagi perniagaan mereka.

ii. Penyediaan premis kilang dan premis perniagaan.

iii. Pembangunan produk dengan menyediakan bantuan pembungkusan dan perlabelan produk, bar kod, maklumat nutrisi, formulasi produk dan persijilan Halal.

iv. Melaksanakan Program Pembangunan Pasaran iaitu dengan mengadakan program promosi, menganjur dan menyertai Ekspo serta mengadakan program pemadanan perniagaan.

v. Mengadakan latihan kemahiran teknikal dan latihan kemahiran pengurusan seperti kursus pembuatan produk, kursus pengurusan perniagaan, kursus pengurusan kewangan dan sebagainya.

vi. Melaksanakan Program Pembangunan Perniagaan di bawah Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang melibatkan usahawan desa dan usahawan di kawasan perdaerahan.

vii. Mengadakan bimbingan dan khidmat nasihat kepada para usahawan dalam segala speks keusahawanan.

Sekian, sebagai jawapan daripada Yang Berhormat Kawasan Jertih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Daripada apa yang disebutkan tadi, apakah bentuk tabung, sama ada tabung pinjaman ataupun tabung geran yang diwujudkan oleh pihak kerajaan bagi membantu usahawan-usahawan negeri Terengganu dan berapakah nilai yang dibantu kepada usahawan sama ada geran ataupun pinjaman, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebagai jawapan kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kawasan Jertih sebagai soalan tambahan.

Jenis-jenis skim ataupun tabung yang diwujudkan di negeri ini bagi membantu usahawan-usahawan, antaranya ialah Skim Bantuan Dan Pembiayaan yang disediakan untuk usahawan-usahawan kecil di bawah Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu telah dijenamakan di bawah jenama T'Fund. Skim-skim pembiayaan tersebut ialah seperti Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF), Skim Pinjaman Kecil (SPK), Skim Pinjaman Khas Flagship, Skim Sahabat Penjaja Melayu (SSPM), Skim Pinjaman Peniaga Pasar Malam (SPPPM) dan Skim Pinjaman Khas Kanopi (SPKK). Walau bagaimanapun, buat masa sekarang pihak YPU sedang dalam proses mengutip semula pinjaman-pinjaman yang tertunggak dan hanya menumpukan pemberian pinjaman melalui Skim Pinjaman Kecil (SPK) dan Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF) sahaja.

Pihak Kerajaan Negeri dari tahun 1999 hingga 2012 telah memperuntukkan sebanyak RM8.5 juta kepada YPU untuk disalurkan kepada usahawan-usahawan dalam bentuk pinjaman. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada pinjaman adalah tertunggak dan tidak dibayar. Memandangkan perkara ini adalah serius pihak YPU telah mengambil tindakan drastik dan telah menubuhkan Task Force Kutipan untuk memastikan masalah ini dapat diselesaikan. Pihak YPU juga telah melantik peguam untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi kes-kes yang dianggap berat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalan tambahan Yang Dipertua. Memandangkan apa yang diterangkan oleh pihak Kerajaan tadi banyak tabung-tabung yang disediakan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu sehingga kita dengar tadi kanopi pun ada jugak. Maka dengan sebab itu saya nak tanya, apakah kaedah yang dibuat oleh kerajaan bagi memberitahu kepada rakyat kemudahan-kemudahan tabung-tabung yang ada di bawah YPU untuk dapat dimanfaat kepada usahawan-usahawan negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dan kepada Yang Berhormat Wakil Jertih, YPU sentiasa mengadakan program taklimat, ceramah dan juga forum untuk

memberitahu kepada usahawan negeri ini tentang kemudahan-kemudahan yang diberikan. YPU juga sentiasa mempastikan pemberian maklumat yang selaras dengan perkembangan teknologi maklumat di mana Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) menyampaikan maklumat website, facebook dan juga twitter. Sekian, menjawab kepada soalan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalan terakhir .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bagi Paka sekali.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Mengikut peruntukan di peringkat Malaysia sendiri jumlah bajet yang dibentangkan dalam Belanjawan untuk IKS sebanyak RM1 bilion tetapi Kerajaan Terengganu menyalurkan melalui YPU untuk IKS hanya RM2 juta, kenapa kita tidak boleh mengambil peruntukan yang sekian banyak RM1 bilion di peringkat Malaysia tetapi RM2 juta di peringkat negeri Terengganu. Tabung banyak tetapi *ciput,* kecil sangat di dalamnya. Minta penjelasan?

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kawasan Paka itu tadi saya tidak berhak untuk menjawab.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Eh .... Tak Dato' lagi duk ingat Dato' dah, minta maaf Yang Dipertua. Insya Allahlah tu. Soalan terakhir saya .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab apa yang tak berhak dijawab tu?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Saya ada hak sebab saya ada tiga soalan tambahan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, sila Jertih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang terakhir, yang ketiga. YPU ini saya melihat dia banyak memberi bantuan kepada usahawan-usahawan yang terlibat dengan produk-produk industri kecil dan sederhana. Jadi soalan saya, adakah Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu juga melibatkan diri untuk melahirkan usahawan dalam bidang pelancongan? Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, menjawab kepada soalan daripada Yang Berhormat Kawasan Jertih itu tadi iaitu apakah Yayasan Pembangunan Usahawan telah melahirkan dan memberikan fokus kepada pelancongan.

Dan sebagai jawapan kepada soalan itu, YPU sentiasa berkerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan agensi berkaitan untuk membantu usahawan dalam bidang pelancongan. YPU juga telah menawarkan projek pembinaan hotel di Kompleks Usahawan Terengganu kepada seorang usahawan bumiputera yang berminat, ianya selaras dengan peranan Yayasan Pembangunan Usahawan untuk melahirkan usahawan bumiputera yang lebih ramai terutamanya di dalam bidang yang masih kurang diceburi seperti bidang perhotelan. Sekian, sebagai jawapan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sama-sama. Okey, saya beri peluang kepada Y.B. Jertih untuk terus kepada soalan yang kedua. Kita teruskan habis, lebih mudah sebab banyak lagi ni. Wakil Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua Dewan, boleh saya beri pandangan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Boleh Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau keadaan cara kita kendalikan kalau soalan tu dua seorang, dua seorang, *dokdang.* Saya fikir elok diberi satu soalan sahaja untuk seorang wakil supaya merata sikit, itu pandangan saya, yang lepas-lepasnya begitu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya sebenarnya menyokonglah cadangan Ladang sebab saya rasa kita ramai ini mungkin Yang Berhormat Yang Dipertua boleh beri satu soalan seorang sahaja dan kalau kita dah sempat habis kita boleh pusinglah ke pusingan kedua pula. Saya cadangkan soalan seterusnya kita beri kepada ikut aturan yang mengemukakan soalan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Kita pergi kepada Wakil Langkap.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

> *Sejauh mana perkembangan-perkembangan pelaburan industri solar di kawasan Langkap, Setiu. Nyatakan jumlah peluang pekerjaan yang akan wujud hasil pelaburan tersebut?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Wakil Langkap nak tahu perkembangan sejauh mana perkembangan pelaburan industri solar di kawasan Langkap dan peluang pekerjaan di situ.

Tuan Yang Dipertua, status terkini bagi pelaburan Industri Solar di Kawasan Perindustrian Langkap ini sebenarnya kerajaan telahpun meluluskan kepada sebuah syarikat bernama Synergy Generated Sdn. Bhd. dengan jumlah pelaburannya RM38.5 juta untuk membina Kilang Solar di kawasan industri ini dan dia boleh menawarkan pekerjaan tidak ramai Yang Dipertua iaitu 10 orang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Apakah syarikat yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek ini dan apakah kesan berganda kepada pembangunan di daerah Setiu khususnya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Langkap. Syarikatnya saya dah sebut tadi iaitu Syarikat Synergy Generated Sdn. Bhd.

Faedah secara langsungnya tentu sekalilah dia membawa dalam peta dunia dan khususnya peta Tenaga Nasional Berhad bahawa Langkap ini ataupun Industri Sungai Bari, Langkap ini akan menjadi salah satu pembekal elektrik kepada negara. Di mana bekalan elektrik boleh dibekalkan di sini sebanyak 5MW, kemudian disalurkan kepada Grid Nasional dan seterusnya saya sangat yakin sebab elektrik ini merupakan asas kepada pembangunan keseluruhannya dan sumber yang datangnya daripada solar ini merupakan sumber baru di negara kita selain daripada yang sedia ada, gas, arang batu dan hidro. Jadi saya sangat yakin dengan peranan daripada kawasan Langkap ini akan memberi tumpuan pada masa-masa akan datang bahawa ia akan memulakan pembangunan yang selari dengan hasrat kerajaan bahawa Langkap ataupun Setiu juga sumber ataupun kawasan pembangunan yang perlu kita majukan dengan kaedah dan dengan kesegeraannya, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Adakah kerajaan bercadang untuk pengisian Kawasan Industri Sungai Bari di Langkap dan Saujana di Setiu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Dipertua, memang bercadang sebab tujuan kita wujudkan kawasan industri di seluruh daerah ini tentulah cadangan kita, hasrat kita untuk memberi peluang pekerjaan kepada rakyat setempat, untuk memberi pembangunan yang lestari kepada kawasan serta sekarang ini saya nak ucap tahniah kepada Wakil Langkaplah dengan tumpuan serta kebolehan Wakil Langkap, saya percaya kita mengalu-alukan supaya bukan sahaja Langkap tetapi jugak Setiu menjadi peta pembangunan industri yang utama bagi negeri kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan lagi? Kalau tak ada kita teruskan sebab banyak lagi untuk kita habiskan dalam masa tak sampai setengah jam lagi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya cadang berasaskan kepada Peraturan Mesyuarat 26 sehingga 28, oleh kerana hari

ini adalah hari pertama sidang kita untuk sesi soal jawab, saya rasa Tuan Yang Dipertua patut membuat ruling tentang cara dan kaedah kita bertanya soalan dan menjawab soalan serta giliran-giliran untuk mengambil tempat soalan tambahan. Saya rasa ruling ini mustahak kerana persidangan kita barangkali panjang lagi. Insya Allah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Seterusnya kita pergi kepada Wakil Kota Putera.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, ruling, ruling.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya minta Tuan Yang Dipertua buat ruling.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, soalan saya yang kedua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Buat ruling maksudnya beri satu peraturanlah. Maksudnya cara kita bertanya sama ada semua diselesaikan untuk soalan-soalan di pihak kerajaan ataupun diselang seli dengan pembangkang ataupun macam mana ruling dia kita nak tahu?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Wakil Bandar. Sudah ada kalau Wakil Bandar rujuk kepada buku merah tu, buku peraturan tu kita ada jadual dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kita ini di hari pertama, Yang Dipertuapun baru. Wakil Bandar, saya ingat ruling telah disebut dalam Ucapan Yang Dipertua sebentar tadi cumanya barangkali kita kurang itu sikit tadi, ada satu soalan yang dipohon oleh Wakil Ladang tadi. Kita rasa sangat tepatlah, satu soalan kepada seorang wakil supaya seberapa banyak boleh bertanya kemudian tiga soalan tambahan, saya percaya siapa yang cepat bangun bagi soalan tambahan itu mereka yang dapatlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Satu lagi Yang Berhormat Yang Dipertua, kita ikut turutanlah, ini nombor 1, 2, lepas itu melompat ke nombor .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa. Insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ini 5 pulak, tinggal dah nombor 3 ni.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, soalan saya yang kedua, saya ulang balik –

> *Apakah perancangan Kerajaan Negeri Terengganu dalam menjaga tapak-tapak sejarah dan warisan dalam negeri agar terus kekal seperti 'Warisan Raja-Raja' di Kampung Raja, Besut dan Desa Ukiran Kayu yang bangunannya telah siap di Kampung Raja?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada Wakil Kota Putera. Kerajaan Negeri Terengganu melalui Lembaga Muzium Negeri Terengganu akan terus menjalankan penyelidikan, mengenalpasti dan berusaha memelihara tapak-tapak sejarah dan warisan sama ada bangunan mahupun peralatan budaya. Tapak-tapak sejarah akan diwartakan

agar ianya dapat dipelihara dan dibangunkan untuk tujuan pelancongan serta kajian oleh para penyelidik.

Perancangan Kerajaan Negeri Terengganu dalam menjaga tapak-tapak sejarah dan warisan negeri adalah mana-mana warisan yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang tinggi dan seni akan dibeli ataupun diambil balik. Seterusnya, kerajaan juga akan memperlihatkan ataupun mengambil cakna tentang kerosakan pada bangunan yang bernilai dan akan terus diberi perhatian. Warisan ini akan diwartakan di bawah Akta 645, Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan walaupun akta ini Akta Pusat, kerajaan sedang merancang untuk menggubal satu Enakmen Warisan Negeri Terengganu. Dan kepada bangunan-bangunan yang telahpun diambil alih ataupun dibeli akan terus dijadikan Pusat Sumber Pemikiran masa kini dan masa depan warisan agar ianya dapat dinilaikan oleh warisan akan datang bahawa negeri Terengganu mempunyai pembangunan yang telah lama serta seni ukir dan sebagainya untuk dijadikan contoh dan teladan serta simpanan supaya Sejarah Warisan Terengganu dapat ditamadunkan. Sebagai contoh, status Istana Tengku Anjang, di Kampung Raja, Besut. Istana ini telahpun diambil balik dan kerja-kerja untuk memperbaiki serta menambahbaik istana ini sedang dibuat. Kita, kerajaan sangat berterima kasih kepada pemilik istana ini yang telahpun merancang begitu rupa untuk menjadikan bahawa kekuatan seni orang Melayu merupakan suatu peninggalan yang baik. Jadi dengan cadangan istana ini, beberapa cadangan sedang kita fikirkan. Salah satunya, istana ini akan dicadangkan supaya menjadi Muzium Seni Ukir Kayu Terengganu.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan. Daripada keseluruhan untuk negeri Terengganu, berapa banyakkah tapak-tapak sejarah baru yang telah dikenal pasti untuk diwartakan sebagai tapak sejarah dan warisan negeri dari segi jumlah? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tuan Yang Dipertua, terima kasih di atas soalan tambahan. Sebenarnya banyak lagi tapak-tapak yang sedang dikenal pasti namun kalau kita nak menetapkan bilangan yang lebih spesifik saya memerlukan notis sebabnya tapak-tapak ini tidak diberi maklumat kepada saya.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan saya. Apakah perancangan kerajaan untuk mengekalkan pengusaha-

pengusaha produk seni yang ada kaitannya dengan sejarah lama seperti seni ukiran, seni tekad, sulaman dan anyaman yang mempunyai nilai sejarah dan juga warisan Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tuan Yang Dipertua, saya menyambut baik soalan ini. Kerajaan Negeri serta Kerajaan Pusat telahpun menyediakan beberapa peruntukan dan juga kemudahan termasuklah memelihara serta menjaga serta mengumpul semua pengusaha yang disebutkan tadi supaya dijadikan satu produk pelancongan negeri. Dan usaha-usaha ini bukan sahaja dibiarkan kepada pengusaha mereka yang lama tetapi juga diwarisi oleh generasi baru dengan melalui pendidikan dan berbagai kaedah lagi untuk menjadikan ianya akan berpanjangan. Insya Allah, Kerajaan Negeri akan terus memberi penumpuan terhadap pembangunan usaha-usaha untuk mengekalkan hasil dan produk negeri Terengganu yang tidak ada di tempat-tempat lain.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Juga soalan tambahan. Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mengenal pasti warisan sejarah ini mengikut daerah dan memperkenalkan konsep 'Satu Daerah Satu Warisan' dengan mewujudkan Galeri Sejarah Warisan di setiap daerah? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih. Yang Dipertua, sebenar sekalinya sekarang Kerajaan Negeri Terengganu telahpun mengenal pasti di setiap daerah dan cumanya keupayaan untuk menjaga serta nilai kefahaman kita yang agak masih kurang. Insya Allah, selepas ini kita akan mengambil tindakan yang lebih berani dengan memberi tumpuan setiap daerah satu warisan ataupun lebih terutama kepada pengusaha-pengusaha bagi menjadikan pengusaha ini sebagai satu pendapatan ataupun peluang ekonomi yang lebih baik kepada penduduk negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Wakil Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullah. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Sila nyatakan siapakah di kalangan Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan urusan agama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang baru?*

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Wakil daripada Rhu Rendang ingin tahu siapakah dari kalangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikan urusan agama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang baru.

Saya maklumkan di sini Yang Dipertua, bahawa tanggungjawab ini bagi pihak Kerajaan diberi kepada Exco Kerajaan Negeri berportfolio ataupun Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab atas tugas Pelajaran, Pengajian Tinggi, Inovasi dan Tugas-tugas Khas iaitu ADUN Ajil. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya merasakan bahawa portfolio agama ini penting dan dalam ingatan saya sebelum pada ini tidak ada dan tidak pernah berlaku tidak ada seorang Exco khusus yang menjaga portfolio ini dan biasanya juga dia bagi kepada orang yang memang latar belakang agama dan yang ada kemampuan. Jadi saya nak tanyanya macam mana boleh berlaku begini dan apakah kerajaan merasakan bahawa perlu dilantik orang yang lebih berkemampuan dalam membantu pihak kerajaan dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan hal ehwal agama dan bertanggungjawab kepada Dewan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Dipertua, hal ehwal agama Islam telah diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu yang dipertanggungjawabkan secara otornomi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Saya bagi pihak kerajaan membantu dari segi jalinan kerjasama bagi mempastikan semua urusan agama negeri Terengganu berjalan dengan baik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Baik, kita beri kepada Kota Putera.

YANG BERHORMAT MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Apabila Wakil Wakaf Mempelam beritahu bahawa sepatutnya diberi jawatan agama kepada orang berkenaan atau yang berpendidikan agama, pada saya dari aspek mana Wakaf Mempelam menilai .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan ke, Exco jawab tu?

YANG BERHORMAT MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Okey, sekejap. Dari aspek manakah Wakaf Mempelam menilai? Dan saya nak tanya kepada Exco, sejauh manakah peranan yang diberikan oleh Yang Berhormat Ajil untuk menerajui portfolio agama? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya boleh tolong jawab ke dok Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada Wakaf Mempelam kerana prihatin soal agama. Adalah suatu perkara yang tidak baik kalau terdetik di hati kita satu rasa kesombongan, keangkuhan kerana ia ditegah oleh Allah S.W.T. walaupun ada sedetik debu sekalipun maka rahmat Allah tidak akan datang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, ini satu tuduhan. Saya tanya soalan ....

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya tidak menuduh, saya kata jika ada .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... ini kata sombonglah, apalah. Yang Dipertua, ini bukan soal, perkara .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam sila duduk dulu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Sebelum dikemukakan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau boleh Yang Berhormat beri ruling, jangan guna perkataan-perkataan yang boleh hina mana-mana Ahli-ahli Dewan, ini ada dalam Peraturan Dewan. Ini duk tuduh orang sombonglah, duk tuduh orang apalah, ini bukan cara dia. Kita tanya dengan baik, jawablah dengan baik.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, sila duduk, kita dengar dulu.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Berhormat Wakaf Mempelam, saya ada pendidikan, saya pernah belajar di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin semasa baru penubuhan, saya adalah di antara pelajar yang awal. Saya juga pernah belajar di Universiti Malaya, saya juga mengambil Kursus Bahasa Arab dan saya juga mengikuti Kursus Prinsip Hukum. Saya juga mengambil peringkat Master di Universiti Malaya, saya juga mengkaji tentang hukum, jadi saya rasa tidak salah saya memikul tanggungjawab ini. Terima kasih. ....(Tepukan sokongan) ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Ajil, tengok Speaker, ya. Ada soalan tambahan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Tambahan saya, kalau di Pusat dia ada Menteri Di Bawah Jabatan Perdana Menteri yang jaga agama, dilantik Menteri yang khas untuk jaga bahagian agama, itu di peringkat

Pusat. Keseluruhan Kerajaan Negeri juga ada Exco yang jaga agama, bahkan dari segi definasi agama Islam itu sendiri lebih luas daripada pendidikan, pelajaran dan aspek-aspek yang lain duduk dalam agama ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalannya Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan saya, bagaimana agama diletak dalam portfolio Exco dalam satu aspek yang kecil, ini suatu benda yang saya rasa sudah lari daripada asas termasuk Kerajaan Pusat sendiri, Polisi Kerajaan Pusat ada Menteri yang jaga agama, tiba-tiba Terengganu? Dan negeri-negeri lain macam itu jugak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, ingin saya jelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Rhu Rendang. Di peringkat negara kita ada menteri-menteri sebagaimana yang dinyatakan tadi dan dia tidak sebut Menteri Hal Ehwal Agama, apa yang disebut ialah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan dia bertugas menjaga hal ehwal agama. Ini sama juga dengan kita, Exco dengan tugas-tugas khas, dan dia dipertanggungjawabkan dengan hal ehwal agama, sama. Yang Berhormat Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa dah cukup untuk soalan tambahan. Kita pergi kepada ....., kita ada lebih kurang 5 minit lagi. Sila Wakil Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor 3 -

> *Berapakah jumlah pusat-pusat Bestari.Comm yang telah beroperasi dan digunakan oleh masyarakat setempat mengikut pecahan daerah dalam negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua serta Ahli-ahli Dewan. Soalan nombor 3, berapakah jumlah pusat-pusat Bestari.Comm yang telah beroperasi dan digunakan oleh masyarakat setempat mengikut pecahan daerah dalam negeri Terengganu?

Yang Berhormat Yang Dipertua serta Ahli-ahli Dewan, jumlah Pusat Bestari.Comm di negeri Terengganu ialah sebanyak 47 buah. Semua pusat tersebut sedang beroperasi dengan baik dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari segenap lapisan masyarakat. Penempatannya telah ditubuhkan kepada setiap DUN dan juga Parlimen. Setiap DUN sekurang-kurangnya mempunyai sebuah Pusat Bestari.Comm. Lokasi Pusat Bestari.Comm adalah sebagaimana berikut:-

Parlimen	Jumlah Pusat Bestari.Comm
Besut	7 buah
Setiu	5 buah
Kuala Terengganu	4 buah
Kuala Nerus	8 buah
Hulu Terengganu	6 buah
Marang	6 buah
Dungun	6 buah
Kemaman	6 buah

Dan yang terbaru masih di dalam proses yang kita akan buka iaitu di Paya Keladi, Kuala Terengganu. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Saya mohon penjelasan apakah fungsi Bestari.Comm ini?

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Yang Dipertua serta Ahli-ahli Dewan, fungsi Bestari.Comm ini adalah pada masa sekarang terdapat berbagai program dan juga inisiatif kerajaan dalam bidang ICT yang dilaksanakan seperti penggunaan e-Government sebagai contoh pembayaran-pembayaran bil secara online dan sesiapa yang berminat untuk berurusan bolehlah pergi ke Bestari.Comm. Di samping itu juga, Bestari.Comm juga berfungsi sebagai Pusat Sumber Maklumat Kerajaan Negeri. Jadi pelanggan-pelanggan kita bolehlah pergi ke Bestari.Comm untuk mendapatkan sebarang maklumat tentang Kerajaan Negeri. Bestari.Comm ini juga sebagai pusat pembelajaran ataupun pusat latihan kepada pengunjung-pengunjung yang ingin belajar sebagai Pusat Latihan ICT dan juga sebagai Pusat Latihan Keusahawanan.

Di Bestari.Comm ini kita ada pembimbing-pembimbing yang boleh membimbing pelanggan-pelanggan kita. Di samping itu juga pusat sumber ini adalah sebagai Portal Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan, sebagai Pusat e-Aduan, Pusat Edaran Risalah dan Info Bercetak Kerajaan Negeri. Jadi pelanggan-pelanggan kita boleh ke Bestari.Comm dan boleh print, boleh cetak info-info tadi. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan saya seterusnya. Berapa ramaikah yang telah mendapat manfaat pada tahun 2012 dan sehingga kini?

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua serta Ahli-ahli Dewan, bilangan pengunjung ke Bestari.Comm di seluruh negeri Terengganu untuk tahun 2012 di 47 Pusat Bestari.Comm bagi tahun 2012 saja ialah 51,301 orang pelanggan-pelanggan ke Bestari.Comm. Manakala sehingga April 2013, data dan maklumat yang kita perolehi daripada pusat-pusat tadi dan kita kumpulkan berjumlah 45,110 orang sehingga April 2013 yang bermula Januari 2013. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya rasa dah cukup jelas dan masa dah lebih ni. Sebelum saya menangguhkan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): di bawah Peraturan Mesyuarat Fasal 30 .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Dipertua, saya bangun dulu satni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Biar Yang Dipertua habis dulu. Sila duduk dulu Y.B.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): .... di bawah Peraturan Fasal 30, saya ingin mengemukakan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebelum saya menangguhkan persidangan ini, saya nak mengalu-alukan kehadiran Pemerhati pada hari ini 16 Jun 2013 yang terdiri kesemuanya 287 orang daripada Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Pejabat KEMAS, Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu dan mewakili semua Pejabat DUN yang begitu ramai sekali termasuk dari Parti Islam Se-Malaysia. Terima kasih banyak di atas kehadiran .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mempunyai Usul Di Bawah Fasal 30 ....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, YDP tak habis lagi, kita hormatlah kepada penonton-penonton yang ada ni, biar Yang Dipertua habis baca dulu. Adik-adik kita yang tengok di atas sana, pelajar-pelajar, cikgu-cikgu. Bertenang, ya.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya tangguhkan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang Dipertua, di bawah Peraturan Fasal 30, saya baca Peraturan ini, Standing Order ni .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, sila, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Fasal 30, saya berhak untuk mengemukakan Usul Tergempar di Dewan ini. Jadi saya di bawah Standing Order ini ingin mengusulkan satu Usul Di Bawah Fasal 30 .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mempunyai Usul Di Bawah Fasal 30 .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya bangun dah ni .... Saya bangun dah, ikut Peraturan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, kita bagi kepada Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, saya dah bangun. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Dipertua, saya Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Dipertua, saya ingat Jabi yang bangun dulu Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Laa ilaha ilallah. Saya bangun dah, dia dah bagi ruling dah.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak, saya yang bangun dulu, Tuan Yang Dipertua tak nampak sebab dia di depan, saya di belakang.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tuan Yang Dipertua sudah bagi ruling.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Batu Burok duduk dulu. Y.B. Jabi duduk dulu.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Mentang-mentang saya kecil, Yang Dipertua tak nampak.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua sudah bagi ruling untuk saya yang baca, ruling dah dibagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk dulu.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua, Cadangan Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-

Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya Mohd Iskandar bin Jaafar, Ahli Dewan Undangan Negeri Jabi .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ruling dah dibagi ni.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): ..... mohon mencadangkan bahawa .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ruling dah bagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat. Yang Berhormat! .....(sambil mengawal mikrofon). Sila duduk dulu, sila duduk dulu. Kita bertenang sekejap.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *..... (ucapan tidak jelas, Wakil Batu Burok masih menyambung ucapan Usul Di bawah Fasal 30)....*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Batu Burok, Batu Burok. Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok mohon mencadangkan.

Bahawa persidangan ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu Cadangan Pembinaan Projek Mega bernilai lebih RM400 juta di tengah-tengah Bandaraya Kuala Terengganu di atas perobohan Pasar

Payang yang merupakan pasar warisan bagi seluruh rakyat Terengganu Darul Iman.

Projek mega yang apabila siap dan dikatakan akan menjadi mercu tanda terbaharu Negeri Darul Iman ini dan dijangka akan menempatkan sebuah hotel bertaraf 5 bintang, 23 tingkat yang menyediakan 550 bilik dan sebuah pangsapuri 30 tingkat.

Dato' Yang Dipertua, isu ini adalah perkara-perkara tertentu kerana merobohkan Pasar Besar Kedai Payang yang telah meniti usia 80 tahun bagi memberi laluan kepada projek mega dibina di atas tapak pasar yang sedia ada akan memberi implikasi yang amat besar kepada sejarah dan pembangunan negeri Terengganu. Tambahan lagi, kontrak bernilai lebih RM400 juta ini dianugerahkan kepada sebuah syarikat 'taikun-taikun Cina' yang berpengkalan di Kuala Lumpur.

Yang lebih penting lagi, majoriti warga Terengganu membantah keras 'Rancangan Projek Mega RM400 juta' ini. Ia tidak sesuai dengan perkembangan semasa yang kini berlaku di negeri ini sendiri. Lebih-lebih lagi negeri Terengganu kini terlalu banyak berhadapan dengan projek 'nazak' dan terbengkalai seperti keruntuhan yang berlaku di Stadium Sultan Mizan yang bernilai hampir RM300 juta, Projek Taman Ilmu di Besut yang bernilai hampir RM400 juta dan Projek Bebas Cukai di Tasik Kenyir yang bernilai lebih RM300 juta.

Dato' Yang Dipertua, begitu juga sejak akhir-akhir ini, banyak warisan di negeri ini yang telah dirobohkan atas nama 'pembangunan'. Di sekitar Kuala Terengganu sahaja telah menyaksikan perobohan Istana Kolam, Pasar Kedai Binjai, Pasar Tanjung, Menara Jam Besar dan yang terbaru adalah Kampung Ladang yang terkenal dengan Pusat Industri Tembaga Dan Batik yang terus hilang dari peta sejarah. Perkampungan Tradisi Masyarakat Melayu sejak ratusan tahun juga hilang ditelan arus pembangunan yang amat rakus seperti di Kampung Paya Bunga, Kampung Paya Keladi dan Kampung Lorong Haji Jamil.

Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai apabila dengan perobohan Pasar Payang ini akan menambahkan lagi duka masyarakat Melayu Terengganu apabila ia juga akan hilang dari peta sejarah.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Berhormat Yang Dipertua, saya pohon laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Laluan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, masa sekarang telah habis untuk soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Pasar Payang ini juga dilihat sinonim dengan tarikan kedatangan para pelancong ke negeri ini. Ia sejak sekian lama telah menjadi satu-satunya 'mercu tanda' bagi menarik pelancong ke negeri 'Penyu Bertelur' ini. Ia juga merupakan pusat jualan pelbagai barangan tradisional yang terkenal di Terengganu. Ia juga merupakan warisan rakyat Terengganu

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kita terima dok lagi dia baca ni?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kita terima ke dok terima lagi dia baca ni?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... yang sejak sekian lama menjadi kebanggaan rakyat Terengganu.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, tadi kita tak terima siapa-siapapun untuk menyampaikan usul. Yang panjang lebar tu berhentilah dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, perkara ini perlu disegerakan kerana ia menyentuh hal pelanggaran hak warisan rakyat dan sejarah negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua!

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa kita tangguh dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya berhak untuk menyatakan Motion Di Bawah Peraturan 30. Yang Dipertua telahpun memberi ruling untuk saya membaca usul tadi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apalah. Serah kepada Bentara, kita akan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya tak habis baca lagi ni, ada sikit lagi. Ikut motion saya kena baca sampai habis.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau nak ikut habis, tak habis sokmo tu Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, kita ada peraturan mesyuarat dan kalau kita sendiri tak ikut peraturan yang kita tentukan, kita buat, jadi ini memberikan satu gambaran .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya faham Wakil Wakaf Mempelam..

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi kalau faham Yang Berhormat Yang Dipertua, kenapa kita buat, kalau faham tak buat, macam tak faham, *serupaya* jugak.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang, ada beberapa helai lagi, ini memerlukan masa yang panjang. Kita tangguh mesyuarat sekejap, dalam setengah jam .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang Dipertua, mengikut Fasal 30, boleh dibaca oleh mana-mana Wakil Rakyat, mana-mana ADUN dalam Dewan ini. Tadi Yang Dipertua telahpun memberikan saya untuk membaca usul ini, saya nak habiskan sikit lagi.

Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau kita biarkan dia baca, nanti satu hari dia baca ni.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... Dengan terbinanya sebuah hotel 5 bintang dan menara kondominium

di situ, akan hilanglah penguasaan pemilikan masyarakat Melayu di tengah-tengah Bandaraya Kuala Terengganu. Begitu juga dengan suasana Pasar Payang yang ada sekarang di mana ianya adalah 'Pasar Tradisi' yang menjadi lambang ketinggian adat budaya Melayu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok saya rasa dah .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... Dengan perubahan persekitaran yang amat mendadak ini, pasar ini amat sukar untuk dikekalkan identiti tradisinya. Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok, Batu Burok .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ..... Pentadbiran Menteri Besar mesti bersikap terbuka dan berlapang dada menerima kritikan dan pandangan berbeza .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok, Batu Burok, sila duduk. Batu Burok, kita terima usul Batu Burok dan kita akan buat keputusan selepas rehat nanti. Jadi kita tangguhkan sementara persidangan kita .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *..... (ucapan tidak jelas, Wakil Batu Burok masih menyambung ucapan Usul Di bawah Fasal 30)....*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Arahan Yang Dipertua mesti diakur.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *.....(tanpa mengendahkan Yang Dipertua, Wakil Batu Burok masih menyambung ucapan Usul Di Bawah Perkara 30, ucapannya tidak jelas) .....*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya dah buat ruling, kita terima usul Batu Burok! Batu Burok! Batu Burok apa kata kita rujuk kepada buku Peraturan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *.....(tanpa mengendahkan Yang Dipertua, Wakil Batu Burok masih menyambung ucapan Usul Di Bawah Perkara 30, ucapannya tidak jelas) .....*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Nak ceramah dekat lain Batu Burok! Batu Burok, 'innallaha as-sabirin', Batu Burok. Sabar, Batu Burok. Sila duduk, Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): *.....(tanpa mengendahkan Yang Dipertua, Wakil Batu Burok masih menyambung ucapan Usul Di Bawah Perkara 30, ucapannya tidak jelas) .....*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya dah cakap kita terima, ikut ruling tapi tak faham juga.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam dah lambat ni, kita tangguh. Kita minum dulu dan kita masuk semula jam 11.20 pagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua, Yang Dipertua terima ruling, tengok usul dan buat ruling bahawa usul ini perlu dibahas .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak habis lagi?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, saya faham. Saya akan tengok sama ada dia tertentu, kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan. Saya belajar jugak. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.50 PAGI.

PUKUL 11.20 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ada menerima satu cadangan untuk menangguhkan Dewan bagi membincangkan perkara-perkara yang mustahak bagi orang ramai berdasarkan Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu dari Yang Berhormat Wakil Batu Burok. Setelah meneliti, setelah mengkaji secara terperinci, saya dapati bahawa memang ada perkara-perkara tertentu, berkepentingan orang ramai. Namun begitu saya berpendapat dan mengambil keputusan bahawa ianya tidak perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak cadangan tersebut.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kita teruskan kepada Tertib Pekerjaan seterusnya. Sila Setiausaha.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

USUL MERAFAK SEMBAH UCAPAN PENGHARGAAN DAN MENJUNJUNG KASIH

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang Dipertua:

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kerana menyampaikan Titah DiRaja mengenai dasar-dasar kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas dan bersetuju merafak sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Mulia Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada pentadbiran Negeri supaya dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya."***

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahir rabbil alamin. Assalatu wassalamu ala Rasulillah S.A.W. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan serta para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Izinkan saya merakamkan dan merafak sembah ucapan penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu yang sudi datang mencemar duli menyampaikan Titah Diraja sempena Pembukaan Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah khususnya kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah berjaya dengan cemerlang dalam PRU Ke-13 di peringkat Parlimen, di peringkat Federal dan juga di peringkat negeri dan terus kekal menerajui Kerajaan Negeri Terengganu.

Saya juga ingin panjangkan ucapan tahniah saya kepada rakan-rakan daripada pembangkang khususnya PAS yang telah memberi saingan yang cukup sengit kepada Barisan Nasional kali ini. Yang mana kita boleh lihat di dalam Dewan yang mulia ini pembangkang paling ramai, dalam sejarah sejak Persidangan Dewan Undangan Negeri diadakan. Dan ini menunjukkan suatu amalan demokrasi yang cukup segar di negara kita di mana rakyat yang membuat pilihan.

Tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat Yang Dipertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kawan-kawan saya daripada PAS kerana menerima qada' dan qadar Allah dengan cukup baik. Tak seperti kawan-kawan kita di ibu kota, setengah-setengah kawan-kawan kita di sana yang masih sampai sekarang tidak dapat menerima kekalahan mereka dan cubaan mereka untuk menguasai Putra Jaya.

Yang Berhormat Yang Dipertua, dunia sudah berubah. Kalau kita bayangkan ada Time Machine dengan izin, dapat kita kembali 30 tahun, 40 tahun yang lalu, kita bawa mak-bapak kita, nenek-nenek kita dan atuk-atuk kita kembali ke zaman sekarang, sudah tentu bapak-bapak kita akan terkejut melihat perubahan yang cukup ketara dalam kehidupan rakyat Malaysia, rakyat Terengganu. Kalau dulunya kita petani dan peladang, sekarang ini orang-orang Melayu sudah begitu hebat dan berada di persada yang tertinggi di peringkat perniagaan begitu juga di peringkat kerajaan. Kalau dulu bapak-bapak kita hanya berjalan kaki dan selebih-lebihnya menaiki basikal tapi sekarang anak-anaknya sudah menaiki kereta yang bukan saja kereta kecil tetapi mempunyai kereta yang cukup besar. Kekayaan orang-orang Melayu sudah jauh berbeza berbanding dengan dahulu. Begitu juga dari segi agamanya sudah tentu mak-bapak kita terkejut melihat syiar Islam begitu hebat berada di Malaysia. Masjid-masjid yang tersergam indah yang berada di setiap daerah di negeri Terengganu khususnya cukup mengkagumkan dan syiar Islam ini terus kita pertahankan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, perubahan ini sudah tentunya tidak berlaku dengan sengaja ia adalah berdasarkan dasar dan juga planning dengan izin, yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang telah memerintah sejak 1957. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana Allah telah memberi hidayah dan petunjuk kepada bapak-bapak kita yang lalu terutama bapak-bapak kita yang telah meraih kemerdekaan untuk bangsa.

Yang Berhormat Yang Dipertua, pecutan globalisasi yang berada di sekeliling kita sekarang disebabkan oleh Revolusi IT telah merubah lanskap kehidupan manusia. Dunia sekarang dikatakan sudah hyper connected dengan izin. Dunia yang dulunya bulat sekarang dikatakan sudah rata kerana mana-mana orang boleh berhubung dengan cukup pantas tidak kira di mana mereka berada. Tiada lagi halangan, tiada lagi barrie*r* dengan izin, yang boleh membantutkan trade dengan izin, atau perdagangan di seluruh dunia.

Saya memberi contoh Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau kawan-kawan kita yang berada di Amerika Syarikat hari ini membeli handphone ataupun telefon bimbit yang berjenama Samsung contohnya. Sekiranya mereka menghadapi masalah mereka akan menelefon nombor 1-800 untuk mendapatkan khidmat nasihat dan panggilan ini sebenarnya dijawab di Mumbai, India bukan di Amerika. Di Mumbai, sudah wujud satu industri *Call Center* yang cukup besar yang bernilai berbilion dollar dengan izin. Kalau di Amerika juga kita hendak menempah tiket kapal terbang yang menjawabnya bukan pekerja-pekerja di kilang atau pekerja-pekerja di pejabat tetapi yang menjawabnya adalah suri rumah-suri rumah di rumah masing-masing yang menguruskan booking melalui sistem ICT.

Tuisyen juga sudah berubah tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau dulunya ibu bapa membayar harga yang cukup mahal untuk memberi tuisyen kepada anak-anak tetapi sekarang di Amerika sudah menggunakan tuisyen jarak jauh melalui *video conference* dengan izin, daripada profesor-profesor daripada India dan juga China. Dan sekarang ini yang terbaru wujudnya MOOC iaitu *Massive Online Open Course* dengan izin, di mana satu badan Cosera contohnya, menawarkan 38 kursus melalui online dengan izin, yang mana 300,000 peserta telah mendaftar untuk mendapatkan khidmat tersebut. Dan mereka ini boleh berhubung terus dengan profesor-profesor terbaik daripada MIT, Harvard, Princeton, Cornell dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Dipertua, cara telah berubah, hidup telah berubah, metodologi telah berubah, industri juga telah berubah. Oleh sebab itu, keperluan IT ini bukan sahaja alat atau tools dengan izin, tetapi dari konteks negeri Terengganu saya ingin mencadangkan bahawa IT ini atau ICT dijadikan sebagai *New Engine Of Growth* dengan izin, untuk negeri. Pergantungan kita terhadap petroleum cukup membimbangkan, saya pernah berbincang, bercerita, berdebat dan berbahas mengenai isu *The New Engine Of Growth* ini, dengan izin, pada dua-tiga tahun yang lalu. Adalah penting untuk kita mengambil peluang ICT ini. Saya mencadangkan pihak kerajaan mengambil inisiatif yang cukup serius untuk menjadikan Terengganu sebagai *Eastern Half* ICT dengan izin, kita boleh mewujudkan *Data Center* untuk kegunaan *private* dan *government* dengan izin,

dan juga menawarkan khidmat ini kepada rakan-rakan kita di Kelantan dan juga di Pahang. Kita juga boleh mewujudkan jaringan *hyper speed* dengan izin, dengan Cyber Jaya dan juga ini akan memberi ruang-ruang dan peluang-peluang baru kepada anak-anak muda kita untuk terlibat dalam bidang ICT. Kita juga boleh mewujudkan industri *Call Center* sepertimana di Mumbai, India dan juga sekarang ini bergerak aktif di Filipina.

Yang Berhormat Yang Dipertua, dalam bidang pendidikan, saya ingin menyatakan satu laporan yang dibuat oleh Thomas L. Friedman, seorang pemenang Pulitzer Prize yang telah menulis dalam New York Times mengatakan bahawa *'average is over'* dengan izin. Maksud beliau ialah anak-anak kita, pelajar-pelajar kita yang sudah graduate dengan izin, dan sebagainya kalau sekadar seorang yang sederhana *(average)* sudah tidak akan mendapat tempat dalam dunia yang cukup mencabar ini. Teknologi telah membuat ramai manusia/orang telah diganti dengan robot dan machines yang cukup *intelligent* dengan izin. Saya beri contoh dengan satu kilang Porshe di German sekarang ini menggunakan *System Verticle Intergration* dengan izin. Di mana hanya beberapa orang sahaja pekerja yang bekerja di sana tetapi semua diautomated secara *total* di *factory Porshe* tersebut, dengan izin.

Yang Berhormat Yang Dipertua, majikan sekarang tidak lagi melihat ijazah sebagai laluan utama untuk mendapat pekerjaan. Apa yang dilihat sekarang ialah nilai tambah yang boleh ditawarkan oleh graduan-graduan. Kalau setakat mendapat Sarjana Muda sudah tidak cukup lagi. Di Amerika dan Eropah, minimum qualification dengan izin, untuk memohon pekerjaan diberi keutamaan kepada mereka yang memegang Ijazah Sarjana. Bagaimanakah nasib anak-anak kita di masa depan dalam alam pekerjaan?

Yang Berhormat Yang Dipertua, sebab itulah saya ingin berbincang dan menyampaikan hasrat ataupun pandangan saya untuk masa hadapan anak-anak kita ini perlu diberi penekanan awal tentang Konsep *'Average Is Over',* dengan izin. Sebabnya sekadar cukup makan, sekadar lulus setakat hidung saja tidak akan menjamin kejayaan anak-anak kita. Anak-anak kita kena *extraodinary* dengan izin, anak-anak kita kena yang hebat, anak-anak kita perlu yang cemerlang, anak-anak kita perlu yang terbaik supaya dapat bersaing di peringkat negara dan juga dunia pada suatu masa nanti. Saya ingin mencadangkan pihak kerajaan menilai dan mengkaji kemungkinan untuk mewujudkan Kursus Nilai Tambah untuk graduan-graduan anak Terengganu. Mungkin kita boleh kursus 3 bulan atau 6 bulan sebelum mereka mencari pekerjaan dan kita terapkan *Soft Skills* dengan izin, seperti cara berkomunikasi, percakapan dalam bahasa Inggeris dengan baik, penguasaan ICT yang hebat dan lain-lain *Soft Skills* yang diperlukan oleh industri. Saya juga mencadangkan bahawa kemungkinan Yayasan Terengganu mewujudkan

pinjaman kepada anak-anak Terengganu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Masters (Sarjana) termasuk di luar negara. Dan juga saya mencadangkan dan meminta pihak univerisiti-universiti di Terengganu dan universiti kolej di Terengganu supaya membuat *Gaps Analysis* dengan izin, atas keperluan industri dan *skill* yang diajar di universiti. Banyak anak-anak kita yang lulus daripada universiti-universiti sebenarnya skills tersebut tidak diperlukan oleh industri. Saya percaya dengan *Gaps Analysis* ini dengan izin, kita dapat mewujudkan satu jurang yang cukup narrow atau cukup sempit supaya anak-anak kita mempunyai skill yang tertentu yang dikehendaki oleh industri.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai perpaduan. Dalam pada kita sibuk berpolitik menangani isu Pilihan Raya Yang Ketiga Belas, parti-parti politik kadangkala memeningkan kepala anak-anak kita juga, isu-isu sensitif seperti hak keistimewaan orang-orang Melayu, isu-isu Sultan, isu-isu agama Islam dibincangkan dengan secara luar dan mewujudkan perasaan tidak senang kepada orang Melayu. Perpaduan Melayu bermakna peraduan rakyat Malaysia, orang-orang Melayu yang menjadi 67% daripada rakyat seluruh Malaysia merupakan tunjang kepada orang di Malaysia. Kalau berpadunya Melayu berpadulah negara kita. Sebab itulah dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Yang Dipertua, saya memohon kesemua pihak sama ada dari Barisan Nasional, PAS dan juga PKR supaya kita sama-sama berganding bahu dalam isu agama dan isu Melayu. Kita ketepikan perbezaan kita, perbezaan politik kita, haluan politik kita apabila isu Melayu dan Islam ini kita bincangkan. Kita harus bersatu dalam isu Melayu dan Islam supaya Melayu dan Islam ini sentiasa dijaga dan dihormati. Runtuhnya Melayu-Islam ini maka runtuhlah negara kita. Apa yang kita buat hari ini akan dilihat oleh anak-cucu kita dikemudian hari nanti. Percakapan kita hari ini akan ditafsir dan dilihat oleh anak-cucu kita. Saya percaya dengan era baru ini, kedua-dua atau ketiga-tiga parti yang ada dalam Dewan ini dapat bersatu hati terutama dalam isu Islam dan Melayu, perbezaan pendapat politik harus kita ketepikan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Dipertua kerana telah dilantik sebagai Yang Berhormat Speaker Dewan dan saya meminta kawan-kawan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memberi ruang dan peluang Yang Berhormat Yang Dipertua untuk menjalankan tugas beliau dengan baik. Insya Allah, kita sama-sama membantu supaya Dewan yang mulia ini dapat berjalan dengan baik seiring dengan nama Dewan yang mulia. Dan saya pohon juga kita dapat berbahas dengan baik, memberi pandangan-pandangan yang baik dan saya memohon pihak pembangkang daripada PAS dan PKR memberikan idea-idea, pandangan-pandangan yang bernas untuk kita sama-sama mengambil demi untuk kepentingan agama, bangsa dan tanah air.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya rasa setakat ini sahaja yang hendak saya sampaikan sebagai membahas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Saya berdoa Allah akan memberkati kita dan anak-anak kita, Allah akan memberkati negeri kita, Allah akan memberkati pemimpin-pemimpin kita. Insya Allah kita semua dalam keadaan yang baik. Dan saya berdoa kepada Allah juga supaya Allah sentiasa memberikan hidayahNya kepada kita semua sebagai Wakil-wakil Rakyat yang akan terus berjuang untuk bangsa, agama dan negara. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya pohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Air Putih. Ada lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang ingin membuat perbahasan? Sila Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah summa alhamdulillah. Alhamdulillahir rabbil alamin. Wabihi nastain. Wassalatu wassala mu ala Rasulillah. Wa ala alihi wa ashabihi waman wawalah. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati yang datang dari seluruh pelusuk negeri khususnya daripada DUN Jabi dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Pertamanya, saya mengucapkan berbanyak syukur kehadrat Allah S.W.T. dan juga menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan kerana telah mencemar Duli untuk merasmikan Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas yang telah berjalan dengan tanpa ada perkara-perkara yang telah boleh membantutkan perjalanan sidang Dewan yang mulia ini. Alhamdulillah. Saya juga mengucapkan setinggi penghargaan kepada kepimpinan tinggi Barisan Nasional dan juga UMNO Negeri Terengganu kerana telah memberi peluang dan kepercayaan kepada saya untuk berada di dalam Dewan ini selepas Pilihan Raya Umum Yang Ketiga Belas yang lalu bagi mewakili rakyat di kawasan DUN Jabi.

Di dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari semalam jelas telah dinyatakan beberapa perkara yang saya yakin Ahli-ahli Dewan di dalam Dewan yang mulia ini faham dan juga telah jelas sekali bagaimana kehendak dan juga pandangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap perancangan negeri Terengganu dalam hal ehwal pentadbiran dan juga pembangunan bagi tempoh 5 tahun yang akan datang. Jelas sekali Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangat berpuas hati dengan keamanan dan kemakmuran yang telah berjaya dipimpin pentadbirannya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana

telah berjaya merealisasikan konsep pentadbiran yang sangat baik dan juga diterima ramai iaitu 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan'. Keamanan dan kemakmuran di negeri Terengganu ini khususnya di dalam negara kita ini telah berjaya menarik perhatian masyarakat daripada luar negara kita untuk datang dan juga mencari rezeki di dalam negara kita yang dicintai ini khususnya di negeri Terengganu. Sebagai contohnya, setiap tahun kerajaan telah membelanjakan setiap hari hampir setengah juta semata-mata untuk memberi makan kepada banduan asing sahaja yang jumlahnya 11,509 orang pada masa sekarang yang berada di dalam tahanan di negara kita. Begitulah menunjukkan kemakmuran dan keamanan negara kita ini dan khususnya di negeri Terengganu kita ini sehinggakan orang yang melakukan kesalahan pun dijaga kebajikan dan kepentingan mereka. *Semetelah* lagi kepada rakyat negeri Terengganu juga rakyat di seluruh negara yang telah bersama-sama memberikan sokongan kepada Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum yang lepas maka *semetelahlah* kerajaan akan terus berusaha untuk menepati janji sebagaimana yang selalu dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, izinkan saya pada pagi yang mulia ini untuk membahaskan dua perkara daripada intipati Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah disampaikan pada hari semalam. Yang pertama ialah berkait dengan soal-soal perpaduan yang saya yakin sidang Dewan yang mulia pada pagi ini sangat faham di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangat menitik beratkan masalah perpaduan di kalangan rakyat kerana ia adalah formula utama ataupun ia adalah tunjang kepada pembangunan yang kita akan lalui di negeri Terengganu dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Walau pun begitu, malangnya selepas Pilihan Raya Umum pada 5 Mei yang lepas, banyak perkara-perkara negatif yang berlaku yang membawa kepada pecahnya perpaduan di dalam masyarakat. Perkara-perkara yang sensatif seperti hak keistimewaan orang-orang Melayu, kedudukan agama Islam, kedudukan Raja-Raja Melayu telah diperbincangkan dengan begitu terbuka sekali sehingga sampai ke satu tahap memusnahkan perpaduan dan juga mengguris hati masyarakat Melayu Islam khususnya. Ini tidak lain tidak bukan terhasil daripada sikap gelojoh ataupun tidak dapat menerima ketentuan dan takdir Allah S.W.T. apabila mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen, selepas sahaja pilihan raya maka sudah tentunya ada pihak yang akan memenangi pilihan raya dan juga ada pihak yang tidak berpeluang untuk menjadi wakil di dalam satu-satu kawasan. Berhubung dalam hal ini mungkin perlu kalau saya sebutkan di sini bahawasanya kita perlu mengambil iktibar daripada Peristiwa Hijrah Rasulullah S.A.W. daripada Makkah ke Madinah. Di mana pada peristiwa penghijrahan itu dua puak yang bermusuh selama beratus-ratus tahun iaitu Aus dan Khazraj telah dapat dipersatukan oleh Baginda Rasulullah S.A.W. yang kemudiannya dikenali sebagai golongan Ansar. Begitu juga golongan yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. daripada Makkah untuk

berhijrah ke Madinah juga berada di dalam keadaan yang berpecah belah itu tetapi dapat disatukan dikenali pula dengan nama Muhajirin. Ini adalah satu peristiwa hijrah yang sehingga hari ini menjadi panduan kepada umat Islam seluruh dunia. Maka mengambil iktibar ini, Pilihan Raya Umum Yang Ketiga Belas yang lepas, bolehlah diandaikan sebagai satu titik penghijrahan kepada pemimpin di dalam negara kita dan khususnya di negeri Terengganu bagi merealisasikan corak perpaduan yang sebagaimana sepatutnya kita amalkan bagi menjalankan pentadbiran di negara kita yang tercinta ini. Sudah semestinya masalah perpaduan ini bukanlah satu perkara yang mudah ataupun senang untuk kita pupuk dan tidak semudah bercakap kerana perkara ini sebenarnya ialah datang daripada kehendak Allah S.W.T. jua. Bagaimana dalam perisitiwa yang saya sebutkan tadi kekuasaan Allah dalam melembutkan hati-hati hambaNya sebagaimana diceritakan di dalam Surah Al-Anfal, ayat 63 (bermaksud): "Dan yang mempersatukan hati mereka walaupun kamu membelanjakan semua harta kekayaan di bumi nescaya kamu tidak akan dapat menyatukan hati mereka, akan tetapi Allah menyatukan hati-hati mereka, sesungguhnya Allah maha perkasa lagi maha bijaksana." Justeru mengambil iktibar daripada peristiwa tersebut tadi dan juga mengambil panduan dan pedoman daripada ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadis maka marilah kita terus berusaha mencapai perpaduan di dalam erti kata sebenar, seruan kepada perpaduan seperti yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada semua pemimpin-pemimpin parti politik di dalam negara ini wajib disambut oleh rakan-rakan terutamanya di dalam Pakatan pembangkang. Sebaliknya bukan menentang bermati-matian sehingga menabur fitnah, sehingga sanggup mengadu-dumba dan berjahat sangka dan menolak kepada perdamaian. Sifat ini sangatlah tercela di sisi Allah S.W.T. Manusia yang memusuhi perpaduan ini adalah golongan yang telah memasuki perangkap syaitan sebenarnya. Sebagaimana Firman Allah di dalam Surah Al-Isra', ayat 53 (yang bermaksud): "Dan katakanlah kepada hambaKu hendaklah mereka ucapkan perkataan yang lebih baik sesungguh syaitan itu menimbulkan permusuhan di kalangan mereka, sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu." Demikian sesatnya golongan yang menolak kepada perpaduan dan bermusuh kepada golongan yang satu lagi yang bermohon ataupun berujuk kepada berlakunya kedamaian di kalangan masyarakat.

Maka dengan itu Tuan Yang Dipertua Dewan, izinkan saya menyebut beberapa perkara yang mungkin boleh dijadikan panduan bagaimana langkah yang paling sempurna untuk kita memupuk perpaduan di kalangan masyarakat di dalam negara ini. Pertamanya, kedua-dua belah pihak kepimpinan mesti sanggup mengikhlaskan hati dan juga menuntut keredhaan Allah bukannya dengan meletakkan syarat yang berbagai macam kerana adanya agenda tersembunyi atau ingin mendapatkan sesuatu kepentingan peribadi. Tidak boleh sesekali meletakkan syarat yang menyusahkan bagi membawa perdamaian dan juga perpaduan di dalam masyarakat. Seterusnya polimik-polimik politik selepas pilihan raya mestilah

dikurangkan ataupun dihapuskan terus kerana pelbagai perkara yang berlaku mutakhir ini jelas sekali tidak membantu kepada memupuk perpaduan di kalangan masyarakat. Perhimpunan-perhimpunan yang tidak memberi sebarang faedah tidak harus dianjurkan apatah lagi untuk disertai. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan tahniah dan juga berbanyak-banyak terima kasih kepada pimpinan PAS yang melarang ahli-ahlinya menyertai 'Perhimpunan Elektrik Padam' di Kuala Lumpur ataupun Black Out 505' dengan izin, Tuan Yang Dipertua. Jika pun ada rasa sebarang ketidakpuasan hati ataupun sebarang kemusykilan berkait dengan perjalanan pilihan raya, negara ini menyediakan saluran-saluran yang betul untuk membuat aduan-aduan kepada masalah tersebut. Contohnya, jika di kawasan kita berlaku masalah padam elektrik ataupun bekalan elektrik terputus, kita menyediakan satu agensi yang cukup cekap untuk mengatasi masalah ini iaitu Tenaga Nasional Berhad. Jika berlaku pada tarikh mana-mana sekalipun elektrik terpadam sama ada pada hari pilihan raya itu sendiri maka teruslah membuat aduan kepada Tenaga Nasional Berhad. Saya difahamkan nombor Tenaga Nasional Berhad ialah 15454 begitu mudah saja, tidak perlu untuk kita mengheret rakyat ke jalan raya, tidak perlu kita mengadakan berbagai-bagai perkara yang boleh memecahkan perpaduan di kalangan masyarakat. Begitu juga perkara yang semudah ini sebenarnya patut difikirkan bersama dan tindakan yang diambil untuk menyatakan rasa tidak puas hati mestilah berdasarkan kematangan dan juga saluran-saluran yang disediakan. Contohnya sangat mudah, seperti saya mengambil satu contoh, ular sawa masuk ke dalam reban ayam di belakang rumah maka kita terus buat aduan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk datang menangkap ular sawa itu. Ataupun sekiranya anak-anak kecil kita tersepit kaki di celah escalator teruslah menelefon kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat, tidak perlu kepada demonstrasi, tidak perlu kepada perarakan dan tidak perlu kepada usaha-usaha yang boleh mencetuskan huru-hara. Perkara ini begitu mudah, *is that simple,* dengan izin Yang Dipertua tetapi perkara mudah ini janganlah diperpayahkan kerana apabila kita memperpayahkan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Penjelasan, Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Beri laluan tak?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat tolong perbetul Jabi tadi iaitu Jabatan Pertahanan Awam bukan Jabatan Perkhidmatan Awam.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Wakil Kuala Berang. Maafkan saya Tuan Yang Dipertua, Jabatan Pertahanan Awam bukan Perkhidmatan Awam, pasal saya baru saja bersara daripada Perkhidmatan Awam, sebulan yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan di atas tadi sebenarnya memerlukan kepada kerendahan hati, memerlukan kepada fikiran yang terbuka dan memerlukan kepada 'istiqamah' yang bukan kita boleh buat di dalam masa sehari-dua. Walau bagaimanapun, perkara ini mesti dimulakan untuk memastikan perpaduan di kalangan rakyat ini dapat dipupuk dan juga dibina dengan secara yang sebaik-baiknya.

Tuan Yang Dipertua, tadi nampak berebut sangat minta laluan, ini takdok pulak. Perkara yang kedua untuk saya sebutkan di sini pada pagi ini ialah berkaitan dengan pembangunan modal insan sebagaimana Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari kelmarin.

Pada masa ini Terengganu terus terkenal sebagai sebuah negeri yang maju dan juga mempunyai modal insan yang begitu bermutu tinggi hasil daripada kecemerlangan di dalam bidang pendidikan dan pelajaran yang dipupuk dan dibantu oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Kejayaan anak-anak Terengganu dalam setiap peperiksaan peringkat sekolah telah membuka mata seluruh pelusuk negara untuk datang dan belajar bagaimana cara Kerajaan Negeri Terengganu membuat satu sistem yang membolehkan anak-anak kita di peringkat sekolah berjaya di dalam pelajaran. Sudah tentunya orang yang cemerlang di dalam pelajaran dan mempunyai ilmu dan kelulusan yang tinggi adalah orang yang berada satu darjat yang lebih tinggi daripada orang lain sebagaimana Firman Allah dalam Al-Quran (Surah Al-Mujaadalah, ayat 11). Bagi memupuk ataupun membentuk ahli-ahli masyarakat yang mempunyai ilmu yang tinggi maka sudah tentulah pendidikan adalah suatu perkara yang wajar diberikan penekanan dan juga diberikan peruntukan yang lebih besar daripada aspek-aspek lain.

Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun, suka saya menarik perhatian sidang Dewan yang mulia ini, sudah sampai masanya untuk kita memikirkan satu kaedah yang lebih berkesan bagi memastikan pelajar-pelajar cemerlang ini di peringkat sekolah sama ada di peringkat peperiksaan UPSR, kemudian ke peringkat peperiksaan PMR dan seterusnya SPM sehingga mereka belajar ke universiti. Ramai pelajar yang cemerlang di peringkat sekolah rendah ataupun menengah ini didapati berlaku masalah keciciran sehingga mereka gagal untuk menyambung ke universiti. Perkara ini terjadi mungkin kerana ramai pelajar yang cemerlang di peringkat sekolah ini menjadi hilang arah tuju sebaik saja mereka menjejakkan kaki ke alam remaja.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Berapa minit lagi Jabi?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sikit lagi Tuan Yang Dipertua, sikit lagi dah. Tulis sampai ke cerah, semalam. Hal ini mungkin ada kaitan dengan sistem pemantauan dan juga secara relatifnya mungkin longgar semasa pelajar tersebut berada di peringkat sekolah rendah ataupun menengah. Contohnya, jika pada tahun 2012 yang lepas, di daerah Setiu seramai 1,352 orang calon yang mengambil peperiksaan UPSR, seramai 132 orang daripada calon-calon tersebut berjaya mendapat keputusan cemerlang 5A. Tetapi kita tidak tahu apa nasib dan juga hala tuju mereka dalam tempoh 3 tahun yang akan datang apabila mereka memasuki tingkatan 1, 2 dan seterusnya ke tingkatan 3 dan mula mengambil peperiksaan-peperiksaan di peringkat sekolah menengah, jumlah ini sudah pastinya akan berkurangan kerana masalah keciciran yang saya sebutkan tadi. Hal ini sebenarnya patut kita ambil perhatian kerana modal insan yang kita lahirkan di peringkat sekolah ini sebenarnya ialah sumber kepada pembangunan ekonomi negeri dalam masa 10 – 15 tahun akan datang.

Tuan Yang Dipertua, ekoran daripada masalah tersebut suka saya mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini agar satu sistem menjejak atau tracking system dengan izin, dapat diwujudkan bagi memantau pelajar-pelajar cemerlang ini dengan konsep 'Mentor-Mentee' sebagaimana yang telah dipraktikkan di peringkat sekolah. Mungkin ia boleh dipertimbangkan dan diperkembangkan untuk diwujudkan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri di mana Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melantik pemimpin politik tempatan untuk menjadi mentor kepada modal insan yang sedia wujud ini. Tracking system ini ataupun satu sistem pemantauan dan menjejak kepada pelajar-pelajar yang cemerlang ini mestilah berterusan bukan setakat dalam tempoh 1 ataupun 2 tahun tapi sebaliknya perlu berpanjangan dan juga konsisten sehingga mereka belajar di universiti dan lulus di peringkat universiti serta memasuki ke pasaran pekerjaan. Inilah tenaga yang akan berbakti ke negeri tercinta ini dalam tempoh yang saya sebutkan tadi iaitu 10 ataupun 15 tahun yang akan datang. Sebenarnya inilah pengalaman yang saya sendiri lalui lewat 20 tahun yang lalu kerana saya mempunyai satu perasaan dipunyai ataupun dimiliki oleh masyarakat hasil daripada pemantauan orang-orang di kampung saya apabila saya sedang belajar di universiti. Perasaan *'self of belonging'* ini dengan izin, ataupun rasa dipunyai oleh masyarakat ini selalu melambai-lambai ataupun menggamit seseorang itu untuk pulang berbakti di negeri sendiri kerana kita tahu ramai tenaga-tenaga profesional yang lahir di negeri Terengganu ini hasil daripada kemakmuran dan juga keamanan yang wujud di dalam negara kita ini mereka berjaya sehingga sampai ke peringkat antarabangsa. Tetapi kadang-kadang mereka tidak dapat ataupun tidak mempunyai satu inisiatif untuk terus berbakti di negeri tumpah darah mereka

mungkin salah satu sebabnya ialah kerana tidak adanya hubungan secara personal di kalangan pemimpin-pemimpin masyarakat, pemimpin-pemimpin politik dengan mereka yang telah berjaya dan tinggal di luar dari negeri Terengganu.

Tuan Yang Dipertua, walaupun begitu, saya memuji langkah-langkah Kerajaan Negeri yang telah menyediakan bantuan kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Bantuan-bantuan Persediaan ke IPT yang telah diberikan untuk tempoh beberapa tahun yang lepas melalui Yayasan Terengganu telah sedikit sebanyak berjaya menyuntik semangat dan juga mengekalkan semangat mereka bahawasanya mereka ini berjaya antara lainnya ialah kerana dibantu oleh Kerajaan Negeri dan masyarakat di mana tempat mereka berasal. Contohnya, pada tahun ini sahaja sehingga bulan Mei 2013, sebanyak RM4.8 juta yang melibatkan 7,359 pelajar anak-anak negeri Terengganu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA ataupun IPTS telah dibantu. Daripada peruntukan RM27 juta ini saya yakin lebih ramai pelajar-pelajar kita yang akan mampu melanjutkan pelajaran hasil daripada Bantuan Persediaan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Tuan Yang Dipertua Dewan, saya ada terdengar juga desas-desus di luar Dewan, bagaimana keadaan, bagaimana nasib di kawasan-kawasan DUN atau Parlimen yang tidak diwakili oleh Wakil Rakyat daripada Barisan Nasional? Mereka ini sering mengadu ataupun mereka ini sering membawa masalah ini kepada Wakil Rakyat daripada parti selain dari Parti Barisan Nasional. Dan saya ada terdengar cakap-cakap di luar Dewan, cakap-cakap di dalam masyarakat bahawasanya rungutan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak sebelah sana bahawasanya tandatangan mereka tidak diterima pakai di peringkat pentadbiran kerajaan. Bagi saya Tuan Yang Dipertua Dewan, jawapannya mudah sahaja. Di negeri Kelantan bermula dari tahun 1990 sehinggalah pilihan raya baru-baru ini takdok sekalipun tandatangan Yang Berhormat Barisan Nasional diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Kelantan ....(tepukan sokongan) .... Begitulah juga halnya sebagaimana yang terjadi sekarang ini, maka sudah semestinyalah kerajaan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mempunyai mekanisme dan juga mempunyai cara tertentu untuk mengatasi masalah ini. Jadi tidak usahlah dan tidak perlulah kepada rakan-rakan di pihak pembangkang untuk kononnya menuduh Kerajaan Barisan Nasional di negeri Terengganu ini berlaku tidak adil kepada rakyat negeri Terengganu kerana tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri telah dipilih dan menang secara sah di dalam Pilihan Raya Umum 5 haribulan bulan yang lepas. Maka dengan itu, Kerajaan Negeri mungkin akan mempertimbangkan satu kaedah dan mekanisme yang lebih berkesan untuk membantu mana-mana kawasan DUN dan juga Parlimen yang bukan diwakili oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang Dipertua Dewan, demikianlah dua konsep ataupun tajuk yang saya petik daripada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Pembukaan Penggal Dewan pada hari semalam. Pada akhirnya Tuan Yang Dipertua, izinkan saya untuk menyebut sepatah-dua kata berkenaan dengan hal ehwal di kawasan yang saya wakili iaitu DUN Jabi. Dalam hubungan ini, selama 10 – 15 tahun yang lepas pembangunan di dalam kawasan DUN Jabi telah berjalan dengan rancak dan juga telah memenuhi sebahagian besarnya kehendak dan keperluan bagi masyarakat di dalam DUN Jabi. Dalam hubungan ini juga saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan penghargaan bagi pihak rakyat di DUN Jabi kepada bekas pemimpin di DUN Jabi iaitu Yang Berbahagia Tuan Haji Ramlan bin Ali yang telah melaksanakan tugas beliau dengan cekap dan berkesan pada penggal yang lepas. Juga saya tidak lupa memperpanjangkan ucapan terima kasih dan penghargaan ini kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee iaitu bekas Ahli Parlimen Setiu yang telah juga turut bersama-sama membantu ke arah pembangunan di DUN Jabi.

Walau bagaimanapun Tuan Yang Dipertua, masih banyak lagi ruang-ruang yang boleh diisi bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat di DUN Jabi. DUN Jabi terletak di laluan utama di antara Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Malangnya ada sesetengah pihak yang tidak mengenali di mana sebenarnya terletak kawasan Jabi. Mungkin dalam hal ini, saya suka mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri agar diwujudkan satu ikon yang boleh memperkenalkan DUN Jabi ini bukan sahaja di negeri Terengganu tetapi ke seluruh negara amnya. Jika kita datang ke Kuala Terengganu di dalam DUN Wakaf Mempelam, bila pergi ke kawasan Losong, kita akan dapat gambaran di situlah tempat Industri Kecil Dan Sederhana yang berasaskan kepada keropok lekor. Maka di DUN Jabi, suka juga saya mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri boleh mengambil inisiatif untuk memajukan Perusahaan-perusahaan Industri Kecil Dan Sederhana terutamanya pembuatan makanan yang berasaskan kepada sate, apabila sebut saja DUN Jabi semua orang akan terbayangkan pada Jabi adalah tempat sate yang popular. Tetapi tidak semua dapat maklumat tersebut kerana kita tidak ada satu ikon ataupun kita tidak ada satu pengenalan bahawasanya di kawasan DUN Jabi ini terdapat perkara-perkara yang boleh menarik perhatian pelancong-pelancong luar negara atau luar negeri untuk singgah. Dalam hal ini saya suka mencadangkan supaya Yayasan Pembangunan Usahawan dapat mengambil inisiatif untuk kita berbincang dan juga duduk semeja bersama-sama dengan pengusaha-pengusaha sate di DUN Jabi bagaimana seharusnya mereka ini menjalankan perniagaan mereka supaya DUN Jabi ini dapat dikenali sebagai kawasan seboleh-bolehnya mungkin dikenali sebagai Hab Sate di negeri Terengganu ataupun apa-apa saja kaedah saja yang lebih sesuai yang boleh dibincangkan dari masa ke semasa.

Begitu juga Tuan Yang Dipertua Dewan, penduduk-penduduk di dalam kawasan DUN Jabi dari tempoh 5 – 10 tahun yang lepas telah bertambah dengan begitu mendadak hasil daripada pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Walaupun begitu, keperluan kepada kawasan-kawasan perumahan terutamanya bagi generasi yang kedua dan juga yang ketiga ini begitu kritikal kerana tidak banyak projek-projek perumahan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan ataupun pihak swasta di kawasan DUN Jabi. Maka dengan itu saya suka mencadangkan untuk pihak Kerajaan Negeri mengambil inisiatif memperbanyakkan kawasan perumahan di dalam DUN Jabi sekurang-kurangnya bagi tempoh 5 tahun yang akan datang. Apabila penduduk mula bertambah dan kawasan ini dipenuhi dengan rakyat yang datang untuk menetap dan juga tinggal di dalam kawasan ini maka keperluan kepada facilities dengan izin, yang kritikal adalah sangat mustahak. Sehingga ke hari ini DUN Jabi tidak mempunyai walaupun satu bank ataupun cawangan bank, yang adanya cuma agen-agen Bank Simpanan Nasional sahaja. Maka dengan itu, saya mencadangkan satu usaha, mungkin boleh diambil langkah-langkah yang sesuai, mungkin boleh dibuat perbincangan dengan pihak-pihak bank komersial untuk mereka mewujudkan bank-bank cawangan untuk kemudahan rakyat di dalam kawasan DUN Jabi dan juga kawasan-kawasan di sekitarnya. Perkara ini mestilah diambil perhatian yang serius kerana keperluan kepada perkhidmatan ini menjadi semakin penting apabila rakyat mula berurusan dengan cara yang lebih mudah dan ringkas. Begitu juga rancangan-rancangan pembangunan ini mesti diutamakan dan juga diberikan perhatian yang serius. Perkara-perkara yang saya sebutkan tadi yang melibatkan fasiliti-fasiliti dan juga kemudahan-kemudahan awam mungkin boleh dipusatkan di dalam satu kawasan yang boleh dipanggil Pusat Pertumbuhan Bandar Baru Jabi sebagaimana yang telah dilaksanakan kerajaan di Kijal, di Ajil dan juga di dalam kawasan Gong Badak. Jadi rakyat di DUN Jabi juga tidak ketinggalan memohon kepada pihak Kerajaan Negeri supaya langkah-langkah pembangunan yang diambil ini mestilah memberi manfaat kepada mereka di dalam kaedah ataupun di dalam usaha mereka menjalani kehidupan supaya mereka tidak ketinggalan dari segi sosio ekonominya berbanding dengan kawasan-kawasan lain. *Semetelah* pula, Tuan Yang Dipertua Dewan, selepas pilihan raya baru-baru ini DUN Jabi telah menyumbang kepada pembentukan Kerajaan Barisan Nasional di negeri Terengganu. Maka amat wajarlah jika sokongan yang telah diberikan oleh masyarakat dan juga pengundi di DUN Jabi diambil perjalanan dan pertimbangan yang khusus oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mewujudkan satu kawasan pertumbuhan baru yang membolehkan taraf sosio ekonomi masyarakat di dalam DUN Jabi ini dapat dipertingkatkan dan duduk sama rendah serta berdiri sama tinggi dengan kawasan-kawasan lain. Wakil Rakyat aje kalau berdiripun macam duduk juga.

Tuan Yang Dipertua Dewan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: 2 minit lagi Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): 2 minit lagi? Saya nak mintak seminit aje. Akhirnya, suka saya menyimpulkan, marilah kita bersama-sama dengan rendah hati untuk beristirafal dan juga meminta pertolongan daripada Allah S.W.T., mudah-mudahan perjalanan sidang Dewan kita pada kali ini dan pada masa-masa yang akan datang dalam tempoh 5 tahun ini mendapat keberkatan dan juga mendapat barakah daripada Allah S.W.T. jua. Oleh kerana pada sidang kali ini perbezaannya tidaklah begitu ketara, saya sangat-sangat berharap sebagai pendatang baru di dalam sidang DUN ini agar dapat diberikan tunjuk ajar daripada Ahli-ahli sidang Dewan yang telah lama berkhidmat di kawasan masing-masing. Berilah tunjuk ajar dan panduan yang sepatutnya dan elakkanlah daripada kita bercakaran di antara satu sama lain di dalam menegakkan perkara-perkara yang tidak memberi faedah kepada rakyat. Berilah pandangan dan tumpuan yang lebih kepada masalah untuk meningkatkan perpaduan kerana dengan cara perpaduan sahaja kita akan dapat menentukan pembangunan di dalam negeri Terengganu ini boleh berjalan dengan cara yang sepatutnya.

Akhir sekali, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan juga tahniah mewakili rakyat di kawasan DUN Jabi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas pelantikan sebagai Menteri Besar Negeri Terengganu dan juga Tuan Yang Dipertua Dewan di atas pelantikan pada dua hari yang lepas. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Jabi mohon menyokong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Jabi. Okey, Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): A-'uzubillahi minasyaitanir rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu-alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahir rabbil alamin. Wabihi nastain. Wal 'aqibatu lil muttaqin. Wala 'udwan illa 'alal zalimin. Assalatu wassala mu ala asyrafil anbia iwamursalin. Wa ala alihi wasahbihi ajmain.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, yang dihormati dan dikasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, yang dihormati sekalian Ahli Majlis Mesyuarat kerajaan dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. dan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker yang memberi peluang kepada

saya untuk sama-sama menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin pada hari semalam dalam Istiadat Pembukaan Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas.

Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang saya nak ulas pada tengah hari ini, perkara-perkara yang dititah oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan semalam dalam muka surat 3, perenggan yang kedua. Dengan izin: "Dalam menjayakan agenda pembangunan negeri, perpaduan tetap menjadi acuan utuh bagi meneruskan legasi pembangunan. Beta berharap bibit-bibit perpaduan akan terus tersemai dalam kalangan rakyat Negeri Terengganu bagi menjadikan negeri ini negeri maju menjelang Tahun 2020." Apa yang saya nak sebut di sini dua perkara. Pertama, soal yang selalu disebut tentang perpaduan. Bagi saya perpaduan ini adalah melihat apakah tindakan-tindakan kita kepada masyarakat terbanyak di kampung-kampung. Bukan soal berebut nak jadi Imam, Bilal dan sebagainya tapi soal kepentingan rakyat, kebajikan rakyat. Sebagai contoh, kalau di kampung ada JKKK tidak mahu tandatangan borang-borang tertentu kepada rakyat kerana disangkakan ini daripada pihak pembangkang, sedangkan undi sulit, kita tahu. Ini merupakan rasa dendam, tidak puas hati di kalangan rakyat, menimbulkan kemarahan sebab satu kampung satu JKKK sahaja, JKKK pembangkang takdok. Begitu juga kalau tandatangan Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat mengikut saluran demokrasi tidak diiktiraf oleh jabatan kerajaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pengundi-pengundi, nak-nak sekarang kita ada 15. Hampir separuh dari rakyat Terengganu memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat. Maka seharusnya pihak kerajaan meraikan kehendak, pilihan rakyat. Jangan duk nak sebelah pihak saja, kitapun kena tunjuk contoh sebab kita diberi kuasa oleh rakyat menguruskan seluruh rakyat negeri Terengganu bukan rakyat Barisan Nasional saja. Duit yang dikutip duit rakyat negeri Terengganu, duit rakyat Malaysia. Ini harus diperbetulkan sebagai pandangan sayalah, diperbetulkan supaya barulah di bawah sana melihat ketelusan, keadilan, kesaksamaan. Janganlah rasa marah, benci, dendam kepada JKKK dan sebagainya. Ini asas perpaduan yang harus kita wujud di peringkat kampung-kampung. Itu saya sebut pendek ajalah, nanti sahabat-sahabat saya boleh sambung.

Saya sebenarnya nak fokus kepada menjadikan Negeri Maju Menjelang Tahun 2020. Antara kriteria untuk kita sebut negeri maju ataupun mundur bukan hanya sekadar pembangunan fizikal, bukan hanya sekadar kemudahan-kemudahan asas tetapi termasuk juga kriteria-kriteria inilah kemudahan perkhidmatan kesihatan. Insya Allahlah, saya sebagai seorang doktor saya fokus ke situ selalu dan yang lain-lain biarlah sahabat-sahabat saya sebut. Kita melihat di Terengganu, saya pergi kepada muka surat 16, perenggan akhir yang dititah oleh Baginda Sultan. Dengan izin: "Beta difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telah memberi perhatian serius kepada pembangunan sektor perkhidmatan kesihatan. Pembukaan Pusat

Rawatan Ibu dan Anak yang baru di Hospital Sultanah Nur Zahirah diharapkan dapat mengatasi masalah kesesakan dan ketidakselesaan pelanggan di samping perkhidmatan dapat ditingkatkan melalui kemudahan baru yang disediakan." Perkara ini bukan perkara baru, masalah kesesakan di Hospital Kuala Terengganu dan sudah beberapa kali disebut dalam Dewan yang lepas tapi suka saya pada tengah hari ini nak merujuk kepada beberapa indikator yang menentukan taraf kesihatan rakyat Terengganu khususnya penjagaan ibu bersalin dan bayi. Pertamanya, mengikut Maklumat Kesihatan 2012 daripada Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu. Bilangan kematian new natal yakni kematian anak yang lahir berumur 28 hari ke bawah (lebih kurang 28 hari). Kadar di Malaysia tahun 2010, 3.0/1000 lahir hidup tapi Terengganu mencatatkan pada tahun 2012, 6.4/1000 sekali ganda berbanding dengan kadar Persekutuan ataupun kadar negara atau Pusat. Inilah taraf kesihatan yang ada pada kita. Begitu juga kalau kita tengok dari segi kematian bayi, kematian anak yang berumur setahun ke bawah, kita mencatatkan tahun 2012 sebanyak 9.2/1000 lahir hidup sedangkan Malaysia tahun 2010, juga tahun kebelakangan sudah mencapai kepada 5.4/1000 lahir hidup. Ini menunjukkan kita masih lagi duduk separuh ataupun 100% kurang daripada peringkat Persekutuan. Beberapa indikator ini menunjukkan atau benarlah sebagaimana yang dikatakan bahawa kemudahan kesihatan di Terengganu ini masih jauh ketinggalan berbanding negeri-negeri lain dalam negara kita. Kalau Hospital Sultanah Nur Zahirah yang menjadi rujukan hanya satu-satunya hospital rujukan untuk negeri Terengganupun tidak dapat menyediakan kemudahan yang mencukupi apatah lagi hospital-hospital daerah. Saya nak pergi satu persatu dari utara hingga ke selatan. Hospital Daerah Besut, saya pernah bertugas pada tahun 1989. Memang pada ketika itu bolehlah menampung keperluan rakyat pada ketika itu kerana kemudahan asasnya tidak cukup, hanya pembedahan-pembedahan kecil yang dapat kita lakukan di hospital itu kerana tidak ada Dewan Bedah yang *standard.* Tapi dah 20 tahun lebih masih lagi walaupun dah diupgradekan Dewan Bedahnya boleh melakukan pembedahan tetapi tidak ada doktor, tidak ada apa yang kita panggil Doktor Pakar yang ditempatkan secara kekal, hanya ada Visiting Specialist dengan izin. Maka kes-kes kecemasan sebelum pembedahan, contoh yang saya nak beri ialah seperti ibu bersalin yang perlu kepada Cesarean Section ataupun pembedahan kerana anak lemas ataupun sebagainya terpaksa dihantar ke Kota Bharu, menumpang negeri Kelantan. Sedangkan kita ada kemudahan, Dewan Bedah sudah buat walaupun dulu beberapa kali delay, lewat siap, lepas itu berkulat pulak tapi siap Dewan Bedah pulak, boleh guna, cukup kelengkapan, tidak ada perjawatan untuk Doktor Pakar secara kekal khususnya Pakar Bius, maka ia menjadi under utilized dengan izin. Seolah-olah tidak ada koordinasi di antara kemudahan fizikal dengan manpower dengan izin. Begitu juga Hospital Daerah Setiu, hospitalnya baru, dibuat dengan kelengkapan yang mencukupi, Dewan Bedah yang baik walaupun berkulat dulu tapi sudah dibaiki juga sama nasib, tidak pakar yang tetap di situ dan masih lagi taraf hospital tidak berpakar walaupun

kemudahannya setaraf dan boleh disebut sebagai Hospital Pakar tetapi tidak ada perjawatan untuk ditempatkan doktor-doktor di situ. Ini antara perkara-perkara yang menyedihkan kita, ini melibatkan nyawa, kesihatan rakyat kita yang sepatutnya diutamakan. Pergi ke selatan lagilah teruk, di Dungun .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Pohon laluan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak puas cakap lagi nampaknya. Sila, silalah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Wakil Bukit Tunggal. Adakah maksud Wakil Bukit Tunggal tadi, rakyat di kawasan Setiu terabai dari segi penjagaan kesihatan?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya dah sebut *figure-figurenya.* Saya boleh sebut setiap daerah pun tapi kena tanya Exco Kesihatanlah. Kita boleh tengok taraf kesihatan ini dari sudut mata kasar tapi kita boleh lihat dari segi statistik yang dikeluarkan. Itulah perkara yang sepatutnya kita nilaikan dan saya menilai mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan. Tapi kalau Jabi dah rasa berpuas hati baguslah tu. Tapi sebagai Wakil Rakyat dan juga seorang doktor, saya memang rasa tidak puas hati bila dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Begitu juga nasib penduduk-penduduk di Dungun, dah beberapa kali dirasmikan Pecah Tanah dan sebagainya, hospitalnya pun model tahun berapa, saya pun tak tahulah, ada lagi dok di negeri-negeri lain mungkin Sabah, Sarawak adalah. Sudah beberapa kali dibuat Pecah Tanah sehingga ke hari ini pun tidak dibina lagi. Dan kes-kes kecemasan di Dungun dengan mengambil masa perjalanannya lebih kurang 1 jam ke 1½ jam, kes-kes bersalinnya terpaksa juga dihantar ke Hospital Sultanah Nur Zahirah tapi oleh kerana tidak ada pilihan untuk kakitangan Kesihatan, untuk rakyat maka itulah pilihan terbaik yang ada walaupun terpaksa travel, berjalan begitu jauh untuk mendapat rawatan yang sepatutnya. Dan ini kemungkinanlah menyebabkan kematian new natal dengan izin, yang tinggi, bayi juga ibu bersalinpun. Tahun 2012, 9 orang ibu mati kerana komplikasi bersalin. Ini tidak sepatutnya berlaku di zaman serba canggih dan moden ini. Qadha' dan Qadar kita terima tetapi kita tetap berikhtiar untuk ke arah lebih baik kerana yang belum berlaku tiada siapa yang tahu. Begitu juga di Kemaman, saya pernah juga bekerja di Kemaman tahun 1989. Di Besut tahun 1988, di Kemaman tahun 1989. Hospitalnya memang pada ketika itupun sudah agak crowded dan nak dibuatlah bangunan baru dan diluluskan kalau tak silap saya untuk buat satu hospital baru di kawasan baru tetapi

sehingga hari inipun masih belum dapat dilaksanakan. Ini adalah antara saya lihat kemudahan asas yang penting tetapi sudah terabai untuk rakyat negeri Terengganu ini. Kalau Marang, Pusat Kesihatan Marang, saya pernah bekerja pada tahun 1986. Dah 10 tahun lulus projek, tapak pun sudah dibuat pengambilan balik tapi sehingga hari ini pun belum dibina lagi Pusat Kesihatan yang baru. Ini antara beberapa contoh yang saya boleh sebut dalam masa terbatas ini, menggambarkan betapa perlu kemudahan kesihatan di Terengganu ini dipertingkatkan sama ada dipercepatkan projek-projek yang telah diluluskan ataupun projek-projek yang dalam pembinaan dipercepatkan penyiapannya kerana kita lihat banyak projek-projek di Terengganu ini yang dalam pembinaan selalu lewat daripada tempoh yang ditetapkan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, Bukit Tunggal, 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih. Beberapa kali dilanjut tempoh namun tak siap juga. Ini semua perkara yang sepatutnya diambil berat oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab khususnya pentadbiran negeri untuk melihat perkara ini kerana ini kemudahan untuk rakyat kita. Tapi *takmboh* pulak buat *derah* kemudian runtuh, *takmboh* jugak lagilah mengancam nyawa. Tapi janganlah sampai dua-tiga kali dilanjutkan tempoh, menambah peruntukan sebab melibatkan wang rakyat dan kepentingan rakyat.

Yang keduanya, dari segi penempatan perjawatan juga harus diselaraskan dengan kemudahan fizikal yang ada. Sebab di Terengganu ini saya tengoklah dari segi doktornya, mengikut kehendak WHO dan ikut target Kementerian Kesihatan pun, setiap 600 orang penduduk hendaklah ada seorang doktor. Tapi di Terengganu pada tahun 2012, kita ada 777 doktor kerajaan, 178 doktor swasta dan jumlahnya 955. Sedangkan kalau mengikut nisbah yang dikehendaki oleh WHO dan juga ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, 600 orang penduduk seorang doktor, kita memerlukan 1,933 orang doktor, maknanya kita masih memerlukan 978 orang doktor di Terengganu ini, yakni hampir 100% kita kekurangan Doktor-doktor Terlatih. Inilah aspek yang harus diberi keutamaan, memang saya tahu ini bukan di bawah kuasa Kerajaan Negeri tetapi Exco Kesihatan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat pun Barisan Nasional, jadi mohonlah. Saya mahu mencadangkan supaya diberi keutamaan perkara-perkara seperti ini demi menjaga kesejahteraan, nyawa dan juga kesihatan rakyat di Terengganu Darul Iman ini. Itulah harapan besar saya bagi rakyat di negeri Terengganu ini. Dan kalau bolehlah, kalau boleh dan diharapnya boleh, Kuala Nerus akan diisytiharkan sebagai sebuah daerah baru tidak lama lagi alangkah eloknya kalau dibina sebuah hospital baru di daerah Kuala Nerus atas nama Teaching Hospital dengan izin di bawah UniSZA, sebagaimana Kelantan ada Hospital USM Kubang Kerian yang sudah tentunya mempunyai serampang dua mata yang boleh memberi perkhidmatan kepada rakyat dan juga

menjadi tempat untuk pembelajaran kepada bakal-bakal doktor khususnya. Perkara ini sekali dengan projek pembinaan daerah baru Kuala Nerus, Insya Allah.

Sedikit saya nak sebut soal pembangunan juga tapi berkaitan dengan tempat sayalah. Antara perkara yang kita kata nak maju ni dari segi kemudahan asas antaranya bekalan air. Soalan saya hari ini tak sempat dijawab bukan tolak. Berkaitan dengan bekalan air di Pulau Sekati. Pulau Sekati ini terletaknya di dalam Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Tahun 2008, SATU telah memasang paip daripada Losong ke Pulau Sekati dengan belanjanya lebih dari RM200,000. Angka tepatnya saya tak ingat tetapi lebih dari RM200,000 tapi malangnya paipnya sampai ke tebing sebelah sana. Dah berapa tahun dari 2008 sehingga sekarang tidak dapat dimanfaatkan. SATU tak dapat kutip hasil sebab tidak ada paip masuk ke rumah orang dan rakyat pun tidak dapat manfaat sebab paip tak masuk rumah, mereka masih guna air telaga, masih guna air sungai di dalam Bandaraya Kuala Terengganu. Masalahnya memang kerana tidak ada kemudahan asas jalan raya takdok jadi nak buat paip jejari ke rumah-rumah tu payahlah sebab tidak ada jalan tertentu. Tapi saya rasa kerajaan sudah tentu boleh membantu rakyat dengan tabung-tabung tertentu, duit-duit tertentu, barangkali sebelum rakyat ambil air dari tebing dekat masjid ke rumah masing-masing sebab kosnya sangat tinggi sebab rumah-rumahnya jauh-jauh dan tidak ada jalan raya. Itulah sebabnya baru-baru ini ada sebuah rumah OKU terbakar bomba nak pergi pun tak boleh masuk sebab tak ada jalan masuk cuma ada jambatan kayu sahaja. Mungkin boleh pihak kerajaan fikir untuk diberi peruntukan supaya ada paip jejari sampai ke kelompok 5 - 6 buah rumah lepas itu barulah pengguna-pengguna tap daripada paip jejari itu ke rumah masing-masing, mungkin kosnya lebih rendah. Ini mungkin di dalam jangkauan kemampuan Kerajaan Negeri untuk memastikan dua-dua pihak dapat manfaat, dah buat dah RM200,000 lebih takkan nak biarkan begitu saja, bila dah jadi begitu SATU pun dapat hasil dan rakyat juga dapat faedah dari bekalan air bersih yang disediakan oleh SATU itu, Insya Allah.

Itulah beberapa perkara, sebab itulah saya dalam Dewan hari ini sukalah untuk memberi cadangan-cadangan, janganlah pandang kita ini *'pembangkaaang'* dan tak boleh dilaksanakan. Raikanlah juga pandangan kita sebab kita bawa untuk rakyat seluruh dan tidak ada kepentingan politikpun. Sebab ini yang diamanatkan oleh Duli Yang Maha Mulia semalam, peringatkan kita maka saya mengambil kesempatan hari ini bukan nak menghentam siapa-siapa cuma nak minta kerjasama pihak kerajaan beri pembangunan juga ke kawasan-kawasan yang diwakili oleh pihak pembangkang ini. Jangan sampai tak mahu lantik Pegawai Pembangunan, tak mahu buat Rumah Mampu Milik di kawasan pembangkang. Ini tidak patut. Kita buat biar saksama dan menikmati bersama kerana kita sama-sama mewakili rakyat yang dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya yang sah di sisi

undang-undang. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullah. Sila Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati dan seluruh Ketua-ketua Masyarakat yang berkesempatan untuk hadir pada sidang tengah hari ini.

Saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Ucapan Menjunjung Kasih Keatas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin bersempena dengan pembukaan Dewan kita pada hari semalam.

Saya ingin menjadikan peluang ini untuk mengemukakan beberapa persoalan dan meminta penjelasan. Oleh kerana Dewan yang mulia ini diberikan kuasa baik dari segi Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri mahupun ikatan Peraturan-Peraturan Mesyuarat untuk menjadikan setiap keputusan dan sebutan yang kita buat di dalam Dewan ini sebagai sah dan *credible* dengan izin. Maka ada beberapa perkara yang perlu kita putuskan atau diberi keputusan sebagai wadah untuk menjelaskan kekeliruan *public* dengan izin, ataupun orang awam dan secara khususnya rakyat negeri Terengganu berkenaan beberapa perkara yang kita sebut dan isytiharkan.

Perkara pertama iaitu merujuk kepada isi kandungan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang dibekalkan kepada semua Ahli Dewan iaitu berkenaan dengan kedudukan pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu yang dikatakan mencatat angka 9.92% berbanding kepada Kadar Pertumbuhan Dalam Negeri yang dikatakan berjumlah RM16 bilion yang dicatatkan yang terbaru. Angka ini memang saya sebagai rakyat negeri Terengganu sudah tentu amat membanggakan walau bagaimanapun sebagai Wakil Rakyat untuk DUN Bandar, saya punya sedikit reservation dengan izin, untuk bertanya dalam masa saya ingin meraikan jumlah ataupun angka ini, *reservation* dengan izin, yang saya nak bertanya ini ialah untuk mendapat penjelasan. Pertama, adakah pengiraan angka 9.92% pertumbuhan ini telah mengambil kira keseluruhan jumlah ataupun yang dikutip jumlah-jumlah yang terhasil kepada seluruh negeri Terengganu ataupun hanya spesifik kepada satu bidang tertentu sahaja. Sebagai contohnya, sekiranya negeri Terengganu dikenal pasti sebagai negeri yang sangat bergantung atau *dependency* dengan izin, kepada hasil industri petroleum dan gas, adakah jumlah 9.92% itu bergantung atau terikat

kepada pertumbuhan yang diukur kepada bidang tersebut? Saya suka memetik apa yang disebut oleh Wakil Air Putih tadi iaitu peringatan beliau sebagai Kerajaan Negeri Terengganu, Pentadbir Negeri Terengganu perlu melihat kepada yang disebut sebagai *The New Engine Growth* dengan izin, yang beliau sebut tadi iaitu mencari kaedah baru kepada Kerajaan Negeri untuk memantapkan pengumpulan hasil ataupun apa yang selalu disebut sekarang sebagai *Sustainable Growth* dengan izin, yang boleh menjamin kelangsungan pentadbiran negeri untuk jangka masa panjang tanpa untuk bergantung kepada sesuatu bidang tradisi sahaja. Ini adalah mustahak selaras dengan apa yang digariskan Kerajaan Pusat, saya yakin kita semua mengikuti perkara ini apatah lagi kepada Kerajaan yang memain peranan sebagai atau diberi tugas sebagai Pentadbir Negeri atau yang menguruskan pentadbiran Kerajaan Negeri sekarang sudah tentu tidak mungkin akan lupa bahawa kaedah kerajaan ataupun negara kita sedang melihat kemungkinan untuk mencari sumber pendapatan baru selain pergantungan tradisi kepada hasil yang saya sebutkan tadi. Dan negeri Terengganu memang sudah tentu terkenal sebagai satu-satunya negeri yang mempunyai pergantungan yang amat tinggi terhadap sektor tersebut. Mengambil kira jumlah ini saya menjangkakan bahawa satu rekonsiliasi dengan izin, terhadap angka ini patut jugak diberi sekaligus. Saya nak mengemukakan pertanyaan, setelah kita mengasingkan jumlah pertumbuhan yang diterbitkan oleh sektor yang berasaskan petroleum dan gas, agaknya berapakah peratus ataupun jumlah yang tertinggal daripada sumber-sumber lain, perkhidmatan-perkhidmatan lain, hasil daripada *revenue-revenue* tradisi yang lain dengan izin, seperti bidang perlombongan, perhutanan ataupun pelancongan ataupun mungkin jugak tradisi hasil yang diraih atau kita tawarkan kepada rakyat negeri Terengganu untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang kecil-kecilan (IKS), peruncitan, bidang penjualan tradisi di pasar-pasar terutamanya *focal point* dengan izin, yang paling mustahak sekali adalah *revenue* tradisi di Terengganu ialah Pasar Payang yang menjadi ikon utama yang sudah tentu saya terpaksa membawakan isu mustahak ini ke dalam Dewan kerana Pasar Payang terletak di dalam DUN Bandar dan kita sedang diperhatikan baik di peringkat Kuala Terengganu, negeri Terengganu malah isu berkenaan dengan layanan ataupun treatment, dengan izin yang kita nak jalankan atau kita nak ambil atas kedudukan Pasar Payang ini telah menjadi perhatian satu masyarakat besar dunia. Saya terlupa untuk membawa satu majalah The Time yang pernah menyiarkan kedudukan kepentingan budaya dunia yang ada nilai estetikanya kepada Pasar Payang tetapi saya yakin pegawai-pegawai kerajaan boleh memetik semula atas kedudukan ini.

Saya juga berhasrat untuk menyatakan kebimbangan saya kerana teks Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini adalah menjadi teks rasmi yang akan kita wartakan sebagai Titah Pembukaan Dewan Penggal Ketiga Belas yang sekaligus berstatus Kertas Statut. Maka angka-angka dan juga peratusan-peratusan yang

kita sediakan sebagai Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia haruslah *credible* dan harus menjadi rujukan yang mantap. Saya berpengalaman meneliti dan memerhati ataupun merasai bagaimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Negeri Terengganu kita semasa baginda bertugas sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong semasa Pembukaan Dewan Rakyat Yang Kedua Belas pada penggal yang ketiga. Di mana Tuanku telah disediakan teks ucapan Titah Pembukaan tersebut dan semasa secara spesifik menyebut tentang usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan juga untuk mengusahakan pembinaan Rumah-rumah Mampu Milik untuk mengatasi kadar pemilikan rumah di seluruh negara yang sangat rendah maka terdapat satu perenggan yang menyatakan dengan jelas bahawa kedudukan atau angka rakyat termiskin dalam negara kita pada tempoh tersebut telah dapat diatasi dengan jayanya daripada 44,000 keluarga miskin dalam tempoh setahun boleh dikurangkan kepada 100 orang sahaja. Dan teks ucapan ini yang telah dititahkan dan ditulis, disediakan oleh pihak kerajaan terbukti tercabar dengan data ataupun statistik yang disediakan oleh pihak kerajaan sendiri. Maka beberapa hari selepas itu pihak kerajaan yang mewakili portfolio tersebut telah membuat pindaan dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal ekonomi telah membuat pembetulan dan ini menjadikan satu keadaan yang agak malang kepada kita kerana persembahan statistik dan ukuran angka-angka ini sepatutnya menjadi satu yang sangat credible untuk kita pegang dan kita mulakan proses membentuk peraturan ataupun polisi dan sudah tentu di peringkat negeri Terengganu, saya yakin bahawa angka-angka yang credible ini sepatutnya digunakan untuk kita rangka polisi atau dasar pentadbiran negeri Terengganu untuk jangka masa 5 tahun yang akan datang.

Dan saya juga ingin bertanya kepada terutamanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan cadangan ataupun wawasan polisi selepas berjaya dilantik serta mengetuai pentadbiran atau jentera kerajaan bagi negeri Terengganu sama ada pihak Yang Amat Berhormat benar-benar bermaksud untuk berkata demikian ataupun hanya sekadar ungkapan yang silap ataupun yang orang kata *'quoted out of context'* dengan izin, oleh pihak media iaitu Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa prinsip pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu akan hanya menumpukan kepada kawasan yang dimenangi oleh pihak Barisan Nasional sahaja dan memberi amaran dan memberi gambaran seolah-olah bahawa kawasan yang tidak dimenangi atau tidak diwakili oleh Barisan Nasional akan diabaikan. Sekali gus pertanyaan saya ini adalah untuk meneutralkan tanggapan negatif di luar sana dan juga Titah Ucapan yang dititahkan oleh Kebawah Duli semalam yang menyebut dengan terang di beberapa paragraph termasuk paragraph yang terakhir di muka surat 20 supaya Kerajaan Negeri ataupun Ahli-ahli Dewan terutamanya yang bertanggungjawab dilantik dan diberi mandat oleh rakyat di kawasan masing-masing untuk menumpukan kepada usaha membangunkan dan juga membantu seluruh masyarakat tanpa mengira latar belakang politik, apatah

lagi latar belakang pilihan politik ataupun keputusan politik masing-masing kerana amat mustahil untuk kita mengenal pasti identiti orang yang membuat keputusan politik secara individu bagi kita untuk menghukum atau mengatakan keputusan tidak membantu mereka. Sistem Perwakilan Kawasan atau *Territorial Representative* dengan izin, yang kita amalkan tidak memberi refleksi ataupun memberi gambaran terhadap kedudukan ini. Maka sehubungan dengan itu saya nak bertanya dan mintak penjelasan adakah ini polisi yang hendak kita bawa sepanjang 5 tahun akan datang di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu? Dan saya juga ingin bertanya adakah yang disebut oleh Yang Berhormat Jabi tadi memberi gambaran bahawa itulah wakil ataupun seolah-olah keputusan yang nak dibentangkan dan dibawa dalam Dewan ini bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri akan melaksanakan polisi tersebut untuk 5 tahun yang akan datang? Sebab itu saya mulakan tadi dan saya berharap pihak media ataupun mungkin tersilap catit ungkapan tersebut. Saya berharap ia tidak menjadi satu polisi kerana Ahli-ahli Dewan dan pentadbiran Kerajaan Negeri harus sedar bahawa di peringkat nasional sendiri, di peringkat Pusat sendiri, kerajaan telah mengusulkan *Political Reconciliation* .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Bandar tolong pandang Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, kadang-kadang pandang Yang Dipertua, kadang-kadang kepada rakan-rakan saya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Peraturan Fasal 46.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Terima kasih. Tuan Yang Dipertua, saya mohon sebagai memulakan sesi pesidangan penggal pertama ini, kita mulakan di atas orang kata *take-off* dengan izin, yang baik. Saya tidak ada halangan untuk meletakkan kedudukan ataupun polisi yang baik ini selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu semalam dan masih lagi saya rasa kebanyakan daripada kita teringat ataupun terngiang-ngiang di telinga. Saya cukup memandang serius atas isi kandungan titah ini kerana beberapa kali dalam perenggan yang diulang tersebut tentang menyeluruhnya pentadbiran dan membantu seluruh rakyat negeri Terengganu bukan mengidentifikasikan perbezaan politik kerana kepentingan tersebut. Ini juga sekali gus berlawanan dengan pendekatan di peringkat Federal ataupun Pusat *Political Reconciliation* dengan *Political Revenge,* dengan izin, seolah-olah macam kita nak ketepikan kawasan-kawasan yang tidak dimenangi, tidak dilihat, tidak dibantu malah dinafikan dan yang lebih agak signifikan lagi ada sebutan ataupun pengiktirafan yang disebaliknya, seolah-olah kawasan *Territorial Representative* itu

dengan izin, yang diletakkan di bawah Akta Pilihan Raya ataupun sebahagian di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dinafikan dan ini sudah tentu bercanggah dengan pengiktirafan undang-undang. Sebab itu negeri Terengganu ini bukan berdiri dengan sendiri, kita adalah ditakluk di bawah *Federation* yang sama. Kita sudah tentu ditadbir di bawah Perlembagaan Persekutuan dan mana-mana Perlembagaan Negeri Terengganu yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan sudah tentu terbatal, kita mengambil kira kedudukan, Statue Perlembagaan Persekutuan. Sebab itu saya berharap perkara itu adalah cuma tersilap sebut ataupun tersilap tafsir atau tersilap *quoted* dengan izin, oleh pihak media, saya berharap begitu. Kalau sekiranya ada, maka boleh dibuat pembetulan. Kita boleh buat ucapan pembetulan ataupun memanggil pihak media, daripada perkara ini dibiar berterusan. Saya yakin setiap .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Bandar 4 minit lagi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Setiap daripada Ahli Dewan mempunyai pandangan yang hampir menyeluruh selaras dengan kedudukan dan pengiktirafan undang-undang. Saya juga meminta secara serius sekiranya boleh, Kerajaan Negeri menumpukan kepada juga nasihat Kerajaan Pusat kepada kepentingan mengukur *Value For Money* dengan izin. Sebagai contoh, pagi tadi ada soalan yang saya cuba untuk membantu sebenarnya, menambah nilai terhadap isu tersebut iaitu Pembangunan Industri Teluk Kalong. Sebenarnya ia adalah suatu isu yang sangat baik, sangat signifikan untuk pembangunan negeri Terengganu dan sepatutnya kita ambil peluang itu untuk memberi penjelasan bahawa industri-industri baru, kawasan-kawasan industri baru yang menjadi fokus kepada negeri Terengganu menyediakan satu penerangan yang agak meluas. Sebagai contoh, di peringkat Pusat pihak MITTI telahpun membuat keputusan bahawa unsur-unsur pelaburan yang baru mestilah mengambil kira sama ada *Value For Money* dengan izin, diambil kira. Sebagai contoh, pelaburan yang bernilai RM100 juta oleh Kerajaan Negeri, adakah dia mendatangkan keuntungan melebihi jumlah pelaburan asas? Dan pelaburan Industri Teluk Kalung sepatutnya jugak menyediakan maklumat-maklumat sebagai contoh, berapakah nilai pelaburan kasar dan nilai pembangunan kasar ataupun *Gross Development Value,* dengan izin. Dan ini adalah menjadi amalan yang menyeluruh sekarang. Amalan yang sedia ada, amalan yang menjadi tatacara pentadbiran biasa sebab itu saya harap bersempena dengan fokus negeri Terengganu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang menyatakan itu adalah sumber atau bidang baru atau bidang yang sedia ada akan ditumpukan. Maka saya rasa adalah lebih elok untuk pengetahuan umum, kita sediakan gambaran ataupun statistik-statistik tentang *Gross Development Value* dengan izin, dan sebagainya. Begitulah juga dengan isu pembangunan yang telah diisytiharkan oleh pihak kerajaan yang diketuai oleh Yang

Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan pembangunan semula Pasar Payang yang juga melibatkan beberapa entiti pembangunan fizikal yang agak besar.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Masa dah cukup Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Masa dah cukup, dah pukul 1.00.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakial Bandar): Terima kasih. Tapi saya minta dalam *conclusion* ini dengan izin, memohon supaya Dewan ini dibenarkan untuk meneliti, membuat penilitian terhadap aspek-aspek *GDV* dan kos-kos yang terlibat dalam erti kata kita bersedia untuk membantu tetapi membantu ke arah kebaikan bukan membantu kepada perkara yang tidak baik. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Bandar. Sekarang pukul 1.00 dah, masa perbahasan telah tamat untuk sesi pagi ini. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung balik pada pukul 2.30 petang. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.

DEWAN DITANGGUH PADA PUKUL 1.04 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, kita dah habis satu pagi membahaskan Usul Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Kita sambung semula mesyuarat pada petang ini. Ingin saya ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat semua bahawa peraturan-peraturan mengikut apa yang kita rabi'ah bersama, janji bersama telah diakur dan saya memujilah pergerakan perbahasan pagi tadi berlaku dengan begitu hebat mengikut tertib terningnya dan kita sambung balik. Cuma saya ingin ingatkan, pada petang ini perbahasan kita akan pergi sehingga pukul 3.35 petang bermakna satu jam, kita akan berhenti rehat selama 20 minit dan kita sambung balik dan akan berakhir sebelum 5.00 petang ini. Insya Allah. Saya buka untuk menyambung semula perbahasan pagi tadi. Dipersilakan mana-mana Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap. Sila. Sila, Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): A-'uzubillahi minasyaitanir rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahir rabil alamin. Wassalatu wassalamu ala asyrafil anbia iwamursalin. Wa ala alihi wa ashabihi ajmain. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, yang dihormati Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dato' Menteri Besar takdok lagi nampaknya sebab itu saya tak *address* tadi tu. Dan yang dihormati sahabat-sahabat Pegawai Kerajaan serta Pemerhati-pemerhati yang masih ada.

Insya Allah saya akan mengambil bahagian untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Cuma saya nak tanya dulu Tuan Yang Dipertua berapa minit *mo'ohnya* nak beri ke saya?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya bagi 20 minit bermakna kalau kita ada 1 jam itu, kita bagi 20 minit, 20 minit dan 20 minit bermakna kita dapat bagi ruang kepada 3 orang. Insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Esok ada dok lagi bahas?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bergantung kepada perbahasan-perbahasan pada petang ini, kalau ada lagi, Insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bermakna semua wakil akan diberi .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bergantung kepada Wakil Rakyat yang mana nak berucap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey, terima kasih. Saya tanya dulu tu bukan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya dah jawab Insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Lembut aje Yang Dipertua, bagus tu. Macam saya jugaklah. Pertamanya, saya nak sebut sikit apa yang disebut oleh Air Putih tentang keluhan ibu, keluhan bapa, bukan keluhan maknanya kalau dia masih ada lagi masa ini mereka akan bangga melihat pembangunan yang berlaku sekarang. Saya nak sebut kemungkinan juga ibu-ibu dan bapa-bapa yang kalau masih ada atau dapat diperbalikkan ke masa sekarang akan mengeluh melihat perkara-perkara yang banyak berlaku sekarang ini, mengeluh melihat gejala-gejala yang tidak sihat berlaku, mengeluh kalau ibu bapa di Ladang dan di Tanjung mengeluh, mereka akan mengeluh mengenangkan banyak perkara-perkara yang telah ada dulu tapi sekarang sudah tidak ada untuk dilihat oleh anak-cucunya termasuklah Jam Besar. Dan mereka akan lebih mengeluh kalau mereka mengetahui bahawa Pasar Kedai Payang atau Pasar Payang akan dirobohkan. Saya fikir itu keluhan mereka. Di samping mereka bersetuju melihat ICT dan sebagainya tapi mereka juga mengeluh tentang perkara-perkara yang telah berlaku dan akan berlaku.

Saya juga terpanggil sebenarnya untuk menyambung perbicaraan tentang Pasar Payang. Pasar Payang ke Pasar Kedai Payang? Pasar Kedai Payang ini merupakan satu-satunya warisan Melayu yang masih ada di Kota Terengganu dan akan dirobohkan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang rasionalnya mengapa pasar ini hendak dirobohkan dan akan dibangunkan semua katanya. Dan kalau dibangunkan semula konsepnya bagaimana? Apa perlunya dibuat hotel mewah di situ, di atas pasar dibina hotel kemudian nak dibuatkan satu kondominium. Apakah sangat perlu pembangunan seperti itu? Apa rasionalnya dan apa logiknya pembangunan seperti itu dibuat di atas atas tapak Pasar Kedai Payang? Apakah kerajaan telah mengambil kira tentang jalan-jalan yang akan bertambah *jammed* dengan bertambahnya penduduk di sekitar bandar itu? Daripada sumber yang saya ketahui bahawa kerajaan ada perancangan untuk membina jalan baru di atas tanah yang telah *direclaimed*, ditambak balik, sungai ditambak supaya ada ruang untuk dibuat jalan dan sebagainya. Saya ingin bertanya lagi, apakah penambakan sungai ini dilakukan setelah mendapat report ataupun laporan daripada EIA? Saya juga

mendapat tahu bahawa pada tahun 2007, ada satu laporan daripada Dutch Consultant (Konsultan Belanda) yang memberi amaran kepada kerajaan supaya berhati-hati tentang sungai ini kerana muaranya telah sangat sempit. Dan kalau tidak dibuat kajian yang sebenarnya kemungkinan akan berlaku banjir besar apabila berlakunya musim tengkujuh. Kita nak tanyalah soal itu sebab kita tak tahu. Kalau nak dibina hotel apalah salahnya dibina di seberang sana, di Seberang Takir, biarlah ada pembangunan besar di Seberang Takir. *Reclaimed* tanah sudah 100 ekar lebih ada, buatlah. Mengapanya nak diambil di situ yang satu-satunya warisan yang hendak dikekalkan nak dihapuskan dan warisan Cina di sebelah dikekalkan. Warisan Melayu hendak dihapuskan, apakah logik pembangunan seperti ini? Kalau nak dikira bahawa kita nak buat pembangunan besar di sini sebab harga tanahnya mahal, kalau atas rasional harga tanah mahal ambil saja Kampung Cina sebab harga tanahnya juga mahal. Jadi saya mohon jawapan dan penerangan yang jelas apakah pembangunan ini berdasarkan kepada 'Merakyatkan Pentadbiran' ataupun tidak mengambil kira pendapat rakyat tentang pembangunan yang hendak dilakukan di Pasar Payang ini. Saya dimaklumkan bahawa hampir semua NGO termasuk Dewan-Dewan Melayu, Cina dan India tidak menyokong ataupun menyuarakan rasa tidak puas hati dengan pembangunan yang akan dijalankan oleh kerajaan. Mengapa tidak diambil kira tentang suara-suara rakyat apabila kita mengatakan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan'?

Begitu juga dengan Ladang. Ladang telah dibina dengan dua-tiga flat ataupun kondo ataupun apa namanyalah. Satunya telah diisi, satu lagi masih banyak kosong dan satu lagi sedang dibina. Ketika mereka dipindahkan, ketika pengambilan balik tanah dulu, pengusaha-pengusaha dijamin bahawa mereka akan diberikan tempat untuk berniaga, berniaga batik, tembaga, keris dan sebagainya. Jadi saya nak tanya kerajaan di manakah tempat yang telah disediakan untuk mereka sekarang ini setelah hampir 3 tahun pengambilan balik ini berlaku? Mereka merungut kerana mereka tidak ada tempat yang sesuai untuk meneruskan pekerjaan mereka. Di Ladang sekarang ini untuk makluman cuma ada dua lagi di bawah rumah tempat buat tembaga. Perusahaan tembaga ini ada dua sahaja lagi dan akan pupus bila-bila masa. Jadi sekali lagi saya nak bertanya kepada kerajaan apakah telah disediakan tempat seperti yang dijanjikan setelah 3 tahun untuk mereka meneruskan perniagaan yang telah mereka lakukan dahulu.

Saya juga ingin mendapat penjelasan ataupun penerangan berkenaan dengan ECER. Projek ECER yang dikatakan akan berlaku di Ladang dengan KTCC *(Kuala Terengganu City Center),* nak tanya bila agaknya nak *take-off?* Berapa perbelanjaannya dan perbelanjaan itu adakah dibelanja oleh ECER sendiri ataupun oleh swasta? Saya nak mohon penjelasan tentang perkara-perkara yang tersebut itu.

Satu lagi perkara yang besar ialah tentang perlombongan bijih besi di Bukit Besi. Katanya investment akan berlaku banyak di situ. Dan pernah disebut oleh kerajaan bahawa Bukit Besi akan dibangun semula sebagai Bandar Bukit Besi menggantikan Bandar Bukit Besi yang telah pupus dulu. Dewan ingin tahu, paling kurangnya saya juga ingin tahu bilakah agaknya projek mega ini akan berjalan, satu. Kedua, saya ingin tahu tentang dasar pemberian lesen-lesen kepada pelesen yang mengerjakan lombong bijih besi. Berapa orang yang dah dapat, dan apakah dasar sebenarnya apakah ia diberi kepada umum kepada siapa yang mintak ataupun diberi kepada sesiapa yang giant (yang besar-besar) sahaja ataupun bagaimana? Kita nak tahu dasar yang jelas berkenaan dengan pemberian kawasan melombong bijih besi sekarang ini. Katanya sekarang ini terdapat semacam rebutan untuk mendapatkan bijih besi melebihi perubatan untuk mendapatkan kawasan balak. Jadi mohon penjelasan daripada kerajaan berkenaan dengan perkara-perkara yang tersebut tadi.

Sebelum saya terlupa juga disebut tentang tandatangan Yang Berhormat. Pada penggal lepas kita bertanya, saya dan kawan-kawan bertanya tentang apakah tandatangan Yang Berhormat/Wakil Rakyat daripada pembangkang sah dan laku yang terpaksa diterima oleh semua agensi kerajaan yang memerlukan tandatangan Yang Berhormat. Dengan jelas Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjawab: 'Ya'. Boleh check dengan hansard/catitan rasmi Persidangan Dewan. Menteri Besar kata sah dan laku dan mesti diterima. Mesti diterima semua tandatangan daripada Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat/Wakil Rakyat daripada pembangkang. Apakah dasar ini telah diubah ataupun baru-baru ini tidak diterima tandatangan Yang Berhormat/Wakil Rakyat kerana Wakil Rakyat belum angkat sumpah lagi, hak mana *se* sebenarnya itu, saya nak mintak penjelasan. Yang Berhormat Jabi kata Kerajaan Kelantan tidak menerima tandatangan daripada Wakil Rakyat daripada BN. Begitukan tadi? Kalau salah mintak penjelasan, betulkah begitu? Tak, saya nak tanya Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Boleh dapat laluan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bolehlah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya sebutkan tadi ialah adalah menjadi dasar pentadbiran oleh negeri-negeri ini berlaku sebagaimana yang saya sebut tadi .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan mudah aje, di Kelantan tu, betulkah begitu?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Setakat yang saya tahunya begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jadi itu maksudnya Kerajaan PAS Kelantan tidak menerima tandatangan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Barisan Nasional. Tidak begitu?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah saya jawab dah tadi, setakat yang saya tahu begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Terima kasih. Terima kasih sahabat saya. Cuma Jabi dulunya besar tapi *lening* jadi kecil tapi lantang tu lebih kurang samalah. Saya telah membuat pengesahan daripada Exco Agama Kerajaan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Dato' Nassuruddin. Jawapan yang diberi kepada saya bahawa sejak dari dulu sehingga sekarang Kerajaan Negeri Kelantan tidak pernah tidak menerima dan mengiktiraf tandatangan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Barisan Nasional. Jadi saya mintak Jabi tolong *check* fakta sebelum berhujah. Kalau saya salah, saya tarik balik tak apa tak ada masalah. Tapi sila check fakta itu baik-baik. Jadi apa yang disebut itu tak betul dan saya mintak penjelasan daripada .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat saya nak mintak penjelasan daripada Ladang. Saya ingat Yang Berhormat Yang Dipertua, Ladang faham dengan apa yang dibangkitkan oleh Jabi dan apa yang dijelaskan sebentar tadi jauh sama sekali daripada maksud Jabi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf. Boleh saya terangkan balik. Kita pakat jelas aje hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Ladang): Tak saya .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Ladang duduk dulu, kita dengar satu persatu penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi kita tak payah pergi jauh, maksud tandatangan untuk

diterima, semua orang terima Yang Berhormat. Maksud kitanya untuk tindakan kerajaan. Jadi saya rasa tak usahlah kita berbahas soal ini sampai kita nak meleret jauh dan Yang Berhormat nak paksa pulak Jabi supaya menerima dan nak mengesahkan pulak Yang Berhormat bagi pihak Kerajaan Kelantan. Saya rasa tak sebegitu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasihlah sahabat saya, kawan saya pun. Dia selalu baik dengan saya masa jadi Speaker dulu, sekarang pun masih baik sebenarnya. Saya cuma mengulas apa yang disebut oleh Jabi, tidak jauh dan tidak dekat. Itu fakta dalam Dewan dengar semua. Jadi saya nak persahkan apakah itu betul? Jadi saya sahkan bahawa apa yang disebut itu tak betul, itu saja. Saya takmboh meleret jauh ke Penang, Selangor ke, tak. Cuma itu saja sebenarnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat penjelasan sikit saja. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya pernah jadi pembangkang pada tahun 1999 sampai 2004. Saya berada di kerusi di sebelah sana, saya dilayan sama jugak oleh pihak kerajaan, jadi kalau kita pembangkang kita kena tahu kita pembangkang. Itu maksud saya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua pembetulan sikit. Yang Berhormat Yang Dipertua, perkara itu tak betul, jangan duk main tuduh-tuduh. Saya pun ada, masa itu kita pun sama-sama dalam Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, betul. Saya duduk di sebelah sana, Yang Berhormat duduk di sebelah sini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pembangkang ke, Wakil Rakyat Kerajaan ke, kita iktiraf dia sebagai Wakil Rakyat yang rakyat pilih .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sekarang bukan soal iktiraf Yang Berhormat, soal sekarang tandatangan, untuk laku tandatangan, iktiraf mestilah iktiraf sebab kita Yang Berhormat. Kita jemput Yang Berhormat bersidang sebab iktiraf.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, saya mintak hak saya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya minta semua duduk sekejap, kita bertenang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tenang sokmo dah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bertenang. Okey, saya nak dengar penjelasan daripada Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Yang Dipertua, terima kasih. Penjelasan saya minta daripada Ladang tadi. Saya hormat Ladang sebagai bekas Pegawai Tinggi Kerajaan Negeri, bercakap nak banding dengan Kelantan dan lepas itu pulak dengan apa yang dibangkitkan oleh Jabi yang kita faham semua sebentar tadi, saya rasa tidak adil sama sekali. Yang saya nak penjelasannya supaya isu ini tidaklah dimeleretkan sebab dia kena sedar pembangkang tetap pembangkang, kerajaan tetap kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, Wakil Ladang, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Ke ada nak mintak laluan lagi?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak mintak penjelasan kalau diizinkanlah Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Dipertua. Isu ini agak signifikan sebab ikut terkini sehingga semalam, di dalam DUN Bandar sendiri saya mengumpulkan 237 permohonan yang hampir sama bunyi yang mintak pengesahan ADUN atau Ahli Parlimen tetapi diberi *remark* secara *specific* dengan izin, hanya boleh ditandatangani oleh ADUN atau Ahli Parlimen BN. Sekira berlaku di sebaliknya permohonan ini akan ditolak. Sebab itu permulaan dalam perbahasan tadi saya menyebut perkara ini. Adakah ini satu polisi, sekiranya polisi kita nyatakan dalam Dewan supaya Dewan Legislatif peringkat negeri ini boleh merakam yang kita ada satu polisi yang diluluskan oleh Dewan. Jadi sempena dengan persidangan ini kita boleh nyatakan secara terbuka supaya rakyat yang memohon perkhidmatan itu boleh faham yang Dewan Legislatif

peringkat negeri telah membuat satu polisi di mana Wakil-wakil Rakyat Pembangkang tidak boleh diiktiraf menandatangani atau borang-borang itu tidak akan dilayan. Cuba kita nyatakan pendirian kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, Wakil Ladang ada 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tadi orang lain ambik, saya tak berapa nak beri.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebab itu kita kalau laluan tak boleh bagi kita kena .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apa, tak apa.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ladang teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jadi jelas saya bukan nak berpolitik pulak di sini tapi saya ingin jelaskan dan saya telah sebut dengan jelas dan saya telah dibantu oleh sahabat saya daripada Bandar. Kuala Berang mengakui itu sebab ini berlaku, berlaku tandatangan dari pembangkang dihantar dia kata tak boleh. Itu kena akui berlaku sekarang ini. Sekiranya itu arahan/polisi dari kerajaan tak apa, okey.

Seterusnya, tentang perkara-perkara yang belum kita selesaikan dengan pembangunan negeri kita. Saya ingin tahu tentang sejauh mana setelah kerajaan yang baru terbentuk ini berhubung dengan sejauh mana tentang kedudukan Taman Ilmu ini? Bagaimana kedudukan tentang Strawberry Park yang kita beli RM20 juta lebih, kedudukannya sekarang ini bagaimana. Ada dijanji bahawa pelaburan Cina akan masuk jadi kita nak tahu kedudukannya sekarang ini? Begitu juga tentang pengambilan balik tanah yang banyak berlaku sekarang ini, saya nak tanya spesifik tentang tanah yang diambil balik atau bangunan yang diambil balik bersebelahan dengan Lapangan Terbang Kuala Terengganu. Kalau kita ke Lapangan Terbang Kuala Terengganu ianya terletak di sebelah kiri sebelum sampai lapangan terbang, ada Rumah Teres 2 Tingkat berderet masih cantik tetapi telah diambil balik oleh kerajaan untuk buat tempat letak kereta. Pengambilan balik tersebut telah dibayar dengan tujuan untuk buat tempat letak kereta. Jadi kita nak tahu keadaan/statusnya bagaimana sekarang ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Wakil Ladang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada seminit setengah. Saya juga nak tanya tentang dan nak mintak fahamlah daripada sahabat saya Kuala Berang tentang projek pemasaran katanya Projek Rimbunan Kasih, cantik namanya ini tapi tak berapa nak faham kasih *guana.* Jadi nak mintak penjelasan nanti tenang Projek Rimbunan Kasih, apakah setakat ini kejayaan yang telah dicapai oleh Projek Rimbunan Kasih tadi di Rantau Abang?

Saya juga nak sentuh sedikit tentang PBT .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat Yang Dipertua, Ladang minta maaf. Boleh saya minta penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Takdok, habis dah masa saya. Gulung kekgi, gulung kekgilah. Insya Allah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Maksud saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Maksud saya *doksoh* ganggu sebab dia beri ke saya seminit setengah saja lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Takut begini Yang Berhormat, takut .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, saya nak tanya Yang Dipertua, *guana?*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apalah saya beri masa untuk Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dan tambah masa .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tambah masa, tambah masa Y.B. Ladang, tak apa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kita berfikiran baik sangkalah Yang Berhormat. Yang Berhormat

tanya khusus kepada Kuala Berang, isu ini sebenarnya bukan Kuala Berang punya portfolio.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Salah saya, minta maaf tersalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Baik Yang Berhormat kata pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf. Tersalah, salah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Cuba berbaik sangka terhadap kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, bukan tersalah sangka, cuma tersalah sebut. Minta maaf. Minta kerajaan jawablah.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Dipertua, kalau hala ke dia tersalah selalu, hala ke orang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta penerangan aje. Minta maaflah tersalah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, Ladang sambung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Hak tu tersalah sungguh bukan niat apa-apa tu. Berkenaan PBT, sebab Tuanku ada sebut di muka surat 15. Walau pun nampak kecil tetapi tidak boleh dipandang remeh oleh Pihak Berkuasa Tempatan, maknanya benda kecil-kecilpun jangan dipandang remeh. Terutamanya tentang kutipan, pembuangan sampah sarap di bandar-bandar, di Kuala Terengganu misalnya masih lagi boleh dibaiki. Jadi saya ingin supaya perkara ini diambil perhatian. Juga tentang jalan-jalan yang sudah banyak rosak sekarang ini pun minta diperbaiki. Perkara ini kecil aje tetapi kecil-kecilpun janganlah dipandang remeh.

Yang keduanya ialah tentang perjalanan untuk meluluskan satu-satu permohonan terutamanya Permohonan Tukar Syarat Tanah dan Permohonan Tanah. Saya ada beberapa kes yang membuktikan bahawa perjalanan yang diambil terlalu lama. Saya akan jumpa secara personal selepas ini dengan pihak Bandaraya untuk nak menunjukkan bukti bahawa nak luluskan satu-satu permohonan itu memakan masa

terlalu panjang. Saya tak bermaksud apa-apa cuma nak perbaiki dan nak faham bagaimana perkara ini boleh berlaku sehingga terlalu lama satu-satu permohonan itu diluluskan.

Satu lagi juga disebut oleh sahabat daripada *Backbenchers* tadi berkenaan dengan penggunaan e-Book, penggunaan ICT .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang akhir *last point.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): *Last point.* Setengah minit. Jadi e-Book ini telah lama kita buat dan saya dikenali sebagai orang yang sangat suka bercakap tentang e-Book, setiap kali Dewan bersidang ada saja e-Book. Saya masih nak bercakap berkenaan penggunaan e-Book ini, apakah akan diteruskan dan kalau diteruskan apakah pernah terlintas untuk membuat kajian teliti berkenaan dengan impak dan juga kesan dan juga kejayaan penggunaan e-Book berkenaan dengan pendidikan anak-anak kita. Kebetulan Speaker tahu sangat hal ini tapi tak usah jawablah biar kerajaan jawab.

Akhirnya, terima kasih banyak-banyak. Terima kasih kerana membenarkan saya bercakap dengan gangguan yang ada itu tak apalah. Jadi terima kasih atas keizinan Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih banyak Wakil Ladang. Kita buka lagi untuk perbahasan. Sila Wakil Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahir rabil alamin. Wassalatu wassalamu ala asyrafil anbia iwamursalin. Wa ala alihi wa ashabihi waman tabi'ahum bi ihsanin ila yaumiddin. Amma ba'du. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan juga para Pemerhati sekalian, seluruh hadirin dan hadirat yang hadir. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Pertamanya, alhamdulillah, memanjatkan syukur ke hadrat Allah Taala dapat kita sama-sama kita menafaatkan dalam Dewan yang mulia ini dalam kita membahaskan Ucapan Titah Diraja Tuanku Sultan. Saya suka untuk merujuk apa yang disebut oleh Tuanku Sultan untuk menyeru setiap umat Islam untuk bermuhasabah dan berpegang kepada ajaran Al-Quran dan juga Sunnah Rasulullah S.A.W. dan ini merupakan amanah dan tanggungjawab kita. 'Setiap kamu adalah pemimpin dan kamu akan ditanya dengan segala amanah kepimpinannya', bukan

hanya di dunia saja tapi juga di hari Akhirat kelak, yang selamat adalah yang berpegang kepada Al-Quran dan juga Hadis Rasulullah S.A.W. Kerana itulah dalam hal ini Allah Taala mengajar kita 'Hendaklah kamu berpegang teguh dengan tali Allah dan jangan kamu bercerai berai'. Ayat ini biasa dibaca tapi apa yang penting adalah perpaduan itu, penyatuan itu perlu ditegakkan atas nama Al-Quran dan Hadis Rasulullah S.A.W. dan atas nama Islam itu sendiri. Dan Insya Allah dengan Islam itu kita selamat, 'Kamu Islam, kamu berpegang dengan Islam, Insya Allah kamu selamat di dunia dan juga di hari Akhirat kelak'. Ini merupakan suatu kenyataan oleh Sultan yang memperingatkan kita semua supaya menjadikan syariat Allah S.W.T. ini merupakan sumber asas dan kerana itulah apa yang pernah diletakkan asas zaman pemerintah 1999 – 2004 dulu dengan menjadikan Al-Quran, Hadis Rasulullah, Ijma' Ulama dan Qiyas Muktadar sebagai sumber rujukan tertinggi buat negeri Terengganu ini dan inilah yang sepatutnya kita mengamal dan mempraktikkannya. Itulah saya mengharapkan supaya undang-undang yang telah diwartakan pada tahun 2001 itu yang melibatkan Undang-Undang Hudud, Qisas dan sebagainya supaya cuba dilaksanakan, direalisasikan sebagai amanah dan tanggungjawab kita bersama. Kita cukup yakin bahawa apa yang telah diperintahkan oleh Allah S.W.T. itu dengan kudrat, kemampuan, kesungguhan kita melaksanakannya Insya Allah dia akan membuahkan buah yang baik dalam menyelesaikan segala permasalahan yang berlaku di atas muka bumi kita ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin mendapat penjelasan. Seingat saya pada pemerintahan yang dipimpin oleh Dato' Seri ADUN Rhu Rendang sebagai Menteri Besar kita pernah menghapuskan riba yang dikenakan melibatkan pinjaman kenderaan sebanyak 4% tetapi saya ingin mendapat penjelasan adakah ia kembali dikenakan semula? Ini berdasarkan kepada edaran yang diberi kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Dengan izin: "Ahli Dewan Undangan Negeri layak memohon pinjaman kereta sehingga maksima RM41,000 untuk sekali dalam tempoh 4 tahun dengan dikenakan bayaran perkhidmatan 4% setahun." Setahu saya bahawa 4% ini sudah dihapuskan, adakah ia dikenakan kembali? Saya mengharapkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Kalau ianya dikenakan kembali saya merasakan ianya amat malang walaupun perkara ini kecil tetapi Allah Taala telah jelaskan di dalam Al-Quran, "Allah Taala halalkan jual beli dan Allah Taala haramkan riba." Kakitangan, pegawai kita dan sebagainya mereka tidak mempunyai sumber lain, mereka telah berkhidmat dengan kerajaan ini dan kita mengenakan charge walaupun perkhidmatan kita anggap kecil tetapi kita sepatutnya kita cuba untuk menyelamatkan bukan hanya kakitangan kita tetapi juga rakyat bawahan keseluruhannya daripada riba yang merupakan perkara haram, yang keji yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. menjauhinya. Saya rasa perkara ini dipersetujui oleh semua dari kalangan kita untuk menjauhkan diri kita dari sumber-sumber seperti ini ataupun edaran ini tidak *diupdate* daripada dulu.

Tapi saya merasakan berdasarkan perkara ini adalah tidak wajar apatah lagi dengan kedapatan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Penjelasan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak mintak penjelasan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak mintak Wakil Paka penjelasan ataupun warta yang dibaca tadi tarikhnya dan bila dikeluarkan?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, hak baru-baru inilah bukan sesi penggal dulu. Saya jadi .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Baru itu betullah. Daripada pejabat mana? Bila?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pejabat Dewan yang hantar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Cuba tengok tarikhnya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok percaya pulak ke saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bukan. Saya bertanya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah sayapun jawablah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jangan marah .... (dalam gelak).

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sayapun mintak penjelasan .... (dalam gelak). Takut pendapatan Kerajaan, Bajet RM2 bilion tak patut 4% ini dicharge lagi. Saya harap perkara ini .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya minta tambah waktu sebab duk kacau ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, Insya Allah, saya timbangkan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih. Dan juga dalam masa yang sama apa yang disebutkan oleh Tuanku Sultan supaya ideologi politik yang berbeza dari kalangan kita khususnya pihak kerajaan yang telah diberi amanah dan kepercayaan supaya melaksanakan keadilan yang sewajarnya terhadap semua rakyat, apatah lagi Allah Taala mengajar: "Berlaku adillah kerana ianya lebih hampir kepada ketakwaan kepada Allah S.W.T." Kerana itulah perkara yang kita boleh menyelesaikan permasalahan rakyat kita yang kekadang timbulnya hasil daripada ketidakadilan yang berlaku. Khususnya saya suara menyuarakan kerana masih ada lagi sebahagian dan sampai ke hari ini Imam-imam dan Bilal-bilal yang tidak dibayar elaun mereka. Mereka bertugas bukan kerana elaun sebab sampai hari ini saya perhatikan, mereka tetap bertugas. Yang saya sebutnya termasuk di dalam DUN saya, ada tiga buah masjid, Imam-Bilal yang tidak dibayar elaun mereka sampai ke hari ini. Sampai seorang Bilal itu sudahpun meninggal. Saya duk bang, dengar jugak sebab takut dia duk bang (azan) pesen lain. Saya duk tengok, dengar, serupa aje, semua masjid Bilalnya duk azan yang sama. Sebab apa dia ini dikecualikan, tidak membayar elaun mereka. Jadi saya harap perkara-perkara ini tanggungjawab, dia akan dipersoalkan oleh Allah S.W.T. kecuali elaun takdok tapi hak ni dibayar belaka kecuali mereka ini. Jadi perkara-perkara ini dikecualikan itu sebab apa ataupun kerana ideologi politik tapi ini telah disebut oleh Tuanku Sultan sendiri supaya pihak kerajaan berlaku adil, telus dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan tidak mengira siapa-siapa, mu parti mana, sokong siapa-siapa sebagaimana Allah S.W.T. apabila dia bersifat adil, dia turun hujan dia beri belaka tak kira Islam ke tak Islam pun. Tapi kita time kutip zakat kita tak tanya mu PAS ke UMNO ke apa, PKR ke, time kutip cukai, kita kutip belaka. Tapi time nak sign borang, tanya ayah mu sokong apa. Jadi kita rasa tidak wajarlah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak mana pulak ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hah! Speaker.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tolong tengok ke Speaker, Speaker ini kacak juga.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan, semangat ni. Minta maaf Yang Berhormat Speaker.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi kita mengharapkan perkara ini supaya yang melibatkan hak rakyat kita perlu tunaikan dan laksanakan. Saya juga mengharapkanlah dan juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, di zaman pemerintahan Pakatan Rakyat dahulu mereka pernah menggunakan pelaksanaan untuk mempercepatkan RTB dengan menggunakan khidmat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Penjelasan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kalau ya, duduklah beri laluan ke saya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Tuan Speaker, saya nak mintak penjelasan dari Paka mengenai Kerajaan Pakatan Rakyat, adakah benar-benar wujud Parti Pakatan Rakyat ini ataupun hanya disebut? Sebab pada saya Kerajaan PAS .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya rasa Exco ada banyak masa boleh mengulas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, saya nak minta penjelasan dari Yang Berhormat. Yang Berhormat sebut takut keliru .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok keliru mana, faham dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): .... sebab Parti Pakatan Rakyat tak ada saya rasa .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Faham dah, masa tu tahun 1999 – 2004 bukan UMNO memerintah, kita nak compare .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ia bukan Pakatan Rakyat jugak.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak apalah Barisan Alternatif .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Mana boleh tak apa, ini Dewan dicatit, disebut dalam hansard.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, masa saya ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, saya tambah, saya tambah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, minta perbetulkan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak apa, duduk, duduklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat, sebab Pakatan Rakyat tidak ada pendaftaran dengan kerajaan .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, duk ganggu sokmo ni dokleh tu ni, kekgi masa takdok marah pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betul tapi Yang Berhormat kena sebut yang betul supaya kita .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat masa jawab kekgi Yang Berhormat boleh beri penjelasanlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bukan, ini soal penjelasan daripada Yang Berhormat bukan daripada saya sebab Yang Berhormat sebut benda salah, Yang Berhormat kena *gostan* balik, kena minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, Kerajaan PAS. Sila duduk .... (dalam gelak).

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tidak ada Pakatan Rakyatkan?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Kuala Berang. Sila teruskan Wakil Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi saya mengharapkan atas kerjasama khususnya pihak Menteri Besar untuk menghapuskan legasi Menteri Besar yang dahulu apabila mengeluarkan surat PTG pada tarikh 7 April 2004, hampir lebih 8 tahun yang lampau iaitu pelaksanaan RTB yang menggunakan khidmat JTB, Juru Ukur swasta. Dan dengan sebab surat ditawakufkan dikeluarkan, jadi nak tanya sampai bila ditawakufkan itu? Ini yang menyebabkan banyaknya tanah-tanah RTB di kalangan rakyat sendiri yang kita rasa tanpa mengira parti yang merupakan hak rakyat yang kita perlu selesaikan. Sebab kalau dalam kawasan saya, DUN Paka kalau nak beli tanah se lot sekarang ini, RM80,000 – RM100,000 satu lot. Jadi kebanyakan rakyat kita khususnya anak-anak generasi muda yang baru, yang sepatutnya kita ada tanah yang luas ini berilah kemudahan kepada rakyat kita tanpa mengira parti apa dan sebagainya, janji dia cukup syarat dan sebagainya kita perlu berikan kepada mereka untuk mereka bina rumah dan sebagainya. Khususnya generasi kedua FELDA di kawasan saya, mereka sampai 3 generasi duduk atas rumah itu, tanahnya kecil, anak ramai orang peneroka ni dan ada yang dah kahwin dan sebagainya, yang pernah kita buat untuk generasi kedua FELDA tetapi ditawakuf dan dihentikan sampai sekarang. Jadi sepatutnya perkara ini kita perlu beri keutamaan kepada rakyat.

Dan saya berkeyakinan jika pihak kerajaan memberikan kelulusan seperti ini nescaya rakyat akan berterusan menyokong UMNO/Barisan Nasional boleh memerintah sampai Kiamat. Tetapi kezaliman yang kita buat macam ini dia akan dipercakapkan oleh rakyat sampai ke bawah bahawa kezaliman ini akan dipercakapkan dari mulut ke mulut dan sebagainya. Apa salah mereka .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Jabi?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya tak boleh beri laluan sebab dia cakap banyak dah tadi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Jabi kita bagi ke Paka teruskanlah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya juga mengharapkan khususnya di kawasan industri, saya dari Paka dan juga Kertih, sekitar itu. Hampir 20,000 lebih pekerja yang berkerja dalam bidang petroleum dan juga gas yang mereka banyak ditempatkan di kawasan persekitaran tersebut. Dan apabila kilang ini sudah lebih 30 tahun dan kita sedia maklum berlaku kadang-kadang kemalangan dan bahkan kematian dah, nak pergi ke klinik di Paka tu yang *kecik-tuit,* kalau bawa pergi ke Dungun, kena ke Kuala Terengganu jugak. Saya rasa pihak kerajaan negeri boleh mendesak pihak PETRONAS dan saya rasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar pakar dan mengharapkan supaya kita desak PETRONAS untuk buat paling kurang Hospital Industri di kawasan itu. Seramai 20,000 orang, campur bini dia lagi, campur anak dia lagi, sakit-demam dia *hungga* ke hospital kerajaan, *bolo'* dengan rakyat pulak, jadi rakyat terpaksa bersaing, kadang-kadang memang dia boleh pergi ke KMC Kuantan ke apa. Tapi *in case* tertentu, di situlah menyelesaikan permasalahan kesihatan dan sebagainya. Kalaulah PETRONAS yang telah menggali, ambil hasil daripada negeri kita, kalaulah kerajaan boleh desak mereka boleh buka Mesra Mall tempat perniagaan, kenapa kita tidak boleh desak untuk buka Hospital Industri khususnya melibatkan gas-gas bahaya tertentu yang memerlukan kepakaran khas. Kita tidak mahu lagi beberapa kes berlaku melibatkan kematian dan sebagainya, nak kenal pasti penyakit yang tidak ada Doktor Pakar khusus yang melibatkan kawasan industri tersebut yang lebih 30 tahun dah. Kita harap perkara seperti ini kita boleh mengambil peringatan bersama.

Saya juga ingin menyentuh persoalan tentang pendidikan. Baru-baru ini saya ucap terima kasih pihak Yayasan mengadakan Edu-Camp untuk pelajar-pelajar Pengajian

Islam ke negara Timur Tengah sesi ini. Bagus program seperti ini untuk memilih dan menyaring pelajar-pelajar yang akan menyambung pelajaran ke luar negara. Saya merasakan kita kurangkanlah karenah birokrasi. Saya masih ingat lagi zaman pemerintahan 1999 hingga 2004, pelajar-pelajar yang mendapat tawaran daripada universiti, diploma ke apa, dan sebagainya, tak payah sign JSR, tak payah sign ADUN/Wakil Rakyat, dia pergi kat Yayasan tunjuk, confirm dia ni pelajar berilah, rakyat kita. Jadi zaman *lening* nak sign JKKK, kita nak JKKK tu persah benda? Lepas tu nak sign ADUN pulak, dah baru-baru ni tak laku pulak, kena cari Exco pulak *berjujuk-jujuk*, di kawasan saya se aje UMNO menang, Bukit Besi, dah nak pergi *jujuk* ke Bukit Besi pulak. Jadi kalau dia pergi ke Yayasan aje kan senang, confirm asli, okey anak Terengganu, beri selalu. Ini *check* pulak mu mengundi di mana, tanya pulak. Dah dia anak Terengganu dah, tak kiralah mengundi di mana, Malaysiapun, dah dia rakyat Malaysia, sebagai pengundi dia berhak nak mengundi di mana-manapun, dekat dia kerjapun, dah dia rakyat Terengganu, berilah. Jadi banyak sangat karenah birokrasi. Ini hak terbaru ini pulak buat kursus pulak. Dalam hak ramai-ramai pelajar saya dimaklumkan lebih kurang 35 orang pelajar, 23 lelaki dan 12 perempuan, sebahagian tu gagal, dia ambil sebahagian saja. Hak cerdik dia dok beri, hak dapat 11A, 9A, 8A, 7A kita dok beri, dia kata gagal untuk mendapat pinjaman Yayasan. Jadi hak dok berapa tu kita beri pulak, atas faktor apa? Dahlah buat *trainned* tu macam-macam, bubuh baldi, serkup baldilah atas kepala budak, *katok dekat telinga degar-degar,* macam-macam. Zaman bila ni *ragging* pelajar nak beri pinjaman. Saya merasakan perkara-perkara seperti ini tidak sepatutnya berlakulah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Paka panjang lagi ke? Kita ada 2 minit lagi, tambah dah tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ada 2 minit lagi. Tak apa, Insya Allah, saya cuba untuk percepatkan. Kita mengharapkan supaya perkara-perkara seperti ini khususnya pendidikan sebab ini merupakan pelaburan untuk generasi yang akan datang. Dan kita mengharapkan supaya khususnya pelajar-pelajar yang berada di luar negara mengambil Pengajian Islam, jangan kita diskriminasikan dia sebab kita tahu antaranya merekalah yang bakal pemimpin, *'al-ulama wal umara,* 'pemimpin dan juga para ulamak' dan sebagainya yang boleh memberi peranan kepada negeri dan negara kita. Jadi kenapa kita melakukan tindakan diskriminasi seperti ini sebab ini merupakan pelajar-pelajar cemerlang dan kadang-kadang pihak Yayasan sendiri yang menganugerahkan dia sebagai pelajar cemerlang tetapi kita tidak memberi bantuan kewangan kepada dia dan sebagainya. Kita memilih, sayapun tak tahu atas nama apa kita tolak hak pelajar yang dapat 11A,9A tetapi kita ambil pelajar yang kurang cemerlang kerana faktor-faktor tertentu dan sebagainya. Jadi perkara-perkara seperti ini saya mengharapkan supaya kita *kesampingkan,* inilah yang menyebabkan faktor yang

melahirkan apa yang orang panggil ketidakamanan sebenarnya yang berlaku di peringkat bawah. Saya bersetuju pandangan daripada Jabi tadi bahawa isu-isu yang melibatkan Melayu, Kesultanan dan sebagainya kita boleh bendung tapi kadang-kadang kitapun berlaku pilih kasih juga. Hak dulu sampai sekarang saya dok dengar lagi hak angkat bendera kain dulu, "Aku nok Deris?" Apa benda dok tahu, hak dulu kata ke Tuanku. Sayapun dok tahu kena *igat* ke, masuk lokap ke *guana?* Habis begitu aje. Jadi benda-benda sebegini jangan didiskriminasi. Kita mengharapkan Insya Allah, dengan tindakan kerajaan yang menjadikan orang panggil meletakkan ketakwaan kepada Allah, meletakkan asas keadilan dan kita akan dipersoalkan di hadapan Allah S.W.T., Insya Allah perkara-perkara ini akan dapat melepaskan kita bukan hanya kita dengan rakyat tetapi juga di hadapan Allah S.W.T.

Untuk sekadar itu, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Paka. Kita ada lebih kurang 15 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya cuma hendak memberi pandangan sedikit. Saya tak apa, ini kali pertama. Oleh kerana ramai lagi yang hendak bercakap, saya tak bercakap tak apa kali ini, kalau boleh biar semua Wakil ini boleh diberi peluang untuk bercakap. Saya tak bercakap tak apa untuk sesi ini. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Wakil Cukai. 15 minit.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi warakatuh. Alhamdulillahir Rabbil Alamin. Wassala tuwassala mu ala asyrafil anbia iwamursalin. Wa ala alihi wa ashabihi ajmain. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Alhamdulillah.

Pertamanya, saya mengucapkan syukur kerana buat pertama kalinya saya boleh bercakap di dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan semalam. Dan hari ini saya menyemak kepada muka surat 3, di mana Al-Sultan telah bertitah supaya semua orang bersatu padu. Tetapi apa yang terasa terkilan di hati saya, yang terasa dukacita di hati saya apabila selepas sahaja tamat Pilihan Raya Yang Ketiga Belas, Pengerusi ataupun

JKKK yang berada di DUN Cukai boleh dikatakan hampir kesemuanya tak mahu sign borang-borang yang diserahkan kepada mereka. Mereka berkata bahawa mereka tidak ada kuasa, sedangkan dia tahu bahawa negeri ini diperintah oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Dan mereka tidak mahu sign, mereka suruh hadir (pergi) ke rumah saya. Apa yang boleh saya buat? Bila saya tandatangan atas nama ADUN borang-borang yang disampaikan, yang dihantar ke Yayasan Terengganu tidak pula diterima. Sebab itu hari ini, sekali lagi saya nak mengulangi apa yang telah dicakapkan oleh kawan-kawan saya tadi, adakah tandatangan daripada ADUN Pembangkang ini diiktiraf, boleh diguna, laku ataupun sah supaya rakyat dapat mengetahui bahawa sebenarnya di mana duduknya ADUN-ADUN Pembangkang ini?

Yang kedua, saya mengharapkan supaya Pengerusi JKKK, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kerajaan, Pegawai-pegawai Kerajaan memberitahu bahawa kamu masih berkuasa, selepas tamat sahaja pilihan raya ini ibarat kata pepatah 'Biduk berlalu kiambang bertaut'. Inilah yang dikehendaki oleh Tuanku dan saya sangat mengalu-alukan kepada semua, sama ada terdiri daripada ahli-ahli UMNO, ahli-ahli MCA dan seumpamanya bagi mempastikan bahawa kitalah orang-orang yang diberi amanah untuk merealisasikan Kerajaan Negeri Terengganu ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga hari ini memohon kepada Wakil Kijal yang juga Menteri Besar Negeri Terengganu supaya kawan-kawan saya daripada FELDA, FELCRA Seri Bandi yang telah meneroka kawasan itu lebih daripada 30 tahun tidak mendapat geran sedangkan kawan-kawannya sebelum daripada PRU baru-baru ini sebahagiannya diberikan geran tetapi mereka ini kerana tidak bersama-sama dengan Parti UMNO dan Barisan Nasional mereka tidak diberikan geran bahkan mereka diminta mengisi borang menjadi ahli UMNO dan bersumpah. Saya rasa perkara ini tidak patut berlaku atas sifat kita sebagai pemimpin kepada rakyat maka inilah masa yang sangat baik kita memastikan kita menjaga kebajikan rakyat. Apa salahnya kita beri tanah kepada mereka? Mereka adalah orang-orang Melayu, mereka adalah orang FELDA yang sangat miskin yang mengharapkan belas kasihan daripada kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyatakan bahawa kerajaan hari ini kita adalah memikul amanah rakyat dan seboleh-bolehnya janganlah melakukan kesilapan-kesilapan yang lalu. Sebagai satu contohnya antara kesilapan-kesilapan yang telah dibuat terutama di dalam DUN Cukai dan juga di daerah Kemaman ialah contohnya projek-projek seperti projek Mercu Tanda Kemaman. Mercu Tanda Kemaman yang merupakan pintu masuk ke kawasan Cukai dengan harga RM3.99 juta yang sangat cantik, sangat indah tapi tak sampai 6 bulan tiba-tiba dia rosak, kemudian dibaiki sekejap sehingga sekarang ini sama ada oleh Majlis Perbandaran Kemaman ataupun Kerajaan Negeri Terengganu ianya seolah-olah dibiarkan sebegitu rupa

sedangkan ia adalah dari duit rakyat, ia adalah cukai daripada rakyat. Dengan lain perkataan kalau orang datang ke Terengganu dan masuk ke Kemaman orang akan lihat keindahan Mercu Tanda Kemaman. Begitu juga Yang Dipertua, Binjai Souq ataupun Pasar Binjai, namanya pun dah nama Arab dibuat hampir 7 – 8 tahun yang dulu. Bila buat sahaja tiba-tiba terbengkalai daripada harga RM13 juta kemudian dinaikkan kepada harga RM19.2 juta. Selepas siap pula tidak boleh digunakan, bayangkanlah bila saja banjir ada air yang berjalan di bawah tile .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya tak mahu beri laluan, biar saya berucap.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, tambah masa lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Panjang lagi ni ....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apalah Jabi, Jabi acap kali dah.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Duduk, duduk. Hilang *pointlah* pulak ....(Dewan gelak). Tiba-tiba rosak tidak boleh digunakan, kemudian dibaiki RM1.5 juta makan masa 3 tahun, apabila sudah dibaiki dan belum masuk lagi rosak pulak. Hari ini keluar pulak tender baru RM5.8 juta. Itu semua wang rakyat, saya bukan menolak pembangunan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Hari ini, hari ini tu, hari ini ke?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Bukan hari inilah, sudah masuk dalam 3 bulan dah kalau tidak silap saya, sekitar dalam bulan Ogos. Saya tidak menolak pembangunan, saya terima pembangunan kerana daerah Kemaman ialah daerah pembangunan tetapi siapakah yang layak menjaga amanah ini. Kenapa tidak dijaga sebegitu baik wang rakyat? Wang rakyat ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lain.

Begitu juga Yang Dipertua Jambatan Sungai Pinang, bila dibuat tak sempat siap jambatan itu nak runtuh. Kemudian diruntuhkan dan baru-baru dikeluarkan tender baru dan sekarang dalam pembinaan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Dipertua, pembetulan fakta salah. Fakta salah tu, saya mintak Yang Berhormat berhati-hati bila cakap runtuh, runtuh itu fakta yang salah, kalau boleh saya betulkan.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Yalah, saya .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya ingat kita beri laluan sekalilah.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): .... tapi jambatan itu ....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Jambatan itu projek Pusat bukan Kerajaan Negeri. Minta fakta perbetulkan.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Tak apalah, kalau itu projek Kerajaan Pusat. Saya nak nyatakan bahawa ini amanah rakyat, cukai daripada rakyat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Cukai, boleh duduk sekejap. Kita dengar apa yang nak dikatakan. Kita dengar.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Tak, saya tidak beri laluan. Saya cuma ingin katakan kalau ini projek Pusat ianya juga merupakan amanah rakyat kepada kerajaan. Saya berterima kasih kepada sahabat saya .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kira tak nak bagi laluan terus ke ni?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Ia tak runtuh, fakta tak betul.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya tak kata dia runtuh.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Cukai duduk dulu, kita bai'ah dengan kita punya peraturan. Kita bagi hormat kepada orang, dengar dulu. Sila Wakil Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Terima kasih Yang Dipertua. Fakta yang pertama, projek itu projek Kerajaan Persekutuan. Yang kedua, dibina atas design base dengan izin, dan kontraktor sebenarnya menarik diri selepas didapati dan *dicheck* segala struktur, dah okey semua, dah buat line semua, dah buat check tanah semua, dia turun jugak jadi sebab itulah kontraktor tarik diri daripada projek tersebut dan sekarang ini sudah dimulakan balik sebagai projek baru dan terpaksa kena buanglah struktur tak molek, kena buanglah. Jadi yang kata runtuh, runtuh itu tak betul. Saya nak buat penjelasan yang kata runtuh itu tak betul, ya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Wakil Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Yang Berhormat Speaker, hak Yang Berhormat Air Putih khabor tu macam saya nak khaborlah. Cuma saya khabor pendek saja, tidak menjelaskan tapi saya nak beritahu bahawa projek itu terpaksa diruntuhkan jugak dan terpaksa buat hak baru.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tapi fakta lain tu. Teruskan, 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Yang Berhormat Yang Dipertua, begitu jugak tanah Tabung Amanah Warisan di Kertih, macam mana boleh tergadai kepada orang Cina daripada Pulau Pinang pulak tu kalau Cina Kemaman boleh gok tahan pasal dia sokong saya, ini merupakan amanah, Yang Dipertua.

Yang Dipertua, Kemaman merupakan daerah yang mempunyai kepentingan kepada negara Malaysia. Kuala Lumpur *liklak-liklak* yang comel, bangunan yang indah dan cantik-cantik semuanya duit yang diperolehi daripada duit dari daerah Kemaman.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Tadi cakap dah, cukuplah.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sekali je.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya takmboh beri, takmboh beri dah. Tuan Yang Dipertua, hari ini saya nak mohon kepada kerajaan oleh kerana daerah Kemaman daerah yang menyumbang sebahagian daripada hasil kepada negara maka biarlah Kemaman diberi penghormatan ataupun dinaik

tarafkan lebih baik daripada daerah-daerah yang lain bukan dipinggirkan. Tetapi oleh kerana Kemaman ini pusat industri yang sangat besar .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Cukai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Cukai, berilah satu laluan, tak apa saya tambah masa. Terima kasih Cukai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Dipertua, saya nak mintak Cukai bercakap biarlah ada fakta macam sahabat kita daripada Bandar. Apa daerah-daerah lain tidak istimewa ke? Saya ingat perbetulkan fakta, kalau ada kita terima fakta yang mengatakan sebegitu rupa.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih. Hak lain istimewa jugak .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila sambung Cukai.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Daerah lain istimewa jugak Tuan Yang Dipertua tapi daerah Kemaman ni kerana Menteri Besar dia orang Kemaman. Dan saya ucap terima kasih kerana orang Kemaman dipilih sekali lagi menjadi Menteri Besar dan saya berdoa supaya Menteri Besar saya ini selesai sampai sampai penggal ini, takmboh macam orang duk cakap Menteri Besar setahun, setahun. Mudah-mudahan tidak jadi begitu, ini doa saya, Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, masa barangkali nak habis dah. Saya nak masuk yang terakhirnya kerana ramai orang kacau saya ni ialah mengenai EPIC. EPIC adalah salah satu daripada anak syarikat kerajaan yang sangat berpotensi dan sangat baik berkembang di daerah Kemaman. Cuma baru-baru ini saya terkilan kerana syarikat daripada Singapura telahpun saman EPIC yang seolah-olahnya semacam melibatkan Menteri Besar kita yang melibatkan Pulau Kucing. Pulau Kucing ini setahu saya Jabatan Alam Sekitar hanya memberikan kelulusan pada tahun 2008 sahaja, selepas daripada itu tidak ada kelulusan daripada jabatan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ini dah masuk mahkamah ke belum ni dah saman?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dah masuk mahkamah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Jadi saya rasa perkara ini tidak boleh dibincang kerana melibatkan mahkamah, saya minta Yang Berhormat Wakil Cukai kita pergi kepada isu lain.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya cuma nak sebut kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar, dia saman tu kes lain yang saya nak cakapkan kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar mengenai kedudukan Pulau Kucing itu sendiri.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, tak apa sebab kita tidak mahu Dewan mengganggu apa yang diputuskan oleh mahkamah.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Okey, terima kasihlah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Isu lainlah.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Jadi saya rasa itu sajalah barangkali yang sempat saya katakan pada petang ini. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak-banyak Wakil Cukai, pertama kali pun nampak hebat, ya. Sekarang sudah hampir pukul 3.35 petang, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya minta untuk menangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pukul 3.55 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.35 PETANG.

PUKUL 3.55 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Sila Wakil Jertih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahir rabbil alamin. Wabihi nastain. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan, muslimin-muslimat rahimatullah sekalian.

Alhamdulillah, syukur dan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi menjunjung kasih di atas Titah Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu sempena Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Bagi Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas semalam. Sebelum terlupa terlebih dahulu saya ingin merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua di atas kepercayaan yang telah dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan dan saya yakin Yang Berhormat dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cemerlang. Dan dipohon agar semua daripada kalangan kita boleh memberi kerjasama kepada Yang Dipertua untuk menjaga kemuliaan Dewan dan perjalanan Dewan agar ianya dapat disempurnakan dengan jayanya, Insya Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menjunjung kasih serta merafak sembah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan yang telah menyempurnakan Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu Kali Ketiga Belas selepas kita semua melalui Pilihan Raya Umum baru-baru ini. Sesungguhnya Tuanku sebagai payung kepada rakyat, kesudian Tuanku untuk mencemar duli merasmikan Sidang Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu membuktikan bahawa keputusan yang telah dibuat oleh rakyat Terengganu iaitu dengan memberi kuasa kepada Parti Barisan Nasional untuk memerintah negeri Terengganu perlu diterima oleh semua pihak. Kita berharap agar semua pihak menerima bahawa pilihan raya sudah selesai dan tiba masa untuk kita bekerja bagi menunaikan tugas dan tanggungjawab serta untuk kita tunaikan janji masing-masing. Saya turut yakin di atas Titah Tuanku semalam sebagai pemandu arah kepada patik-patik Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu Darul Iman untuk menjalankan tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat bagi memacu pembangunan negeri demi kesejahteraan dan keamanan rakyat di bumi ini, bumi Terengganu Darul Iman.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam penggal yang lalu saya berdiri dalam Dewan ini bagi mewakili DUN Kota Putera dan pada hari ini sekali lagi saya mampu untuk berdiri di dalam Dewan ini mewakili DUN Jertih. Di dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada seluruh rakyat DUN Kota Putera yang telah memberi kerjasama semasa saya menjalankan tugas dan tanggungjawab saya di sana di penggal yang lalu. Dan di kesempatan ini jugak, saya ingin merakamkan terima kasih kepada rakyat DUN Jertih kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk berkhidmat bagi mewakili masyarakat DUN Jertih. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kita semua ini telah terpilih mewakili kawasan masing-masing daripada parti masing-masing dan terimalah keputusan ini bahawa ianya adalah merupakan ketentuan daripada Allah S.W.T.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah sebenarnya iaitu kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan seluruh petugas yang dilantik termasuk pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah menjayakan proses demokrasi pada Pilihan Raya Umum Yang Ketiga Belas baru-baru ini. Saya yakin dan percaya mereka telah menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dan amanah. Bagi yang masih tidak berpuas hati, kita semua dibenarkan untuk menghantarkan petisyen ke mahkamah dan jangan gunakan kaedah yang tidak dibenarkan seperti turun ke jalan raya, mengadakan sebarang perhimpunan yang tidak dibenarkan. Walaupun berbagai tohmahan dan andaian buruk dibuat kepada SPR, saya menganggap bahawa SPR sangat berjaya dan saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan syabas kepada SPR. Kita perlu ingat bahawa sebenarnya perjuangan kita adalah semata-mata untuk agama dan negara yang menjadi pegangan kita daripada dulu hingga sekarang cuma mungkin kaedahnya berbeza. Malaysia ini adalah tanah air kita dan inilah bumi kita yang perlu kita pertahankan untuk kesinambungan masa depan pewaris kita nanti. Janganlah ada di kalangan kita yang sanggup menggadaikan agama dan negara hanya semata-mata untuk kepentingan diri sendiri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, saya juga ingin mengambil kesempatan pada sidang pertama ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, Menteri Besar yang telah dilantik bagi penggal kedua untuk menerajui negeri Terengganu kita ini. Begitu juga kepada rakan-rakan saya daripada barisan Exco sama ada yang lama ataupun yang baru dipilih dengan harapan agar negeri Terengganu akan terus maju, maju dan cemerlang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan pendekatan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan Negeri' dan Insya Allah akan dibantu oleh barisan Exco dan kakitangan kerajaan. Di samping peranan

yang perlu dimainkan oleh pembangkang dengan sama-sama membuat cadangan dan teguran yang membina. Satu perkara yang perlu diambil perhatian dari Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan iaitu mengenai pembangunan yang perlu kita teruskan dalam memastikan rakyat memperolehi faedah dan meningkatkan taraf hidup mereka. Sebagai pihak yang dipilih rakyat bagi mewakili mereka sudah pasti mereka mahu melihat setiap wakil-wakil mereka bekerja dan berperanan secara bijaksana dalam membuka peluang-peluang yang boleh mereka nikmati supaya taraf hidup mereka akan berubah ke arah yang lebih baik dari sebelumnya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, semasa kempen Pilihan Raya baru-baru ini, pelbagai isu berbangkit termasuk isu Kalimah Allah. Dalam isu Kalimah Allah, UMNO daripada awal-awal lagi begitu tegas dan konsisten bahawa Kalimah Allah tidak boleh digunakan oleh agama lain termasuk Kristian kerana kepercayaan ketuhanan dalam Kristian adalah tidak menyamai dengan agama Islam ....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, baca ke Yang Berhormat Yang Dipertua, membaca ke?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Dan saya rasa amat bersyukur apabila dimaklumkan bahawa Majlis Syura Ulama PAS memutuskan bahawa kalimah ini tidak boleh diterjemahkan ke dalam mana-mana bahasa kerana tidak menepati kehendak makna sebenar daripada kalimah ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Jertih pandang saya sikitlah.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Ya?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tengok ke saya sikit.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Pasal dia tegur tadi. Demikian juga tidak boleh bahasa asing hendak diterjemahkan kepada Kalimah Allah. Oleh itu menterjemahkan kalimah 'God' atau 'Lord' daripada mana-mana kitab agama bukan Islam kepada perkataan Allah tidak dibolehkan kerana ianya salah dari segi makna dan tidak menepati kehendak sebenar yang boleh membawa kekeliruan di kalangan masyarakat. Ianya hendaklah dicegah dan kalau tidak silap saya demikian juga kenyataan rasmi oleh Majlis Syura Ulama PAS yang bermesyuarat pada 13 Januari 2013 yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, seperkara lagi adalah berkait dengan dan saya rasa perkara ini agak sensitif sikit ni iaitu berkait dengan 'Seluar Dalam'. Saya rasa tidak perlulah saya memanjangkan isu yang berbangkit semasa pilihan raya yang lalu berkait dengan 'Seluar Dalam' ini. Tetapi harapan saya supaya ada

kawan-kawan daripada mereka yang menjadi mangsa terhadap isu tersebut mengambil inisiatif untuk membuat penyiasatan agar masalah ini tidak berlarutan dan menjadi masalah kepada mereka yang terbabit.

Dan saya rasa terpanggil dalam kesempatan ini untuk menyuarakan hasrat yang seharusnya saya sampaikan daripada kawasan Jertih yang saya wakili iaitu yang pertamanya, bandar Jertih hari ini dan semakin hari nampaknya semakin sibuk. Bandar Jertih yang dulunya dikenali sebagai 'Bandar Cowboy' tetapi hari ini telah menghadapi masalah kesesakan jalan raya yang amat teruk ianya mungkin hasil daripada pembangunan yang dilaksanakan melalui pembukaan-pembukaan pusat-pusat pengajian di daerah Besut dan juga penempatan daripada Tentera Udara Gong Kedak. Maka dengan sebab itu saya tahu bahawa tugas dan tanggungjawab untuk mengadakan jalan raya ini adalah merupakan tugas dan tanggungjawab Federal tetapi saya pohon agar inisiatif diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini yang mana hari ini bukan sahaja kesesakan ini berlaku semasa hari-hari cuti umum tetapi ianya juga berlaku semasa hari-hari cuti minggu biasa.

Yang keduanya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, saya juga dapati bahawa iaitu di Mukim Pelagat terdapat lebih kurang 200 orang petani yang melibatkan diri dengan tanaman padi seluas lebih kurang 400 hektar yang mana hari ini petani-petani tersebut masih lagi menggunakan kemudahan tali air yang begitu usang. Saya juga difahamkan bahawa permohonan telah dibuat agar Skim Taliair Pelagat ini dimasukkan ke dalam Skim Taliair yang kita namakan Skim Pembangunan Pertanian Bersepadu ataupun IADA (Integrated Agriculture Development Authority) dengan izin. Tetapi sehingga ke hari ini permohonan mereka masih lagi belum berjaya dan saya mewakili mereka-mereka yang terlibat memohon agar usaha dibuat bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh para petani ini.

Dan seterusnya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, selain itu Besut juga merupakan sebuah daerah yang terkenal dengan pengeluar hasil-hasil pertanian dan juga kraftangan. Saya dapati ada satu lokasi tanah yang dimiliki oleh Pejabat Pertanian Negeri Terengganu yang mana terletak di Kampung Nyior 7 yang pada pandangan saya sangat sesuai untuk dijadikan hab bagi mempromosikan ataupun menjadikan satu tempat untuk memasarkan hasil-hasil pertanian dan kraftangan daerah Besut. Dan saya nampak kemudahan-kemudahan yang ada di sana hari ini tidak diurus dengan sempurna. Dan di dalam kesempatan ini saya memohon agar inisiatif diambil oleh Jabatan Pertanian Negeri dan mungkin mendapat kerjasama daripada FAMA, daripada YPU, daripada Jabatan Pelancongan agar apa yang dicadangkan itu akan menjadi realiti dan mendapat menafaat kepada masyarakat di daerah Besut khususnya.

Dan dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri Terengganu yang baru-baru ini telah mengambil inisiatif untuk mengindahkan Sungai Jertih yang mana dulunya sungai ini terbiar. Tetapi hari ini kita dapati Sungai Jertih bukan sahaja berubah wajah malah hari ini ramai daripada masyarakat-masyarakat telah menjadikan Sungai Jertih sebagai tempat berjogging, tempat *bercamping,* tempat beriadah. Cuma saya pohon agar pelaksanaan yang telah dibuat oleh kerajaan dipohon agar ada kos penyelenggaraan terhadap kawasan tersebut takut-takut nanti apabila ianya telah berubah wajah kepada sesuatu bukan sahaja indah tetapi boleh memberi menafaat kepada masyarakat sampai suatu masa nanti ianya tidak dapat ataupun dijaga dengan baik.

Berkait dengan pelancongan juga, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, saya juga dapati bahawa di DUN Jertih ada satu sungai yang namanya Sungai Manik yang sangat cantik dan sangat indah yang masih lagi belum diterokai. Walaupun begitu ada ramai daripada kalangan masyarakat yang mengetahui keindahan Sungai Manik ini telah pergi ke sana walaupun dengan cara yang agak susah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Jertih ada 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey. Jadi dengan sebab itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, saya memohon agar pihak kerajaan memikirkan cara bagaimana agar Sungai Manik di Mukim Pelagat ini dapat dibangunkan sebagai pusat pelancongan dan saya nampak cara yang mudah dan sesuai iaitu memohon agar pihak kerajaan menyediakan jalan masuk yang sesuai dan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan untuk kawasan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Tunggal tadi iaitu berkait dengan kemudahan hospital di Jertih. Sebenarnya saya juga bersetuju yang mana hospital di Jertih ini masalahnya telah berbangkit sekian lama dan saya rasa di dalam Dewan ini telah berulang kali permohonan dibuat oleh pelbagai Wakil-wakil/Yang Berhormat Kawasan agar Hospital Jertih ini dijadikan Hospital Berpakar. Dan saya percaya bahawa usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan. Sehingga kini, saya juga diberitahu bahawa pihak universiti iaitu UniSZA telah bersetuju untuk menjadi Hospital Jertih sebagai partnership untuk menempatkan pelajar-pelajar untuk belajar di Hospital Jertih. Tinggal lagi di Hospital Jertih ini tidak mempunyai tenaga-tenaga pakar yang memerlukan tenaga pakar untuk berada di hospital sana, ia perlu menaikkan taraf hospital tersebut kepada Hospital Berpakar. Dan saya rasa bangga kerana pada tahun yang lalu Hospital Kemaman telahpun berjaya dinaikkan kepada Hospital Berpakar dan saya

harap usaha yang dibuat oleh kerajaan pada kali ini tibalah kepada giliran Hospital Jertih pula kerana hari ini rata-rata penduduk rasa kecewa apabila ada bayi-bayi baru yang terpaksa lahir di Hospital HUSM atau Hospital Raja Perempuan Zainab di Kota Bharu disebabkan tidak ada kemudahan di Hospital Jertih dan tentu sekali warga negeri mereka akan menjadi warga negeri Kelantan. Dan kalau mereka cuai dan tidak mengambil tindakan untuk mengubah ataupun memohon untuk mendapatkan taraf rakyat negeri Terengganu maka mereka dengan sendiri dinafikan hak untuk mendapat kemudahan-kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan sebagaimana yang diperolehi oleh rakyat negeri Terengganu. Jadi dengan sebab itu, saya harap usaha yang dibuat oleh kerajaan negeri .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua, izin laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Jertih bagi laluan?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Sila.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya tertarik kepada Yang Berhormat Wakil Jertih tadi kata 'berusaha untuk mendapatkan jugak taraf warga negeri Terengganu' kerana bimbang jika tidak dapat hak keistimewaan rakyat negeri Terengganu. Jadi rakyat negeri Kelantan tidak dapat apa-apakah?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih kepada ADUN Jabi. Setahu saya ada rakan-rakan kita yang hari ini menetap di sempadan daerah Besut iaitu sama ada di Bukit Yong ataupun di Semerak, mereka mari berjumpa dengan kita untuk orang putih kata *'recommend'* dengan izin, untuk memberi sokongan kepada mereka agar mereka mendapat kerakyatan negeri Terengganu. Saya tanya? Dia kata jauh bezanya Terengganu dengan Kelantan yang mana kalau saya sebut satu persatu akan memakan masa yang agak panjang tetapi inilah realiti yang berlaku hari ini. Dengan sebab itu saya sangat mengharapkan agar kerajaan mengambil tindakan yang segera dan sementara menunggu kelulusan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan iaitu tugas dan tanggungjawab kerajaan federal, saya pohon agar kerajaan negeri boleh mengusahakan iaitu satu kerjasama dengan Kementerian Kesihatan agar kita memulakan dahulu proses pengambilan tanah di sekitar hospital tersebut kerana juga didapati bahawa bangunan-bangunan yang ada di tanah hospital sedia ada ini sudah cukup padat. Jadi mungkin dengan adanya inisiatif kerajaan negeri untuk mengambil balik tanah di sekitar hospital bandar Jertih .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi Y.B.?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Sikit lagi. Ia akan memberi satu kefahaman bahawa Kerajaan Negeri Terengganu memerlukan kelulusan dibuat dengan kadar yang segera. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, akhirnya di dalam Ucapan Perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ke atas seruan yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya kita semua mengutamakan soalan perpaduan dan memperkukuhkan silatulrahim di kalangan kita walaupun pada dasarnya mempunyai ideologi politik yang berbeza. Dan saya dapat melihat bahawa suasana sidang Dewan pada hari ini nampaknya jauh berbeza dengan sidang Dewan dalam penggal yang lalu. Nampaknya *juruh-juruh* belaka, nampaknya ada usaha-usaha supaya borang-borang kelulusan untuk kemudahan rakyat Terengganu juga diberi kelonggaran untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat parti pembangkang untuk tandatangan. Dan saya juga melihat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua, laluan sikit. Tadi kata 5 minit, ini dah lebih dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Batu Burok, nak habis dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ladang bukan Batu Burok.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Ya, Ladang. Sorry, minta maaf, Ladang. Kerana saya tengok telah ada tanda-tanda perubahan yang mana hari ini sebagaimana Titah Tuanku Al-Sultan yang hendak melihat kita bersatu padu sebagaimana dua-tiga hari yang lalu, saya rasa amat gembira apabila negeri Kelantan sanggup menjadi tuan rumah kepada Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Bukan setakat itu malah Menteri Besar Terengganu juga bersama dengan Menteri Besar jugak bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa majlis perasmian. Cuma diberitahu kepada saya iaitu Hajah Faridah, dia kata semasa dia 41 tahun hari itu kata orang perempuan tidak boleh mengaji (dalam Tilawah) Quran bila umur dia 61 tahun baru royat kata boleh pulak. Masa 41 hari itu umur dia, suara dia gagah lagi, lening suara dia *dokrok* dah tapi alhamdulillah kita tengok ada tanda-tanda perubahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Dan akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mengharapkan agar kita semua menerima Qadha' dan Qadar apa yang berlaku hari ini. Saya mengharapkan kita semua mempunyai sikap cukup-cukuplah tu untuk berarak di tepi jalan. Kita kalau masih lagi tidak berpuas hati, saya harap supaya kita gunalah kaedah yang dibenarkan oleh mahkamah, oleh kerajaan kita agar apa yang kita buat tidak mengundang untuk musuh-musuh kita mari menghancurkan umat Islam dan negara kita.

Saya ingat itulah sahaja Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan. Saya pohon menyokong. Sekian, assalamu alaikum warahmatulllahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Jertih. Kita teruskan Wakil Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati sekalian.

Tuan Yang Dipertua, pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan saya peluang membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas. Izinkan saya merakamkan sekalung penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan kerana berupaya memberi Titah Ucapan berkesan dengan segala perangsang dan suntikan semangat sekali gus membuktikan komitmen baginda yang tinggi terhadap masa depan rakyat berbilang kaum dan agama di Terengganu dan Malaysia amnya untuk terus hidup harmoni dan sejahtera di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai 'Negeri Maju' pada tahun 2020 yang lebih kurang 7 tahun lagi. Apakah persediaan yang telah dibuat oleh kerajaan negeri dan yang kedua adakah rakyat kita telah bersedia. Kita akan melalui berbagai cabaran untuk menjadi sebuah 'Negeri Maju'. Yang pertama, iaitu perpaduan kerana perpaduan ini merupakan asas keamanan, kemakmuran untuk menuju ke arah sebuah 'Negeri Maju'. Kerajaan dapat diumpamakan sebagai sebuah kapal yang belayar di lautan yang tenang. Namun tenangnya air di lautan itu tidak memungkinkan kapal ini terus belayar dengan tenang sekiranya orang-orang yang

berada di dalam kapal itu sentiasa bergolak dan berkelahi sesama sendiri. Dalam memastikan pergolakan dan perkelahian ini dapat diatasi agar kapal akan terus belayar dengan baik, perpaduan perlu ditekankan agar kapal yakni kerajaan tersebut dapat belayar dengan baik. Masihkah kita ingat kepada peristiwa berdarah yang telah berlaku di negara kita. Masihkah kita ingat Tragedi 13 Mei 1969 yang telah berlaku di Kuala Lumpur. Peristiwa itu telah menampakkan ketiadaan perpaduan di antara kaum di negara ini dek kerana kuasa politik. Satu persoalan pokok yang perlu kita tanya kepada diri kita sendiri, adakah kita sama-sama membentuk perpaduan agar kerajaan yang dibentuk hari ini dapat bergerak maju ke hadapan serta berdaya saing. Pada dasarnya lagi, kerajaan berdaya maju adalah kerajaan yang terus berusaha untuk menyediakan eko-sistem terbaik agar setiap warga dapat mengembangkan potensi dan bakat mereka secara optima. Oleh yang demikian, saya berpendapat, kerajaan yang dibentuk perlu terus berkhidmat kepada rakyat dengan memakmurkan kehidupan serta memelihara kebajikan mereka. Sejarah tanah air telah terbukti, selama ini kerajaan yang memerintah berjaya menangani aspirasi rakyat terbanyak. Sejak sekian lama kerajaan bersungguh untuk mewujudkan eko-sistem terbaik bagi merealisasikan hasrat untuk menjadi sebuah 'Negara Maju' serta berpendapatan tinggi iaitu Kerajaan Barisan Nasional. Tetapi pada hari ini kita dapat melihat sesetengah pihak cuba mewujudkan suasana huru-hara bagi menganggu ketenteraman awam dan menanam sifat kebencian sesama rakyat seperti Bersih 1.0, 2.0, 3.0 dan Himpunan Black Out. Kita harus akui tugas membentuk perpaduan adalah satu cabaran yang berat kepada kerajaan hari ini. Tambahan pula terdapat sesetengah pihak yang memulakan suasana huru-hara dan menyebabkan perpaduan di kalangan rakyat semakin sukar .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Pohon laluan sekali. Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Rakit .....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Kita lewat dah ni, saya ingat nak teruskan ajelah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nak tanya sikit saja.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Rakyat yang tidak tahu menahu .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): ... untuk membenci kerajaan. Segala tindak tanduk .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Manir duduk dulu, dia tidak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): .... yang kerajaan laksanakan semuanya dilihat dalam sudut yang negatif.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Dipertua Dewan, baca teks tu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): .... Persepsi negatif, diwujudkan untuk membenci kerajaan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bukit Payong duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Selari dengan dasar kerajaan persekutuan yang menekankan perpaduan nasional sebagai aspek terpenting. Kita di Terengganu juga perlu berlapang dada menekankan aspek perpaduan.....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, tadi markah penuh dah Yang Dipertua, ini kurang balik dah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab benda ini fakta ni, jadi kena tengok tekslah sikit.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hah! Baca terus tu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Hak dok fakta pun baca jugak.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Rakyat hidup dengan keadaan aman dan tenteram tanpa mengira ideologi politik. Kita kena akui tanpa adanya perpaduan yang kukuh bagaimana untuk kita mencapai taraf hidup yang lebih baik. Perpaduan itu tidak bermakna jika aspirasi, kebimbangan dan kepentingan setiap warga tidak diambil kira. Perpaduan akan hanya menjadi ritorik, kosong jika pencapaian tidak diutamakan. Makanya marilah kita menilai sesama kita bukan kerana warna kulit tetapi nilailah berasaskan keikhlasan dan integriti. Dan cabaran yang kedua, ialah mewujudkan masyarakat saintifik iaitu masyarakat berpandangan ke depan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Batu Rakit, tengok sikit ke saya.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih. Tuan Yang Dipertua, terima kasih kepada kerajaan negeri yang melaksanakan banyak program yang berkaitan dengan bidang sains dan teknologi yang menjadi perhatian serta perbincangan kita sekarang. Bidang ini adalah berkaitan dengan satu penguasaan ilmu sains pada praktikal dalam bidang industri atau kehidupan. Sementara teknologi hijau ialah aspirasi sains, alam sekitar untuk memelihara sumber dan alam semulajadi seperti tenaga, air dan sebagainya secara minimum untuk menghasilkan produk. Ia juga akan membantu untuk meningkatkan kualiti udara dan air yang menjadi sumber penting kepada manusia. Oleh sebab itu, kita berharap kerajaan dapat menyimpan sumber air yang sebaiknya untuk negeri kita tidak sebagaimana yang berlaku di Selangor. Tuan Yang Dipertua, antara matlamat penting pembangunan negeri untuk adalah melahirkan rakyat yang cekap dalam sains dan teknologi. Ini bermakna minda rakyat sekarang mesti diubah dan diperbaiki. Rakyat Terengganu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Said akan didedahkan semaksimum mungkin dalam pengetahuan sains dan teknologi. Ini hanya dapat dilakukan sekiranya pelajar disemai dengan sikap ingin tahu yang tinggi tetapi sebenarnya amat penting untuk membentuk kebolehan berfikir di luar batas kebiasaan. Maka pembahagian e-Book adalah menepati penguasaan awal dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar dan rakyat Terengganu. Tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional Terengganu. Sebagai agen perubahan haruslah .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Laluan, laluan, laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dok beri *sokmo, guana gini*. Beri gok sekali.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): ..... merangsang dan menggalakkan murid-murid di sekolah untuk berfikir lebih jauh dan luas dari normal dengan bantuan alatan teknologi dan bukannya menyekat kreativiti mereka. Di samping itu, saya mencadangkan supaya kerajaan juga ....

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Yang Dipertua, dia dok tengok Yang Dipertua macam dok berahi aje tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, kita gunakan semangat setia kawan. Pasal 47(4) itu boleh dipakai. Saya faham. Sila Y.B. Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Di samping itu saya mencadangkan supaya kerajaan juga menitik berat dan memberi peruntukan kepada murid-murid yang lemah dan yang tercicir. Sebab itu kita dapati latihan perguruan di Institusi Pendidikan Guru sekarang lebih menekankan elemen pemikiran kreatif dan kritikal supaya para guru mampu berfikir di luar batas kelaziman untuk menguasai bidang sains dan teknologi yang sentiasa bercambah.

Seterusnya, dalam soal kemudahan asas. Dalam kita nak menuju kepada 'Negeri Maju', kemudahan asas kita hendaklah cukup. Tuan Yang Dipertua, Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Yang Diutamakan yang menjadi tonggak pembangunan semasa bagi memacu perpaduan nasional dan kestabilan negara akan terus menjadi tunjang pentadbiran negeri dengan slogan 'Merakyatkan Pentadbiran Kerajaan', slogan ini diperkukuhkan lagi dengan dua teras utama kepimpinan kerajaan iaitu Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi. Bertujuan untuk mewujudkan bagi memperbaharui fokus pencapaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dan juga Model Baru Ekonomi supaya yang tiga prinsip berteraskan kepada berpendapatan tinggi merangkum kemampan bagi memacu ekonomi dan meletak kedudukan negara yang berdaya saing secara strategik di dalam ekonomi serantau. Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan terus mempertingkatkan lagi projek-projek infrastruktur seperti projek membina dan menaik taraf jalan, parit, longkang, menaik taraf pejalan kaki dan memasang lampu-lampu jalan. Juga projek kemudahan awam seperti membina Dewan Orang Ramai, membina pondok menunggu bas, tandas awam dan kemudahan rekreasi. Yang ketiganya, projek-projek sosio ekonomi seperti projek membina dan menaik taraf pasar awam, gerai dan tapak pasar pagi.

Di samping itu juga, saya ingin menarik perhatian mengenai kawasan saya. Saya berharap kerajaan dapat mempercepatkan proses penyelesaian tanah yang telah diusahakan lebih daripada 20 tahun yang belum diberi hak milik. Yang keduanya, saya juga berharap dapat membuka peluang penempatan baru iaitu pembahagian tanah kepada generasi-generasi baru untuk tapak rumah. Dan yang ketiganya, mendirikan Rumah Mampu Milik bagi memenuhi permintaan rakyat yang berpendapatan rendah.

Sekian. Terima kasih. Saya, Batu Rakit, pohon menyokong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Batu Rakit. Kita sempat untuk satu lagi. Sila Wakil Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan serta Pemerhati sekalian.

Pertamanya, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana memberikan ruang masa yang terhad ini kepada saya untuk berucap. Saya ada beberapa soalan yang ditanya pada hari ini dan juga besok tetapi soalan saya telah ditolak. Jadi saya ambil ruang untuk bercakap khususnya berkait dengan DUN saya, DUN Alur Limbat yang merupakan suatu keperluan segera untuk diselesaikan iaitulah persoalan Sekolah Menengah Alur Limbat yang mana sekolah ini telah dibahaskan dalam Dewan berkenaan dengan isu sekolah ini yang asal tapaknya tasik yang mana dibuat sekolah sekarang ini telah mendap sehingga sekitar 4 atau 5 kaki telah mendap sekarang ini yang sangat bahaya. Jadi soalan saya kepada pimpinan kerajaan, adakah sekolah ini ingin diteruskan dengan pembaikiannya ataupun hendak dibina yang baru? Cadangan daripada saya supaya carilah tapak yang lain kerana ianya sangat jauh daripada penempatan penduduk. Kampung Alur Limbat ialah kampung yang hujung sekali, sekolah ini 2 kilometer daripada kampung. Itu isu yang pertama. Isu yang kedua, ianya sangat bahaya. Kami bukan bercakap atas dasar politik, kami bercakap atas dasar keselamatan. Kalaulah anak saya duduk di Kampung Alur Limbat saya tak akan hantar anak saya ke sekolah tersebut. Adakah kerajaan boleh beri jaminan apabila dibaiki sekolah ini ia takkan jatuh lagi atau mendap lagi dan bangunannya di mana istilah orang Terengganu kata *'ngekah'* dah, nampak rangka dan sangat bahaya dan kita tidak mahu yang Terengganu dikenali sebagai 'Darul Runtuh' ditambah lagi dengan keruntuhan demi keruntuhan yang sangat membimbangkan rakyat. Jadi saya mintak kepada pihak kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya pergi sendiri melihat jangan sekadar pegawai sahaja pergi lihat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Alur Limbat, nak tanya Terengganu apa? Darul apa tadi?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang disebut sebagai 'Darul Runtuh'.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Siapa yang sebut tu sebab saya nak tahu juga ni.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sebab saya tengok, baca dalam surat khabar, wallahu wa'lam.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, teruskan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Itu satu isu yang saya nak sebut secara ringkas. Kemudian sikit lagi saya nak tambah berkenaan dengan isu sekolah. Dalam DUN saya yang betul-betul ada, yang jumlah lebih daripada 20,000 penduduk ada sebuah sekolah sahaja sekolah menengah, yang lainnya Sekolah Padang Midin, sekolah dalam DUN, kemudian hak lain di pinggir-pinggir saja, menumpang saja seperti Sekolah Bukit Payong, Tun Telanai misalnya dan Sekolah IMTIAZ, IMTIAZ itu orang luar masuk dan sebahagian sahaja daripada penuntut Alur Limbat. Jadi saya harap perlu disegerakanlah di tempat yang lain di sekolah baru, itu yang pertama.

Kemudian saya ada soal isu berkenaan dengan litar lumba, saya nak tanya. Saya difahamkan dalam Dewan yang mulia ini telah ditimbulkan isu pembinaannya dan semacam ada, wallahu wa'lamlah, jaminanlah supaya selesai pada tahun ini ataupun tahun lepas kerana masalahnya adalah belia-belia pada hari Jumaat dan Sabtu jalan-jalan di sekitar Kuala Terengganu ini sehingga saya lihat penguasaan pengurusan daripada pihak Polis sudah tidak boleh menyelesaikan isu Rempit ini. Dan apakah usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan isu ini. Dan saya ada tanya juga berkait dengan isu tandatangan, dah sahabat-sahabat dah bercakap dah. Jadi kesimpulan saya nak buat kerana soalan ini saya tanya ditolak tapi hampir semua Ahli-ahli Dewan termasuklah daripada kerajaan, pihak Backbencher mintak supaya dan timbul isu perpaduan. Dan memang kita mintak sebab ada kegelisahan di peringkat bawahan tentang perkara yang berkait dengan ini. Kita sebenarnya tak apa, kami tak kisah tidak tandatangan yang menjadi masalahnya penduduk kampung yang mereka yang memang anak orang UMNO pun terpaksa datang/pergi dengan bersusah payah. Jangan dera, jangan boleh orang kata kerana dendam atau kerana apa. Minta maaf dalam Dewan ini saya terpaksa sebut kerana ada rakyat yang kata begitu. Dan saya harap dengan ulasan, penjelasan dan mungkin besok akan dijelaskan dan saya mendoakan supaya terbuka hati kerajaan untuk balik kembali kepada asal.

Tadi ada Wakil Batu Rakit sentuh isu yang berkait dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Memang kita dengan Suruhanjaya Pilihan Raya, kita tak kata, memang alhamdulillah, kita duduk dalam Dewan ini jugak hasil daripada pilihan raya yang dikendali oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Cuma macam mana Pengerusi SPR sendiri Dato' Aziz Yusof akhirnya mengakui bahawa beliau sangat kecewa dengan isu dakwat kekal misalnya dan juga isu-isu lain yang sedang diperjuangkan oleh kami sekarang ini. Jadi kita taklah kata sehingga tak nampak isu-isu yang macam ini sehingga .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Perkara ini masuk mahkamahkan?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Belum, belum, ini pengakuan daripadanya. Dan Petisyen Pilihan Raya yang paling banyak dalam sejarah membuktikan di sana terlalu banyak kepincangan bukan sahaja daripada pihak pembangkang (Pakatan Rakyat), kita ada 35 dan sehingga 60 semua sekali Petisyen Pilihan Raya yang juga daripada pihak Barisan Nasional sendiri, semacam mengakui bahawa di sana terdapat kepincangan di dalam pelaksanaan pilihan raya dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas baru-baru ini.

Dato' Yang Dipertua, menjunjung kasih kepada Tuanku Al-Sultan yang telah menyentuh perkara yang saya nak sentuh khusus pada hari ini adalah ..... Dato', maaf, Insya Allah saya doa, akan datang. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, baginda Sultan telah menyentuh isu ICT. Saya nak sentuh sikit sahaja. Kerajaan mesti mengoptimumkan leverage dengan izin, penggunaan ICT. Sejauh mana kerajaan menyediakan prasarana dalam pelaksanaan *Government 2.0*, sejauh mana, buat dah tapi dari segi pelaksanaannya yang memerlukan *engagement* dan collaboracy antara kerajaan dengan rakyat. Apakah hala tuju dan dasar kerajaan negeri untuk menjadikan negeri Terengganu sebagai *'Intelligent State'.* Apakah pelan kerajaan negeri untuk menyediakan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan, *Service Delivery Online* dengan izin, berapa banyakkah yang telah *dionline,* berapa yang akan *dionline,* ini soalan yang saya nak tanya kerajaan khususnya di bidang/bahagian ICT. Tuan Yang Dipertua Dewan, Terengganu antara negeri yang ketinggalan berbanding dengan Selangor, Johor, Penang hatta Kedah sendiri di dalam pelaksanaan *High Speed Broadband (HSBB).* Walaupun telah dilancarkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita UniFi pada 12 Julai 2012, di Kawasan Perindustrian Telok Kalong tapi setakat ini malangnya di situ sajalah, bila nak sampai ke Kuala Terengganu ini yang dikenali Bandaraya Pesisir Pantai, nak buat pembangunan dan sebagainya. Kami mengharapkan supaya kemudahan UniFi ini disegerakan untuk Kuala Terengganu dan juga kawasan selain daripada Teluk Kalong. Dengan adanya UniFi atau lain-lainlah yang untuk mempercepatkan akses kepada internet ini akan memberi kesan dengan melambatkan kepada kalaulah tiada perkara itu, pembangunan akan menjadi walaupun ada dari segi zahir pembangunannya sekarang ini orang melihat industri perniagaan berasaskan kepada internet adalah perkara yang paling maju sekali ke depan. Antaranya juga saya nak sentuh tidak banyak *Public WiFi* untuk mengakses internet disebabkan akses internet ini tidak mencapai kepada tahap yang boleh dibanggakan. WiFi percuma di kampung nampaklah beberapa kampung yang ada. Saya lihat kajian, data-data dan juga maklumat, Terengganu sangat ketinggalan, saya ada kajian yang saya dapat daripada Komunikasi dan Multimedia, buku maklumat SKMM (MCMC) ini dia ada sebut negeri-negeri ini dan kita kalau tidak sangat ketinggalan pun tapi masih ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri yang lain .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Pohon laluan Alur Limbat, pohon laluan sekejap, nak tanya se je.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alur Limbat?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Masa nak habis dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Sekejap aje.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya takmboh beri.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya tambah masa, atas setia kawan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey, biarlah, tak apalah dok, cakap semulalah, biar cakap di luarlah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Fakta itu tak masuk Bestari.Comm sebab kita ada 6 di setiap daerah, SKMM tak masuk Bestari.Comm.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak, saya tak kata daripada ini tapi kajian dia. Kajian daripada yang saya .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Sebab itu saya kata fakta, kena perbetul fakta tu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Betul, memang saya tak sebut Bestari, memang saya cakap ni isu berkenaan .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bestari.Comm ni akses *free internet.* Yang Berhormat cakap pasal akses tadi .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya nak beritahu bahawa Bestari.Comm yang ada yang diberitahu berbanding dengan negeri-negeri yang lain kita sangat ketinggalan walhal duit kita banyak, kewangan kita banyak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Negeri lain tidak ada Bestari.Comm, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Betul. Kalau pun takdok nama Bestari.Comm tapi dia akses data WiFi mereka secara percuma yang begitu banyak. Saya ada fakta dia, Penang dan seumpamanya, tak usah nak bandinglah dengan negeri-negeri yang lain memang mereka sangat maju.

Yang kedua, Yang Berhormat Ladang kata selalu sebut isu e-Book, saya juga nak sebut saya rasa belum saya jadi Yang Berhormat pun saya rasa macam mana kerajaan boleh fikir pemberian e-Book kepada setiap pelajar. Saya fikir anak-anak kita yang cerdik kalau beri e-Book itu okey, kita boleh terima. Tapi apabila anak-anak yang masih tidak tahu membaca diberi e-Book walhal anak yang cerdik yang dapat 5A plus-plus, kita tanya dia, saya buat kajian secara yang tidak saintifik hampir semua tidak menggunakan pembelajaran yang ada di dalam e-Book, mereka saya kata fully 99.99% dengan izin, hanya main game aje. Jadi saya harap supaya diadakan secara jujur, minta kajian yang dibuat secara serius, kalau dah buat kajian okey. Dan nak dibawa di sekolahpun, sekolah kebanyakannya kata doksoh bawa, dah nak bawa beg sekolah lagi, nak bawa e-Book lagi. Ada yang jatuh basikal pun kerana nak bawa dua-dua sampai di sekolah plug takdok pulak, nak suruh charge di rumahlah, apalah dan tidak dibenarkan sesetengah tu untuk dibawa ke sekolah. Jadi ianya telah berbangkit begitu lama isu ini, walhal sebaiknya saya nak mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini beberapa perkara yang berkait mungkin nak tambah kepada ADUN Air Putih tadi. Yang pertama, kerajaan dicadangkan supaya wujudkan Pengkalan Data Rakyat Terengganu *(Terengganu Citizen Registry).* Tujuannya untuk menyimpan semua maklumat rakyat mengikut life cycle dengan izin, rakyat bermula daripada lahir dia, belajar dia, kemahiran dia, kesihatan dia, perkahwinan dia, keluarga dia dan pekerjaan dia. Itu yang pertama kita cadang. Kemudian yang kedua, laksanakan 'Aplikasi Keselamatan Rakyat'. Apabila berlaku ancaman keselamatan, rakyat boleh tekan satu butang *smartphone* aje sekarang ini, macamlah CCTV yang ada di jabatan-jabatan, kita boleh control melalui *smartphone.* Jadi kita control di situ aje, kita boleh tengok apa yang berlaku di pejabat kita. Seperti Pejabat Menteri Besar kita boleh tengok kerani dia buat benda dalam smartphone kita, contohnya. Ini juga dari sudut keselamatan, dari segi lokasi kejadian akan dihantar ke Bilik Gerakan Polis, pihak Polis akan hantar pasukannya yang berdekatan dengan tempat kejadian. Jadi di *Selangor Mydistress,* walaupun kata isu air, isu ini, kena ingat Selangor ini dia takdok Kenyir, takdok ini, jadi dia sumber terhad. Kalau kita memerintah di sanapun sama juga sebenarnya, kalau itulah jadi isu tetapi Kerajaan Selangor berjaya selesai isu air. Jadi Kerajaan *Selangor MyDistress,* jadi saya harap kalau secara jujur boleh kita lihat balik perkara ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, Alur Limbat kita ada 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey, saya ambil masa 3 minit untuk selesaikan cadangan saya. Yang ketiga, saya mencadangkan kerajaan mengadakan Program Kesedaran Penggunaan Teknologi ICT dalam melahirkan usahawan berinovasi. Kerjasama dengan agensi kerajaan pusat seperti MIMOS, MDEC, MSC, MAMPU serta dengan pihak swasta, seperti Telekom dan lain-lain. Seterusnya, adakan usahasama dengan universiti dalam membuat R&D dalam bidang yang sesuai dengan kerajaan negeri, secara umumnya dalam bidang sains dan teknologi. Dan yang kelima, memperbanyakkan Public WiFi yang saya cadangkan tadi untuk mengakseskan internet walaupun dah ada mintak ditambahkan lebih banyak lagi. Dan saya nak mencadangkan jugak supaya Sidang Dewan Undangan Negeri dibuat secara live, dulu pernah masa kita jadi kerajaan, kita buat secara live walaupun ada soalan, ada bangkangan yang kata sekarang ini lebih baik daripada perbahasannya, macam itulah maksudnya secara live, apa salahnya seluruh dunia melihat perbahasan kita dan boleh menilai Dewan Undangan Negeri kita ini, ini cadangan daripada pihak Alur Limbat. Dan yang tadi mengkaji keberkesanan pemberian e-Book kepada pelajar sekolah dan dengan cadangan saya, kaji, beri kepada murid boleh beri tapi buat kajian dan diberikan kepada guru. Yang Dipertua Dewan adalah bekas Pegawai Pendidikan, pegawai besar, sekarang ini guru-guru dibebankan dengan PBS, jadi guru-guru ini terpaksa banyak menggunakan internet, semua guru key-in data keputusan periksa semua kena masuk dalam komputer, *computerise* belaka. Sesetengah cikgu pukul 3.00 pagi, 2.00 pagi duk key-in lagi, kadang-kadang tidak tidur. Dan dengan kelemahan internet yang ada di negeri kita ini, pergi di sekolah masalah internet lemah, balik ke kampung pulak dokleh jugak, oleh kerana terpaksa disiapkan juga, ada sesetengah itu mari ke bandar ini pulak untuk selesaikan perkara-perkara ini dan sangat-sangat ....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan sekali Yang Dipertua. Boleh ke tidak?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya nak berhenti dah, tak payahlah.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Takmboh dah. Okeylah. Nak tanya tak berapa faham.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah nak tanya apa, tanyalah.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Boleh?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Allah, terima kasih banyak-banyak Alur Limbat, sahabat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kita tanya tak boleh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Wakil Telemong.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Dipertua, boleh beri masa sikit lagi kepada saya.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya nak tanya tadi, pertamanya berkaitan dengan kampung-kampung di negeri Terengganu ini lemah sangat talian internet, Alur Limbat ke di mana? Sebab Telemong sampai ke Kenyir nun penuh, boleh, orang Telemong akses internet belaka. Saya tak faham di kampung mana, itu yang saya tak faham tu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya tidak menyatakan Yang Dipertua, negeri Terengganu ini paling lemah tapi kita memang agak ketinggalan, antaranya UniFi, ia memang *slow*. Dan saya nak cadangkan jugak bila Telemong cakap, kita duk bincang nak memajukan Pulau Bayas, pulau apa, kita haraplah benda ini boleh selesai sehingga duduk di pulau mana-mana pun di Kenyir tu supaya pelancong sampai tu, dia selesa. Ini bila kita pergi, naik bot, takdok dah, putus dah hubungan. Jadi saya rasa cukuplah sekadar itu, wallahu wa'lam. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam. Terima kasih banyak-banyak Wakil Alur Limbat. Sekarang sudah hampir pukul 5.00 petang. Alhamdulillahir wa syukrullillah. Saya mengucapkah syabas dan tahniahlah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini. Bagi saya nampak kewujudan, penjelmaan dari segi 'mawaddah warahmah'lah, alhamdulillah, ada nampak sikap setia kawan dan ini menampakkan Insya Allah, bibit-bibit akan lahirnya 'ummatan wasata', Insya Allah.

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menangguhkan Dewan ini sehingga esok hari, Rabu 19 Jun 2013, jam 9.30 pagi. Sebelum kita bersurai marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 19 JUN 2013

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Mohd Zubir bin Embong, AMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.,AMN.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, DPMT.,SMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Haji Rozi bin Mamat, SMZ.,AMT.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Mahdi bin Musa
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DSMZ.,DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Tuan Haji Azhar bin Jusoh, AMT.,PJK.

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi yang mulia ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. Amin, amin, Yarabbal Alamin.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya pada pagi ini terlebih dahulu mengalu-alukan kehadiran para Pemerhati yang terdiri daripada Pengerusi serta ahli-ahli SERIKANDI, Senator-senator, Pejabat Daerah Kuala Terengganu (Unit Pembangunan Fizikal), Pejabat KEMAS, Sekolah Menengah Sultan Sulaiman Kuala Terengganu, Sekolah Menengah Kebangsaan Landas, Sekolah Menengah Kebangsaan Lela Segara dan seterusnya daripada DUN-DUN, DUN Kijal, DUN Bukit Tunggal, DUN Jabi, DUN Sura, DUN Rantau Abang, DUN Paka, DUN Cukai, DUN Alur Limbat, DUN Manir, DUN Tepoh, DUN Ajil, DUN Bandar dan akhir sekali daripada Parti Islam SeMalaysia (PAS). Jumlah Pemerhati pada pagi yang mulai ini ialah seramai 273 orang. Selamat datang saya ucapkan kepada para Pemerhati sekalian.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, meneruskan kepada agenda kita pada pagi ini ialah Soalan-soalan Lisan. Bagi memulakan soalan pertama, saya menjemput Yang Berhormat Jertih. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya soalan yang kedua –

> *Apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri dalam meningkatkan sektor industri pelancongan negeri Terengganu sempena Tahun Melawat Terengganu 2013?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Wakil Jertih, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan negeri telahpun membuat beberapa langkah untuk memajukan lagi industri pelancongan dan termasuklah memperbaiki dan menambah nilai kepada program-program yang telahpun dibuat di masa-masa yang lepas. Langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut:-

i. Menambahkan iklan supaya lebih ramai mengetahui sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri.

ii. Pengiklanan dan promosi melalui beberapa media.

iii. Menambahkan publisiti.

iv. Penyertaan di dalam ekspo-ekspo supaya ramai yang lebih menarik dan mengetahui apakah perkara-perkara yang boleh dilawati di Terengganu.

v. Penganjuran acara-acara yang besar bagi memperlihatkan keupayaan negeri Terengganu sebagai destinasi pelancongan yang baik.

Fokus utama juga telahpun diberikan oleh kerajaan negeri supaya minat pelancong sama ada di pulau, di darat ataupun di tasik akan terus diberi perhatian supaya minat ini selaras untuk kita bangunkan bersama-sama dengan kerajaan negeri dan swasta dan minat ini merupakan pilihan pertama oleh pengunjung. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalan tambahan. Yang Dipertua, ada dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan semasa Majlis Perasmian Dewan yang mana Tuanku Sultan amat bangga dan memuji program-program yang dibuat untuk merancakkan sektor pelancongan di negeri Terengganu. Yang Berhormat Yang Dipertua, juga disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan agar program-program di Tasik Kenyir dapat disempurnakan menjelang 2014. Dengan ini soalan tambahan saya Yang Dipertua, apakah dalam jangka masa tersebut perancangan-perancangan yang kita buat dapat dilaksanakan dan sehingga hari ini apa yang telah siap dan apa lagi yang belum siap? Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Dipertua, terima kasih atas soalan tambahan. Di antara perkara yang sedang dilakukan di Tasik Kenyir ialah Kawasan Bebas Cukai, ini merupakan perkara yang terkini. Di samping itu juga beberapa destinasi yang lain yang juga telahpun dibuat di Tasik Kenyir untuk menambah nilai kepada pelancong. Mengenai Kawasan Bebas Cukai kita jangkakan kawasan ini akan beroperasi pada penghujung tahun 2014 ataupun awal tahun 2015. Beberapa lagi kemudahan yang kita sediakan di Tasik Kenyir bagi menampung kemudahan terutamanya accomodation ataupun penempatan kepada pengunjung. Buat masa sekarang terdapat 264 unit resort dan juga hotel yang telahpun disediakan dan kita berharap dengan siapnya Kawasan Bebas Cukai akan ditambahkan lagi sebanyak 600 bilik menjadikan kesemuanya 1,106 unit bilik. Dan dengan ini kita berharap masalah tempat tinggal pelancong di kawasan Kenyir akan tidak timbul lagi. Selain daripada itu juga, ada beberapa kawasan di Tasik Kenyir yang telah disediakan

bagi menarik minat pelancong yang mungkin jugak tidak ada di tempat lain atau di negara lain sebagai contohnya yang pertamanya, Santuari Kelah di Sungai Petang, Taman Herba di Pulau Sah Kecil, Sejarah Gua Bewah dan Gua Taat di Taman Negara, beberapa lagi air terjun termasuklah Air Terjun Lasir, Sauh, Tembat dan lain-lain. Dan satu lagi Pemuliharaan Santuari Gajah di Sungai Ketiar yang mana perkara ini ramai yang menyebut ianya membazir tapi dari segi kemanusiaan dan keunikan alam bahawa gajah ini perlu diselamatkan untuk dijadikan satu bahan pelancongan di mana kita harapkan gajah ini tidak akan pupus di bumi Terengganu. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang Dipertua, soalan tambahan kedua. Projek ini adalah melibatkan jumlah kewangan yang agak tinggi tentu sekali banyak faedah yang menanti kita. Cuma saya nak tanya adakah faedah secara langsung atau tidak langsung yang akan dinikmati oleh rakyat negeri Terengganu dan juga khasnya kepada penduduk-penduduk sekitar Tasik Kenyir diberi penerangan kepada mereka agar rakyat Terengganu dan penduduk sekitar Tasik Kenyir berada dalam keadaan yang bersedia. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tuan Yang Dipertua, sesuatu perancangan kerajaan tentu sekali telahpun dibuat kertas kerjanya dan beberapa penilaian sama ada untung ataupun rugi kepada negeri dan rakyatnya. Dengan pelancaran program di Tasik Kenyir ini adalah satu-satunya harapan kerajaan supaya yang pertamanya menjadikan pelancongan sektor kedua selepas petroleum sumber ekonomi yang besar di negeri Terengganu. Di antara yang paling penting kepada destinasi pelancongan ialah tasik dan kita bertuah kerana kita ada satu tasik buatan manusia yang begitu indah lagi menarik. Antara faedah kepada rakyat iaitu kita dapat memperluaskan sektor ekonomi termasuk sektor perhotelan, hospitaliti, sektor peruncitan, pengusaha bot, perniagaan kraftangan dan sebagainya akan memberi kepada pekerjaan sama ada kepada pihak swasta dan juga pihak daripada luar negara yang ingin melabur di tempat kita serta kepentingan kepada rakyat di kawasan sekitar dan rakyat di negeri Terengganu. Usaha menarik minat pelabur ke Tasik Kenyir akan terus membuka pekerjaan oleh kerana rancaknya aktiviti ekonomi di Tasik Kenyir ini dan kita berharap kepada ribuan pelajar yang sedang belajar akan terus dapat memberi faedah di kawasan ini, mudah-mudahan dengan persediaan awal kerajaan, pelajar-pelajar Terengganu akan terus balik ke Terengganu untuk mencari kekuatan ekonominya di negeri sendiri di samping kita menarik pelabur daripada luar. Rakyat Terengganu juga berpeluang mendapatkan produk-produk yang berjenama dengan adanya program ini dan saya penuh yakin bahawa ramai yang berminat daripada luar untuk melabur di Kawasan Bebas Cukai di Tasik Kenyir.

Selain daripada itu, usaha-usaha awal yang telahpun dilaksanakan oleh kerajaan negeri termasuklah infrastruktur dan dengan kemudahan awal infrastruktur ini akan mempercepatkan lagi pertumbuhan umpamanya yang telah siap 100% yang menelan belanja sebanyak RM31.9 juta dan dengan bekalan elektrik iaitu daripada Kuala Ping ke Pulau Bayas. Jadi ini satunya daripada usaha kerajaan yang begitu meyakinkan bahawa usaha-usaha yang kita buat mengikut peraturan dan kemudahan supaya usaha-usaha ini dapat mempercepatkan pembangunan.

Selain daripada kepentingan infrastruktur, kita berharap kerajaan negeri akan sentiasa meletakkan keupayaan untuk dilihat program ini dari masa ke semasa iaitu satu badan penasihat sama ada badan ini terdiri daripada anak Terengganu yang cintakan Terengganu ataupun orang-orang luar yang cintakan Terengganu ataupun memerlukan satu kekuatan ekonomi sebagai tempat melabur. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang terakhir.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dah cukup saya rasa untuk tambahan ini sebab saya nak bagi peluang kepada soalan-soalan lain juga terutama kepada Wakil-wakil Rakyat yang baru.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh soalan tambahan?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey Wakil Bandar, kita nak apa yang diminta oleh Ketua Pembangkang semalam kita nak bagi banyak ruang kepada orang baru kita bercakap di Dewan yang mulia ini. Sebelum saya teruskan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya muliakan, saya memohon Wakil-wakil Kerajaan untuk bersedia dengan jawapan kepada Soalan-soalan Lisan, saya hari ini ingin memberi ruang kepada Ketua Pembangkanglah tetapi tak ada, saya terpaksa mencari orang baru.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya bagi pihak Wakil Wakaf Mempelam ingin mengemukakan soalan pertama beliau -

> *Sila nyatakan jumlah pelajar dan jenis kursus yang ditawarkan oleh Yayasan Terengganu untuk anak-anak Terengganu yang melanjutkan pengajian di universiti luar negara pada tahun ini?*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebelum itu, sebelum wakil kerajaan menjawab, saya ingin mencelah bahawa selepas ini saya mintak wakil-wakil kerajaan bersedia dengan jawapan bagi soalan daripada Yang Berhormat Mohd

Mahdi (Wakil Kota Putera), Wakil Jabi akan mengemukakan soalan selepas ini, saya mintak pihak kerajaan bersedia. Selepas itu, orang baru Wakil Cukai, saya mintak wakil kerajaan bersedia. Selepas itu, Wakil Teluk Pasu, saya mintak wakil kerajaan juga bersedia dan Wakil Tepoh, saya mintak wakil kerajaan juga bersedia. Jika kita ada masal lagi kita akan beri ruang lagi untuk kita anjurkan lagi Soalan-soalan Lisan kerana apa yang diminta oleh Wakil Wakaf Mempelam semalam supaya memberi ruang kepada orang-orang baru berucap di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan daripada wakil daripada Wakil Wakaf Mempelam - Sila nyatakan jumlah pelajar dan jenis kursus yang ditawarkan oleh Yayasan Terengganu untuk anak-anak Terengganu yang melanjutkan pengajian di universiti luar negara pada tahun ini?

Yayasan Terengganu telah memperuntukkan:

1. Perubatan Dan Pergigian

Jordan	-	50 orang
Russia	-	50 orang
Jumlah :		100 orang

2. Kursus Selain Perubatan Dan Pergigian

   a) Pengajian Islam di Jordan seramai 30 orang

   b) Program Berkembar seramai 10 orang (1 atau 2 tahun di Universiti Nottingham Kampus Malaysia dan selebihnya di Kampus UK). Bidang-bidang yang ditawarkan ialah Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Mekanikal, Farmasi dan International Business.

      Biasiswa-biasiswa yang ditawarkan ialah Biasiswa Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin seramai 10 orang bagi Program A-Level 2 tahun di Malaysia dan Ijazah di luar negara yang mengikuti pengajian Kejuruteraan Kimia, Animasi, Sains Aktuari, Accounting & Finance, Biomedical Science With Business, Biochemistry (Research), Bachelor of Art (Economics), Molecular Microbiology dan B.A. Politics, Philosophy & Economics.

3. Manakala yang mengikuti Kejuruteraan di German pula ialah seramai 10 orang.

Dicampur jumlah keseluruhannya ialah 160 orang. Itu saja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Daripada senarai negara yang Yayasan Terengganu menghantar anak-anak Terengganu melanjutkan pengajian di universiti di luar negara tidak termasuk di Mesir sedangkan kita sedia maklum di Universiti Al-Azhar merupakan antara universiti yang terkenal di dunia yang melahirkan ramai produk daripada kalangan rakyat kita sendiri yang melanjutkan pelajaran ke sana. Kenapakah pihak Yayasan Terengganu tidak menyediakan peruntukan bagi melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar ataupun adakah ini merupakan dasar bagi pihak Yayasan Terengganu sendiri sedangkan ramai pelajar-pelajar kita lulusan STAM contohnya, daripada SMAAZA sendiri. Adakah mereka tidak layak untuk mendapat pinjaman Yayasan?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Menjadi amalan kita sebelum ini memang kita ada menghantar pelajar kita ke Universiti Al-Azhar di Mesir dan universiti-universiti di Iskandariah dan sebagainya. Memandangkan suasana politik yang tidak stabil dan boleh menimbulkan ancaman nyawa jika apa-apa berlaku maka pihak kerajaan negeri mengambil langkah berjaga-jaga kerana memikirkan keselamatan menjadi keutamaan kepada kita. Saya yakin dan percaya jika situasi kembali aman dan sejahtera dan meyakinkan kita maka program ini tidak ada masalah untuk diteruskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan. Yang Berhormat Yang Dipertua, macam mana Kursus Medik boleh bagi, ke orang medik ini kebal daripada kawasan bahaya? Macam mana Kursus Pengajian Islam tidak boleh sedangkan ada pelajar ambil medik, pergigian dan sebagainya? Apa yang disebut tadi ada dan masih lagi ada yang dapat menyambung pelajaran dan kalau nak kiranya sekarang ini Jordan lebih bahaya dekat dengan Syria.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Dipertua, yang ini saya minta notis untuk saya buat rujukan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, kita bukan minta data, kita bukan minta angka ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apalah, kita bagi notislah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dasar dan polisi saja.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan bahawa kenapa pada tahun ini kita tidak menghantar pelajar-pelajar kita ke Mesir. Pertama, atas permintaan Kerajaan Malaysia dan JPA yang juga tidak menghantar pelajar-pelajarnya kerana kebimbangan masalah keselamatan. Dan yang keduanya, masih ramai lagi pelajar-pelajar kita yang berada di Mesir di dalam bidang perubatan tetapi mulai tahun ini kita hantar ramainya ke Jordan sebagaimana yang dinyatakan oleh wakil kepada Wakil Wakaf Mempelam itu tadi iaitu Wakil Paka bahawa kita menghantar ke Jordan kerana didapati sistem pembelajaran di Jordan jauh lebih baik daripada apa yang berlaku di Mesir kerana pengalaman kita sehingga hari ini masih terdapat anak Terengganu yang berada 25 tahun di Mesir tetapi belum dapat BA-nya lagi. Dan yang saya temui ada pelajar yang 14 tahun tak balik-balik kerana belum tamat kerana sistem yang berlaku di Al-Azhar, walaupun kita tahu dan diakui Universiti Al-Azhar adalah sebuah universiti tertua tetapi sistem pembelajarannya bergantung kepada pelajar-pelajar itu sendiri sama ada nak masuk kelas atau tidak dan kadangkala apabila nak periksa mereka beli nota dan lain-lain untuk masuk periksa. Ada pelajar kita dulu yang kita temui, selepas melaporkan diri dia balik semula ke Malaysia. Ada juga yang saya temui pelajar-pelajar kita ada yang berniaga, ejen jual tiket, kalau di depan Rumah Terengganu tu dekat Rumah Selangor tu ada yang buka warung berniaga apam balik, buat mee teow dan macam-macam. Sebab itu kita lihat bahawa hasil daripada penilaian kita, kita dapati bahawa Jordan jauh lebih baik daripada apa yang berlaku atau yang belajar di Universiti Al-Azhar sebab itu kita mula menghantar pelajar-pelajar kita ke Jordan dan juga ke Maghribi tapi masalahnya di Maghribi kuotanya terlalu kecil iaitu hanya 20 orang sahaja pelajar-pelajar Malaysia. Sebagaimana saya katakan tadilah bahawa di Jordan ini dia beritahu anytime periksanya, okey, pensyarah masuk minggu depan periksa, boleh tahan kalau di Maghribi, pensyarah masuk aje hari ini kita adakan exam. Kalau di Mesir lain sikit, kita akui Al-Azhar merupakan universiti tertua yang hebat tapi sistem pembelajarannya tidak begitu baik ketika ini dan kita terpaksa mencari alternatif lain sebab itulah kita menghantar ke lain tetapi mereka ini sebahagiannya mendapat bantuan daripada MAIDAM. Kita hanya menghantar ke Universiti Jordan dan Maghribi. Di Mesir kita masih lagi hantar tetapi tahun ini tidak ada, iaitu

mengikuti Kursus Perubatan di Alexandria dan sebagainya. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa dah cukup. Saya dah kata tadi kita bai'ah, setia kawan kita dalam Dewan ini. Saya pun mengambil nasihat, 'addinu nasihah' daripada Wakil Wakaf Mempelam sebab kita ramai lagi. Minta maaf, ya. Okey, saya persilakan Wakil Kota Putera.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

> *Negeri Terengganu terkenal dengan jolokan negeri 'Anjung Ilmu', melalui Program Pendidikan Terengganu Terbilang (PPTT). Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk menjayakan program tersebut dalam tempoh 2008 – 2012. Apakah program ini akan diteruskan dan bentuk perancangan kerajaan untuk menambah baik program PPTT ini?*

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan daripada Yang Berhormat Kota Putera - Negeri Terengganu terkenal dengan jolokan negeri 'Anjung Ilmu', melalui Program Pendidikan Terengganu Terbilang (PPTT). Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk menjayakan program tersebut dalam tempoh 2008 – 2012. Apakah program ini akan diteruskan dan bentuk perancangan kerajaan untuk menambah baik program PPTT ini?

Jawapannya Tuan Yang Dipertua, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk menjayakan program PPTT dalam tempoh 2008 – 2012 adalah seperti berikut:-

Tahun 2008		RM17,526,172.00
Tahun 2009		RM19,000,000.00
Tahun 2010		RM12,188,300.00

Tahun 2011		RM14,662,670.84
Tahun 2012		RM12,959,378.12
JUMLAH		RM76,336,520.96

Program Pendidikan Terengganu Terbilang (PPTT) akan diteruskan pada tahun 2013 dengan penjenamaan semula program iaitu Program Pendidikan Anjung Ilmu (PPAI) mulai tahun 2012. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan. Daripada jumlah peruntukan keseluruhan sebagaimana yang disebut tadi, berapa banyakkah peruntukan itu yang telah digunakan untuk membayar imbuhan kepada guru-guru yang mengajar di kelas tambahan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Mengikut peruntukan yang kita bayar iaitu 80 jam bagi fasilitator untuk guru bimbingan di bawah Program Bimbingan Kelas Tambahan PPAI. Dari jumlah tersebut pecahannya adalah seperti berikut:-

Bimbingan UPSR Perdana	-	RM639,200.00
Bimbingan UPSR Pendidikan Khas (Bagi golongan kurang upaya, cacat dan sebagainya)	-	RM 32,800.00
Bimbingan PMR	-	RM602,400.00
Bimbingan SPM	-	RM618,400.00
Bimbingan STPM	-	RM120,000.00
Bimbingan PMR, SPM & STPM Pendidikan Khas	-	RM 29,600.00
	JUMLAH:	RM2,042,400.00

Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan lagi. Sebelum ini kita tahun Program Pendidikan Terengganu Terbilang dan sepertimana pihak kerajaan/Exco maklum untuk dibuat penjenamaan semula kepada PPAI. Oleh yang demikian, sejauh manakah Program Pendidikan Anjung Ilmu sebagai program sokongan kerajaan negeri kepada Jabatan Pendidikan memberi kesan berganda kepada tahap kecemerlangan pendidikan di Terengganu dan apakah penambahbaikan yang sedang disusun oleh pihak kerajaan negeri? Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Program PPAI pada tahun 2013 akan dibuat penambahbaikan dengan memperuntukkan 40 jam itu bagi Program Bimbingan UPSR, PMR, SPM dan STPM di peringkat sekolah yang mana program bimbingan tersebut diperuntukkan selama 30 jam sahaja sebelum ini iaitu pada tahun 2012 iaitu penambahan sebanyak 10 jam. Program ini akan melibatkan semua calon yang bakal menduduki peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM 2013.

Selain daripada itu, kita juga merancang bagi penambahbaikan untuk mengadakan program akademi mata pelajaran Sejarah sempena Sejarah menjadi subjek lulus Peperiksaan SPM 2013, di samping akademi bagi subjek kritikal seperti Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi serta program akademi Bahasa Melayu untuk membantu para calon memperolehi sijil SPM dengan cemerlang.

Pada 2013 juga, kita menjangkakan bahawa kita akan mengadakan satu modular baharu iaitu 5P2M yang ditumpukan kepada pelajar UPSR, PMR, SPM dan STPM sebagai bentuk pembaharuan penambahbaikan bagi menggantikan sistem TOV/ OTI (soalan setara) yang disediakan sebelum ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Ajil. Seterusnya, saya mohon Wakil Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tuan Yang Dipertua, soalan nombor satu –

> *Sejauh manakah kejayaan pembinaan tebatan banjir di Taman Desa Pusu 3 bagi membantu penduduk di Taman Desa Pusu 3 dan penduduk persekitaran. Berapakah kos yang dibelanjakan untuk tebatan ini dan sejauh mana peralatan yang disediakan melalui projek tebatan ini diselenggarakan?*

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan dari Wakil Tepoh - Sejauh manakah kejayaan pembinaan tebatan banjir di Taman Desa Pusu 3 bagi membantu penduduk di Taman Desa Pusu 3 dan penduduk persekitaran. Berapakah kos yang dibelanjakan untuk tebatan ini dan sejauh mana peralatan yang disediakan melalui projek tebatan ini diselenggarakan?

Jawapannya, pembinaan Projek Tebatan Banjir di Taman Desa Pusu 3 telah berjaya mengatasi masalah banjir di kawasan taman berkenaan. Kos pelaksanaan projek tersebut adalah sebanyak RM5.6 juta.

Peralatan yang disediakan adalah sistem pam beroperasi secara automatik di mana diselenggarakan melalui pengujian sistem (mekanikal dan elektrikal) yang akan dibuat secara berkala iaitu setahun sekali bagi memastikan kebolehfungsian sistem ini berada di dalam keadaan yang optimum. Buat masa ini pengujian dilakukan oleh pihak kontraktor disebabkan projek ini masih di dalam tempoh tanggungan kecacatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Silakan Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Adakah pihak kerajaan sedar penyelesaian yang dibuat di Taman Desa Pusu 3 sepertimana yang telah dinyatakan jawapannya oleh pihak Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebentar tadi merupakan suatu penyelesaian sementara untuk Taman Desa Pusu 3 kerana ianya memberi kesan kepada taman persekitaran seperti Taman Desa Darul Iman yang menanggung bebanan banjir kesan daripada sistem tebatan yang telah dibuat. Apa yang kami difahamkan adalah untuk Taman Desa Pusu 3 berjaya tetapi ia memberi kesan kepada taman persekitaran dan saya bersetuju dengan jawapan tersebut, ia berjaya tetapi hanya untuk Taman Desa Pusu 3. Kami difahamkan ia adalah permasalahan besar yang berlaku melalui muara sungai yang makin mengecil. Jadi saya pohon pandangan adakah ia suatu penyelesaian sementara untuk Taman Desa Pusu 3 dan juga taman persekitaran. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Okey, terima kasih Wakil Tepoh atas soalan tambahan tadi itu. Jadi sebagai background laporan itu, maklumat berkenaan dengan projek ini di mana Projek Tebatan Banjir di Taman Desa Pusu 3 melibatkan sebanyak 199 buah rumah teres/kos rendah di kawasan berkenaan dan saya bersetuju dengan Wakil Tepoh menyatakan bahawa pelaksanaan projek ini cuma menyelesaikan masalah di Taman Desa Pusu 3 dan saya ingin memaklumkan di sini bahawa pihak kerajaan telah selesai menjalankan kajian menyeluruh bagi mengenal pasti punca-punca berlakunya banjir di kawasan berkenaan dan Insya Allah jika keadaan mengizinkan akan disediakan peruntukan bagi menyelesaiakan masalah banjir khususnya ketika musim tengkujuh di kawasan sekitar yang mana melibatkan kalau saya tak salah Sungai Tok Jiring dan sebagainya. Jadi perkara ini dalam perhatian kerajaan dan Insya Allah, sampai masa akan kita laksanakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Lanjutan daripada jawapan tersebut saya tertarik dengan sistem penyelenggaraan

yang dibuat oleh pihak berwajib sepertimana yang disebut dengan sistem pam yang beroperasi sepanjang masa jika berlaku banjir dan seumpamanya. Dari lawatan yang saya buat, yang saya pergi ke kawasan tersebut, didapati *alarm* tidak berfungsi sepenuhnya dalam keadaan kita menyebut ia beroperasi sepanjang masa tetapi nampaknya ianya seperti memang betul setahun sekali sahaja kita pergi bukan untuk menangani isu banjir tetapi yang sepatutnya kita memberikan keutamaan dari sudut penyelenggaraan secara berkala untuk melihat kalau berlakunya banjir kilat di kawasan tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Kemasik. Teruskan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih sekali lagi Wakil Tepoh. Jadi seperti yang saya nyakan sebelum ini penyelenggaraan dibuat secara berkala iaitu setahun sekali dan masih lagi di bawah tempoh *Defect and Liability Period*. Jadi terima kasih atas peringatan daripada Wakil Tepoh dan kita akan beri orang kata perhatian khusus untuk memastikan penyelenggaraan yang dijalankan kepada mesin-mesin pengepam air akan sentiasa berada di pihak yang optimum. Terima kasih atas teguran tersebut.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Seterusnya kita pergi kepada Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, soalan saya nombor tiga -

> *Adakah kerajaan negeri bercadang meneruskan pembahagian bantuan seperti Dana Khas Hari Raya, Wang Ehsan dan lain-lain untuk tempoh 5 tahun akan datang?*

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Duk ceramah lagi *pesengan* tu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Suara enak sikit ni. Tuan-tuan, puan-puan Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Jabi – Berapa ramaikah usahawan wanita dari kalangan ibu tunggal yang telah berjaya dilahirkan melalui .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menjelaskan sedikit.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya rasa ada berlaku sedikit kekeliruan berkenaan dengan nombor soalan saya yang telah diberi notis ini sepatutnya dijawab oleh pihak kerajaan yang lain, bukan di bawah portfolio Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Soalan nombor berapa?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Soalan yang ketiga.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Yang ketiga ni sayalah yang jawab.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Izinkan saya memperjelaskan soalannya. Boleh Tuan Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang itu, soalan hari kelmarin. Soalan saya soalan pada 19 Jun 2013 yang berbunyi: "Adakah kerajaan negeri bercadang meneruskan pembahagian bantuan seperti Dana Khas Hari Raya, Wang Ehsan dan lain-lain untuk tempoh 5 tahun yang akan datang?" Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua jabatan dan para Pemerhati yang dihormati sekalian. Bagi menjawab soalan ini, kerajaan negeri akan meneruskan bantuan yang telah diagihkan sebelum ini kerana kerajaan ini adalah kerajaan yang berkhidmat untuk rakyat, bersedia untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat dan dikembalikan kepada rakyat. 'Janji Ditepati', Yang Dipertua. Bantuan yang diberikan termasuklah Bantuan Perayaan, Bakti Remaja, Bantuan Bencana di

bawah Tabung Darul Iman, Bantuan Penyakit Kronik dan lain-lain bantuan yang disalurkan dari masa ke semasa.

Justeru itu, saya ingin maklumkan di samping tabung-tabung yang kita ada ini, kerajaan negeri juga telah menyalurkan setiap tahun sebanyak RM2.5 juta kepada pihak Hospital Sultanah Nur Zahirah untuk membekalkan peralatan dan bantuan-bantuan lain kepada pesakit-pesakit rakyat Terengganu termasuk bantuan susu, bantuan pampers, membeli peralatan palsu, membeli kerusi roda termasuk kerusi roda elektrik. Dan kita akan menyalurkan bantuan-bantuan ini sekiranya keperluan wang disalurkan tidak mencukupi, kerajaan bersedia menambah bantuannya demi kepentingan rakyat Terengganu. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Soalan tambahan Yang Dipertua. Soalan ini soalan saya, saya dululah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Jabi dululah. Sabar Cukai.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sabar dulu Cukai. Soalan tambahan. Setelah berbagai bentuk bantuan diberikan kepada rakyat negeri Terengganu untuk tempoh tidak kurang dari 10 tahun yang lepas, bagaimanakah kerajaan negeri melihat tahap berterima kasih rakyat Terengganu terhadap apa yang telah mereka dapati selama ini. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Dipertua. Sebagai rakyat yang menerima bantuan sepertinya manusia biasa, ada yang berterima kasih dan ada yang tidak berterima kasih. Bagi yang tidak berterima kasih itu, beri apa-apapun, beri emas setongkol seorangpun mereka tidak berterima kasih juga tetapi bagi yang berterima kasih walaupun dapat sekeping biskut mereka bersyukur dengan apa yang mereka dapat. ....(Tepukan sokongan) .... Dan sebagai buktinya walaupun kita menerima berbagai-bagai tohmahan dan sebagainya majoriti rakyat masih kita perolehi dan tandanya kita, Barisan Nasional masih lagi memerintah di negeri Terengganu pada penggal ini. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Dipertua, soalan tambahan. Boleh lagi?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Boleh, satu lagi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Jadi adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambahbaik sistem agihan bantuan ini berbanding dengan yang diguna pakai pada masa sekarang? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagai sebuah kerajaan, kita akui kita ada kelemahan-kelemahan kita sendiri dan kita perlu memperbaiki diri kita, muhasabah diri kita dari masa ke semasa. Justeru itu, input-input yang kita terima dari rakyat, kita akan gunakan untuk menambahbaikan program-program yang kita jalankan. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Nak ucap terima kasih dah ni, silalah Cukai.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Jabi. Seterusnya .....

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya tadi .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya minta maaf, saya ulang balik untuk bai'ah kita bersama.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Tak boleh. Okey, okey, tak apa.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, seterusnya kita pergi kepada Wakil Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

> *Berapakah kos penuh pembinaan Kompleks Tuanku Sultanah Nur Zahirah Kg. Tanjung Bunut dan serta apakah matlamat kompleks ini dibina?*

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, menjawab kepada persoalan daripada Wakil Teluk Pasu. Kos pembinaan Kompleks Tuanku Nur Zahirah (KTNZ) di Kampung Tanjung Bunut adalah RM4,610,500.00. Matlamat pembinaan kompleks ini adalah untuk meningkatkan pembangunan produk industri

kraf warisan tempatan terutama songket dan batik dari segi reka bentuk dan reka corak terkini. Kompleks ini berperanan sebagai pusat inovasi dan penyelidikan dengan melibatkan program latihan kemahiran tenunan, kajian dan pembangunan produk serta pemasaran.

Adalah diharapkan para usahawan industri kraf warisan tempatan dan masyarakat tempatan memanfaatkan kemudahan dan program yang disediakan di kompleks tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua. Semasa kompleks ini dilancarkan atau dirasmikan oleh Tuanku Sultanah, pihak Ketua Pegawai Eksekutif YPU ada menyebut bahawa pihaknya mensasarkan seramai 30 hingga 40 pelatih akan mengikuti kursus di institut ini pada setiap sesi yang akan mengambil masa selama 1½ tahun dan akan diberi elaun sebanyak RM450 sebulan. Jadi saya ingin tahu sejauh mana program ini berjalan dan berapakah jumlah graduan yang telah dikeluarkan dan sejauh mana penglibatan anak-anak tempatan dalam program tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, menjawab kepada soalan tambahan itu tadi program dan pengisian di KTNZ setakat ini iaitu dari segi pelatihnya terkini seramai 10 orang yang telah mengikuti kemahiran menenun songket. Sebagaimana Ketua Pengarah YPU yang menyarankan pada majlis perasmian tersebut setakat ini belum tercapai lagi tetapi Insya Allah pendekatan dari masa ke semasa kita akan laksanakan demi untuk memajukan usahawan di negeri Terengganu kita ini, Insya Allah. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Tambahan yang kedua, Tuan Yang Dipertua. Tadi ada disebutkan bahawa kompleks ini diharapkan dapat diambil manfaat khususnya masyarakat tempatan. Tapi untuk pengetahuan Yang Berhormat sehingga hari ini setakat saya bercakap dan bertanya khabar kepada masyarakat setempat kebanyakan mereka tidak tahupun apa yang sebenarnya aktiviti yang ada di dalam rumah tersebut. Jadi saya melihat ini suatu kegagalan yang amat ketara sehingga penduduk tempatan pun tidak menyedari. Jadi apakah usaha kerajaan yang lebih komprehensif untuk memastikan ia benar-benar memberi manfaat khususnya kepada penduduk tempatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, menjawab soalan kedua daripada Teluk Pasu itu tadi. Sebenarnya maklumat tentang wujudnya kompleks ini sebenarnya kita memang telah mendedahkan kepada pengusaha-pengusaha kita dan setakat ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bengkel Tenunan Songket, kita telah

menempatkan 16 orang penenun di bawah penyeliaan Yayasan Tuanku Nur Zahirah. Di samping melahirkan tenaga kerja mahir untuk menjadi generasi pelapis dalam membangunkan industri songket di negeri Terengganu kita ini. Sebenarnya kita di YTNZ, kita juga menyediakan ruang galeri yang mempamerkan koleksi tenun dan produk berasaskan songket Terengganu sama ada dari dalam negeri mahupun luar negara. Tujuan galeri ini adalah untuk mendidik dan memberi maklumat kepada masyarakat kita untuk mengenali dengan lebih jelas jenis-jenis songket kita. Kita juga menyediakan kiosk untuk ditempatkan ruang-ruang tempat perniagaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Bukit Besi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya mohon di bawah peraturan .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mempunyai Usul Di Bawah Fasal 30.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ... Peraturan Mesyuarat 27, Tuan Yang Dipertua. Saya mohon ruling yang mungkin boleh dibuat oleh Tuan Yang Dipertua, berkenaan dengan kaedah kita mengemukakan soalan dan giliran menjawab soalan. Saya difahamkan secara convention, Dewan Undangan Negeri Terengganu tidak mempunyai atau menetapkan secara khusus pergiliran untuk mengemukakan soalan dan menjawab soalan. Saya mencadangkan atas sifat *convention* ini untuk menggambarkan kedudukan dalam Dewan Undangan Negeri yang agak seimbang, saya mencadangkan supaya pergiliran untuk mengemukakan soalan di bawah Peraturan Mesyuarat 26, digilirkan di antara Barisan Nasional dan pembangkang, begitu juga kaedah menjawab di mana setiap soalan yang dikemukakan oleh wakil Barisan Nasional dijawab dan diberi pergiliran untuk soalan tambahan kepada pihak pembangkang dan sebaliknya begitulah. Saya rasa ini adalah amalan *convention* sepatutnya kita ikut dan sekiranya perlu untuk dikemukakan usul, saya bagi pihak DUN Bandar bersedia untuk mengemukakan usul. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Saya rasa apa yang Yang Dipertua uruskan semalam dan juga hari ini pun saya rasa adil dah. Macam semalam pun saya rasa saya telah beri banyak ruang kepada pihak pembangkang walaupun saya telah ditulis di dalam blog macam-macam, minta maaf. Cuma saya nak mintak macam hari ini, kita bagi tiga dan tiga, saya rasa cukup memadailah. Dan cadangan itu saya akan pertimbangkan dan tidak perlu saya buat rulinglah. Terima kasih. Muktamad.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mempunyai Usul Di Bawah Fasal 30.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Tuan Yang Dipertua, saya nak pastikan adakah sesi soal jawab ini sudah berakhir dan saya ada satu usul.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, saya bangun awal lagi sebelum daripada Batu Burok lagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya mintak kita hormat pada Jabi yang bangun lebih awal tadi, saya mintak supaya .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, saya Mohd Iskandar bin Jaafar .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soal jawab tak tutup lagi, dia ada makluman, penjelasan .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soal jawab tak selesai lagi, bangun dah.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya sudah minta izin daripada Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Minta tolong duduk, Batu Burok. Semalam pun kita telah mengajar benda yang tak bagus, tak habis lagi pun bangun juga. Jadi kalau kita nak adil tu jangan kita hanya bai'ah adil itu suruh orang adil, kita tak adil.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya. Saya mintak perkara ini kita tengok sebelum kita nak kata ke orang, tengok hati kita ini sebenarnya sebab kita tahu apa yang ada dalam hati kita.

Jadi kita dah masuk 10.30 pagi dah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan ..... Sila.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, izinkan saya, saya dah diberi laluan tadi untuk .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): ..... membawa Usul Di Bawah Fasal 30. Jadi izinkan saya untuk menghabiskan apa yang saya nak usulkan ini di bawah Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya izinkan Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya Mohd Iskandar bin Jaafar, Ahli Dewan Undangan Negeri Jabi, memohon mencadangkan bahawa persidangan pada hari ini hendaklah ditangguh mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu penghinaan terhadap Nabi Muhammad S.A.W., penghinaan terhadap Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong serta Raja-Raja Melayu melalui laman sosial seperti facebook dan lain-lain. Fenomena ini amat membimbangkan dan berleluasa kebelakangan ini dan perbuatan ini adalah suatu penghinaan kepada agama Islam serta mencemarkan Institusi Di Raja.

Tuan Yang Dipertua, isu ini adalah perkara tertentu kerana telah melibatkan dua perkara pokok yang terpahat di dalam Perlembagaan Malaysia iaitu agama Islam sebagai agama rasmi negara serta kedudukan Raja-Raja Melayu terutama Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang menjadi payung kepada Perlembagaan Negara. Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai apabila penghinaan khususnya masyarakat Islam, apabila Nabi Muhammad S.A.W., sekali gus Raja-Raja Melayu menimbulkan kemarahan orang-orang Melayu Islam yang merupakan kaum majoriti di Malaysia. Perbuatan menghina Rasulullah S.A.W. yang merupakan Rasul pilihan adalah perkara yang cukup sensitif bagi umat Islam di Malaysia. Raja-Raja Melayau yang dipertanggungjawabkan oleh Perlembagaan, menjaga kesucian Islam serta pelaksanaannya di Malaysia adalah umpama tiang seri yang perlu dipertahankan setiap masa dan ketika oleh semua yang mengaku mereka adalah rakyat di dalam negara Malaysia. Budaya mengkritik Nabi Muhammad S.A.W. dan Raja-Raja Melayu semakin menjadi-jadi dan tidak sepatutnya berlaku kerana ini adalah perbuatan yang sangat kurang ajar dan merupakan racun yang akan merebak kepada seluruh masyarakat jika tidak ditangani dengan tegas. Menghina Raja-Raja Melayu adalah sama seperti

menghina kedaulatan negara kerana Malaysia adalah sebuah negara demokrasi Raja Berperlembagaan.

Tuan Yang Dipertua, perkara ini perlu disegerakan kerana ia boleh memecah perpaduan kaum di Malaysia yang tercinta ini. Perasaan marah, dendam dan tidak puas hati terhadap golongan yang menghina Nabi Muhammad S.A.W. dan juga kedaulatan Raja-Raja Melayu akan terus mengundang bibit-bibit perpecahan yang amat dahsyat sekiranya tidak dibendung. Tidak mustahil jika sejarah hitam 13 Mei 1969 akan berulang lagi. Perbuatan ini juga bertentangan dengan Rukun Negara yang menjadi asas ideologi dan falsafah yang akan melahirkan perasaan cinta dan setia kepada negara serta kelangsungan permuafakatan dan perpaduan rakyat.

Kita mengutuk sekeras-kerasnya sebarang penghinaan terhadap Nabi Muhammad S.A.W., Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan seluruh Raja-Raja Melayu. Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas pencetus provokasi ini kerana perbuatan penghinaan ini seperti menderhaka kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Setiap penderhaka adalah pengkhianat negara. Tindakan tegas dan hukuman yang setimpal perlu diambil oleh Kementerian Dalam Negeri bagi menyekat penderhaka dan pengkhianat daripada terus memperlekehkan Islam dan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong serta Raja-Raja Melayu. Jika ini tidak dibendung negara akan berada diambang perpecahan. Maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu, kepentingan ramai serta perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Jabi. Saya minta Bentara untuk mengambil kertas Cadangan (Usul) tersebut dan kita akan teliti. Saya menangguhkan sesi pada pagi ini dan kita masuk balik pada pukul 11.00 pagi dan kita akan bagi keputusan tentang usul tadi. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ada menerima satu cadangan untuk menangguhkan Dewan bagi membincangkan perkara-perkara yang mustahak bagi orang ramai berdasarkan Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu dari Yang Berhormat Wakil Jabi tadi. Dan berdasarkan Fasa' 30(2), saya suka nyatakan di sini bahawa perkara yang ingin dibahaskan ataupun dirundingkan di bawah Perkara 30 tersebut dan setelah saya meneliti perkara-perkara yang telah dibangkitkan memang ianya mempunyai perkara-perkara yang tertentu juga ianya mempunyai kepentingan-kepentingan kepada orang ramai akan tetapi atas untuk disegerakan, saya percaya dengan sidang yang kita ada kali ini ianya tidak perlu disegerakan. Isu ini juga telah mendapat liputan yang meluas dari pihak media massa dan juga masyarakat, banyak laporan Polis sudah dibuat dan pada masa ini siasatan sedang dijalankan oleh PDRM. Dan terdapat juga cadangan daripada bekas Hakim Mahkamah Rayuan supaya diwartakan Akta Derhaka bagi menangani isu yang tersebut. Oleh yang demikian, saya menolak cadangan ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana kita tidak akan membahaskan usul yang ditolak itu, kita akan teruskan dengan perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih. Sebelum itu, saya ingin memaklumkan bahawa hari ini adalah hari terakhir, jadual awal kita, pukul 1.00 kita akan habis untuk rehat tengah hari, akan sambung balik pukul 2.30 petang dan seterusnya kita rehat pukul 3.30, kita masuk balik pukul 3.50 petang dan Insya Allah kita akan habiskan pukul 5.00 petang. Jadi sama-samalah kita ingatkan diri kita dalam kita lakukan perbahasan ini, kita sebagai Yang Berhormat/Wakil-wakil yang hadir pada hari ini supaya membahaskan Usul Titah Diraja ini dengan bermanfaatlah. Kalau kita sempat habis usul tadi kita akan gulung dan kalau sempat kita gulung tengah hari ini, kita akan penggulungan oleh pihak kerajaan pada tengah hari ini dan kalau tidak sempat maka kita akan buat penggulungan pada sebelah petang. Memandangkan ramai pihak kerajaan yang akan terlibat, ini akan melibatkan masa yang panjang sebab kita ada dua lagi usul untuk kita bahaskan selepas pada penggulungan oleh wakil kerajaan. Jadi sebagaimana yang saya kata tadi, saya perlu berlaku adil, saya akan beri ruang kepada terutamanya mereka yang belum bercakap. Saya nak tanya hari ini berapa orang yang nak berucap sebab saya nak tengok masa ni. Saya memegang peraturan berapa orang yang nak bercakap? Okey, kita ada, satu, dua ...., ramai

lagi. Saya boleh bagi ruang semula tapi kalau ramai tu, dua dari kerajaan, saya bagi kepada enam orang, 6 x 8 x 2 = 160 minit, ini melibatkan masa yang agak panjanglah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya syorkan beri 15 minit, 15 minit bukan 20 minit, 15 minit dah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kalau kita bagi 10 minit?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Oh, boleh juga.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, boleh, sama-sama aje deh. Terima kasih Wakil Ladang. Sila Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan serta para Pemerhati dan hadirin-hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan perbahasan pada pagi ini. Dan terlebih dahulu saya mengambil kesempatan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan sempena Pembukaan Penggal Persidangan Yang Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh slogan yang diwarwarkan oleh kerajaan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan' yang mana saya melihat ini adalah suatu usaha dan satu slogan yang sangat baik sekiranya ianya dihayati dan dilaksanakan dalam urus tadbir sama ada peringkat jabatan ataupun peringkat kepimpinan negeri. Yang mana sepatutnya dengan slogan ini akan memudahkan urusan rakyat dengan kepimpinan negeri dan juga dengan jabatan-jabatan di peringkat negeri kita. Tetapi saya merasakan sedikit kekecewaan kerana berlaku perkara-perkara yang kita sebut walaupun perkara kecil yang menampakkan berlaku ketidakadilan dalam urusan sama ada peringkat pimpinan kerajaan dan juga di peringkat jabatan-jabatan. Yang mana ianya memberikan kesan yang menyulitkan rakyat dalam urusan tersebut. Sebagai contohnya yang mudahnya ialah sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya, barisan pembangkang berhubung dengan isu tandatangan JKKK, tandatangan ADUN, yang mana sepatutnya isu-isu yang sekecil ini tidak perlu kita panjangkan yang menjadi suatu

isu kepada masyarakat yang saya kira menyusahkan sebahagian besar daripada masyarakat kita. Khususnya, dalam suasana anak-anak kita untuk melanjutkan pelajaran sama ada peringkat diploma, ijazah yang mana mereka sebenarnya berhak untuk menerima peruntukan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Kita sebagai Wakil Rakyat hanya sekadar menyokong sahaja. Dan sememangnya kerajaan akan memberikan peruntukan itu kepada pelajar-pelajar yang layak tetapi oleh kerana masalah, karenah yang ditimbulkan itu menyebabkan rakyat merasa sedikit kekecewaan. Yang mana inilah yang menimbulkan di kalangan kita yang disebut oleh wakil-wakil kerajaan sendiri untuk mewujudkan keharmonian, mewujudkan silaturrahim di kalangan kita tetapi apabila timbul hal yang sedemikian yang kita kira kecil tapi ianya sudah menimbulkan kerenggangan antara kita yang kita nak menyatukan mereka tetapi sebaliknya .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan sekali Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Saya tak izinkan kerana masa yang terhad.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Boleh tak beri laluan ke saya, Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dia bahas sepatutnya perkara ini tidak timbul tetapi dia buat timbul panjang, sepatutnya tidak timbul hal yang *sign-sign* pun.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Tak, sebab yang masalah sekarang ni apabila tandatangan itu dilakukan oleh Wakil Rakyat (pembangkang) kita, sampai di Yayasan borang itu ditolak.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sepatutnya tidak payah dibangkitkan dalam Dewan perkara itu. Yang Berhormat sebagai pembangkang, Yang Berhormat tahu .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Jadi kita bangkitkan sebab dia nak menimbulkan kesusahan di kalangan rakyat .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Jawab gulung kekgi. Jawab gulung kekgi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): ..... Tuan Yang Dipertua. Walaupun perkara kecil tetapi ianya menimbulkan masalah kepada sebahagian daripada kalangan masyarakat kita sebab itulah kita bawa perkara ini. Seterusnya saya ingin .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, saya cadang Sura isi borang masuk sebelah Barisan Nasional sebelah sini, Insya Allah .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bagi peluang, bagi peluang ke dia 10 minit je, Exco gulunglah kekgi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Jadi dalam masa yang terhad ini saya harap .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dok padan kita nak gulung hak gitu.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dah tak apalah.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFI BIN MAT (Wakil Cukai): Gulung kekgilah, sabar sikit.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Seterusnya, saya ingin merujuk kepada ucapan Titah Tuanku dalam ucapan ingin melahirkan masyarakat yang harmoni, hormat menghormati, mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat, saya mengharapkan kepimpinan kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan yang saya sebut tadi berlaku adil kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi, fahaman .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, sekali lagi mengikut peraturan mesyuarat, Tuan Yang Dipertua. Sura, minta tolong. Minta tolong Sura, bukan celahan, peraturan mesyuarat. Minta tolong duduk.

Tuan Yang Dipertua, Sura membangkitkan soal pegawai kerajaan, pegawai kerajaan tidak boleh bercakap dalam Dewan kita ini, saya ingat Sura tidak boleh atas peraturan, kita bercakap pada perkara yang tidak boleh dibangkitkan oleh kita yang berada di Dewan ini. Minta tolong.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Okey, terima kasih kepada Saudara Dato' Tengku Putera. Terima kasih. Minta maaf.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Wakil Kuala Berang, Sura. Ini penting Sura sebabnya pembelaan pegawai kerajaan terhadap perkara yang kita bangkitkan tidak boleh dikemukakan di sini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Terima kasih. Jadi saya mengharapkan agar segala bentuk bantuan kepada rakyat dalam apa jua bentuk yang diberikan itu seharusnya diberikan kepada mereka-mereka yang benar-benar layak untuk menerima dan berhak untuk diberikan. Begitu juga saya ingin menyentuh kemudahan-kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan seperti balai-balai raya, dewan-dewan, gelanggang permainan futsal, padang-padang awam yang sepatutnya ia menjadi hak kerajaan yang boleh diguna pakai oleh semua rakyat tetapi apa yang berlaku dalam realiti masyarakat kita hari ini yang mana khususnya di pihak pembangkang kadang-kadang mereka ini dinafikan untuk menggunakan segala kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Saya ada menerima sungutan daripada khususnya daripada kalangan remaja mereka tidak dibenarkan .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Dipertua, budak sekolah dulu kena halau tahun 1999, apa cerita ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): .... untuk menggunakan gelanggang-gelanggang futsal yang sepatutnya .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Yang Dipertua, perkara ini berkait dengan saya gelanggang-gelanggang futsal ni. Kita kerajaan negeri tidak pernah mengeluarkan arahanpun, saya rasa ini kes terpinggir di Sura je ni.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Exco boleh jawab kekgi.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak, saya rasa ini perkara satu fakta yang tidak betul dalam Dewan yang mulia ini, ramai orang dengar, pelajar-pelajar dengar, orang-orang luar dengar. Kenapa bawa fakta macam ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bukan saya nak ganggu, takdok, Dato'. Tapi saya tak pernah bangun, semalam pun saya tak bangun tapi biarlah bawa dalam Dewan benda-benda yang berfaedah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Dipertua, saya ingin menyampaikan suara-suara daripada rakyat yang saya wakili kerana kadang-kadang mereka hendak menggunakan kemudahan-kemudahan yang tersebut tetapi halangan, rintangan yang ada menyebabkan kita selalu dinafikan hak untuk menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, sebelum ini saya nak sentuh ialah berhubung dengan slogan 'Menuju Ke Arah Negeri Maju' yang terdapat dalam Titah Tuanku di mana kita nak melahirkan, kita nak menuju sebuah negeri yang bukan sahaja maju di bidang pembangunan tetapi kita perlu ingat juga dalam masa yang sama kita perlu memajukan di sudut membina insan. Jadi saya mengharapkan di dalam kita menuju, mengejar kemajuan-kemajuan bersifat fizikal ini, kita janganlah mengambil mudah dalam melahirkan anak-anak generasi-generasi yang berakhlak. Kerana kita lihat mutakhir ini kerana sebahagian masalah-masalah yang wujud di kalangan remaja kita, kerosakan akhlak, keruntuhan moral yang melibatkan berbagai-bagai kes jenayah yang memerlukan kepada suatu perancangan, suatu peruntukan daripada pihak kerajaan sendiri yang mempunyai segala kemudahan, kelengkapan yang ada bagi memberikan, mendidik mereka, memberikan kefahaman kepada mereka supaya dapat kita menjuruskan hala tuju hidupan mereka agar tidak terjebak dengan perkara-perkara yang meruntuhkan akhlak.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: 1 minit lagi saya beri.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin mengambil masa sedikit lagi untuk menyentuh berhubung dengan kawasan yang saya wakili khususnya DUN Sura. Di antaranya, pertamanya ialah Hospital Dungun yang sangat memerlukan pelaksanaan yang lebih cepat memandangkan perkara ini telahpun diluluskan disebut oleh kepimpinan di peringkat pusat oleh Perdana Menteri, oleh Timbalan Perdana Menteri, oleh Exco Kerajaan Negeri yang sudah bertahun-tahun kita di Dungun mengharapkan janji ini ditepati tetapi sehingga kini tapaknya pun masih tidak bergerak sehingga sekarang hanya tinggal labelnya sahaja, jadi perlu disegerakan.

Yang kedua, saya nak sebut ialah berhubung dengan jalan persimpangan ke Kuala Dungun iaitu Jalan Yahya Ahmad yang hanya 1.27 kilometer yang memakan masa yang agak panjang yang memberikan kesulitan kepada pengguna jalan raya khususnya kepada mereka-mereka yang berada di sekitar bandar Dungun. Dan

saya mengharapkan supaya perkara ini dapat disegerakan, anak-anak kita balik kalau tidak silap 8 kali raya, dok siap lagi. Berlaku kesulitan yang boleh membahayakan kepada pengguna.

Yang ketiga, saya nak sentuh ialah berhubung dengan pusat niaga di Sura Gate. Yang mana saya melihat ruang untuk, kesempatan untuk bumiputera kita, orang-orang Melayu kita berniaga sangat sedikit. Jadi saya mengharapkan kepada kerajaan supaya mengambil sesuatu langkah mewujudkan suatu pusat niaga yang boleh diusahakan oleh dan boleh dibeli oleh orang-orang kita mengikut kemampuan kerana yang ada sekarang ini dengan harga RM400,000 – RM500,000 mungkin orang kita tidak mampu berniaga di tempat itu. Maka kita perlu berfikir .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Sura?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Ada satu lagi, Insya Allah. Pihak kerajaan mewujudkan satu pusat niaga khusus yang mampu dimiliki oleh orang-orang Melayu kita.

Yang keempatnya ialah saya ingin menyentuh berhubung dengan sebuah sekolah yang ada di kawasan saya iaitu Sekolah Menengah Padang Jambu tapi berada di Bukit Catak, tempat saya. Saya tahu keadaan ini, jadi saya lihat sekolah ini telah lama siap tetapi merupakan sekolah yang kata orang 'projek sakit'. Yang mana pendawaiannya telah habis dicuri, aircondnya pun habis dicuri, jadi bagaimana keadaan seperti ini boleh berlaku dan saya mengharapkan khususnya Jabatan Pendidikan, kementerian supaya mengambil tindakan segera untuk memudahkan anak-anak kita .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Sura dah panjang sangat dah. 15 minit dah, bagi ruang kepada orang lain pula lepas ini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Akhir sekali saya harap jugalah pihak berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi perkara tersebut. Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan pada pagi yang mulia ini buat julung kalinya untuk membahaskan Titah Ucapan Tuanku. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih DUN Sura. Kota Putera, sila.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahir

rabbil alamin. Wabihi nastain. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan dan para Pemerhati yang dirahmati.

Alhamdulillah, Kota Putera ingin memulakan ucapan dan merakamkan jutaan terima kasih di atas kepercayaan yang telah diberikan oleh pihak pimpinan dan rakyat DUN Kota Putera sehingga membolehkan Kota Putera berada dalam Dewan yang mulia ini. Dan juga Kota Putera ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku kerana sudi menyampaikan Titah Ucapan Baginda. Melanjutkan ucapan ini, marilah kita di Dewan yang mulia ini bersama-sama merafak sembah menjunjung duli Kebawah Duli Tuanku di atas perkenan mencemar duli merasmikan Persidangan Dewan (DUN) pada kali ini.

Dalam pada itu juga, Kota Putera sesungguhnya berasa sangat berbesar hati kerana mendapat ruang perbahasan ini untuk memberikan sedikit pandangan dan juga mengetengahkan beberapa perkara yang dirasakan penting dan perlu diberikan pertimbangan demi rakyat, negeri dan tanah air tercinta ini. Kota Putera juga menyanjung tinggi, mengkagumi dan rasa bangga terhadap intipati Titah Diraja yang dirangka rapi dan disusun kemas, diatur lengkap dan dimuat mampan mencangkupi semua aspek dan topik kehidupan. Mengumpul berbagai ramuan untuk memenuhi segala keperluan. Mengisi aspirasi rakyat sejagat tanpa mengira darjat dan pangkat. Ringkasannya Kota Putera teruja dengan Titah Diraja ini kerana ia bukan sekadar cantik dan menarik tetapi cukup holistik, objektif dan pragmatik. Gagasannya juga terperinci merentasi segenap kepentingan daripada soal politik, sosial hingga ke ekonomi pembangunan sejagat.

Kota Putera juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana telah dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan. Kota Putera juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah dilantik untuk menerajui negeri Terengganu untuk penggal yang kedua. Tak lupa juga Kota Putera ingin mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan juga Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri kerana berjaya di kawasan masing-masing baru-baru ini. Terutamanya Kota Putera ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang kerana mengikut fakta tidak pernah sebelum ini wakil-wakil pembangkang seramai ini di dalam Dewan. Betullah, betullah orang-orang tua kata kali ini baru betul. Orang-orang tua kata kalau nak cari lawan biarlah lawan itu sepadan, maknanya kali ini 17 – 15 sepadan .... (tepukan sokongan) .....

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Kita bukan nak berlawan ni Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Yang Dipertua, melalui Titah Baginda Sultan, Tuanku telah memuji kepimpinan negeri apabila merujuk kepada Titah Baginda iaitu di muka surat 4, dalam Titah Baginda, izinkan saya membacanya Yang Dipertua. Titah Baginda: "Beta berpuas hati dengan hasil perlaksanaan program pembangunan yang dilaksanakan kerajaan Beta di mana ekonomi negeri Terengganu telah berkembang pada tahap positif." Ini menunjukkan bahawa Tuanku Baginda sendiri telah mengiktiraf kepimpinan negeri. .....(Tepukan sokongan) .....

Untuk makluman kepada Yang Berhormat Yang Dipertua, Baginda juga bertitah pada muka surat 5: "Beta berasa sukacita kerana banyak kejayaan yang dicapai oleh negeri Terengganu di bawah kepimpinan Menteri Besar, Dato' Seri Haji Ahmad bin Said dengan slogan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan', benar-benar diterjemahkan ke dalam sistem pentadbiran negeri." Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, ini bukan sahaja pembangunan dari segi fizikal malah Tuanku Baginda juga telah menyentuh pembangunan soal golongan belia dan sukan, merujuk muka surat 17. Baginda bertitah:"Generasi remaja sekarang memerlukan sentuhan mesra daripada pihak bertanggungjawab. Kerajaan negeri perlu mempunyai pendekatan yang mampu menarik golongan ini mengikuti program-program belia dan sukan. Beta percaya sentuhan ke atas golongan muda mampu mencegah golongan ini terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermanfaat. Malah perlu diingat, golongan ini akan menjadi pelapis kepada kepimpinan negeri." Oleh yang demikian, saya melihat di bawah kepimpinan negeri yang ada pada hari ini, kepimpinan negeri telah melaksanakan beberapa program yang menjuruskan kepada perkembangan belia, antaranya adalah Program Dana Bakti Remaja. Dalam Program Dana Bakti Remaja tersebut kita telah merangka, kita telah memanggil dan menempatkan golongan belia, kita beri kursus selama 3 hari 2 malam, antaranya di dalam program tersebut kita telah mengadakan program Qiamulail, kita telah beri pemahaman tentang sejarah negara, beri kefahaman tentang Islam. Dan untuk makluman Yang Dipertua, di dalam program tersebut kita boleh kenal pasti bahawa belia-belia hari ini ada juga di kalangan belia yang masih belum tahu apa erti negara kita juga dan juga tidak tahu selok belok agama. Dan untuk makluman Yang Dipertua juga, ada di kalangan belia tersebut apabila kita buat program untuk membetulkan bacaan Al-Quran, apabila kita suruh membaca Al-Fatihah, mereka tidak tahu, mereka tidak tahu apabila kita sebut baca 'Al-Fatihah' tapi bila kita sebut suruh baca 'Alhamdulillah' baru mereka tahu. Ini menunjukkan bahawa ada golongan belia yang perlu diberi pendedahan. Inilah langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk membetulkan atau untuk memberi kefahaman kepada golongan belia-belia ini.

Dalam pada itu juga, kerajaan negeri juga telah membuat program-program seperti Program Brainstorming dengan izin, Program Jati Diri, kita telah bawa belia-belia untuk bermalam dan juga kita telah mengenal pasti golongan-golongan pemuda bermotor, kita bawa mereka pergi bermalam di masjid, Qiamulail di masjid dan membuat kerja-kerja amal seperti gotong-royong dan sebagainya. Inilah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Di samping itu juga untuk makluman Yang Berhormat Yang Dipertua, selain daripada bidang belia kerajaan negeri juga telah memberi fokus kepada bidang sukan. Sebagaimana kita semua sedia maklum apabila sebelum ini, apabila sebut sahaja negeri Terengganu, apa saja bidang sukan sama ada SUKMA, sama ada bola sepak, kalau ikut peringkat kebangsaan kalau kata nak berlawan dengan pasukan negeri Terengganu sebelum pada ini orang kata dah boleh makan 3-0, sebelum ini. Tapi oleh kerana langkah yang telah diberikan, yang telah dilaksanakan sehingga kita melihat SUKMA iaitu negeri Terengganu telah menduduki tempat pertama (johan) empat kali berturut-turut, Insya Allah tahun ini pun kita johan juga, Insya Allah. Di samping itu juga, dalam bidang bola sepak sebelum ini kalau orang kata Terengganu Cap Ayam tapi hari ini kita boleh lihat sebelum ini kita telah menjuarai Piala FA dan hampir-hampir menjuarai berganda dan baru-baru ini kita telah boleh masuk ke peringkat separuh akhir Piala FA. Ini menunjukkan bahawa perkembangan dalam bidang sukan yang amat baik. Di samping itu juga Yang Berhormat Yang Dipertua, kita juga boleh melihat di mana kita mempunyai pelumba-pelumba basikal yang bertaraf dunia, ini juga dapat dilihat inilah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memberi kefahaman kepada belia mahupun perkembangan dalam bidang sukan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tertarik apa yang dibahaskan oleh Wakil Jertih kelmarin. Apabila Wakil Jertih memberitahu pada tahun 1990, negeri Kelantan telah mengharamkan penyertaan Qariah dalam Tilawah Al-Quran tetapi pada baru-baru ini pada tahun 2013 mereka telah membenarkan kembali Qariah menyertai Tilawah Al-Quran dan menganjurkan Tilawah Peringkat Kebangsaan. Cuma saya nak ambil peluang di sini, nak tanya, terutamanya kepada pihak pembangkang yang dinaungi oleh PAS, saya (Kota Putera) ni tidaklah berlatar belakang pendidikan agama, takdok sijil tapi Insya Allah adalah berlatar belakang jugak sikit-sikit. Cumanya saya sendiri tidak faham pada tahun 1990 dulu PAS merujuk kepada Hadis mana, Al-Quran mana? Tiba-tiba pada tahun 2013 ini keluar pulak jadi boleh pulak dan membenarkan pulak. Jadi merujuk kepada Al-Quran mana, hadis mana? Saya sendiri tidak pasti tetapi mungkin juga dalam banyak-banyak ayat tu terselit barangkali yang mana pada tahun 1990 dulu tak nampak, baru nampak pada tahun 2013.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dan sepanjang saya berada di Dewan ini, hari ini masuk hari yang keempat. Semalam kita berbahas, saya tidak dengar sedikitpun pujian daripada pihak pembangkang kepada kerajaan di atas apa-apa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Cuma saya teringat kembali apabila kata-kata orang tua, mereka berkata kalau kita nak jadi positif kita kena berada bersama orang-orang positif dan kita kena berfikir positif. Tapi saya tidak pasti pihak pembangkang berada dalam golongan mana sama ada golongan yang berfikir positif ataupun yang berfikir negatif, saya tak faham. Sebab pada saya, saya melihat apa yang telah dilakukan oleh kerajaan adalah terlalu banyak. Macam seolah-olah pihak pembangkang sendiri tidak dapat melihat, peribahasa ada berkata 'gajah di depan mata tidak dapat dilihat tapi kuman di sebarang lautan selalu dilihat'. Inilah yang kita lihat yang selalu dibawa-bawa. Dan merujuk kepada pilihan raya baru-baru ini, Kota Putera ingin memaklumkan kepada pucuk pimpinan PAS terutamanya kerana apabila saya berkata perkembangan pilihan raya di kawasan Kota Putera, saya melihat kepimpinan PAS sendiri perlu perbetulkan apa yang disalahtafsirkan di peringkat akar umbi kerana baru-baru ini apabila di peringkat pertandingan mereka masih lagi berkata apabila menyokong ataupun memberi undi kepada Barisan Nasional bermakna mereka telah menempah Neraka. Jadi sekali tu, untuk cerita sikit Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tanya kalau beri undi kepada Barisan Nasional masuk Neraka, nak beri undi kepada siapa tu untuk masuk Syurga? Mereka jawab kita kena undi PAS. Lalu saya berkata malang sungguh nasib bagi datuk yang berkata demikian kerana datuk mereka itu mati sebelum tahun '51, mereka tidak sempat untuk mengundi PAS bermakna mereka juga tidak boleh masuk Syurga sepertimana yang keluarga dia maklum. ....(Tepukan sokongan) .....

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak mengambil kesempatan sedikit di sini untuk memberitahu keadaan di kawasan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Seminit aje, seminit setengah. Untuk makluman Yang Dipertua, Besut merupakan 'Bumi Ulul Albab' amnya dan khasnya Kota Putera merupakan kawasan ataupun DUN Anjung Ilmu kerana di Kota Putera terdapat dua MRSM, Institut Perguruan, ILIM dan sebagainya. Jadi oleh yang demikian saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana telah membina Kompleks IMTIAZ yang terletak di Bukit Keluang. Cuma penduduk-penduduk di DUN Kota Putera mengharapkan kepada kerajaan negeri bila lagi untuk nak gunakan Kompleks IMTIAZ tersebut kerana kompleks tersebut merupakan mercu tanda kepada DUN Kota Putera.

Dan yang kedua, oleh kerana perkembangan yang begitu pesat di dalam DUN Kota Putera, maka penduduk-penduduk Kota Putera juga mengharapkan daripada kerajaan negeri supaya mempercepatkan pembinaan Rumah Mampu Milik khasnya kepada DUN Kota Putera kerana buat masa sekarang perkembangan penduduk sudah tidak mampu untuk menampung keperluan rumah-rumah yang ada.

Oleh yang demikian Yang Berhormat Yang Dipertua, Kota Putera sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Dipertua kerana telah memberi ruang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Akhir kata, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kota Putera mohon menyokong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera, terima kasih banyak-banyak. Kita pergi kepada Wakil Tepoh. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahir rabbil alamin. Wassalatu wassala mu ala asyrafil anbia iwamursalin. Wa ala alihi wasahbihi watabi'i nalathambi ihsani ila yaumiddin. Ammaba'du. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan dan juga para Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, saya merakamkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. yang memberi peluang dan keizinan kepada saya untuk mengambil ruang dan bahagian untuk sama-sama menyampaikan ucapan menjunjung kasih terhadap Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan dalam Istiadat Pembukaan Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya berusaha untuk memanfaat masa yang ada secepatnya, Insya Allah. Memang dalam perbahasan ini kebiasaannya kita akan kemukakan pandangan, kritikan ataupun penjelasan untuk mendapatkan perhatian daripada Dewan bagi kepentingan agenda rakyat secara keseluruhan. Sepertimana yang disebut oleh Wakil Kota Putera sebentar tadi, tidak ada wakil pembangkang yang memuji kerajaan. Saya kira tidak tepat kerana ramai di kalangan kita juga yang memuji usaha-usaha kerajaan dalam beberapa aspek tetapi sebagai sifat pembangkang, ada perkara yang perlu kita tumpukan pada pihak kritikan terhadap pihak kerajaan. Kalau kita sentiasa memuji barangkali kita sudah berada pada ruang pemerintah, bukan pada ruang pembangkang. Sebab itu

kita ambil komitmen kita akan jadi pembangkang yang berkualiti di dalam menyampaikan kritikan kepada pihak kerajaan. ….(tepukan sokongan) ….

Semalam saya mengikuti beberapa ucapan yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa kagum dengan ucapan Yang Berhormat daripada pihak Penyokong Kerajaan, khususnya ketika mana menyentuh berkenaan 'Blackout 505' tetapi saya kira berlaku silap faham. 'Blackout 505' bukan menceritakan tentang elektrik yang terpadam semata-mata tetapi 'Blackout 505' menceritakan demokrasi yang malap, demokrasi yang dikira sudah padam dalam Pilihan Raya Ke-13 baru-baru ini. Oleh kerana itu saya ambil contoh dalam kenyataan temu bual khas yang telah diterbitkan oleh Sinar Harian yang telah menemubual Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Yusof. Kata beliau kalau orang tanya saya sekarang ini: "Apakah perkara yang paling menyedihkan dalam hidup saya ini?" Saya akan jawab Dakwat Kekal adalah perkara yang paling menyedihkan saya. Sebab itu Tuan Yang Dipertua, saya ambil satu contoh report yang dibuat oleh Jabatan Kimia yang telah mengambil sampel tisu dalam Dakwat Kekal yang didakwa oleh SPR untuk kita membuat kajian sampel tersebut melalui Sistem XRF dan kita telah mendapati apa yang didakwa oleh SPR sebenarnya tidak lengkap sepertimana yang telah didakwa sehingga kekal selama 7 hari. Sebab itu apa salahnya kita membiarkan dan memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan ketidakpuasan hati mereka. Tetapi bagi kita oleh kerana kita telah melepasi peringkat Pilihan Raya Umum Ke-13 bukanlah suatu perkara yang sukar untuk kita …..

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Tepoh, dakwat kekal, tak kekal ini dah dibuat laporan Polis ataupun dalam tindakan mahkamah? Kalau dalam mahkamah tidak boleh diperbahaskan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya sebut apa yang telah disebut oleh ……

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya nak dapat penjelasan sama ada perkara ini dalam kes mahkamah?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Belum dalam tindakan mahkamah lagi. Terima kasih Yang Dipertua. Baik, saya juga tidak bercadang untuk panjang cerita berkenaan dengan pilihan raya. Cuma untuk mengambil ruang dalam keadaan saya memberi ruang yang cukup baik pada rakan-rakan kita menyampaikan ucapan semalam dan saya kira saya perlu ambil sebahagian pendahuluan untuk menghuraikan beberapa perkara berasaskan kepada fakta. Dan saya boleh kongsi Jabatan Kimia ini apa yang telah diterbitkan untuk diambil panduan oleh kita semua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya berusaha untuk menarik perhatian Dewan bagi membahaskan Titah Ucapan Tuanku Sultan pada halaman 17 untuk memberikan fokus kepada belia dan juga remaja. Apabila kita melihat harapan yang diluahkan oleh Tuanku Al-Sultan sebenarnya amat tinggi untuk melihat generasi pelapis pada masa yang akan datang menjadi generasi ulung yang berkualiti dan dihormati. Dan saya kira ucapan saya hampir sama dengan apa yang disuarakan oleh pihak Kota Putera sebentar tadi. Walau bagaimanapun, saya sempat mengikuti dan membuat sedikit semakan agenda hala tuju negeri Terengganu 2009 sehingga 2013. Bagi menyambut gagasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu melalui agenda 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan' pada bab 13 – Belia & Sukan. Saya menyemak 12 halaman yang dikemukakan oleh Buku Hala Tuju ini dan waktu tersebut saya melihat lakaran ini secara generalnya. Saya bersetuju dengan agenda dan strategi yang telah disusun atur oleh pihak kerajaan untuk memartabatkan agenda belia dan sukan. Tapi apa yang saya ingin memberikan fokus adalah strategi agenda pendekatan tidak termaktub untuk membicarakan tentang agama secara komprehensif untuk diterapkan kepada pihak anggota remaja. Betul, Kota Putera telah menyebut beberapa program agama sebentar tadi, saya kira itu adalah program sisipan yang berbentuk strategi yang bukan mempunyai agenda yang lebih terarah untuk kita membimbing golongan remaja dan belia secara lebih konsisten. Kemudian saya melihat oleh kerana Tuanku Sultan menyebut modul program belia dalam bentuk ilmiah dan sahsiah diri perlu dipertingkatkan dan saya kira 2013 belum terlewat untuk kita melakarkan agenda yang komprehensif menurut agama bagi kita membimbing anak remaja dan juga di kalangan para pemuda.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, oleh kerana dalam pembangunan sukan di negeri Terengganu, kita memiliki Majlis Sukan Negeri Terengganu, saya suka untuk mengambil bahagian sebagai dalam usaha kita membentuk barisan pembangkang yang akan memberikan kerjasama membangunkan negeri dengan lebih baik, saya suka untuk mengutip kembali pandangan dan penemuan Audit berhubung Majlis Sukan Negara. Saya melihat dari halaman 80 hingga 89, Majlis Sukan Negara telah menggariskan penemuan-penemuan yang perlu untuk diberikan perhatian oleh Majlis Sukan Negeri Terengganu, antaranya projek lewat disiapkan. Kemudian, kerja tidak memenuhi spesifikasi. Yang ketiga, kemudahan-kemudahan sukan tidak disenggarakan dengan baik. Yang keempat, daftar pengagihan peralatan sukan tidak disediakan. Yang kelima, peralatan sukan belum diagihkan. Yang keenam, indeks kerja tidak lengkap. Jabatan Audit mengesan 19 inden kerja tidak lengkap. Saya kira perkara ini suatu perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak yang berkenaan supaya kita dapat menjayakan gagasan, menjayakan belia dan remaja daripada sudut aktiviti sukan dengan lebih baik. Harapan saya, agenda belia dan sukan hendaklah dilaksanakan dengan sebaik mungkin dalam membina

masa depan yang baik untuk generasi belia hari ini. Ia bermula daripada teladan yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan yang ada pada hari ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, begitu juga saya ingin menyentuh berkenaan agenda memartabatkan sukan bola sepak negeri Terengganu. Yang Berhormat Kota Putera menyebut prestasi yang membanggakan tetapi saya merujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jertih yang tidak sempat dikemukakan semalam, soalan yang kedua berhubung dengan langkah yang perlu dilakukan oleh kerajaan negeri Terengganu dalam memperbaiki, meningkatkan kemerosotan prestasi Pasukan Bola Sepak Negeri Terengganu ertinya dalam keadaan Yang Berhormat Kota Putera kata bagus, Yang Berhormat Jertih kemukakan soalan untuk bagaimana kita meningkatkan prestasi Bola Sepak Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tepoh, saya bagi dalam 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Insya Allah, nak habis dah. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya berpandangan sudah sampai masanya pihak kerajaan menilai pandangan penyokong Pasukan Peteh Negeri Terengganu yang meminta supaya membuka ruang dan peluang baru kepada pemimpin untuk mengetuai Pasukan Bola Sepak Negeri Terengganu. Saya bukan memandang rendah kepada penyandang jawatan tersebut tetapi saya kira ada baiknya untuk kita mendengar dan memberi penghormatan kepada suara anak muda, suara penyokong Peteh untuk melihat Pasukan Bola Sepak dipimpin oleh muka baru …..

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua …..

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya akan memberi ruang kepada Jabi sekejap lagi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sikit aje, setengah minit tak sampai.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya akan beri ruang tapi saya minta Yang Berhormat Yang Dipertua tambah masa saya. Boleh?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, sila.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya nak ajar Yang Berhormat Wakil Tepoh tengok bola sekali. Boleh ke? Pasal nak tanya jugak berapa kali dah pergi tengok bola di stadium? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Macam soalan nak jual aiskrim ni.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Mudah aje soalannya, berapa kali dah pergi tengok bola?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Takdok masalah Yang Berhormat Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak pergi sekali lagi dok?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Acap kali dah pergi tengok bola takkan saya nak tunjuk tiket. Terima kasih Yang Berhormat Jabi. Saya kira tidak perlu ganggu dengan soalan kepada saya untuk saya habiskan ucapan supaya saya …..

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya diberi keizinan Yang Berhormat Tepoh. Saya minta izin dari Yang Dipertua. Saya tidak ganggu, tidak betul tu.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya kira saya tak beri dah.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Yang Berhormat Jabi. Dia kawan saya dan saya kira tidak menjadi masalah dalam gurauan senda Dewan ini tapi saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua kerana menambah masa untuk saya berucap. Tuan Yang Dipertua, dalam usaha untuk memartabatkan sukan saya bangga Tepoh ada satu padang bola sintetik tapi saya ingin huraikan padang bola sintetik ini kenapa dilebarkan setelah disiapkan. Apakah dilaksanakan dahulu kemudian baru kita mengukur spesifikasi sebuah padang bola standard minimum untuk yang telah ditetapkan oleh FIFA. Apabila dilebarkan, alhamdulillah, siap tetapi kita kecewa apabila pagar penghadang padang bola sintetik tersebut boleh jatuh dalam keadaan yang cukup mudah walaupun dikatakan ribut tetapi ia telah jatuh menimpa padang bola

sintetik itu. Soalan saya tidak sempat untuk dikemukakan semalam cuma kita tertanya-tanya kenapa perkara ini boleh berlaku. Kemudian saya bersetuju dengan gelanggang futsal di setiap DUN. Bagus dan saya menghargai usaha pihak kerajaan. Barangkali kita perlu tahu daripada Dewan yang mulia ini siapakah pihak yang mengambil peranan dan membuat pantauan untuk penyenggaraan padang bola tersebut.

Kemudian yang terakhir berkait dengan kawasan saya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ada kemukakan Soalan Bertulis tentang pembinaan masjid di Kampung Mengabang Telipot.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tepoh, panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Dah nak landing dah. Ada dua soalan. Yang diluluskan semasa kunjungan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri pada 1hb Mei 2013. Saya mengharapkan pihak kerajaan boleh meneruskan pembinaan Masjid Mengabang Telipot ini kerana mengambil kira untuk menampung para jemaah yang semakin ramai dan juga masjid yang sudah terlalu uzur. Saya mengambil kesempatan untuk memohon kepada pihak yang berkenaan untuk ambil perhatian tentang Jambatan Tepoh yang telah menyaksikan kematian Al-Marhum adik Muhammad Syafiq Imran Shahril, atlet Pelatih Negeri pada 5hb Jun yang lalu. Kes kemalangan di situ adalah kes yang cukup banyak berlaku, saya kira pihak JKR, pihak kerajaan perlu untuk mengambil inisiatif membesar dan melebarkan jambatan tersebut demi kepentingan keselamatan rakyat yang menjadi pengguna jalan raya di tempat tersebut. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak yang berwajib yang terus mengambil langkah memperbaiki jalan di jambatan tersebut selepas insiden kemalangan itu berlaku. Oleh kerana itu kita berharap bukan ada golongan yang ternama yang masuk dalam kes kemalangan barulah kita nak bertindak tetapi pastikan ia diberikan perhatian yang serius demi kepentingan rakyat secara keseluruhan.

Tuan Yang Dipertua, saya kira sudah memadai ucapan saya setakat ini. Terima kasih di atas ruang yang diberikan. Saya daripada Wakil Tepoh merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Sekian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih ADUN Tepoh. Kita bagi ADUN Langkaplah dulu. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang

Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan para Pemerhati sekalian.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memenangi pada Pilihan Raya (PRU) Yang Ketiga Belas yang baru, yang baru sepenggal dan yang sudah berpenggal-penggal, saya ucapkan tahniah dan syabas.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada rakyat yang berada di kawasan Dewan Undangan Negeri Langkap yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk mewakili Dewan yang mulia ini dan saya berjanji akan menjalankan tugas yang sebaik mungkin bagi membalas kepercayaan yang telah diberikan kepada saya. Tanggungjawab ini merupakan suatu amanah yang perlu dipikul dengan ikhlas dan penuh rasa keinsafan. Tugas dan tanggungjawab ini bukanlah untuk bermegah-megah tetapi ia telah menjadi satu kewajipan yang perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab dan amanah.

Tuan Yang Dipertua, saya nak bercakap ni hal Langkap saya, saya tak pandai nak bercakap hal-hal lain sebab saya ini Wakil Rakyat Langkap. Jadi berbalik kepada Titah Ucapan Tuanku pada muka surat 12: "Sektor pertanian merupakan faktor penting dalam konteks pembangunan negeri Terengganu ini." Jadi berbalik kepada DUN Langkap, Tuan Yang Dipertua, perkara yang ingin saya perkatakan ialah mengenai pertanian. Sebahagian besar penduduk kawasan Langkap ini petani, peladang, pesawah dan sebagainya. Jadi dengan galakan sebelum ini iaitu 'Pertanian Adalah Perniagaan', sektor ini perlu diberi penekanan khusus kerana mereka bergantung hidup secara langsung dalam pertanian. Oleh itu, saya mencadangkan agar aktiviti pertanian diusahakan dalam skala yang besar di mana kita perlu membuka tanah-tanah yang terbiar yang belum diteroka dapat diusahakan dengan produk-produk yang bersesuaian dan mendapat hasil yang lebih tinggi. Namun demikian, kebanyakan petani kita perlu terus dibantu. Antara bantuan yang boleh terus kita salurkan adalah bantuan kepakaran, pemasaran dan modal. Jadi saya pohon satu mekanisme perlu difikirkan bagi menstabilkan harga hasil tanaman. Ini adalah peranan FAMA yang perlu kita lebih agresif lagi. DUN Langkap sebagaimana DUN-DUN yang lain merupakan kawasan yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan negeri dan juga persekutuan. Sebagai satu kawasan yang subur dan kaya dengan produk tani seperti nanas, cempedak dan sebagainya. Malah sebelum ini ianya telah menjadi satu dengan izin, trademark bagi DUN Langkap. Bagi memastikan ini dapat dikekalkan adalah perlu pada setiap masa

tumpuan haruslah diberi kepada memperkembangkan produk berasaskan hasil bumi tersebut bagi meningkatkan pendapatan petani. Satu jalan perlulah dicari seperti membuka kilang mengetin nanas dan juga menghasilkan produk-produk daripada hasil tanaman-tanaman yang lain.

Tuan Yang Dipertua, di antara keperluan asas yang paling utama kepada setiap insan adalah tempat tinggal. Sebagaimana diketahui umum keperluan tempat tinggal yang selesa menjadi idaman setiap orang. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar atas usaha membangunkan rumah-rumah rakyat di seluruh negeri Terengganu. Saya berharap penduduk yang berada di luar bandar diberi perhatian yang sewajarnya dalam menyediakan rumah-rumah rakyat. Oleh yang demikian, rancangan kerajaan untuk menyediakan 10,000 Rumah Mampu Milik untuk rakyat amatlah dialu-alukan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan supaya kita minta ianya dibuat di Langkap.

Tuan Yang Dipertua, pendidikan merupakan satu cara yang lebih holistik dalam meningkatkan taraf hidup rakyat, nasib sesuatu masyarakat berkait rapat dengan taraf pendidikan ahlinya. Oleh yang demikian, segala bantuan telah diberikan bagi membantu para pelajar sama ada di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian wajarlah diteruskan malah perlu ditingkatkan dari masa ke semasa. Bantuan yang ingin disalurkan itu perlu lebih menyeluruh sama ada melalui Jabatan Pelajaran Negeri mahupun Pejabat Pelajaran Daerah terus ke sekolah-sekolah. Pencapaian cemerlang di dalam peperiksaan awam oleh pelajar-pelajar Terengganu saban hari, saban tahun menyebabkan ramai yang mengkagumi kita. Sehubungan dengan itu, saya menyokong penuh bantuan yang diberikan oleh kerajaan negeri bagi mempastikan mutu pendidikan kita sentiasa cemerlang. Baru-baru ini ada 3 orang pelajar telah datang ke rumah saya, minta tandatangan Bantuan Yayasan untuk melanjutkan pelajaran ke Pusat Pengajian Tinggi. Jadi sayapun bila dia hulurkan borang itu, sayapun *signlah,* saya sign seorang, seorang, lepas itu masuk yang ketiga tu sayapun sign juga dan saya tengok 'binti Hassan'. Saya bertanya: "Adik ni anak siapa dia?" Dia kata: "Saya anak Hassan bin Haji Karim." Saya kata: "Hassan Karim ini lawan saya dalam pilihan raya baru-baru ini." Dia kata: "Yalah." Saya kata: "Tak apalah, saya *sign*." …..(Tepukan sokongan) …. Ini menunjukkan bahawa Wakil Rakyat Barisan Nasional dia tidak mengenali orang PAS, orang pembangkang ke dia sign belaka. Jadi tolong balik royatlah kalau di kawasan Langkap tu kalau rasa hak orang PAS tu nak mari *sign* tu, marilah, Wakil Rakyat ini *sign*, dia takdok hal. Sebab kita prihatin, Wakil Rakyat adalah untuk semua, jadi Wakil Rakyat Barisan ini dia tidak kira siapa dia.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Guana bunyi bahasa sebelah nun tu …..

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Tapi Cukai jauh Yang Dipertua nak pergi *sign.* Masalahnya kita nak *sign* ni tak boleh Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Tak apalah pakai *Courier.*

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Y.B. Air Putih ada, tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Tuan Yang Dipertua, akhirnya harapan saya selepas ini kita semua akan terus berkhidmat dengan sebaiknya dan berharap setiap Wakil Rakyat juga akan bersikap positif dalam segala aspek. Saya berharap selepas ini kita semua akan berusaha untuk mengekalkan keharmonian dan perpaduan rakyat, diharap segala ketegangan semasa pilihan raya dapat dikendurkan. Kita semua harus berusaha ke arah tersebut, janganlah usaha ini dibebankan kepada pihak tertentu sahaja. Perpaduan rakyat adalah benteng utama kepada keamanan dan keharmonian dalam sesebuah masyarakat. Kita sebagai Wakil Rakyat sepatutnya sentiasa bersatu dan ikatan ukhwah dapat dikekalkan. Tadi hak saya sign tadi anak calon hak lawan saya tu anak hak bini muda tu bukan hak nombor satu. Jadi saya nampak hak muda ni dia lembut sikit sebab itu saya sign. ….(Dewan gelak) ….. Jadi Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Langkap. *Dang* kenal jugak hak nombor satu, nombor dua ni. Seterusnya Wakil Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahir Rabbil Alamin. Assalatuwassala mu ala asyrafil anbia iwamursalin. Wa ala alihi wasahbihi ajmain. Ammaba'du.

Terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua, seluruh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, Pemerhati yang dikasihi sekalian. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan pada pagi ini.

Dan sebagai mukadimah ucapan perbahasan saya hari ini sukalah saya ingatkan kepada diri saya dan semua Ahli Yang Berhormat khususnya kepimpinan peringkat kerajaan negeri dengan Firman Allah Taala yang bermaksud: "Orang-orang yang apabila kami berikan mereka kuasa di atas muka bumi, mereka mendirikan

sembahyang, menunaikan zakat, melaksanakan kewajipan amal ma'ruf nahi mungkar dan bagi Allah kesudahan segala urusan."

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan dalam masa yang terbatas ini untuk menyebut beberapa perkara. Yang pertama, berkenaan dengan Kompleks Usahawan Terengganu yang ada disebut dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan dalam majlis perasmian dua hari yang lalu. Saya nak mintak penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan kos pembinaan yang terkini kerana saya agak keliru apabila membaca beberapa laporan yang dilaporkan dalam akhbar daripada kenyataan bekas Exco yang lalu yang berkait dengan usahawan, sekali menyebut kosnya RM35 juta, sekali menyebut RM26 juta dan bila saya semak dalam blog YPU sendiri menyebut RM21 juta. Jadi sebenarnya mana satu yang betul kos pembinaan KUT ini kerana ini melibatkan duit rakyat jadi rakyat semestinya ingin tahu dengan tepat jumlah yang telah dibelanjakan bagi pembinaan KUT ini. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan KUT ini pada asasnya dibina adalah untuk dijadikan sebagai satu institusi bagi melahirkan ramai para usahawan di samping memperkasakan usahawan-usahawan yang sedia ada. Tetapi apa yang saya dapati perkara itu tidak wujud jadi kenapa perkara itu boleh berlaku sedangkan matlamat asal untuk melahirkan usahawan itu suatu usaha yang sangat baik, sangat murni lebih-lebih lagi dalam usaha kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan anak-anak muda khususnya. Saya beberapa kali pergi ke KUT ini dan apa yang ada sekarang ialah bangunan itu kini sedang dalam proses ubahsuai di mana sebahagiannya adalah untuk dijadikan hotel 3 bintang. Dan sekarang ini adalah beberapa buah kedai batik dan satu floor dengan izin, untuk dijadikan sebagai satu pusat yang dikatakan untuk dimajukan sehingga berjaya ala Plaza Low Yat di Kuala Lumpur. Ini disebut oleh Ketua Pegawai Eksekutif YPU setahun yang lalu. Tetapi minggu lepas saya pergi masuk dan lihat sendiri perkembangannya apa yang ada ia ternyata gagal kerana tidak ada apa pun sepertimana yang disebut. Jadi saya mintak penjelasan daripada pihak kerajaan berhubung dengan keadaan yang sangat menyedihkan ini. Saya melihat ianya satu gambaran kelemahan dari sudut perancangan dari awal lagi. Kenapa dengan jumlah kos yang begitu besar dikeluarkan, dibelanja sampai masa diubahsuai dan dijadikan untuk perusahaan yang lain. Dan apa usaha kerajaan untuk mengatasi beberapa masalah yang disebutkan tadi. Kita tidak mahu ada gajah putih pulak yang akan masuk ke kawasan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam Ucapan Titah Al-Sultan juga ada beberapa kali menyebut berkenaan dengan slogan dan pendekatan yang diguna pakai oleh kerajaan iaitu 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan' dan ia disokong penuh oleh Wakil Kota Putera tadi. Tapi saya ingin tegaskan di sini bahawa slogan itu sama sekali tidak berlaku dalam proses pembinaan jalan susur lebuh raya dari Gemuroh ke Banggol Tuan Muda. Tidak berlaku konsep

'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan'. Penduduk khususnya Banggol Donas mereka bangkit membantah bukan kerana mereka anti pembangunan, bukan menolak projek pembangunan yang boleh memberi manfaat kepada rakyat. Tetapi apa yang dibangkitkan ialah salah guna kuasa dan juga tidak mengikut prosesur yang sepatutnya dipenuhi bagi memajukan sesuatu jalan raya dan seumpamanya. Tuan Yang Dipertua, perkara ini sebenarnya telah banyak kali disebut sebelum ini oleh wakil pembangkang khususnya Yang Berhormat Bukit Tunggal dalam sesi penggal yang lepas, Penggal Yang Kedua Belas. Tetapi malangnya segala apa yang dibangkitkan itu semacam tidak dipedulikan di mana projek itu diteruskan dan apa yang menyedihkan kita apabila pihak kerajaan sendiri tidak bersedia bahkan tidak pernah melakukan usaha untuk mengadakan perbincangan, mengadakan dialog secara bersemuka dengan penduduk yang terlibat bagi mencari penyelesaian yang terbaik, khususnya mendengar pandangan-pandangan mereka dalam perkara yang berkaitan dengan jajaran alternatif yang tidak melibatkan penempatan penduduk. Jadi saya mengambil peluang di dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini untuk menyeru kepada pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri agar dapat turun, bertemu dan bersua muka dengan rakyat sesuai dengan slogan yang diguna pakai, yang diwarwarkan oleh Perdana Menteri sendiri iaitu 'Rakyat Didahulukan Dan Pencapaian Diutamakan'. Kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh, pernah panjat rumah rakyat untuk letakkan atap dan paku kenapa dalam perkara yang seumpama ini Yang Amat Berhormat tidak boleh turun dan selamatkan rumah rakyat. Jadi Insya Allah, saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan masalah ini dari terus berlarutan. Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Teluk Pasu, panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Satu lagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Tuan Yang Dipertua, saya juga nak mengambil kesempatan ini untuk menyebut tentang satu masalah sebahagian masyarakat Islam kita khususnya di kalangan anak-anak muda yang sibuk membeli belah dan mundar-mandir di pasar raya-pasar raya besar pada hari Jumaat seperti di Mydin, di Giant dan seumpamanya sehingga sebahagian daripada mereka meninggalkan Solat Jumaat. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada pihak kerajaan khususnya jabatan dan agensi yang berkaitan agar mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan keadaan ini tidak berterusan. Mungkin pihak kerajaan negeri boleh mengambil contoh apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan yang menguat

kuasakan peraturan bahawa semua aktiviti jual beli khususnya di pasar raya besar dihentikan bahkan ditutup sementara sehingga selesai Solat Jumaat didirikan. Dan kita menyedari bahawa semua yang bertanggungjawab, pihak yang berkuasa yang ada yang bertanggungjawab dalam perkara ini kalau kita tidak memperdulikan ataupun membiarkan keadaan itu berterusan maka kita juga akan menanggung dosa yang sama, mereka yang meninggal Jumaat dan kita di pihak kerajaan dan jabatan yang mempunyai kuasa dalam perkara itu yang tidak bertindak akan menanggung dosa yang sama. Jadi Insya Allah, perkara ini dapat diambil perhatian serius kerana ini melibatkan masalah anak-anak muda kita.

Akhir sekali Tuan Yang Dipertua, saya nak ambil bahagian juga pasal JKKK ini, sikit aje. Saya melihat dia tak akan sudah di sini, melainkan kita minta supaya pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri membuat kenyataan yang akan disiarkan oleh pihak media minta supaya JKKK agar bertindak secara profesional tanpa memilih bulu. Tadi yang disebut oleh Wakil Langkap, itu di peringkat Yang Berhormat, kita pun sign. Masalahnya JKKK, itulah masalah yang dihadapi oleh rakyat, peringkat Wakil Rakyat kita tidak ada masalah. Jadi saya mintak supaya pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri membetulkan keadaan ini dengan kenyataan yang boleh disiarkan melalui pihak media. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itulah di antara beberapa perkara yang boleh saya sebutkan, mengambil kesempatan dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Teluk Pasu. Sekarang sudah pukul 12.23 tengah hari, kita ada sampai pukul 1.00 tengah hari sebagaimana yang ditertibkan lebih awal, kita ada enam pembahas atau yang mohon untuk diberi peluang untuk membuat ucapan perbahasan. Jadi saya nak ingatkan sama-sama kita patuhi masa sebab kita nak berhenti pukul 1.00 tengah hari dan kita nak sambung balik pukul 2.30 petang. Jadi ada lagi Yang Berhormat yang nak berucap? Jika tidak ada kita nak teruskan kepada penggulungan tapi jika ada ….. Sila Wakil Rantau Abang, tolong tengok masa 10 minit ni, kalau tidak yang lain akan dipendek dan pandakkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahir Rabbil Alamin. Wal 'aqibatul lilmuttaqeen wa laa 'udwana illa 'ala zhaalimeen wa Ashadu anlaa Ilaaha Ilallaah wa Ashadu anna Muhammadan. Qala rabbi-'shrah li sadri wa yassirli amri wahlul 'uqdatan min lisani yafqahu qawli. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat

Ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai jabatan dan seluruh Pemerhati yang hadir pada pagi ini.

Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya memberi dan membahas Titah Ucapan Diraja. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian. Seperti yang dibangkitkan oleh Langkap, Wakil Rakyat ini bukan suatu benda yang direbut tetapi ia merupakan satu tanggungjawab, amanah daripada Allah. Setiap hamba Allah mesti melaksanakan amanah ini. Dan Insya Allah, mudah-mudahan seluruh kepimpinan Wakil Rakyat, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada ini telahpun mengangkat sumpah setia dengan Dewan ini dan kepada rakyat untuk memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah S.W.T untuk meneruskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, saya ingin meneruskan perkara-perkara yang berkaitan yang telah dititahkan oleh Tuanku yang saya nak bangkitkan ialah berkaitan demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Saya tidak mahu bercakap panjang tetapi nak menyatakan hasrat rakyat di Rantau Abang, keluhan-keluhan rakyat di Rantau Abang berkaitan perkara-perkara yang mereka alami supaya kepayahan, kesusahan yang mereka hadapi dapat diambil perhatian oleh kerajaan pemerintah. Yang pertama, saya nak tahu dari segi kedudukan Rumah Kos Rendah yang telah siap yang berada di Dungun, dua kawasan yang telah siap tetapi sehingga kini belum lagi dipenuhi oleh penduduk, maksud saya ialah pengambilan untuk memenuhi rumah-rumah tersebut belum dilaksanakan. Temu duga telahpun berlaku tetapi sehingga kini ianya belum lagi terlaksana. Rakyat memerlukan tempat tinggal kerana sekarang ini memang merupakan perkara terdesak bagi masyarakat untuk mendapat tempat tinggal. Jadi saya ingin tahu daripada Dewan ini, daripada kerajaan bila rumah-rumah yang telah siap ini akan diberi milik kepada penemuduga-penemuduga yang diluluskan. Itu perkara yang pertama. Perkara yang kedua, terima kasih kepada kerajaan kerana telahpun menaik taraf jalan-jalan di kampung-kampung. Cuma persoalan saya ialah ada satu kampung yang ketinggalan, tak tahulah sama ada tak nampak ataupun tertinggal daripada kerangka perancangan iaitu Kampung Rajawali di Pulau Serai, kampung lain ada jalan, diupgradekan tetapi di situ jalannya masih berlubang-lubang dan sikap orang kampung kerana dah lama, mereka buat sendiri, ambil inisiatif sendiri, bancuh simen dan tampal di jalan raya. Ini suatu perkara yang malanglah bagi penduduk Rajawali yang berada di DUN Rantau Abang. Saya mengharapkan perkara ini disegerakan kerana di situ 100% orang Melayu dan kampung itu adalah kampung lama bukannya kampung baru ianya sebuah kampung lama. Saya berharap perkara ini disegerakan. Itu perkara yang kedua. Perkara yang ketiga, terima kasih kepada kerajaan kerana telahpun menaik taraf sekolah-sekolah, sama ada sekolah rendah, sekolah menengah. Cuma persoalan saya, rungutan daripada penduduk kampung yang saya nak sebutkan ini ialah

Sekolah Kebangsaan Pulau Serai di mana padangnya rendah, apabila hujan air bertakung, kalau hujan dua hari pasti akan jadi kolam.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dah jadi pulau betullah ni, Pulau Serai.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Di Sekolah Kebangsaan Pulau Serai. Jadi hasrat Titah Ucapan Tuanku nak melihat bahawa modal insan ini dapat dijaga dengan baik. Kita nak anak-anak kita bukan sahaja keperluan kurikulum tetapi jugak ko-kurikulum. Dan memang apabila hujan pelajar-pelajar ini tidak dapat menggunakan padang dan akan terbantut aktiviti ko-kurikulum. Saya mencadangkan supaya sama ada diupgradekan padang itu, ditambah seperti yang berlaku di Sekolah Kebangsaan Kuala Dungun di mana padangnya diupgradekan ataupun prasarana perparitan supaya air di situ dapat disalurkan ke sungai yang berdekatan. Itu perkara yang ketiga. Perkara yang keempat, bekalan air paip yang telah lama dan sekarang ini menyulitkan penduduk di Kampung Gong Pasir iaitu di Lorong Balai Raya Gong Pasir. Di mana paipnya dah sempit, berlaku kematian baru-baru ini menyebabkan tuan rumah, keluarganya terpaksa menakung air begitu lama untuk memandikan jenazah. Yang sedihnya lagi ialah tidak ada pili bomba dan baru-baru ini berlaku kebakaran di Binjai, Che Lijah, lima buah rumah telah hangus dan memakan masa yang agak lama tetapi disebabkan pili bomba di situ tidak ada, tiga buah lori bomba? Ke apa orang panggil? Oh ya! Kereta bomba, lori bomba pulak dah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rantau Abang jangan buat malu Cikgulah. Speaker pun Cikgu. Sajalah tu. Kita ni bekas Cikgu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Ya. Kadang-kadang kita terlupa, kita manusia.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dimaafkan. Terima kasih. Sila teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Dah tiga buah kereta bomba datang, habis air dan untuk menampung nak cari punca air tidak ada menyebabkan daripada satu buah rumah ke satu buah rumah merebak hingga lima buah rumah terbakar. Dan inilah saya harap supaya ianya juga diberi perhatian berkaitan pili bomba dan paip-paip air di kawasan yang saya sebut tadi. Itu perkara yang keempat. Perkara yang kelima, di Rantau Abang ini tanahnya luas. Tahun 2004 dibekukan permohonan tanah, rakyat memerlukan tempat tinggal terutama generasi kedua, takkanlah selama ini duduk dengan mak dan ayah, dah berkeluarga nak duduk di situ juga, mereka memerlukan tempat tinggal. Apa salahnya tanah yang banyak ini, dah beberapa tahun dah sejak dari 2004 sekarang ini 2013. Saya harap pihak kerajaan buka permohonan tanah ini untuk kita beri

laluan kepada generasi kedua untuk mendapat tapak rumah. Itu perkara yang kelima. Saya ringkas-ringkasnya kerana nak beri peluang kepada yang lain.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Wakil Rantau Abang?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Ada dua. Yang keenam. Soalan lisan saya ditolak tetapi saya ingin nak beri makluman dan ingin tahu kenapa dan mungkin, agaknya mungkinlah soalan ini tak penting tetapi saya ingin kemukakan. Yang pertama, tanah wakaf oleh individu-individu tertentu yang diserahkan kepada MAIDAM. Soalan saya yang ditolak itu ialah saya nak tahu keluasan dan berapa tanah yang telah dimajukan tetapi ditolak. Jadi apa yang saya nak tahunya ialah dan nak maklum, tanah yang telah diwakaf ini dibiarkan begitu saja, jadi saya cadang supaya tanah di Lot 3032 GM 107, Mukim Kuala Dungun dimajukan, kesian kepada arwah yang telah mewakafkan tetapi dibiarkan begitu saja. Saya ditemukan oleh keluarganya untuk memaklumkan supaya tanah ini dimajukan. Pada peringkat awalnya untuk anak-anak yatim tetapi kata keluarga, kata anaknya terpulanglah kepada pihak yang bertanggungjawab supaya majukan, nak buat apapun buatlah asalkan tanah itu tidak terbiar sebegitu.

Dan akhirnya ialah sebagai penduduk daerah Dungun sekali saya nak mintak jasa baik kerajaan supaya segerakan pembinaan Hospital Daerah Dungun ini bukan saja untuk menampung penduduk Dungun tetapi jugak menampung penduduk dan juga pekerja-pekerja PETRONAS di Kertih yang mungkin berlaku kemalangan-kemalangan. Oleh itu, sekianlah sahaja daripada saya, terima kasih banyak-banyak atas peluang yang diberi. Mudah-mudahan apa yang saya sebut secara ringkas dapat perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan, pihak Dewan dan pihak yang berkaitan supaya ianya diambil perhatian yang sewajarnya dan diberi perhatian yang baik. Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Rantau Abang. Kita ada kurang lebih masa 20 minit lagi. Sila lain-lain wakil yang ingin meneruskan perbahasan. Sila Wakil Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah hamdan hamidin, hamdan syakirin, hamdan yukafi wani'imahu yukafi maziidah Ammaba'du. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu, ketua-ketua jabatan serta Pemerhati yang dirahmati Allah S.W.T.

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana diberi peluang oleh Allah untuk berbakti kepada negeri Terengganu, berbakti kepada rakyat yang duduk di negeri Terengganu. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya menyokong penuh Titah Ucapan Tuanku Al-Sultan yang telah dititahkan kepada kita pada Istiadat Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kali Yang Ketiga Belas yang lalu. Di helaian yang ketiga Baginda Sultan telah menyatakan dengan jelas akan hasrat Baginda yang ingin mengekalkan keharmonian dan keamanan bagi mengekalkan kestabilan politik dan tanah air yang kita cintai ini. Saya daripada Manir sebagaimana yang diketahui ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan UMNO-Barisan Nasional yang menang tipis 17-15 pada pilihan raya baru-baru ini. Dan kami juga berbangga dengan ucapan sulung Dato' Seri Menteri Besar yang menyatakan dalam kenyataannya pembinaan Rumah Mampu Milik yang tidak akan dibina di kawasan DUN-DUN yang BN kalah di kawasan itu yang mana dinyatakan oleh Dato' Seri Menteri Besar mereka akan membina Rumah-Rumah Mampu Milik ini di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh Barisan Nasional. Alhamdulillah, kami daripada kalangan Wakil Rakyat atau Yang Berhormat-Yang Berhormat dari kalangan pembangkang telah mula mendapat maklumat bahawa telah ramai petugas-petugas UMNO-Barisan Nasional yang telah mula mengisi borang-borang keahlian PAS dan Keadilan. Ini kerana mereka melihat Yang Dipertua Dewan, mereka melihat keadaan dan gambaran kerajaan yang ada yang melaung-laungkan slogan demokrasi tetapi dalam masa yang sama tidak mengamalkan sepenuhnya sistem demokrasi yang sepatutnya. Melaung-laungkan slogan yang berbentuk Islamik tetapi tidak melaksanakan dan mengamalkan Islam sepenuhnya. Saya mencadangkan Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan melakukan lawatan kerja ke negara-negara yang mengamalkan demokrasi sepenuhnya, kita boleh lihat bagaimana apa yang berlaku di negara-negara barat .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Laluan apa sokmo ni.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Boleh, kalau diizin, saya minta izin.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tak izin.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak apalah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, jika kita melihat keadaan-keadaan dan amalan-amalan demokrasi di negara-negara barat, suatu ketika pernah kita melihat perlawanan dan pertarungan

di antara Kevin Rudd dan John Howard di Australia sebagai contohnya mereka diberi peluang penuh dalam liputan secara langsung memperkenalkan manifesto masing-masing dan dihadiri oleh semua lapisan masyarakat dan dihadiri oleh semua wartawan. Inilah ketelusan dalam demokrasi yang sepatutnya kita amalkan di negara kita.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, oleh kerana masa yang tidak mengizinkan, di helaian 12 Tuanku Al-Sultan telah menegaskan tentang kepentingan sektor pertanian yang merupakan penyumbang yang utama di dalam pembangunan ekonomi di negeri kita dan negara kita umumnya. Saya bersetuju dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Wakil Langkap, kita perlu kepada kepakaran, kita perlu kepada modal yang besar, kita perlu kepada strategi pemasaran dan jelas daripada apa yang telah dititahkan oleh Tuanku Al-Sultan yang menyatakan bahawa Baginda Al-Sultan kurang berpuas hati dengan prestasi-prestasi yang ada prestasi dari sudut pertanian yang Baginda Sultan belum berpuas hati. Yang Berhormat Yang Dipertua, bagi menyambung dan melihat kepesatan pertumbuhan ekonomi dari sudut pertanian, kita melihat kerajaan haruslah menitikberatkan dari sudut pemasaran, pemasaran yang kita maksudkan kalau dilihat dari laporan-laporan akhbar secara umumnya kita dapat melihat lambakan buah-buahan tempatan, itu tidak dicari dengan secara spesifik tetapi secara umumnya menampakkan bahawa di sana terdapatnya kelonggaran-kelonggaran sistem yang ada di dalam sistem pemasaran dari sudut pertanian.

Yang Berhormat Yang Dipertua, walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah kepada pihak berwajib yang telah melancarkan dan telah merancangkan satu pembinaan pasar borong semenjak tahun 2006 di kawasan Bukit Payong, Marang yang sehingga ke hari ini belum lagi selesai yang peruntukannya yang telah diperuntukkan sebanyak RM50 juta dan keluasan tanah yang telah diperuntukkan kalau dilihat ialah sebanyak 20 hektar yang didakwa dalam kajian dapat menampung seramai 120 orang peniaga. Kita melihat jika dibahagikan dengan purata 120 orang jika dibahagikan dengan RM50 juta secara rawaknya lebih kurang kerajaan telah memperuntukkan bagi setiap .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Manir, silap tu, RM50 juta dibahagi, baru jadi tu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Ya, okey. RM50 juta dibahagikan kepada 120 orang peniaga ini dan anggaran yang diperolehi ialah sebanyak RM416,000 bagi setiap seorang peniaga ataupun setiap tapak. Kalau kita bayangkan keadaan dan peruntukan yang sebesar ini menampakkan kepada kita boleh jadi pasar borong pada masa itu boleh jadi ada *aircond,* boleh jadilah, wallahu wa'alam. Tetapi kalau kita lihat dari sudut pentadbiran pasar borong tidak

memerlukan angka yang begitu besar. Saya mencadangkan agar peruntukan yang sebanyak ini agar diagihkan ke tempat-tempat lain dan memperbanyakkan pasar borong bukanlah menaik tarafkan pasar borong yang tinggi tarafnya tetapi tidak dapat menampung petani-petani ataupun peniaga-peniaga yang lebih ramai.

Yang Berhormat Yang Dipertua, oleh kerana saya mewakili Manir, saya mengharapkan satu-dua perkara sebagaimana Soalan Lisan semalam yang telah tidak sempat dibaca. Yang Berhormat Yang Dipertua, jika semalampun ADUN Air Putih menyatakan jika nenek-moyang kita hidup kembali, mereka akan terkejut dengan kepesatan ekonomi teknologi keadaan yang ada sekarang. Saya ingin menyambung, jika sekiranya mereka juga hidup pada zaman ini boleh jadi mereka juga terkejut dengan kekurangan para jemaah di masjid. Ini satu perkara yang perlu dilihat dengan mata kasar dan mata hati. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya merasakan satu perkara yang juga perlu diambil perhatian oleh pihak yang berwajib. Satu keadaan yang telah berlaku, satu peristiwa yang telah berlaku di dalam kawasan Hulu Terengganu, berkenaan dengan Masjid Binjai Kertas yang telah runtuh dan pembinaannya secara lebih kurang ialah 5 tahun, umur masjid ini, pembinaan dengan peruntukan RM1.7 juta ataupun boleh perbetulkan fakta ini. Yang Berhormat Yang Dipertua, kami daripada pihak pembangkang ingin bertanya setakat maklumat yang kita ada bukan sahaja masjid ini yang menggunakan pelan dan menggunakan syarikat pembekal yang sama tetapi terdapat beberapa buah masjid lagi dalam negeri Terengganu yang menggunakan pelan yang sama dan menggunakan pembekal yang sama. Dan kita ingin mengetahui berapakah jumlahnya dan sejauh mana kerajaan mengambil kira tahap keselamatan, pelan dan juga bahan-bahan binaan yang dibekalkan oleh pembekal.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, kami daripada Manir mendapat rungutan yang berlarutan berkenaan dengan Pasar Manir, kalau pergi ke Pasar Manir akan menerima rungutan. Rungutan tidak mengapa tetapi suatu aspek kebajikan yang dilaungkan oleh pihak kerajaan yang perlu diteliti dan perlu diperlihatkan kesungguhannya. Peniaga-peniaga di situ merungut dan bertanya tentang Sijil Lulus Menduduki bangunan tersebut. Sehingga ke hari ini, bangunan tersebut belum lagi mendapat taraf kelulusan tetapi telah dipaksa oleh pihak berwajib untuk duduk di dalam pasar tersebut dan dalam masa yang sama tidak ada eletrik dan tidak ada air. Yang Berhormat Yang Dipertua, apa yang kita bimbang, keadaan keselamatan kebajikan mereka diabaikan oleh pihak kerajaan. Dalam masa yang sama Wakil Rakyat-Wakil Rakyat daripada pihak kerajaan mengutarakan tentang kebaikan-kebaikan yang diberikan oleh pihak kerajaan tetapi dalam masa yang sama mengabaikan perkara-perkara yang telah diabaikan oleh kerajaan. Yang Berhormat Yang Dipertua, mohon diterima. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima Kasih, Wakil Manir. Tinggal lebih kurang lapan minit lagi. Sila Wakil Bukit Payung. Terima Kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Alhamdulillah. Assalatuwassala mu ala Rasulillah. Wa ala alihi wa ashabihi. Waman wawalah. Ammaba'du. Insya Allah saya akan mengambil masa yang singkat untuk menyatakan dua perkara. Yang pertama, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi Ucapan Menjunjung Kasih terhadap Titah Ucapan Diraja. Dan saya mengharapkan sambungan daripada apa yang disebutkan oleh Wakil Manir yang sekali gus bertepatan dengan apa yang disebut oleh Tuanku Sultan bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak setempat jangan dianggap kecil, walaupun nampak kecil tidak boleh dipandang remeh. Saya berkali-kali menyebut dalam Dewan ini tentang Pasar Kedai Buluh dan saya memohon agar disediakan satu kertas yang penyiasatan yang teliti kenapa sebegitu lama pasar ini tidak mampu diselesaikan sehingga terus peniaga-peniaga di pasar ini berada di dalam kesulitan dan tidak mendapat kebajikan yang sebaiknya.

Yang kedua, saya cuba untuk mengingati semula apa yang kita sebut dalam Angkat Sumpah kita, bahawa kita mahu mempertahankan dan melindungi Perlembagaan Negeri ini. Dalam Perlembagaan Negeri ini, telah diletakkan rujukan tertinggi kita ialah Al-Quran Hadis Nabi, Ijmak dan Qias. Dalam suatu Hadis Nabi S.A.W, Rasulullah menyatakan (membaca petikan Hadis sebagaimana huraian): Tiga perkara yang boleh menyelamatkan. Menjadi penyelamat kepada setiap manusia di dunia dan diakhirat. Adapun tiga penyelamat itu yang pertama ialah keadilan ketika marah ataupun redha sama ada kita rasa marah, kita tidak setuju ataupun kita rasa gembira dan kita rasa redha. Kita mesti bersikap adil terhadap semua kerana harta benda negara ini dan harta benda negeri ini bukan milik kita, bukan milik Menteri Besar, bukan milik Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bahkan bukan milik UMNO dan Barisan Nasional, ia milik rakyat seluruhnya. Sebab itulah seorang sahabat Nabi S.A.W. yang bernama Abu Muawiyah bin Abu Suffiyan, Muawiyah bin Abu Suffiyan menjadi seorang Gabenor yang memerintah Syam, kerajaan yang besar yang mempunyai kekayaan yang hebat, pernah dihadiri dalam majlisnya seorang Ulama yang bernama Abu Muslim Al-Khaulani. Abu Muslim Al-Khaulani memberikan ucapannya "Salam sejahtera ke atas mu wahai orang yang makan gaji." Pegawai-pegawai, pemerhati-pemerhati mahu menyekat ucapan si alim ini tetapi Muawiyah kerana didikan Nabi S.A.W. walaupun Muawiyah marah, Muawiyah kata biarkannya ia tahu apa yang ia cakap. Akhirnya, Muawiyah bertanya: "Kenapa engkau menyebut sebegitu rupa sedangkan semua orang bercakap "Assalamualaikum Ya ayyuha Amir" (Salam sejahtera wahai Gabenor)." "Wahai Tuan Gabenor", kata Abu Muslim Al-Khaulani: "Wahai Amir, wahai Muawiyah sahabat Nabi S.A.W., kamu menaiki takhta itu bukan kerana kehebatan

mu semata-mata tetapi kamu mengurus negeri ialah hasil daripada rakyat, hasil daripada pendapatan dan amanah yang dikurniakan oleh rakyat mengikut apa yang ada. Oleh kerana itu engkau tidak berhak untuk menentukan sesiapa yang berhak mendapatkan kebajikan, engkau menyekat. Sesiapa yang tidak berhak engkau beri mengikut kehendak." Akhirnya Muawiyah meredhai kerana Muawiyah sedar Abu Muslim Al-Khaulani menyebut bahawa kekayaan negeri ini bukan milik datuk nenekmu tetapi milik seluruh rakyat. Keadilan dalam waktu marah dan redha adalah asas dalam setiap pentadbiran, takut kepada Allah dalam keadaan senyap ataupun ramai, berjimat cermat dan berekonomi sama ada di masa miskin ataupun kaya, ini menjadi asas.

Yang kedua, secara umum agar kita mengambil berat tentang kebajikan, saya sedar dan saya tahu bahawa kerajaan ambil berat tentang kebajikan tetapi saya mendapat aduan daripada beberapa penerima bantuan, mereka terpaksa mengisi semula borang-borang bantuan kebajikan mereka, sehingga ada seorang itu kakinya memang takdok dan memang dok tumbuh dah kaki dia dan dia memang miskin. Dia bawa borang untuk ditandatangani, saya kata kenapa, dia kata kerajaan ada buat pemutihan baru dan kelulusan baru. Saya tidak tahu adakah kenyataan yang diceritakan itu benar ataupun salah. Oleh kerana itulah dalam soalan saya, saya kemukakan: Apakah kerajaan buat pemutihan semula terhadap penerima-penerima Kebajikan ini? Tetapi jika kerajaan buat sungguh alangkah baiknya kerajaan mesti menilai semula siapa yang sepatutnya diputihkan dan siapa yang tidak disusahkan mereka mengisi borang-borang baru.

Yang seterusnya, saya harap saya nak mengulangi semula permohonan daripada seorang yang rumahnya kebakaran di Kampung Titian Baru yang mendapat restu dan janji daripada Menteri Besar iaitu Yahya bin Harun, k.p. no. 520709-11-5075. Beliau sangat-sangat memerlukan rumah untuk dibina segera kerana anak-anak yang ramai untuk hidup dan beliau mendapat janji bahawa kerajaan daripada Tabung Darul Iman akan membekalkan RM40,000, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memperuntukkan RM40,000 tetapi hari ini beliau menunggu-nunggu kerana beliau memang mengharapkan sungguh untuk tempat berteduh bagi keluarganya. Saya mengharapkan pihak kerajaan ambil perhatian terhadap permohonan beliau dan mana-mana orang lain agar semua kebajikan ini dapat dirasai oleh rakyat dengan secepat mungkin mengikut keperluan.

Saya rasa cukup sekadar itu, terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan dapat memberi peluang kepada saya dalam menyampaikan ucapan ini. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Bukit Payong. Kita dah pukul 1.00 sekarang ini.

Jadi sebelum saya tangguh, ada satu makluman iaitu saya menjemput ke Jamuan Makan Tengah Hari di dua tempat oleh Yang Dipertua Dewan oleh kerana kita macam semalam kerana di Tingkat 18 tidak cukup besar jadi bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dan ketua-ketua jabatan di Tingkat 18 dan kepada semua Pemerhati Jamuan Makan Tengah Hari disediakan di Tingkat U2. Dan saya mohon supaya kita sama-sama makan supaya tidak membazir. Kebetulan hari ini hari jadi saya sebenarnya dan jamuan ini bukanlah untuk hari jadi saya tetapi kebetulan.

Jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung balik pada 2.30 petang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.05 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Saya mempersilakan pihak kerajaan untuk membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, pertama-tamanya saya merakamkan ribuan terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk menggulung pada petang ini.

Sebagaimana kita maklum bahawa negeri Terengganu sudah terkenal di antara negeri yang terbaik dalam semua peringkat keputusan peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM. Ini terbukti dengan peningkatan dari segi kelulusan dari masa ke semasa biarpun pada tahun 2012 kita mengalami sedikit kemerosotan dari segi UPSR namun langkah-langkah yang kita ambil pada kali ini lebih menjurus kepada mengembalikan kegemilangan dalam peperiksaan yang telahpun rekodnya selama 11 tahun. Insya Allah, dengan Program PPTT (Program Pendidikan Terengganu Terbilang) saya yakin bahawa program pendidikan yang merupakan kesinambungan daripada program yang lalu sebaliknya kita perkasakan lagi dengan Program Pendidikan Anjung Ilmu (PPAI) mulai 2012 iaitu dengan penambahan jam daripada 30 jam kepada 40 jam iaitu proses penaikan dan penambahan, proses pembelajaran. Saya yakin bahawa kecemerlangan akademik akan diselarikan dengan perkembangan dan kecemerlangan sahsiah dan akal budi. Ini sesuai dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang mahu melihat bahawa rakyat kita khususnya pelajar-pelajar kita cemerlang dari segi akademik dan juga sahsiah. Kerajaan Negeri Terengganu akan berterusan menyokong ke arah kecemerlangan akademik terutama bagi murid-murid yang menghadapi peperiksaan di semua peringkat. Kerajaan negeri akan memberi peluang yang seluas-luasnya kepada pelajar dan guru-guru untuk meneruskan program-program bagi meningkatkan kecemerlangan dari masa ke semasa mengikut perancangan dan strategi yang telah diambil. Pihak kerajaan juga telah bertemu dengan pihak pengurusan di JPNT iaitu yang tertinggi terdiri daripada Pengarah sehinggalah ke jawatan PPD bagi menetapkan satu pelan tindakan untuk mempastikan pelan perancangan dan pelaksanaan bagi program meningkat akademik akan berjalan dengan terancang dan tersusun. Dalam Program Pendidikan, kita juga tidak lupa tentang Kaedah dan Metodologi Pendidikan yang semakin canggih bersesuaian dengan masa iaitu penggunaan ICT. Jadi pada hari ini kita telah melihat keberkesanannya tentang penggunaan ICT dan Kelas Maya. Jadi oleh itu, pihak

Jabatan Pelajaran Negeri dan dengan dokongan kerajaan negeri, kita akan menggalakkan proses pembelajaran secara e-Learning sebagaimana yang telah kita lihat beberapa negara telah mempraktikannya dan malah di dalam negara kita sendiri kita telah melaksanakan terutama di institusi-institusi pengajian tinggi dan juga di institusi pengajian swasta. Jadi kita telah mendapat beberapa model yang mana sistem ini telah dilaksanakan baik di dalam negeri mahupun di luar negeri. Sebagai contohnya, ada satu institusi yang telah menggunakan model tersebut iaitu di Singapura. Insya Allah, setelah kajian dibuat maka kita akan memilih satu model yang terbaik agar kita dapat mengaplikasikan sistem ini mengikut keadaan semasa dan kita tidak boleh undur ke belakang. Dalam proses IT dan pembelajaran *e-Learning* apa cara sekalipun, Kerajaan Negeri Terengganu akan memberi sokongan penuh kepada Jabatan Pelajaran Negeri bagi memastikan proses pendidikan ini dapat dikembangkan sesuai dengan keadaan semasa dan peningkatan tahap pemikiran murid-murid di negeri Terengganu, agar kita tidak ketinggalan berbanding dengan dengan negara-negara lain, Insya Allah.

Saya juga ingin menyentuh penggulungan saya pada kali ini apabila banyak persoalan-persoalan telah dikemukakan oleh Wakil-wakil dari DUN Alur Limbat, DUN Ladang dan sebagainya. Yang saya nak menarik perhatian sebelum saya mengulas persoalan-persoalan, saya ingin menarik kepada suatu perkara yang berkaitan dengan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu iaitu MAIDAM yang mana wakil daripada Bukit Payong ada menyebut bahawa ada 'proses serkup baldi dan mengetuk, dang, dang, dang.' Saya mendapat maklumat .....

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Bukit Payong ke? Sila perbetul.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bukit Payong ke? Wallahu wa'alam. Ya, Wakil Paka. Sorry, maaf, dengan izin. Saya telahpun menemui pegawai yang terlibat dan bertanyakan apakah perkara itu benar-benar berlaku atau tidak. Apa yang saya dapati bahawa kenyataan itu sama sekali tidak menepati dan jauh sekali kebenarannya. Apa yang saya dapat perjelaskan malah daripada aduan pelajar tidak ada seorangpun yang diserkup baldi di atas kepalanya, semua itu adalah suatu kenyataan yang palsu. Dan saya tak tergamak nak kata ia satu fitnah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Dipertua Dewan, betul ke? Takut pegawai itu yang bohong.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Tidak. Saya panggil pelajarnya sekali.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Pelajar kata ada.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Pelajar mana yang kata ada, buktikan kepada saya, nama dia siapa?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Nanti kita buktikan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya dapati bahawa ada perkataan sahaja yang disebut "Kalau dia tidak mengikuti arahan maka dia akan serkupkan baldi", hanya perkataan itu sahaja yang saya dapat daripada budak (pelajar) dan juga pegawai yang terlibat. Itu saja. Maaf, sesungguhnya sesuatu perkara itu hendaklah kita siasat, periksa sebelum kita nyatakan sesuatu kerana ianya boleh memberi kesan kepada pegawai berkenaan sesungguhnya fitnah itu lebih bahaya daripada membunuh. ....(Tepukan sokongan) ....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya mintak betul-betul *check* dengan pegawai itu, jangan kata fitnah, jangan kata bohong.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya telah *check* dan saya telah panggil dia semalam.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah kalau dia bohong, macam mana? Yang Berhormat jadi bohong dalam Dewan ini.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya dah panggil dua-dua, saya boleh buktikan dan buktikan orang yang berkata itu salah.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau Yang Berhormat Alur Limbat dibohongi jugak macam mana? Tak semestinya Yang Berhormat Alur Limbat mendapat fakta yang benar.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Bohong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alur Limbat ikut Peraturan 46.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Kita ada cara melalui 'Bersumpah'. Kalau benar budak itu betul, bersumpahlah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kalau benar pegawai itu betul, bersumpahlah.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ya.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Mintak dia bersumpah dalam Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Boleh Yang Berhormat nyatakan siapakah pelajar yang dipanggil untuk mendapatkan penjelasan tersebut?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Sebelum saya menjelaskan, buktikan budak yang diserkup itu nama dan siapa dia?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Pelajarnya ramai, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Tepoh, Wakil Alur Limbat, ini penggulungan, ya.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Kalau ramai berapa?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Peraturan 46 perlu dipatuhi. Tuduhan kepada pegawai yang tidak ada. Jadi saya minta diteruskan. Sila Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Seterusnya isu yang ditimbulkan kepada MAIDAM iaitu ada kes bahawa Imam dan Bilal tidak dibayar elaun daripada bulan Januari hingga bulan Jun. Di sini saya jelaskan bahawa bayaran bagi bulan Januari hingga Mei telahpun dijelaskan, dimasukkan melalui akaun masing-masing.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, boleh beritahu bilakah agaknya masuk itu?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ia dimasukkan dari bulan Januari hingga Mei, ertinya bulan Mei.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak dimasukkan dalam bank itu bila, tarikhnya.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Suruh penerima itu *check* sebab duit itu telahpun dimasukkan pada .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Pada bila tu?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya rasa bulan Jun, awal bulan Jun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey, okey.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Itu setelah saya mengadakan pertemuan dengan Majlis Agama di Pejabat MAIDAM.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya rasa soalan baru-baru ini berbentuk: "Sebahagian daripada Imam-Bilal disekat ataupun digantung bayaran elaun dia." Bukan bila dibayar. Hak bayar tu dibayarlah, hak tak dibayar disekat itu kenapa?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Semua telah dibayar tidak ada yang disekat. Seterusnya, pihak MAIDAM telahpun merancang sebagaimana dinyatakan bahawa maklumat tanah Lot 3032 Mukim Kuala Dungun yang dikemukakan oleh Wakil Rantau Abang iaitu tanah tersebut memang pihak MAIDAM bercadang untuk memajukannya tetapi mempunyai beberapa halangan iaitu maklumat terkini pihak MAIDAM semenjak tahun 2009 lagi bercadang untuk membina bangunan di atas tanah tersebut bagaimanapun ia terhalang disebabkan tanah tersebut belum selesai dipecah bahagian oleh pemilik tanahnya seramai 26 orang. Jika semua masalah ini selesai, Insya Allah pihak MAIDAM akan membangunkannya sebagaimana yang sepatutnya. Yang Berhormat Yang Dipertua, ada wakil daripada DUN Ladang menimbulkan tentang status terkini Taman Ilmu. Jadi di sini dijelaskan bahawa pembangunan dan pengurusan Taman Ilmu Besut telah diserahkan kepada pihak swasta iaitu POSC-TI kecuali masjid. Dan kerja-kerja pembinaan seterusnya akan dibuat oleh syarikat ini dengan kos sendiri dan semua perbelanjaan yang telah dibuat oleh kerajaan sebelum ini akan dibayar kepada kerajaan. Adalah menjadi tanggungjawab pihak berkenaan menyiapkan sepenuhnya penggunaan fizikal dan juga menarik institusi pengajian ke Taman Ilmu ini. Untuk makluman, pemilik tanah ialah Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu dan hanya dipajakkan kepada syarikat tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh minta penjelasan sikit, tak beberapa jelas nama syarikat tadi.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): POSC-TI Sdn. Bhd. Seterusnya, saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh maklum kepada Dewan berapa jumlah kos yang terpaksa dibayar balik kepada kerajaan?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang ini saya minta notis. Seterusnya kita pergi kepada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Alur Limbat iaitu cadangan untuk menukarkan lokasi Sekolah Menengah Alur Limbat. Jadi ulasan dari jabatan ialah belum ada cadangan tersebut memandangkan kajian pembaikan struktur telah dilakukan dan penyiapan baki kerja telah diserahkan kepada JKR Ibu Pejabat Cawangan Forensik.

Selain daripada itu, perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Air Putih iaitu perkara yang berkaitan kursus program yang boleh memberi nilai tambah kepada graduan untuk mengisi keperluan industri di negeri Terengganu. Kursus program telahpun dilaksanakan di TESDEC dengan kerjasama dua buah syarikat bagi industri baru yang akan menempatkan kilang operasinya di negeri Terengganu. Dua jenis program latihan telah pun dilaksanakan bagi melatih belia lepasan SPM dalam bidang berkaitan Dan seterusnya menjadikan pekerja kepada syarikat tersebut iaitu melalui skim latihan Perantisan Bioteknologi iaitu TESDEC akan mengadakan kerjasama dengan pihak CJ Bio iaitu sebuah syarikat multinasional dari Korea Selatan yang terlibat dalam mengeluarkan asid amino, melalui skim latihan ini, seramai 160 orang belia tempatan telah dipilih dan akan mengikuti program latihan dalam bidang bioteknologi selama 2 bulan sebelum diserahkan sebagai pekerja. Selain daripada itu, pihak kerajaan juga mengambil inisiatif iaitu melalui skim latihan Juruteknik melalui Eastern Steel Sdn. Bhd. satu-satunya syarikat yang telah pun menanam modal di negeri Terengganu. Melalui skim ini TESDEC telah mengadakan kerjasama dengan pihak Eastern Steel Sdn. Bhd. yang sedang menyiapkan kilang besi keluli di Kemaman bagi melahirkan seramai 75 orang tenaga kerja dalam bidang Juruteknik Mekanikal dan Juruteknik Eletrikal. Pelatih akan menjalani latihan selama 3 bulan di TESDEC sebelum diserap sebagai pekerja kilang tersebut. Selain daripada itu, TATI-UC juga telahpun bekerjasama dengan sebuah institusi iaitu Shougang Institute of Technology dari China. Dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran dan memenuhi tenaga pekerja dalam industri menghasilkan keluli. Kursus-kursus atau program-program ini adalah melibatkan perkongsian ilmu iaitu di antara kedua-dua institut pembangunan akademik serta melatih anak-anak Terengganu dalam bidang penghasilan keluli bagi memenuhi kehendak industri penghasilan keluli yang berkembang di negeri Terengganu terutama bagi Kilang Eastern Steel yang sedang dibina di Kemaman. Kursus ini melibatkan seramai 10 orang anak Terengganu yang telahpun dilatih dalam bidang kawalan motor selama 4 bulan. Dan kerjasama-kerjasama latihan ini akan diteruskan lagi dalam bidang sama iaitu melibatkan *metalogical technology* yang

melibatkan seramai 40 orang pelajar yang sedang mengikutinya di TATI-UC. Para pelajar tersebut akan dilatih untuk memahami teknologi penghasilan keluli yang terkini yang menggunakan teknologi tinggi serta kepakaran dari China. Pelajar ini akan dilatih oleh tenaga pengajar dari SGIT dan TATI-UC yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi tersebut di mana pelajar ini akan dilatih di TATI-UC secara teori dan latihan amali di makmal-makmal yang berkaitan dengan keluli serta menjalani latihan praktikal di kilang-kilang atau di tempat penghasilan keluli tersebut. Pelajar yang dipilih adalah merupakan graduan yang mempunyai latar belakang dalam bidang teknikal dan kejuruteraan. Kursus program ini juga mendapat sokongan dari Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia yang memberi peruntukan latihan kemahiran bagi membangunkan tenaga mahir dalam industri ini dan pelajar yang menjalani latihan ini akan diberi peluang untuk menjadi tenaga kerja bagi Kilang Eastern Steel yang memerlukan kira-kira antara 1,000 hingga 2,000 tenaga kerja bagi fasa pertama pengambilan sehingga tahun 2014.

Dan akhir sekali, menjawab persoalan daripada Wakil Bukit Tunggal yang meminta supaya sebuah hospital dibina selaras dengan penubuhan daerah baru Kuala Nerus yang disyorkan sebagai Teaching Hospital untuk UniSZA. Mengenai cadangan tersebut sebenarnya cadangan hospital sebagaimana yang dicadangkan itu sebenarnya telahpun dalam proses penendaan (tender). Ini akan dijadikan sebagai tempat ataupun sebuah *Teaching Hospital* untuk UniSZA (Universiti Sultan Zainal Abidin) yang telah diluluskan pembinaan dan tapaknya bersebelahan Kampus KUSZA dan status terkini ialah dalam proses tender oleh JKR Persekutuan dan mungkin akan dikeluarkan tender tidak berapa lagi. Inilah di antara yang dapat saya simpulkan di dalam penggulungan saya. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan Tuan Yang Dipertua, boleh tak saya minta fahamlah, di tapak Kampus Gong Badak ataupun Kampus Induk di Taman Ilmu, yang mana satu tapak cadangan itu? Sebab saya mintak di Kuala Nerus bukan sahaja untuk *teaching* tetapi juga untuk mengurangkan kesesakan di hospital Kuala Terengganu.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ianya bersebelahan Kampus KUSZA.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): KUSZA di Gong Badak ke, KUSZA di Tembila?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Gong Badak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tuan Yang Dipertua, saya fikir ada lagi soalan yang belum dijawab berkenaan dengan penggunaan e-Book. Ramai yang mintak supaya kajian dibuat. Apakah di bawah portfolio Y.B. Exco? Wallahuwa'alam tapi kalau betul di bawah Y.B. Exco ini saya nak mintak jawapanlah.

YANG BERHORMAT WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya rasa ramai lagi yang nak jawab tu. Saya tengok masa takdok nak layan semua soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itu yang tanya tu.

YANG BERHORMAT WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Sebab kena dengar jawapan/ulasan daripada Exco-Exco lain juga saya rasa Yang Berhormat Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebab saya tanya tu soalan itu berbangkit dan perlukan jawapan kalau nak jawab, tak nak jawabpun tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, saya rasa dalam sidang yang dulu saya sendiri dah jawab dah dan saya dah tunjuk dah beberapa kajian-kajian yang telah dibuat termasuklah daripada Intel daripada Amerika dan kalau perlu nak dapatkan laporan itu tak ada masalah, boleh berhubung dengan Exco Pendidikan pada hari ini. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itu yang nak dengar jawapan tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya pihak kerajaan, teruskan.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Said, Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan serta Pemerhati-Pemerhati yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah, di kesempatan sesi penggulungan ini saya ingin menyatakan beberapa perkara iaitu peranan sektor keusahawanan terutamanya Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) adalah semakin penting. Dalam merencana masa hadapan sosio ekonomi negeri Terengganu merangkumi lebih daripada 60% daripada masyarakat perniagaan, sektor keusahawanan mempunyai pertalian yang rapat dengan setiap aspek ekonomi, perusahaan mikro, masyarakat luar bandar. Bahagian 40% terendah dalam piramid pendapatan, pembekal perniagaan dan pengeluar akhir. Sebagaimana Aku Janji No. 16, Barisan Nasional iaitu memperhebatkan dana usahawan dan memperluaskan segala perusahaan kecil dan sederhana. Kerajaan akan terus memainkan peranan penting dalam membangunkan PKS. Kerajaan negeri menerusi Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu telah mengambil inisiatif awal merangka perancangan 5 tahun pembangunan keusahawanan Terengganu 2014 hingga 2017 dengan memberi tumpuan kepada penyediaan iklim kondusif yang mampu menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan kegiatan keusahawanan di negeri Terengganu. Untuk itu Dana T-Fund dicadangkan ditambah peruntukannya dengan hasrat menyediakan sejumlah lebih kurang RM30 juta daripada Skim Pinjaman Kecil (SPK), Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF), Skim Pinjaman Khas Flagship (SPKF), Skim Pinjaman Sahabat Usahawan Terengganu (SPSUT) dan Skim I-Biz untuk usahawan yang menjalankan perniagaan berasaskan 'internet' (Web Based Business). Dalam masa yang sama usaha meningkatkan kemahiran dan budaya keusahawanan juga akan ditumpukan dengan selaras usaha meramaikan lagi usahawan-usahawan baru khususnya di kalangan para belia. Untuk tahun 2013 sahaja disasar sebanyak 35 latihan akan disediakan dengan sasaran memberi faedah kepada lebih daripada 2,830 usahawan akan terlibat dan disasarkan pada tahun 2014 sejumlah 45 latihan dan kursus akan diadakan dengan sasaran faedah kepada bakal usahawan dan usahawan sejumlah 3,320 orang fokus kepada Program Latihan Keusahawanan Belia, Latihan Peningkatan Perniagaan dan Latihan Pemasaran. Bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan, Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) kini telah menjalin kerjasama dengan 25 agensi keusahawanan menerusi usaha MoU dan IPT. Terbaru pada bulan lepas Yayasan Pembangunan Usahawan menandatangani kerjasama bagi pihak UniSZA dalam usaha bersama memberi tumpuan aspek pemasaran dalam industri keusahawanan sektor pelancongan. Dengan usaha ini dijangka hasrat untuk memperluaskan skala PKS akan mencapai hasrat tersebut. Bagi membantu meningkatkan daya saing produk Yayasan Pembangunan Usahawan menerusi Program Groom Big mensasarkan peruntukan sejumlah lebih daripada RM30 juta bagi tempoh 5 tahun untuk dibelanjakan bagi membantu para usahawan menerokai pasaran-pasaran baru di samping mengenal pasti pasaran luar negara. Antara tumpuan dalam Program Groom Big ini adalah Program Bantuan Peningkatan Pembungkusan Produk, penambahan dua Pusat 3P3 iaitu Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan

Pembungkusan Produk menjelang tahun 2015 menjadikan terdapat empat Pusat 3P3 sedia ada di Ajil dan Besut dengan tambahan di Bukit Besi dan Kuala Terengganu.

Usaha memperkasakan Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) turut akan ditambah nilai program dengan mengadakan Program Jejak Usahawan Satu DUN Satu Produk. Bagi memastikan produk Terengganu meneroka pasaran luar negara, program peningkatan pasaran antarabangsa dan penjenamaan semula imej perniagaan turut juga menjadi tumpuan. Adalah disasarkan Program Groom Big ini akan memberi faedah kepada lebih daripada 2,000 orang usahawan dan PKS. Seramai 21,000 usahawan kini aktif menjalankan perniagaan dalam pelbagai bidang di seluruh Terengganu. Dan daripada jumlah itu kira-kira 10,000 orang mengikuti kursus serta pameran dan ekspo anjuran Yayasan Pembangunan Usahawan. Dengan sasaran-sasaran yang telah dinyatakan tersebut, kerajaan yakin menjelang 5 tahun daripada sekarang kita ingin melihat sumbangan PKS yang lebih ketara kepada pertumbuhan ekonomi, pendapatan dan kemakmuran negara secara keseluruhannya. Sasarannya adalah untuk PKS mencapai sasaran lebih 40% daripada KDNK, 62% daripada guna tenaga dan 10% daripada jumlah eksport. Penggerak utama pertumbuhan adalah melalui peningkatan produktiviti dan pertumbuhan dipacu inovasi.

Di kesempatan ini saya ingin memperjelaskan soalan daripada Wakil Teluk Pasu yang bertanya berapakah kos pembinaan Kompleks Usahawan Terengganu (KUT). Untuk jawapannya ialah kos harga kontrak ialah RM21,351,266. Projek dimulakan pada 6 Oktober 2008 dan projek siap April 2010. Walau bagaimanapun, kita kenal pasti beberapa kerosakan dari pihak JKR dan telah mengarahkan pihak kontraktor untuk melakukan kerja-kerja pembaikan. Oleh sebab itu, penyerahan kunci secara rasminya dilakukan pada 22 Februari 2012. Kompleks Usahawan Terengganu disasarkan untuk menjadi salah satu pusat perniagaan baru dan menjadi tumpuan pengunjung. Komponen utama yang telah memulakan perniagaan dan dalam proses pengubahsuaian adalah seperti Kota Batik yang terletak di bahagian kiri bangunan meliputi komponen-komponen berikut; di tingkat bawah 8 lot, kedai jualan produk batik dikhususkan kepada pengeluar batik, penjual batik Terengganu. Manakala 2 lot kedai dikhususkan kepada kedai jahitan batik serta cenderamata berasaskan batik. Jadi dalam hal ini sebenarnya memang kita ada beberapa jugak permasalahan yang dibangkitkan oleh usahawan tetapi maknanya kita kena faham jugaklah kepada usahawan-usahawan kita ni, jadi kadang-kadang mereka amat perlu kepada kemudahan yang disalurkan oleh kerajaan tetapi tanpa usaha daripada mereka sendiri.

Jadi dengan itu saya rasa sekadar itulah sedikit sebanyak penggulungan yang dapat saya sampaikan pada petang ini. Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Bukit Besi. Teruskan penggulungan, pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati Dewan, seterusnya yang hadir pada petang ini.

Setelah saya mengikuti perkembangan Persidangan Dewan kita selama 4 hari ini dan di dalam penggulungan di bawah portfolio saya, saya ada beberapa perkara yang berkait yang perlu saya perjelaskan dalam masa yang singkat ini. Dua persoalan yang timbul ataupun saranan daripada pihak pembangkang dan juga pihak penyokong kerajaan khususnya dari Alur Limbat yang berkaitan dengan ICT dan juga daripada Air Putih yang bercakap mengenai kepentingan ICT dan juga peranan-peranan yang seharusnya dimainkan oleh pihak kerajaan. Dan dari pengamatan saya semasa perbahasan berkaitan dengan ICT ini, saya nampak lebih kepada cadangan yang banyak. Suka saya maklumkan di sini sebagai portfolio yang menjaga ICT ini. Setakat ini banyak perkara yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam mempastikan masyarakat ataupun rakyat Terengganu terlibat secara langsung dalam perkembangan ICT dan juga aplikasi dalam kehidupan seharian. Di antaranya, wujudnya Bestari.Comm yang telah diwujudkan sejak tahun 2005 lagi dan sebagaimana yang saya jelaskan pada hari semalam bahawa banyak peranan yang telah dimainkan oleh Bestari.Comm dan hari ini sebagaimana saya nyatakan seramai 51,301 orang pengunjung di Bestari.Comm pada tahun 2012 dan 45,110 sehingga April 2013. Ini menggambarkan bahawa ilmu, pengetahuan tentang ICT kepada rakyat Terengganu khususnya kepada generasi muda telah berleluasa di seluruh pelusok di negeri Terengganu.

Perkara yang penting yang saya nak nyatakan di sini juga yang ada hubungkait dengan persoalan yang dikemukakan khususnya oleh Alur Limbat iaitu apakah peranan pihak kerajaan? Suka saya nyatakan secara ringkas di sini dengan kerjasama daripada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM), negeri Terengganu juga telah ke depan dalam perkembangan ICT khususnya beberapa program ataupun projek pembangunan infrastruktur yang berkaitan dengan ICT ini telah dilaksanakan. Contohnya, seperti peningkatan kapasiti di Ibu Sawat, kemudian Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi *(High Speed Broadband),*

Pembangunan Infrastruktur Penempatan Celular, Pembangunan Infrastruktur Penempatan Jalur Lebar Tanpa Wayar, kemudian Pusat Jalur Lebar Komuniti. Ini semua telah dilaksanakan di negeri Terengganu dan ianya telah memberi impak yang besar kepada pembangunan negeri Terengganu khususnya faedah kepada rakyat. Contohnya kepada rakyat, peningkatan kawasan liputan bagi perkhidmatan celular, jalur lebar tanpa wayar dan peningkatan kapasiti talian jalur lebar tetap. Kedua, kepelbagaian pakej langganan jalur lebar mengikut keperluan dan kemampuan pengguna. Ketiga, akses kepada perkhidmatan jalur lebar bagi komuniti luar bandar melalui penubuhan PJK. Pendedahan lebih meluas tentang pelbagai aplikasi internet seperti *e-Government, e-Learning, online banking* dan lain-lain. Dan ianya juga memberi faedah kepada pihak kerajaan, akses jalur lebar berkelajuan tinggi kepada jabatan kerajaan, kawasan perindustrian dan IPT yang berada dalam lingkungan kawasan pelaksanaan. Peningkatan penggunaan aplikasi *e-Government* di semua agensi kerajaan peringkat negeri dan daerah, peningkatan produktiviti kerja bagi sektor awam disebabkan oleh peningkatan dalam penggunaan ICT dalam pelbagai bidang pengurusan dan juga pentadbiran pejabat. Manakala sebagaimana dibangkitkan dan dicadangkan oleh Alur Limbat ianya juga memberi faedah kepada industri komunikasi dan *multimedia* sendiri iaitu pembangunan infrastruktur bagi persediaan ke arah kemajuan ICT itu sendiri, penjimatan kos serta pengurangan perbelanjaan modal penaiktarafan semua ibu sawat yang sedia ada bagi tujuan broadband, akses yang lebih terbuka dan luas untuk menambah nilai kepada *provider-provider* yang ada di seluruh negeri Terengganu ini. Jadi saya fikir apa yang dicadangkan, apa yang disarankan oleh Air Putih dan juga Alur Limbat saya kira sudah kita laksanakan dan ianya sudah menjadi satu amalan dalam kemajuan ICT di negeri Terengganu ini. Dan saya bagi pihak kerajaan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasihlah di atas cadangan-cadangan, pandangan-pandangan yang positif yang berkaitan dengan cadangan perkembangan tentang ICT di negeri Terengganu ini. Insya Allah, pihak kerajaan akan meneruskan ataupun melaksanakan tanggungjawab ini supaya lebih relevan, lebih sesuai untuk zaman ataupun alaf baru ini. Sekian.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat, soalan saya yang *left* dalam sidang Dewan ini – Adakah kerajaan bercadang nak buat?

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Setakat ini kita tidak bercadang lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Pengkalan Berangan. Seterusnya. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Pertamanya, syukur kepada Allah S.W.T. kerana dapat bersama-sama di Dewan yang mulia pada petang ini. Di bawah portfolio pertanian pada kali ini hanya terdapat empat wakil sahaja yang menyebut atau menyentuh berkaitan dengan pertanian. Wakil Manir menimbulkan isu masalah lambakan hasil tanaman bermusim seperti durian dan duku. Memang kerajaan sedia sedar akan perkara ini kerana setiap tahun boleh dikatakan isu lambakan ini menjadi masalah kepada tanaman bermusim di negeri kita ini. Dengan sebab itu langkah-langkah telah dibuat oleh kerajaan melalui Jabatan Pertanian. Yang pertama, di peringkat awal ini Jabatan Pertanian dan juga FAMA membuat kajian secara rambang dijangka hasil pada tahun ini tidak banyak kerana berlaku musim panas dan juga hujan dan Insya Allah, tidak berlaku lambakan. Dan yang kedua, kerajaan juga menjalankan Program Baik Pulih Dusun .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Mintak laluan sekali. Berkenaan dengan isu lambakan buah-buahan tempatan ini, apakah usaha kerajaan bagi tujuan pemasaran di peringkat antarabangsa sebab kalau dilihat pengalaman duduk di tempat orang ini kalau buah manggis tu di luar negara 1 dolar sebiji. Oleh sebab itu saya mencadangkan adalah suatu perkara yang sangat baik termasuk jugak buah-buah rambutan yang kalau di tempat kita ini 50 sen satu kilo tu adalah suatu perkara yang boleh ditimbang oleh pihak kerajaan. Wallahu wa'alam.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Wakil Manir, dia berminat dengan buah-buahan kita. Memang di Terengganu kita ini antara yang menjadi dan tumpuan kita yang menjadi masalah setiap tahun. Antaranya buah semeta antara yang boleh dieksport .....(Dewan gelak) ..... Ya, manggis. Jadi sebenarnya agensi yang menjalankan pemasaran ini ialah agensi FAMA dan kita meminta FAMA supaya memasarkan buah manggis ini. Insya Allah, pada tahun ini tidak dijangka lambakan berlaku. Yang kedua, saya juga ingin memaklumkan kepada Wakil Manir, kerajaan negeri juga mengadakan Program Baik Pulih Dusun iaitu menggalakkan pengusaha dusun ataupun tuan punya dusun kalau sekiranya nak tanam durian ataupun nak tebang durian yang sedia ada ini diganti dengan klon-klon yang mendapat permintaan tinggi, misalnya Klon Musang King, Klon D24, contohnya dan kerajaan akan memberi bantuan.

Seterusnya Wakil Manir juga menyebut soal Pasar Borong Bukit Payong yang telah diberitahu bahawa kerajaan telah membelanjakan RM50 juta. Sebenarnya bukan RM50 juta dibelanjakan, setakat ini kerajaan telah membelanjakan RM8,504,177.49 bagi kerja-kerja penyediaan tapak seluas 25 ekar.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tak kata dibelanjakan, saya kata bernilai RM50 juta, *so* dia ada beza sikit. Wallahu wa'alam.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Jadi anggaran kos RM50 juta ini sebenarnya kita masih belum membuat keputusan muktamad sama ada kita nak membelanjakan peruntukan negeri ataupun kita nak pohon dengan kerajaan pusat. Di peringkat ini kita sedang berunding dengan semua agensi terutamanya agensi pusat supaya ada kerjasama dalam soal pembinaan pasar borong ini. Dan Insya Allah kalau tidak ada masalah agensi pusat akan membantu negeri untuk merealisasikan pasar borong ini. Kalau sekiranya Wakil Manir tidak bersetuju dengan pasar borong ini mungkin kita boleh pindah ke tempat lain.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tak kisah nak pindah ke tempat lain asal ada kebajikan untuk rakyat. Masalahnya saya perkatakannya ialah kos itu tinggi untuk perkara yang sebegitu rupa. Itu maksud saya. Wallahu wa'alam.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Memang kita buat ini adalah untuk kebajikan rakyat, untuk memasarkan hasil pertanian, penanam-penanam atau pengusaha di Terengganu dan memang untuk kebajikan rakyat.

Seterusnya, Wakil daripada Langkap menyebut soal pertanian juga. Untuk makluman Wakil Langkap memang kerajaan negeri dan pada 5 tahun akan datang ini kerajaan negeri Insya Allah akan menumpukan kepada tanah-tanah terbiar ini. Dalam masa 5 tahun ini Insya Allah kita akan mengurangkan supaya tidak banyak lagi kawasan tanah terbiar di Terengganu dan kita akan usahakan supaya tanah yang terbiar ini akan Insya Allah akan mengeluarkan hasil makanan ataupun apa-apa yang boleh menyediakan makanan kepada rakyat Terengganu.

Seterusnya Wakil daripada Jertih menimbulkan soal tanah di Nyior Tujuh dan dia telah membuat cadangan supaya dibuat satu Hub Pemasaran Hasil Pertanian di Besut. Insya Allah, Pejabat Pertanian telah merancang, Insya Allah pada tahun 2014, tanah di Nyior Tujuh ini akan dijadikan Hub Pemasaran Pertanian di Besut.

Seterusnya, ADUN Jertih juga menimbulkan soal pengairan di Pelagat yang mana KETARA tidak diletakkan di bawahnya untuk kemudahan pengairan kepada petani-petani di kawasan Pelagat. Dan untuk makluman Yang Berhormat Wakil Jertih, memang perkara ini disedari oleh kerajaan sebab itulah pada bulan Disember 2012 lepas Mesyuarat KSU MOA telah membincangkan perkara ini dan telah meminta KETARA supaya memohon peruntukan untuk kemudahan pengairan ini untuk kawasan Pelagat supaya masalah petani-petani di situ tidak lagi menimbulkan isu ini. Insya Allah, kalau sekiranya diluluskan oleh kerajaan pusat perkara ini akan diselesaikan oleh kerajaan cuma kerajaan melihat di Pelagat ini bukan menjadi suatu perkara keutamaan kerana dia terkeluar daripada kawasan Jelapang Padi.

Seterusnya, Wakil Ladang menyentuh Titah Ucapan Tuanku iaitu Program Pertanian – Projek Rimbunan Kasih. Projek Rimbunan Kasih ini sebenarnya adalah projek kerajaan persekutuan di bawah ICU Jabatan Perdana Menteri. Projek ini dibuat di setiap negeri dan setakat ini negeri-negeri yang telah dibuat Projek Rimbunan Kasih ini ialah negeri Melaka, Pahang dan termasuk juga Terengganu. Di negeri Terengganu kita, kerajaan telah memilih Rantau Abang untuk dibuat projek ini. Projek ini adalah usahasama di antara kerajaan pusat di mana kerajaan pusat menyediakan peruntukan, kerajaan negeri menyediakan tempat dan juga mencari peserta. Di bawah program ini, di Rantau Abang kerja-kerja telahpun dimulakan pada bulan Mei bagi penyediaan tapak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak berapa faham tu, tapak itu tapak benda?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Untuk kawasan pertanian yang melibatkan 25 ekar. Sorry, sorry, minta maaf. Tapak lebih kurang 25 ekar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tapak itu untuk tanaman ke? Tak berapa faham cuba terang sikit, tak berapa faham sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Di bawah program ini kerajaan negeri menyediakan tanah, kerajaan pusat membuat rumah untuk 100 peserta. Di bawah program ini kerajaan pusat akan melantik satu syarikat iaitu kalau untuk Rantau Abang ini, dilantik satu syarikat iaitu IRIS Berhad di mana syarikat inilah yang akan mengurus ladang, akan menternak ayam secara reban besar, buat tanaman herba secara fertigasi dan dijangka apabila projek ini siap peserta seramai 100 orang ini akan mendapat pendapatan bulanan paling kurang RM1,500. Itulah lebih kurangnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Herba itu untuk pasaran ke mana atau syarikat itu beli balik herba itu atau macam mana dan apakah jenis herba-herba itu? Kalau tahulah, tak tahu tak apa kita tanya aje sebab nak tahu sungguh sebenarnya .... (Dalam gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Herba ini termasuk Tongkat Alilah, sesuai sangatlah ....(Dewan terus gelak) ..... Jadi herba-herba ini akan dibeli oleh IRIS Berhad ini dan semua hasil yang diperolehi di bawah Program Rimbunan Kasih ini akan diurus oleh IRIS Berhad dalam masa 5 tahun. Dan selepas 5 tahun .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sekejap. Saya nak minta faham iaitu sebelum terhasilnya tanaman ini dan produk boleh terjual bagaimanakah pendapatan mereka .....

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Pendapatan mereka?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, sebelum terhasilnya jualan, pendapatan mereka, bagaimanakah mereka hidup?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Sara Diri Bulanan akan diberi oleh IRIS Berhad.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Berapa sebulan?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Lebih kurang RM1,000 sebulan dia bagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Betul ke?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tak, betul, ini Dewan yang mulia. Di Pahang, di Kuantan peserta mereka telah mendapat RM1,500 sebulan, di Melaka lebih daripada RM1,500 dan dijangka di Rantau Abang ini untuk 100 orang ini juga Insya Allah, lebih kurang pendapatannya RM1,500 ke atas. Itulah betapa caknanya kerajaan di bawah pimpinan Barisan hari ini.

Saya nak ambil kesempatan di sini untuk nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Manir yang mengucapkan tahniah di atas Barisan Nasional yang

telah menubuhkan kerajaan di Terengganu. Terima kasih kepada Wakil Manir. Saya juga nak ambil kesempatan di sini nak ucapkan tahniah kepada semua wakil pembangkang yang kali ini lebih ramai iaitu seramai 15 orang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya duk berbual di kedai kopi mereka bertanya sebab apa dah meningkat ni? Ada orang tua dekat saya kata kerana kejayaan daripada pendekatan yang dibuat dengan mengambil pengajaran daripada peribahasa-peribahasa lama. Misalnya dia kata; batu yang keras itu kalau setiap hari dititik air ia akan menjadi lembut. Kerak nasi yang keras ini kalau dicelup air dia akan menjadi lembut. Belakang parang yang tumpul kalau diasah dia akan menjadi tajam. Jadi pendekatan inilah yang diambil oleh PAS sehingga menang 15 kerusi ini. Hak betul bila tidak diasah jadi orang kata tak betul. Benda tidak betul tapi bila diurus, diroyat, diroyat, dan akhirnya orang akan percaya benda itu betul. Begitulah keadaan PAS. Dulunya dia kata kena nikah semula, tak boleh ni, kena nikah semula pasal dia percaya kena nikah semula. Contohnya. Dan baru-baru ini di Hulu Besut .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, laluan sekali. Saya minta tadi bentuk, RM50 juta tu bentuk pasar itu macam mana tak boleh jawab lagi duk cakap hala ke lain. Saya tanya bentuknya macam mana RM400,000 untuk satu tempat (lot) ini lebih kurang kalau banglo dah siap. Kalau RM50 juta bahagi 120 tempat itu maknanya boleh siap sebuah banglo dengan *aircond* siap. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tak apalah saya jawab kekgi. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Manir ingin tahu di mana itu cadangan sahaja RM50 juta tetapi setakat ini kerajaan negeri belum lagi membuat keputusan muktamad sama ada nak belanja RM50 juta ataupun kurang. Cuma kerajaan negeri hari ini nak pohon atau nak mintak kerjasama daripada kerajaan persekutuan, ianya belum muktamad lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau boleh tahu siapakah yang mencadangkan RM50 juta itu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): RM50 juta itu di bawah portfolio Pertanianlah, cadangan baru.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Pasal apa RM50 juta tidak RM30 juta misalnya?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Itulah saya kata kita belum muktamad lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Sebab itu saya tanya bagaimana bentuk. Dah mintak, mintaklah tu dah bentuknya bagaimana?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kita tidak muktamad lagi. Cadangan nak buat pasar borong ini RM50 juta tetapi kerajaan tidak membuat keputusan yang muktamad.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi) Yang Berhormat Yang Dipertua, sebelah sana tu pembangkang, kita sebut macam manapun dia bangkang tidak selesai juga petang ini, saya mintak Yang Berhormat kerajaan selesaikan urusan Dewan kita pada petang ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Jadi saya nak balik kepada cerita tadi. Betapa benda yang tidak betul bila diberitahu, diberitahu, akhirnya betul jadinya. Kalau benda yang betul kita tidak beritahu, akhirnya orang kata tak betul, itu jadinya. Di Hulu Besut, bekas calon yang lawan saya Cikgu Solah, dua-tiga hari minggu ....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Mintak laluan sekali. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya rasa tak berkait dengan jawapan Exco ni, lebih baik jawab hak Yang Berhormat Manir sebut daripada duk cerita ni.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Okey, tak apa. Dua minggu lepas, wakil .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sekejap, sekejap, Cikgu Solah tu ada dalam Dewan ini tak?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tak apa, saya nak bagi tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, tadi ada amaran dari sebelah sana jangan sebut individu (orang), jadi saya peringat balik je, bukan apa.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya sentuh perkara ini kerana dalam Titah Ucapan Tuanku pun soal perpaduan diberi keutamaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh tapi jangan sebut nama begitu.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Selepas pilihan raya sepatutnya soal perpaduan menjadi keutamaan. Itu maksud saya. Di Hulu Besut, calon Hulu Besut baru-baru ini selepas pilihan raya satu, dua hari dah ceramah, dia beritahu penipu, pembohong, perasuah akhirnya calon pilihan raya di Hulu Besut .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Order, order,* Tuan Yang Dipertua, orang yang dituduh tidak ada dalam Dewan, betul tak betul tu dia tidak boleh nak pertahankan diri, harap tarik balik perkara itu.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya nak bagi contoh.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Contoh mana boleh. *Order Speaker.*

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Orang tahu calon siapa dia, dia seorang saja.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau nak balik kepada Titah Ucapan Tuanku, Tuanku kata kalau tak puas hati muhasabah kepada Al-Quran dan Sunnah, jangan cakap ikut dang gitu.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bukan cakap ikut dang, saya nak bagi tahu.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau tak puas hati memang rujuk kepada Al-Quran dan Sunnah tapi awak-awak ni rujuk kepada PKR dengan DAP dulu. Al-Quran dan Sunnah buang ke tepi dah.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFI BIN MAT (Wakil Cukai): Yang Dipertua, saya rasa perpaduan antara dua ni, PAS dengan UMNO dah sangat baik dah dua-tiga hari ini, tak payah ulas dah, habis reng, nampak dah, praktikal. Nak ulas benda apa lagi, hak ulas kampung nun benda hak tak nampak.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey Wakil Cukai, Wakil Ladang duduk.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFI BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya minta teruskan gulung sebab masa dah mencemburui kita dah. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak beritahunya betapa perpaduan perlu jadi keutamaan, calon Hulu Besut yang lawan saya baru ini kena menampar kepada orang yang berumur 83 tahun, Paksu Mat. Saya tanya dia sebab apa tampar? Dia kata, dah makin kurang ajar dah. Yang tidak betul dia kata betul. Itu saja. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Hulu Besut. Sila seterusnya.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang saya hormati Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan syukur kehadrat Allah S.W.T. dengan limpah izin dan kurnia-Nya dapat saya mengambil bahagian dalam penggulungan Titah Ucapan Tuanku pada petang ini. Dan dikesempatan ini juga saya merakamkan ucapan terima kasih tak terhingga saya kepada seluruh penduduk dalam DUN Kemasik kerana sekali lagi mengembalikan Barisan Nasional ke Dewan Undangan ini. Dan terima kasih jugak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui Exco Kerja Raya Dan Pengangkutan.

Jadi saya kesuntukan masa dan untuk memberi peluang kepada rakan-rakan lain untuk membuat penggulungan. Jadi seterusnya saya pergi kepada dua-tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan ADUN sepanjang tempoh sehari ini. Antaranya Wakil Jertih ingin kerajaan melihat kepada isu berkenaan dengan kesesakan jalan sepanjang masa khususnya di hujung minggu. Dan untuk makluman bahawa Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia telahpun membuat kajian untuk Sistem Penyuraian Trafik secara menyeluruh ataupun Traffic Disposal System yang mana akan digabungkan di bawah

rancangan masa depan iaitu pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 3. Jadi perkara itu masih lagi dalam perancangan dan kitapun tidak tahu bila akan dilaksanakan.

Dan seterusnya ada saranan atau teguran daripada Alur Limbat yang menyatakan berkenaan dengan sekolah kebangsaan di Alur Limbat yang mengalami masalah mendapan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sekolah menengah.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Ya, Sekolah Menengah Kebangsaan Alur Limbat yang menghadapi masalah mendapan yang begitu teruk. Jadi suka saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pembinaan sekolah tersebut dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran dan saya dapat makluman bahawa pihak kementerian telah memohon jasa baik pihak JKR khususnya JKR Negeri Terengganu untuk mengadakan siasatan terperinci bagi memastikan keutuhan bangunan tersebut dan buat masa sekarang ini saya tidak boleh kerana saya belum dapat laporan yang telah siap.

Seterusnya juga ada teguran, ada pandangan dari DUN Ladang berkenaan dengan perlunya mempertahankan ataupun pandangan beliau tentang Pasar Payang. Jadi pihak JKR ada menyediakan laporan mengenai keutuhan struktur *(structure)* ataupun *'the integrity of the structure'* khususnya dia punya struktur *beam* (rusuk) yang mana pihak JKR berpandangan bahawa beam itu memang bermasalah dan perlu dibaik pulih dan perlu kajian secara mendalam dilaksanakan. Dan dalam laporan tersebut juga memang menyatakan bahawa *'the integrity of the structure'* dengan izin, Yang Berhormat Yang Dipertua, perlu dilihat kembali. Dan andai kata, sekiranya, dilakukan kerja-kerja membaik pulih *'the integrity of the structure has been compromised',* keutuhan struktur asas pasar itu telah tergugat. Jadi memanglah kami berpandangan bahawa memang patut Pasar Payang itu memandangkan yang ada ini dari segi keutuhan struktur dia telah tergugat dan perlu dibina baru.

Seterusnya, saya menyentuhnya secara ringkas. Ada perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Tepoh dan juga Wakil Manir berkenaan dengan Masjid Binjai Kertas yang mana telah berlaku keruntuhan di peringkat anjung dia iaitu pada 20 Mei 2013. Ini satu soalan daripada Tepoh yang tidak sempat dijawab. Bahawa pihak kerajaan telah mengarahkan JKR supaya memberikan penekanan yang lebih khusus dalam menyelia atau *'to supervise'* kerja-kerja yang melibatkan pembinaan bumbung struktur atau dipanggil *'Cold Formed Light Weight Structure'* ataupun

dalam bahasa Melayunya, maaf Yang Dipertua, saya tak reti nak *translate.* Jadi itu langkah yang akan diambil.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Pohon laluan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Biar saya jawab satu lagi. Dan seterusnya, daripada Manir yang ingin bertanya tentang: "Adakah pelan dan pembekal yang sama digunakan untuk membina masjid-masjid yang lain selain daripada di Binjai Kertas?" Dan jawapannya memang ya. Kita dapat makluman bahawa pembekal yang sama dengan pelan yang sama diguna pakai di beberapa masjid di seluruh negeri Terengganu. Dan buat masa sekarang ini pihak kami masih belum dapat memberi laporan terperinci sebabnya pihak kami telah mengarahkan pihak JKR untuk mengadakan siasatan secara *'visual inspection'* ataupun dengan melihat struktur-struktur bagi bumbung-bumbung masjid di seluruh negeri Terengganu. Insya Allah, di masa akan datang sekiranya laporan itu siap akan kita kongsikan bersama-sama.

Seterusnya, ada satu lagi perkara yang nak saya sentuh berkenaan dengan pandangan daripada ADUN Tepoh mengenai *'pumping system'* ataupun sistem pam yang diguna pakai untuk membantu menyelesaikan masalah banjir di Taman Pusu Tiga. Di mana saya mendapat pengakuan daripada pihak yang berwajib bahawa dari segi sistem itu memang beroperasi dengan baik dan sebagai langkah-langkah andai kata berlaku perkara-perkara yang tidak diingini yang mana sistem automatik itu gagal berfungsi, pihak yang berwajib telah menggajikan tenaga kerja bagi menghidupkan sistem itu secara *manual* andai kata automatik sistem itu gagal. Dan yang digajikannya berasal daripada orang dari kawasan itu juga dan saya rasa sedikit sebanyak perkara itu akan menyelesaikan sedikit masalahlah. Andai kata ada lagi masalah-masalah yang sama timbul di masa-masa akan datang Insya Allah, pihak JPS dan kerajaan negeri akan terus memberi penumpuan yang lagi mendalam. Dan itulah sahaja saya rasa daripada saya untuk Portfolio Kerja Raya Dan Pengangkutan. Sekian. Wabilahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Pohon laluan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita kejar masa.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya nak tanya ada *deadline* tak untuk pemeriksaan JKR tu sebab bimbang akan runtuh di tempat lain pulak?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Proses pemeriksaan itu sedang berjalan jadi *deadline* itu saya tak boleh nak beri buat masa ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Memandangkan masa dan 3.43 petang, jadi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 4.00 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.44 PETANG.

PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Dipersilakan pihak kerajaan untuk meneruskan ucapan penggulungan. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil jabatan dan Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Saya minta maaf kerana suara saya tidak berapa jelas jadi saya minta izin untuk menjawab atas perkara-perkara yang dibangkit oleh Wakil Bukit Tunggal, Wakil Paka, Wakil Jertih, Wakil Sura, Wakil Rantau Abang dan Wakil Bukit Payong secara bertulis dalam masa seminggu inilah. Insya Allah, saya akan bagi. Itulah saja Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Terima kasih atas setia kawan kita. Seterusnya. Sila pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan hadirin yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, Insya Allah saya akan menggunakan masa yang sebaik dan seringkasnya dalam hujah penggulungan saya atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan kita tadi. Yang seterusnya saya mengambil kesempatan ini juga untuk ucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga serta menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan atas Titah Ucapan Baginda di dalam Persidangan Dewan kita pada dua hari yang lepas. Dan juga terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuklah Yang Berhormat daripada pembangkang atas pemilihan oleh rakyat negeri Terengganu kepada kita semua dalam pilihan raya baru-baru ini. Alhamdulillah. Dan hari ini adalah satu sejarah dalam Dewan yang mulia ini yang mana kalau kita melihat satu perubahan yang mana barisan pembangkang hampir-hampir sama ramai dengan wakil kerajaan. Walau bagaimanapun, kita bersyukur kehadrat Allah S.W.T. dalam

keadaan yang macam ini kita sudah nak sampai ke penghujungnya dan kita dapat menunaikan tanggungjawab kita, kewajipan kita kepada rakyat dan juga negeri Terengganu secara amnya. Walau pun kita melihat sesuatu perubahan telah berlaku dalam Dewan kita yang mana kita melihat daripada rakan-rakan kita daripada pembangkang dan juga telah melihat satu sikap toleransi dan juga hubungan ukhwah yang begitu baik demi untuk kepentingan rakyat negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, saya bagi pihak kerajaan saya berharaplah perkara ini dapat dikekalkan dan kita bagi pihak kerajaan kita sedia mendengar dan juga kita sedia mengambil perhatian atas apa jua pandangan tuan-tuan sebagai Wakil Rakyat daripada pihak pembangkang kepada kerajaan. Walau bagaimanapun, kita kena meneliti sebagai pihak kerajaan sebagai tuan-tuan sebagai pembangkang memang berhak dan boleh mengatakan apa saja. Tapi bagi kita bagi pihak kerajaan orang yang nak melaksanakan apa yang diberitahu bukan semudah sebagaimana yang tuan-tuan cadangkan tersebut. Dan saya harap perkara-perkara sebagaimana ini difahami oleh semua Ahli Dewan dan juga semua mereka-mereka yang berada di luar sana agar ianya boleh memberi satu manfaat yang begitu baik kepada rakyat negeri Terengganu secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya juga ingin menjawab beberapa soalan. Saya terus kepada jawapan kerana kawan-kawan saya ramai lagi di belakang ni. Saya terus kepada menjawab soalan yang berkait dengan portfolio saya, iaitu Portfolio Belia & Sukan Dan Sumber Manusia. Sebahagian daripadanya telah dijawab oleh rakan-rakan saya tadi, daripada pelajaran, daripada YPU telah menjawab sebahagian daripadanya dan saya akan memberi penjelasan lagi kepada tuan-tuan supaya ianya mendapat penjelasan yang begitu puas kepada tuan-tuan, kalau tak puas lagi dalam Dewan ini pun, boleh mari ke pejabat saya, bila-bila masa. Tidak kira di mana-mana kalau payah telefon saya suruh saya terang sendiri boleh, tak ada hal.

Yang Berhormat Yang Dipertua, tadi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Air Putih berkaitan mengesyorkan kerajaan supaya menyediakan platform-platform dan juga pusat-pusat kursus yang menjuruskan kepada pekerjaan kepada seluruh rakyat negeri Terengganu khususnya kepada golongan-golongan belia. Saya nak beritahu kepada sidang Dewan yang mulia pada hari ini bahawa negeri Terengganu adalah salah sebuah negeri yang terbanyak hari ini, menyediakan tempat-tempat, pusat-pusat kursus dan latihan kepada golongan-golongan belia sama ada belia lepasan sekolah ataupun belia di peringkat siswazah, siswa-siswi yang menganggur pada hari ini. Tuan-tuan dan puan-puan kalau tuan-tuan nak tahu daripada kita wujudkan TATI, kita wujudkan TESDEC, kita wujudkan TTITC, kita ada lagi IQ dan sebagainya. Ini yang dibelanja 100% oleh kerajaan negeri tidak termasuk dengan IKBN, tidak termasuk lagi dengan pusat-pusat latihan yang disediakan oleh kerajaan pusat. Cuma daripada hari ini

Insya Allah, sebagaimana pandangan tuan-tuan dan saudara-saudara supaya anak-anak muda kita lebih berfokus dan mereka lebih tahu dan saya telah mengarahkan pegawai-pegawai di bawah saya untuk mengumpulkan dan mewujudkan satu data dan juga satu pembangunan perisian data yang boleh diakses dan boleh dilihat oleh semua belia-belia di seluruh negeri Terengganu.

Kalau boleh saya sentuh sedikit iaitu yang pertamanya berkaitan dengan pelancongan kerajaan negeri telah menubuhkan dan bekerjasama dengan INFORANA yang ingin melahirkan belia-belia di negeri Terengganu yang berkemahiran tinggi dalam bidang industri perlancongan. Kita tahu hari ini anak-anak muda kita sukar dan juga payah sangat nak kerja dalam bidang industri perlancongan sedangkan kerajaan negeri begitu bersungguh-sungguh nak membangunkan industri perlancongan sebagai satu sumber pendapatan yang juga penting kepada negeri Terengganu dan INFORANA telah memainkan peranan mereka setakat ini dan kita berpuas hati. Walau bagaimanapun, kita akan cuba pertingkatkan dari masa ke semasa kelemahan dan kekurangan yang terdapat di pusat berkenaan.

Yang kedua, berkaitan dengan Graduate Attachment Scheme iaitu T-GAS yang telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri sejak dari tahun 2006 lagi sehingga sekarang ini yang ditugaskan untuk memberi latihan khusus kepada belia-belia ataupun siswa- siswi yang menganggur ini supaya mereka boleh diattachkan terus, boleh dengan izin Yang Dipertua boleh ditempatkan terus di tempat mereka kerja dan sehinggakan ke hari ini mereka dibayar elaun RM500-RM600 seorang sehingga hari ini lebih kurang 6,139 orang telah kita beri latihan dan kebanyakan daripadanya iaitu hampir 68% daripada mereka telah ditempatkan di tempat yang mereka bekerja sementara tersebut. Dalam industri petrokimia .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Minta laluan sekali, Yang Berhormat Yang Dipertua. Terima kasih. Hebat bunyinya. Nak tanya sikit, Terengganu jatuh nombor berapa negeri termiskin sekarang, kalau tahun 2007 negeri termiskin yang kedua.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ini yang kita buat ni sebab kita tahu kita susahlah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tanya nombor berapa sekarang?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat melihat kelemahan-kelemahan yang ada. Daripada pandangan kelemahan tersebut, kita cuba nak perbaiki dan kita beri ilmu yang lebih kepada anak-anak

kita dan kita memberi modal insan yang lebih kepada anak-anak kita supaya mereka tidak menjadi miskin sebagaimana orang tua mereka.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tanya nombor berapa, saya bukan tak setuju. Saya tanya nombor berapa, biar faham soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah saya jawab dah. Nanti sidang depan ni, Insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Ha ... Gitu baru betul.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tapi lebih baik daripada Kelantan sikit, Insya Allah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Alhamdulillah.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Yang Dipertua, dari segi industri kimia, kita juga telah menyediakan pelatih-pelatih kita di TESDEC, kita attach di TESDEC melalui beberapa skim yang mana *Scheme Underwater,* di bawah *Scheme Sea Diving,* Skim Perantis Bio Kimia dan hari ini kita telah ada 70 orang anak-anak muda daripada Terengganu untuk dikerjakan ..... (Dewan gelak) ....., untuk kita letak di Eastern Steel. Bukan kita kerjakan, ditempatkan ....(dalam gelak) .... Minta maaf. Saya tersalah Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya seronok dengar dia berucap tapi macam nak marah saja bunyinya, bakpe dok tahu?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya tak boleh tengok mike, tengok Dato' Wakil Ladang macam nak mamah sokmo rasa.

YANG BERHORMT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Oh, begitu. Tak apa, moleklah tu.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tuan Yang Dipertua, saya nak beritahu bahawa hari ini kita sudah melatih 70 orang anak-anak Terengganu untuk ditempatkan di Eastern Steel yang tak buka lagi tapi kita sudah rancang dan telah melatih anak-anak Terengganu. Ini kerajaan negeri buat untuk anak-anak muda. Apa yang kita telah buat walaupun kita tahu tidak dapat memenuhi segala-galanya lagi, tapi gerakannya telah kita buat. Dan Insya Allah bila mereka keluar nanti dan akan bekerja dengan syarikat-syarikat berkenaan, dengan pelbagai jawatan dan juga jurusan yang mereka ceburi. Di pusat TTITC

Teris, ini satu-satunya pusat yang dibina oleh kerajaan negeri yang ada dalam Malaysia yang berasaskan kayu. Hebat Dato' Yang Dipertua. Masuk di sini masuk *free,* makan *free*, elaun orang beri, baju kita bagi *free,* basuh je sendiri, tidur pun free. Ini rakyat negeri Terengganu dapat kemudahan. *Free* belaka. Tak apa, kalau Yang Berhormat kata ada wakil pembangkang nak mari masuk mari jumpa saya, tak apa saya *sign.*

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bereh boh! Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu juga kita ada TATI dan sebagainyalah. Dalam bidang pertanian pun kita dah banyak wujud, saya nak beritahu. Cuma saya nak bagitahu sungguh-sungguh kepada seluruh rakyat negeri Terengganu bahawa hari ini bersyukurlah kita berada di negeri Terengganu ini. Walaupun ada kelemahan, saya tahu. Ada kekurangan, kita faham. Dan kita tahu dan pembangkang pun pernah duduk di barisan kerajaan tahun 2000 sehingga 2004 .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Laluan, laluan sekali lagi Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): ..... apa yang dia buatpun dia boleh tepuk dada tanya selera saya takmboh royat sebab tuan-tuan hidup lebih lama dari saya. Guana Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Laluan sekali, sikit je. Saya nak betul fakta, dalam tahun 2007 Kelantan nombor 6, negeri Terengganu nombor 2. Yang tu saya tanya tadi .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang itu hal lama tahun 2007 ini tahun 2012 kira apa hal lama tu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Macam berlakon je Yang Berhormat. Boleh berlakon kalau P. Ramlee ada.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Boleh kalau nak suruh saya berlakon, memang bolehpun, tak ada hal. Model jugak, tengok cutting ni gok. .....(Dewan gelak) ..... Boleh ni, orang hulu pun jangan *tebeng main lening*.

Yang Berhormat Yang Dipertua, selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh sikit sebagaimana yang dimaklum tadi. Yang seterusnya ada rakan saya, Yang

Berhormat daripada Bukit Tunggal tadi yang memberitahu masalah Bukit Tunggal dan juga sebagaimana rakan-rakan kita yang lain, memberitahu berkaitan dengan JKKK takmboh tandatangan. Saya nak beritahu dalam Dewan yang mulia ini, tidak pernah keluar satu arahan daripada Menteri Besar, Wakil Rakyat, Exco ke, pegawai kerajaan ke, yang melarang JKKK menandatangan mana-mana pihak. Dan saya nak beritahu kepada tuan-tuan bahawa hari inipun kalau kita tengok kalau ada lagi anak-anak Terengganu yang nak belajar kalau tersekat nak *sign* JKKK, maklum kepada kita. Dan Yang Amat Berhormat telah memberi amaran keraspun, bukan nak cakap *menatang tu-le aje.* Sudah berpuluh-puluh kali dah khabor dalam suratkhabar, JKKK kalau tidak melaksanakan tugas kerajaan dengan baik, tanggungjawab kepada rakyat dengan baik akan diberhentikan. Ini *statement* daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Walau bagaimanapun .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tandatangan .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sabarlah, tak habis lagi ni.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah tu hak JKKK, Yang Berhormat Pembangkang ni guana?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Boleh *sign* takdok masalah, Yang Berhormat *signlah* buat cop banyak sikit. Takdok masalah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mintak laluan sikit. Kalaulah JKKK tak mahu *sign,* ke mana kita ambil aduan supaya boleh diambil tindakan?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dia begini Yang Berhormat, saya nak beritahu ada setengah-setengah tempatlah begitu, kita ada 1,000 orang JKKK dan berbagai-bagai latar belakang. Kita duduk dalam rumah kita ada anak 5 orang pun belum tentu dapat pastikan semua anak kita ikut kita. Itu 5 orang anak kita, kita bagus dah, pergi ke masjid sokmo tapi kita nak suruh anak kita ikut kita, belum tentu lagi. Kita ada lebih kurang 1,000 orang JKKK.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Maksud saya kalau adalah .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kalau ni lemah saya ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Memang ada, ke mana kita nak adu supaya perkara ini boleh diambil tindakan. Itu saja, untuk penambahbaikan belaka ni.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bagus, hantar surat itu kepada Menteri Besar. Hantar ke saya dulu tak apa, jangan hantar ke Menteri Besar lagi, biar saya *settle* dulu. Kalau saya tak boleh *settle* baru saya angkat kepada Menteri Besar. Okey, terima kasih. Yang Berhormat saya faham dan Yang Berhormat pun kena faham. Saya minta Yang Berhormat faham. Yang Berhormat Pembangkang pun boleh *sign,* takdok masalah. *Signlah.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Hah, itu yang saya nak tanya tu. Saya tanya itu sebab bila saya dapati ada aduan bahawa tandatangan daripada Yang Berhormat Pembangkang tidak diterima oleh Yayasan Terengganu. Nanti sekejap tak habis lagi, baru nak bercakap sekejap. Lalu saya bertanya secara rasmi kepada Dato' Setiausaha Kerajaan, Terengganu, apakah ada arahan baru daripada kerajaan atau dari Menteri Besar yang tidak membenarkan tandatangan Yang Berhormat (Pembangkang) diterima oleh Yayasan Terengganu. Jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Terengganu bahawa: "Ya, ada arahan baru daripada Menteri Besar." Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat sebagai bekas pegawai tinggi kerajaan. Yang Berhormat pun tahu dalam keadaan tersebut jadi saya takmboh meleret-leret *'Government of the day',* dengan izin Yang Dipertua, Yang Berhormat pun pernah jadi pembangkang dan pernah jadi kerajaan, jadi sama-sama jawab, Yang Berhormat jawab hak Yang Berhormat, saya jawab hak saya, senang cerita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bukan isu jawab menjawab

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak Yang Berhormat nak sign tak apa, soal penerimaan atas kita, jabatan kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak bukan, begini yang saya tanya tadi sebab ada dulu arahan daripada Menteri Besar dalam sidang-sidang yang lepas kata boleh terima.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Arahan dari mana, mana surat nak tengok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Daripada *hansard, check* daripada minit mesyuarat Persidangan Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah kalau ada surat tak apalah, buat mari surat tu dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, ini bukan surat, soal telah disebut di dalam Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Siapa dia sebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut bahawa .....

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak apa, tunggu Menteri Besar jawab kekgi. Tapi saya nak beritahu Yang Berhormat kalau Yang Berhormat sebagai pembangkang, Yang Berhormat sign takdok masalah tapi soal penerimaan atas kerajaan pulak. Mana ada negara .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, bukan, sebab Yang Amat Berhormat jawab tu Yayasan Terengganu kena terima.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Di negeri-negeri lain .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak bukan soal negeri-negeri lain, soal Yang Amat Berhormat kata Yayasan Terengganu kena terima tandatangan daripada pembangkang.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah tak apa, kita terimalah, soal nak buat takmboh buat itu atas kitalah. Ha... ha....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kedua-dua Wakil Yang Berhormat sila duduk. Teruskan, penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hah, kalau main duk berlawan gini sampai ke cerah esok *dokdang* kita ni. Okey, Yang Berhormat, minta maaf banyak-banyak, saya kalau berkaitan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dia akan jawab kekgi. Tapi saya jawab dari segi kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Memang kita tidak pernah mengarahkan tapi Yang Berhormat nak *sign, signlah*, itu atas kita pada hari ini, Insya Allah. Jadi Yang Berhormat Yang Dipertua, saya haraplah Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang juga mengetahui keadaan ini tapi jangan cuba menimbulkan polimik yang boleh menjadikan kita lebih kecoh lagi di peringkat bawah. Anak-anak kita yang hendak bersekolah, yang masuk universiti yang mana tidak boleh bantuan lagi saya tidak pernah dengar setakat hari ini di negeri Terengganu kerana Yang Berhormat takmboh *sign* atau JKKK takmboh *sign.* Tapi sekarang ini adalah benda-benda yang kecil-kecil yang cuba diperbesar-besarkan oleh pembangkang sehingga mencelarukan pemikiran masyarakat dan juga rakyat di bawah. Jadi saya harap perkara ini kita boleh selesai dengan cara yang baik, Yang Berhormat boleh mari, orang Manir pun pernah mari jumpa saya.

YANG BERHORMT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tak bersetuju dengan *statement* itu. Kerajaan yang tidak menerima tandatanganlah yang mencelarukan keadaan bukan kami yang mencelarukan keadaan. Itu terbalik *statement* tu.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak apalah Yang Berhormat setuju tak setujupun, saya royat ni dalam bahagian penggulungan ini. Yang Berhormat memang dok setuju sokmo. Buat bangunan pun dok setuju. Buat jambatan dok setuju. Buat menatang tu dok setuju, buat menatang ni dok setuju, dok setuju belaka tapi saya beritahulah ni. Ini bahagian saya menggulungkan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, selain daripada itu, ada juga permasalahan yang ditimbulkan oleh sahabat saya daripada Yang Berhormat Alur Limbat berkaitan dengan litar lumba motor. Terima kasih Yang Berhormat. Ini salah satu program antara program yang kita rancang oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah yang banyak diperkatakan di negeri Terengganu iaitu masalah remaja-remaja bermotor kita di seluruh negeri Terengganu. Antara salah satunya kita juga bercadang kerana ini juga mengikut kehendak mereka daripada peringkat bawah dan remaja-remaja kita supaya kerajaan negeri menubuhkan satu litar yang sesuai untuk mereka. Dan Insya Allah, kita telah kenal pasti tapak, dah dua-tiga tempat telah kita kenal pasti tapi kesesuaiannya kita telah tahu di mananya, ini kita telah mengambil kira beberapa pandangan. Tempat menjadi masalah yang besar kepada kita oleh kerana keluasan tanah yang cukup besar diperlukan. Tapi walau bagaimanapun, kita akan cuba untuk menyenangkan hati remaja-remaja kita ini mengikut kehendak mereka tempat yang akan kita bina litar dalam masa yang terdekat ini. Insya Allah. Memang tahun ini tidak sempat sebab belum masuk

Bajet lagi. Kita akan sediakan dari segi tapak dulu dan tahun depan Insya Allah akan terbina litar motosikal tersebut. Itu satu daripada cara kita nak mengatasi daripada pelbagai program yang kita buat walaupun tidak dapat menyelesaikan semua sekali tapi alhamdulillah saya sudah melihat perkembangan yang positif sehingga ke hari ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, selain daripada itu juga di mana tadi ada juga disebut oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Tepoh. Terima kasih. Juga disebut berkaitan dengan program hala tuju belia yang tidak diarah kepada keagamaan. Sebenarnya ada ke arah keagamaan tapi perkara ini diserahkan kepada MAIDAM untuk menguruskan sepenuhnya. Kita ada juga program-program kita dan peruntukan-peruntukan kita yang kita salurkan kepada mereka yang mereka buat khusus untuk golongan-golongan muda dan remaja-remaja di negeri Terengganu kerana kita jangka ini adalah jabatan yang paling sesuai dan mereka paling berpengetahuan dalam bidang yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan seterusnya iaitu berkaitan dengan Laporan Audit daripada Audit Negara. Saya tidak tahu laporan ini hak tahun berapa kalau Yang Berhormat boleh beritahu saya tahun berapakah laporan ini?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tahun 2011.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Itulah masalahnya.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Ini yang terkinilah ni.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hak tahun 2011, saya nak beritahu Yang Berhormat isu berkaitan dengan Laporan Audit sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tepoh. Laporan ini daripada 2011 dan kita telah mengambil inisiatif-inisiatif kita dan juga pada tahun yang sama iaitu pada tahun 2011 dan berakhir pada 31 Disember 2011, kita telah menerima satu sijil daripada Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011. Kalau boleh Yang Dipertua, saya nak minta izin untuk baca sebab panjang sikit ni sebab dia kata tadi Laporan Audit kita teruk. Ini kami terima sijil daripada Ketua Audit Negara yang menyatakan bahawa laporannya dan kalau boleh saya bacalah. Boleh baca Tuan Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya benarkan baca.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Benar. Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Terengganu Yang Berakhir Pada 31 Disember 2011 yang diaudit dan diwakil oleh saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini, tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan bahawa di tahun ini dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut hendaklah mengauditkan dirancang dan dilaksana untuk mendapat kepastian munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan yang termasuklah memeriksa rekod secara semakuji, menyemak bukti, menyokong angka dan memastikan pendedahan yang cukup dalam Penyata Kewangan. Penilaian ini dibuat atas prinsip perakaunan yang digunakan unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan keseluruhan, saya percaya bahawa di tahun ini yang dilaksanakan memberi asas munasabah terhadap pendapat saya.

Pendapat saya Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap Kedudukan Kewangan Majlis Sukan Negeri Terengganu pada 31 Disember 2011 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Mungkin audit yang Yang Berhormat khabor itu pengauditan yang tahun sebelum daripada itu. Itu kemungkinanlah. Bila kita dah buat penambahbaikan, alhamdulillah, kita telah mendapat Sijil Pengiktirafan Audit yang terbaik di negeri Terengganu pada tahun 2011. ....(Tepukan sokongan) .... Terima kasih Yang Berhormat. Insya Allah.

Yang Berhormat Yang Dipertua, selain daripada itu juga Pasukan Bola Sepak kita merosot. Alhamdulillah, walaupun apa andaian Yang Berhormat tapi pada saya Pasukan Bola Sepak Negeri Terengganu tidaklah seteruk sangat. Sejak dari tahun 2006, 2007, 2008 dan sehinggalah sekarang kita adalah negeri yang paling banyak masuk ke peringkat separuh akhir dan suku akhir. Walau bagaimanapun, kita johan pada Piala FA 2011 tapi pada tahun inipun bukan kata tidak baik tapi ada masalah sedikit sebanyak yang nasib juga tidak menyebelahi kita, kita kalah saat-saat akhir dengan Kelantan. Serupa juga Kelantan kalah dengan kita dulupun, saat-saat akhir juga. Itu wallahu wa'alam. Banyak faktor-faktor yang boleh menentukan untuk kita boleh menang dan juga dalam memajukan sukan bola sepak ini. Berkaitan menyarankan supaya kerajaan campur tangan dalam persatuan negeri untuk memilih Presiden dan sebagainya dalam pengurusan, saya nak beritahu bahawa Kerajaan Negeri Terengganu tidak terlibat secara langsung dalam semua pengurusan badan-badan sukan di negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, kita sebagai sebuah kerajaan yang memberi banyak sumbangan dan juga bantuan kewangan kepada badan-badan sukan kita termasuklah bola

sepak, kita sentiasa memantau, kita memanggil, kita menilai dan juga kita memberi pandangan kita untuk memajukan dalam bidang sukan di negeri Terengganu termasuk jugalah bola sepak ini. Dan dalam soal pemilihan pengurusan dalam sukan bola sepak ini, kita sudah ada undang-undang, kita sudah ada peraturan-peraturan dia, kita dah tetap dah, perkara ini kita serah kepada badan-badan induk di peringkat daerah untuk mereka memilih siapa dia yang mereka rasa sesuai untuk menjadi peneraju badan bola sepak pada masa-masa yang akan datang. Insya Allah.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya juga ingin memberitahu .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang Dipertua, penjelasan. Bab bola ini saya minat jugak. Tadi Yang Berhormat Exco menyebut tentang kerajaan negeri tidak terlibat dengan pengurusan harian bola sepak. Saya nak spesifik tentang Pasukan T-Team yang diletakkan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan, Terengganu. Jadi bagaimana boleh berlaku sedemikian, ada seorang pegawai daripada Pejabat Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan kita yang menjaga bola sepak, T-Team kita. Itu yang pertama. Yang keduanya, berapakah peruntukan yang kita berikan kepada Pasukan T-Team dalam menguruskan bola sepak negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Pasukan T-Team ini pun memang kita dalam proses sebagaimana saya beritahu jawapan dalam sidang yang lepas bahawa kita dalam proses untuk menggerakkan mereka kepada badan-badan GLC kerajaan yang akan mengurus pada masa akan datang. Tapi pada peringkat pertama ini, biasalah anak kita pimpinlah dulu sebelum dia boleh berlari, lepas dia boleh berlari kita lepaslah dia, kita serahlah kepada persatuan. Sebab sekarang ini kita mahu melihat ianya menjadi satu pasukan yang boleh memberi saingan kepada pasukan utama negeri Terengganu. Dengan adanya dua pasukan ini kita rasa kerajaan negeri lebih prihatin kerana mewujudkan ruang pekerjaan kepada anak-anak Terengganu untuk mereka bersaing merebut tempat dalam dua team di negeri Terengganu. Insya Allah. Dan berkaitan dengan peruntukan, kita sediakan peruntukan setakat hari ini, RM3 juta kepada Persatuan Bola Sepak dan juga RM2 juta kepada T-Team. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka menghadapi masalah kewangan untuk menguruskan sehingga kalah main bola ini jangan buat alasan masalah pitih, mereka boleh mengangkat kepada pihak kerajaan untuk kita pertimbangkannya, Yang Berhormat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tambahan sikit lagi mengenai T-Team ini, Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya difahamkan kebanyakan pemain-pemain dalam T-Team ini bukan orang

Terengganu, kita terpaksa bayar gaji kepada pemain-pemain luar dengan gaji yang begitu tinggi. Kalau T-Team ini dibina, dibangunkan untuk memberi peluang kepada pemain-pemain anak Terengganu itu satu persoalan yang lain. Itu yang pertama. Satu lagi, T-Team ini bukan satu pasukan yang baru Yang Berhormat, ia satu pasukan yang lama dah, banyak tahun dah sepatutnya T-Team tidak diletak di bawah pengurusan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Terengganu ataupun di bawah pengurusan pegawai yang ada di bawah Setiausaha Kerajaan. Sepatutnya Exco Sukan kita yang ambil inisiatif ini dan meletakkan di bawah mana-mana GLC yang ada dan berikan tumpuan kepada pemain-pemain anak-anak Terengganu dan bukan kita ambil pemain-pemain luar untuk bermain sekadar untuk menang tapi sekarang ini kedudukannya begitu tenat dalam Liga Perdana.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Yang Berhormat Batu Burok, Insya Allah kita akan lihat dan kita akan tengok selepas pada ini jadi macam mana sebab kita akan bincang dan juga pada setiap tahun mereka akan dinilai, akan kita buat preview, mana-mana yang tidak baik kita tidak akan kompromi dengan mana-mana pihak. Saya walaupun tidak berada di dalam, saya tetap memantau kerana ianya di bawah portfolio saya dan saya bertanggungjawab kepada apa yang berlaku pada hari ini. Saya faham maksud itu Yang Dipertua. Terima kasih.

Berkaitan dengan Padang Bola Sintetik Tok Jiring. Ini satu hal lagi. Padang Sintetik Tok Jiring ini, kita sebenarnya berasa bersyukur kerana inilah satu-satunya padang sintetik yang dibina yang pertama dalam Malaysia. Negeri Terengganu yang dipilih. Yang pertama dalam Malaysia padang sintetik ini di Kampung Tok Jiring. Memang kalau ikut Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bukan nak bina di situ tapi suruh buat dekat stadium dulu tetapi oleh kerana permintaan masyarakat di situ, pemimpin-pemimpin muda, belia di situ di Tok Jiring suruh bina jugak di Tok Jiring. Oleh kerana kita berpegang kepada prinsip 'Rakyat Didahulukan', 'Merakyatkan Pentadbiran', jadi kita ikut dan kita buat di situ pada hal yang pertama dibuat dalam Malaysia dan dengan kos yang begitu besar. Pada asalnya kita nak buat atas padang yang utama, minta pulak kita tidak boleh buat atas padang itu, sayang katanya dan oleh kerana mereka suruh buat di tepi, kita pun buat di tepi. Itulah yang menyebabkan masalah-masalah yang timbul. Saya faham maksud Yang Berhormat kata itu. Berkaitan dengan penghadang tu, sebenarnya penghadang itu takdok dalam spek kerja, dalam mutual kerja asal takdok. Kerana pada saya takkan kerana takdok penghadang itu saya takmboh padang sintetik tu macam kerbau dengan tali, lebih baik kita ambil kerbau dulu tali tu tak apalah kita beli sendiripun. Itulah yang berlaku. Ini adalah inisiatif bekas Yang Berhormat Tepoh yang membina dengan peruntukan beliau sendiri, kemungkinanlah, saya tidak dimaklumkan dan beliau membinanya. Benda ini kukuh tidak ada masalah tapi yang menjadi masalah bila *time* pilihan raya nya

tampal poster belaka semua di situ. Hak Barisan Nasional boleh tahan ringan sikit, hak PAS berat do'oh. ....(Dewan gelak) .... Dok, sungguh, saya khabor sungguh ni.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sampai runtuh benar kerana tampal poster?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dok Yang Berhormat, dia benda itu berjaring bila kita tampal poster penuh di jaring dan pada malam itu kebetulannya ribut, jadi angin dokleh nak tembus, jadi macam kapal layar tu, macam kita buat hak di Duyong tu kalau kita pergi tengok.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Yang Dipertua, hak besarnya hak daripada BN-lah besarnya. Jadi barangkali beban berat sangat itu yang menyebabkan jatuhnya.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dok, begini Yang Berhormat. Tak apalah. Yang Berhormat memang tak kata ke Yang Berhormat tapi saya mendapat maklumat, jadi saya nak khabor ke Yang Berhormat bahawa yang di tengah tu bendera PAS, yang di kiri-kanan tu bendera BN. Jadi takdok laluan angin untuk rempuh macam kapal layar, lalu dia terbalik. Kalau alangkah baiknya kalau Yang Berhormat Tepoh ada peruntukan, baikilah hak lebih molek lagi lepas pada ini. Buatlah, takdok masalah kita bersetuju untuk kebaikan orang muda Kampung Tepoh. Takdok masalah. ....(Tepukan sokongan) .... Kalau adalah, kalau takdok pun kita baiki juga tapi takut kalau ada.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa itu sajalah dulu. Saya minta maaf .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Ada se lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hah, apa benda lagi?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya ada kemukakan soalan, dia proses dilebarkan kemudian tu. Jadi kita tertanya-tanya, sebenarnya projek ini telah diluluskan, jadi bila dilebarkan kemudian tu jadi kita tertanya-tanya adakah dia diukur kemudian baru dilebarkan? Jadi itu persoalan saya.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya maklum bahawa padang sintetik ini

sepatutnya kita bina di persekitaran salah satu padang di perkarangan stadium kita. Tapi oleh kerana permintaan orang-orang muda di situ, remaja-remaja di situ mintak dibuat di situ juga dan kita buat di situlah. Kemudian kita nak buat atas padang utama tapi mereka pohon untuk dibuat di sebelah takut-takut ada orang nak main atas padang biasa jadi kita buatlah di sebelah itu yang mana di sebelah itu tidak cukup ruang dan memang tidak cukup ruang di situ tapi kita cuba juga sedaya upaya setakat ruang yang ada, kita cuba jugak buat di situ atas permintaan masyarakat setempat. Dan alhamdulillah hari ini, kerajaan persekutuan telah meluluskan satu lagi padang sintetik untuk negeri Terengganu. Insya Allah, ianya akan dibuat di perkarangan stadium dan semua pihak boleh gunakannya. Insya Allah. Terima kasih Yang Berhormat. Wallahu wa'alam. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Sila teruskan wakil kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Terima Kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan, rakan-rakan media, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Dalam kesempatan ini saya nak mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada sahabat-sahabat semua sekali yang telah berjaya memenangi dalam PRU baru-baru ini termasuk di pihak kerajaan mahupun di pihak pembangkang. Jadi saya pun rasa banggalah kerana pihak pembangkang telah memperolehi 15 kerusi dan di situlah menampakkan sebenarnya demokrasi yang sedang berlaku di negara kita adalah keadaan yang amat subur. Tidak seperti mana yang disebut oleh sesetengah pihak sehinggalah pergi ke jalanan buat demonstrasi dan sebagainya. Kalaulah tidak bersih, kalaulah tidak adil, tidaklah 15 orang ini berada di dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Jadi kerana itulah hari ini saya juga nak mengucapkan tahniah kerana ada dua orang Wakil Ahli Parlimen yang dapat bersama dengan kita termasuk sahabat saya. Izinkan saya sebut nama sahabat-sahabat saya boleh? Boleh dok Yang Dipertua. Yang Berhormat Tuan Haji Khairuddin At-Thakhiri sebab saya At-Thakanan. Dia At-Thakhiri, Ahli Parlimen Kuala Nerus. Jadi tiada masalah.

Jadi yang pertama saya juga nak ucapkan terima kasihlah kerana telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Manir tentang demokrasi dan diberi contoh beberapa negara-negara di luar negara kita. Tetapi dia lupa dengan tahun 1999 dengan 2004. Saya bawa buku ni. Jadi buku ini 'Ingat Dok Lagi'. Inilah demokrasi yang telah

dilaksanakan di Terengganu 1999 - 2004. Anak-anak tadika kena hambat, Pengarah TATI-UC dipecat, pegawai-pegawai kita dipecat, Imam-Bilal kita dipecat dan kemudian ramai lagi, banyak lagi perkara-perkara keadilan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan 1999 - 2004.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat, siapa buat buku tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dok kira siapa-siapa buat ini kita timbul gambar ada ni.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Mana boleh dok kira.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Ini gambar ni, saya dok tahulah gambar budak sekolah tadika .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kerajaan buat ke, siapa yang buat masa tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dok kiralah siapa-siapa buat cuma yang menjadi soal sekarang ini .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya takmboh beri sebab saya nak beri laluan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri lepas pada ini dan saya nak bercakap biar habis.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Alhamdulillah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Kalau ada apa-apa biar kita timbul dalam sidang yang akan datang. Jadi soalnya hari ini kita nak bercakap tentang orang lain, kita kena cermin diri kita. Izinkan saya Yang Amat Berhormat Dato' Seri nak baca balik hak Yang Amat Berhormat Dato' Seri duk baca sokmo, duk khabor sokmo. Jadi saya nak lafaz sekali lagi. "Hayung buai kokek, kokek hulu golok. Hak dia lokek, hak orang dia nak." Jadi lagu ni hak sebenarnya, pada hal tahu dah kaedahnya *'Government of the Day',* dengan izin bahawa hak sign-sign hak mana laku, hak mana dok laku, tahu belaka dah keadaan dia dan tidak timbul masalah hari ini sebab di Wisma Darul Iman 10 orang dah ada Exco-Exco, Wakil-wakil Rakyat di situ jadi tidak

timbul masalah. Dan hari ini pun kalau kita tengok seluruh negeri Terengganu hari ini, pelajar-pelajar kita yang dapat masuk universiti baik yang ada di Hulu Terengganu, yang ada di Hulu Besut molek-molek ada panjat di Pejabat Yayasan Terengganu hantar borang dan ambil selalu duit cash RM500, RM750 atau RM1,000. Kalaulah Pejabat Yayasan Terengganu boleh pergi, tak jadi masalah kalau orang di Dungun nak pergi ke Bukit Besi ataupun orang di Bukit Besi nak mari ke pejabat di Wisma Darul Iman. Jadi soal ini saya rasa tidak jadi masalah .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Minta maaf banyak-banyak, saya dah beritahu saya tak beri dah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DEERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dok beri dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi kerana itulah hari ini kita perlu melihat bagaimana sebenarnya apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan lebih-lebih lagi hari ini saya bimbang kerana semalam saya dah tengok dalam internet *(facebook)* semalam gambar Yang Berhormat Yang Dipertua bersama dengan orang berhuruf 'R', saya ingatkan Razif rupanya 'Royalti', jadi molek comel benar dah, Yang Berhormat Yang Dipertua kita dengan ikhlasnya hari ini orang ajak bergambar dia bergambarlah. Dan kebetulan dalam gambar itu ada 'R' dan kemudian dipamerkan semalam dikatakan bahawa Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan sokong tentang tuntutan 'Royalti'. Inilah masalah kita. Dan begitu juga yang berlaku kepada Hari Guru baru-baru ini, kita setiap tahun, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, saya tahulah setiap Sambutan Hari Guru, Puteri di Kijal hantar kek di sekolah di seluruh kawasan Kijal tak pernahpun dimasukkan di dalam internet, tak pernahpun dimasukkan di dalam suratkhabar dan tak diwarwarkan pun. Tetapi baru-baru ini kita terkejut, Hari Guru baru-baru ini dihantar kek, molek dah hantar kek tapi apabila hantar kek tak perlulah nak tunjuk dan tak perlulah ada lambang dan sebagainya yang menyebabkan cikgu sendiri terperangkap. Dan kemudian apabila cikgu terperangkap ditangkap ambil gambar bersama, ditunjukkan 'Sekarang Cikgu Bersama Kita', 'Sekarang Guru-Guru Bersama Pihak Pembangkang'. Tidakkah difikir bagaimana keadaan cikgu itu nanti, tidakkah terfikir bagaimanakah nasib cikgu itu nanti. Sepatutnya hari ini kita tidak perlulah nak tunjuk, tak perlulah warwarkan hari ini menyatakan bahawa orang sokong kita, orang tak sokong kita. Jadi hari ini kalau nak hantar kek moleklah hantar tapi kita setakat sayalah hantar di peringkat DUN Seberang Takir, tak pernahpun masukkan gambar Dacing dan sebagainya, kita hantar, ucap 'Selamat Hari Guru' 'Terima Kasih Cikgu' .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Hantar dok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Kita hantar sokmo.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Salah ke cikgu sokong?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dan kemudiannya Yang Amat Berhormat Dato' Seri sendiri pun hantar. Jadi akhir sekali hari ini dipaparkan, ditunjukkan kepada masyarakat hari ini menyatakan bahawa digunakan seperti mana apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan semalam. Jadi kerana itulah hari ini kita kena ambillah apa yang dikatakan oleh orang tua-tua kita dahulu 'Telunjuk lurus kelingking berkait', kadang-kadang kita ada niat lain di sebalik apa yang kita nak buat. Kalau betul hari ini kita nak buat sesuatu dengan dasar kejujuran kita, biar kita praktikkan dengan kejujuran. Jangan ada niat di sebaliknya kerana niat itu nanti Insya Allah akan memakan diri kita juga. Saya takmboh ambil masa yang panjang hari ini .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua, sikit aje. Saya, saya ni Yang Berhormat, sama sendiri boleh dok?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Okeylah, sama sendiri bolehlah. Minta maaf deh.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya cuma nak menyebut satu Firman Allah yang bermaksud: "Sangat besar kebencian Allah S.W.T. di sisi Allah kepada orang yang cakap lain buat lain". Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih, sahabat saya. Dan saya juga hendak menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bukit Tunggal. Tapi dok sedap nak bercakap hari ini sebab dok penuh *retek*. Jadi saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat yang baru jangan contohlah Yang Berhormat-Yang Berhormat (Pembangkang) yang lama sebab dia sokmo-sokmo begitu, time kita nak gulung dia takdok.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan. Saya nak jelas sebab yang tak hadir ini dia ada masalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi sokmo-sokmo ada masalah. Jadi berkait dengan pertanyaan oleh Wakil Bukit Tunggal. Ini satu lagi saya nak tunjukkan betapa adilnya Kerajaan

Barisan Nasional dan sebenarnya projek ini memang diminta oleh Yang Berhormat Kawasan Bukit Tunggal lama dahulu dan projek ini kita tak ada masalah walaupun Pulau Sekati adalah kawasan pembangkang tetapi kerajaan kita tidak pernah memilih kawasan ataupun memilih bulu hari ini kerana atas kepentingan rakyat, 'Rakyat Didahulukan', 'Merakyatkan Pentabiran Dan Pembangunan', maka kerajaan telah bersetuju mengeluarkan peruntukan sebanyak RM243,163 untuk membina paip besar untuk kegunaan penduduk di Pulau Sekati yang hanya seramai 135 orang dan rumahnya ada 43 buah rumah dan dua buah tidak berpenghuni. Projek ini telah siap pada tahun 2009. Malangnya sampai ke saat ini, sampai ke detik ini, sampai ke pukul 4.50 petang ini tidak ada seorangpun penduduk Pulau Sekati memohon untuk memasukkan bekalan paip air bersih ke rumah masing-masing. Jadi soalnya sekarangnya hari ini adakah soal ini jugak adalah kerajaan yang salah? Saya tak tahulah takut penduduk di Pulau Sekati ini menunggu manifesto yang telah diwarwarkan untuk memberikan air free 20 meter padu.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Penjelasan. Sekejap aje. Saya bukan nak cari kesalahan cuma saya kata benda itu dibuat dengan kos yang tinggi, semua orang pulau tak boleh nak sambung itu kerana terlalu jauh sangat main pipe itu ke rumah-rumah mereka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Takdok masalah sekarang ini ....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Apakah usaha kita untuk paip ini boleh digunakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): .... Wakil Bukit Tunggal, masalah kita hari ini tidak ada satu pun sekarang permohonan. Sekarang ini kita nak mintak Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal pergi ke Pulau Sekati kemudian kempen sambil-sambil ceramah-ceramah tu dalam kempen-kempen itu suruh mereka masuk air kepada 41 buah rumah ini. Dan kalau boleh biar rumah hak pertama dulupun tak apa ataupun paling tidak biar Yang Berhormat sendirilah tolong bayar untuk masjid saja dulu, hak masjid itu pun takdok dimasukkan permohonan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Masjid itukan di bawah Pejabat Agama, takkan itu pun tak boleh dibuat jugak Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dah kalau tidak pohon macam mana kita kerajaan nak beri.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Hak masjid di bawah siapa? Takkan saya nak mohon.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Itulah kita mintak supaya Wakil Bukit Tunggal pergi kempenlah, khabor supaya isi borang SATU, kita kan ikut peraturan, takkan saja-saja nak pergi pasang. Sekarang kita telah habis RM243,000 tetapi satu permohonan pun takdok hari ini. Jadi oleh kerana itu, hari ini, saya rasalah Wakil Bukit Tunggal tak payahlah nak ....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dah saya cuma beritahu hal itu supaya benda ini dapat diusahakan supaya dapat menafaat. Itu saja. Sekarang saya tidak ada prejudice apa-apa, cuma JKKK ada, kenapa JKKK tidak urus masjid dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tak sekarang ini dia bukan soal JKKK. Soalnya hari ini orang rumah yang pertama dekat master pipe dengan izin, itupun tidak jugak buat permohonan ini. Jadi sekarang ini sebagai langkah untuk mengatasi masalah ini saya pohon Wakil Bukit Tunggal untuk merayu penduduk-penduduk di kawasan Pulau Sekati ini agar buat permohonan. Dan bila dah buat permohonan Insya Allahlah kita akan selesaikanlah apa sahaja masalah yang timbul. Projek itu telah siap tahun 2009, sekarang ini dah 2013, empat tahun dah. Jadi saya mintaklah supaya tindakan akan diambil.

Tentang perkara yang kedua yang ditimbulkan oleh Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Berhormat. Memandangkan sekarang menghampiri pukul 5.00 petang, ada usul untuk dikemukakan supaya dapat melanjutkan tempoh persidangan melebihi pukul 5.00 petang. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Mewakili pihak kerajaan dengan ini:

> "Saya mencadangkan supaya tempoh persidangan hari ini dilanjutkan sehingga selesai semua kerja-kerja pembentangan sebagaimana Tertib Pekerjaan Dewan yang telah ditetapkan menurut di bawah perkara 7(1A), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri."

Saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima satu cadangan supaya melanjutkan tempoh masa persidangan pada hari ini. Oleh yang demikian, masa Persidangan Dewan ini dilanjutkan sehingga selesai semua kerja-kerja sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Tertib Pekerjaan Dewan. Persidangan Dewan diteruskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya ada sikit lagi untuk menjawab soalan daripada Wakil Rantau Abang. Sebenarnya Wakil Rantau Abang dia sebenarnya sampai hari ini, satunya, kita tidak ada terima pun sebarang aduan yang menyatakan tekanan air bermasalah berterusan di kawasan tersebut. Mungkin kita rasakan bahawa hanya pada masa-masa tertentu dan mungkin pada kejadian-kejadian kebakaran itu mungkin ada masalah-masalah yang tertentu, masalah gangguan yang kita boleh katakan gangguan-gangguan masa-masa yang tertentu. Jadi kalau adalah betul sebenar timbul masalah itu, saya mintak pihak SATU untuk buat siasatan dan kalau perlu saya nak mintak supaya Yang Berhormat Rantau Abang dapatlah membuat aduan untuk kita mengenal pasti di mana sebenarnya berlaku masalah tersebut. Berkait dengan pili bomba, perkara ini adalah dalam bidang kuasa Jabatan Bomba untuk penyelenggaraan dan penambahan bilangan. Jadi kalau betullah apa yang berlaku ini supaya bolehlah Yang Berhormat Rantau Abang membuat permohonan kepada pihak Bomba untuk menambah. Setakat saya dimaklumkan ada tetapi tidak banyak kemungkinannya dan bolehlah dibuat permohonan dan dicadangkan tempat-tempat yang sesuai. Jadi saya rasa itu sahaja dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih. Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Dipersilakan lagi pihak kerajaan untuk menggulung. Dipersilakan Wakil Permaisuri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, seterusnya pegawai-pegawai kerajaan dan Pemerhati sekalian.

Pertamanya, saya juga ingin merafak sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu di atas Titah Ucapan Tuanku berkaitan dengan pelancongan semasa pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan

Negeri Yang Ketiga Belas. Seramai 18 Yang Berhormat telahpun mengambil bahagian. Dan bagi yang pertamanya menjawab kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil Jertih iaitu kawasan yang dimaksudkan ialah Sungai Manik yang terletak di Compartment 4, 5 dan 17 Hutan Simpan Pelagat. Sukacita dimaklumkan bahawa dasar kerajaan sekarang tidak menggalakkan Pembangunan Hutan Lipur atau sebagai pusat pelancongan baru kerana buat masa sekarang terdapat 11 Hutan Lipur iaitu 8 yang aktif di mana ada pengunjung dan 3 yang tidak aktif yang ada masalah jalan rosak dan sebagainya. Jadi tumpuan Jabatan Hutan adalah pada Hutan Lipur yang popular sahaja. Yang pertamanya, seperti Lata Tembakah dan juga Lata Belatan di kawasan utara. Keduanya, Hutan Lipur Sekayu di barat. Hutan Lipur Cemerong di selatan dan pembangunan kos bagi menguruskan Hutan Lipur adalah sangat besar. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengambil maklum bahawa cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil Jertih ke dalam senarai untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan yang baru. Yang lain-lain tidak membangkitkan soal pelancongan jadi saya ucapkan terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Jadi kita teruskan lagi pihak kerajaan untuk menggulung. Dipersilakan Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pertama-tamanya, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berucap di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada Istiadat Pembukaan Dewan kita ini pada 3 hari yang lepas sebagaimana yang dicadangkan oleh saya bagi pihak kerajaan. Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih saya kerana melihat kepada perbincangan dan isu-isu yang kita bangkitkan saya rasa sangat selesa dalam keadaan bilangan Dewan yang agak luar biasa dengan bilangan pembangkang yang lebih daripada biasa dalam penggal-penggal yang sudah tetapi asas perbincangan saya nampak dalam keadaan yang baik walaupun sekali-sekali itu ada permohonan pertikaian dan sebagainya tapi saya nampak sangat harmoni. Jadi mudah-mudahan suasana ini dapat diteruskan demi tugas kita yang baik untuk rakyat negeri Terengganu. Cuma Tuan Yang Dipertua, saya agak terkilan sedikit daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang yang berucap di hujung ucapan mereka itu tidak ada satupun yang saya dapat lihat menyokong ataupun memberi sokongan kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan di dalam perkara yang dibangkitkan.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, atas perkara-perkara yang berkait dengan portfolio saya yang telah dibangkitkan secara tidak langsung oleh Wakil Bandar,

sedikit mengenai Kawasan Industri Teluk Kalong yang mana beliau ingin tahu mengenai 'Value for money' ataupun nilai atas kos yang didapati oleh kerajaan hasil daripada perbelanjaan pembangunan di kawasan ini. Sukacita dimaklumkan Tuan Yang Dipertua, sebenarnya dalam konteks pembangunan di negara kita ini khususnya industri ataupun pembangunan melibatkan rakyat kadang-kadang kepada kerajaan kita tidak secara langsung menggunakan nilai ini kecuali kaedah kepada perolehan kerajaan ataupun procurement kerana setiap perolehan kerajaan tentu sekali kita nak nilai yang semaksimum. Walau bagaimanapun, boleh saya nyatakan di atas kawasan Teluk Kalung seluas 1,200 hektar ini dalam kos pembangunan yang sangat menarik boleh dikatakan yang diurus oleh kerajaan negeri daripada jumlah pembangunan RM47 juta, kita telah dapat menarik pelabur yang melabur ke kawasan ini berjumlah RM4.1 bilion. Ini bermakna kalau nilainya hampir 100 kali ganda, Tuan Yang Dipertua, tidak termasuk nilai-nilai lain seperti pembangunan sekitar, infrastruktur-infrastruktur lain ataupun ekonomi yang didapati oleh rakyat tumbuhnya kedai-kedai, wujudnya pekerjaan-pekerjaan dan sebagainya. Jadi begitu jugak kita dapat menarik pelabur-pelabur luar dan dalam negeri hampir 98% ke kawasan ini. Jadi itulah nilai dan juga saya boleh katakan di kawasan-kawasan yang lain di seluruh negeri termasuk di Jakar 1, 2 dan 3, Pulau Serai, Bukit Kor dan juga di Gong Badak, habis kawasan-kawasan ini telahpun diambil oleh pelabur-pelabur.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perkara yang ketiga, sukacita saya nak menyentuh sedikit ke atas perkara yang telah disentuh oleh Seberang Takir sebentar mengenai perkara yang dibangkitkan oleh rakan kita daripada Manir 'Konsep Demokrasi' yang dibawa contohnya daripada negara Australia. Saya sangat kagum dengan hasrat dan juga contoh yang diberi oleh rakan kita daripada Manir ini tetapi secara perlaksanaannya Yang Berhormat sama ada kita kena lihat kita di sini sama ada penyokong PAS sendiripun di Terengganu kita ini, jauh sikap kita daripada semua segi dengan rakyat ataupun penyokong-penyokong di Australia itu sendiri. Saya nak beri contoh Tuan Yang Dipertua, di mana saya berada di dalam Dewan ini pada tahun '99 lepas Pilihan Raya Ke-10 sampailah ke tahun 2004, saya berada di sebelah sana. Saya setelah menjadi Wakil Rakyat Pembangkang, kita rasa sedih apabila suatu ketika didatangi oleh ramai rakyat. Khusus yang saya nak bawa ini iaitu golongan penghafal Al-Quran, Tahfiz daripada kawasan saya, daripada kawasan Kuala Terengganu yang pada ketika itu sebelumnya Kerajaan '99 mereka-mereka ini telah diberi bantuan elaun di atas penghafalan mereka mengikut juzu' hafalannya tetapi selepas Kerajaan '99 ambil alih elaun mereka dipotong. Jadi saya bangkitkan di sini, kemudian dijawab oleh Exco Kerajaan Negeri yang juga daripada Manir, dia kata ikut pandailah pitih kami, pitih aku. Jadi itulah maknanya demokrasi yang kalau kita kaedahkan apabila kena kepada kita. Saya banyak lagi Yang Dipertua soal bantuan kebajikan, soal sebagaimana yang dibangkitkan oleh Seberang Takir tadi tapi cukup kepada kita

kalau ini jadi niat kita sebagai Wakil Rakyat yang baru saya percaya inilah tahun 1999 – 2004 dan sekarang 2013, Insya Allah kita sama-sama bawa dengan niat yang baik, Wakil Manir pun dah bertukar barangkali kita boleh jadi yang lebih baik.

Tuan Yang Dipertua, dibangkitkan juga oleh Wakil Air Putih mengenai hasrat dan saya ucap tahniah kepada Air Putih dengan kesedaran beliau yang tinggi untuk melihat bahawa negeri kita ini perlu sedar supaya kita mewujudkan bidang-bidang yang baru. Beliau ada menyebut 'New Engine Growth' supaya bidang-bidang baru kita bawa supaya negeri kita ini terus mendapat faedah yang kita bangunkan itu kepada rakyat. Jadi Insya Allah, Tuan Yang Dipertua, dalam pelan induk ataupun dalam perancangan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya melihat pembangunan perindustrian dan pembangunan di dalam bidang-bidang yang lain juga merupakan tumpuan utama. Saya boleh katakan sesuai dengan ingatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Titah Ucapan Baginda peringatan Tuanku supaya kita menekankan supaya tidak ada kawasan yang tertinggal dalam pembangunan ini dan seterusnya menjamin kelangsungan ekonomi, peluang pekerjaan dan sebagainya kepada kawasan-kawasan yang kita bangunkan.

Tuan Yang Dipertua, sukacitalah saya ingin menjelaskan kepada portfolio saya ini bahawa dalam hala tuju yang dirancang oleh pihak kerajaan cukup saya katakan di antara yang banyak itu yang perlunya kita perlu membudayakan konsep perdagangan ini perlu kita perkasakan kerana orang-orang Terengganu, rakyat Terengganu sejak dahulu kala sebenarnya memang terkenal dengan istilah 'Dagang' atau 'Anak Dagang'. Kalau kita lihat yang popular sekalipun kalau orang mari ke Terengganu orang akan makan 'Nasi Dagang'. Saya melihat orang Terengganu dahulu kala dengan perahu besarnya serata dunia pergi. Kemudian dengan peniaga kainnya, dengan peniaga gaharu dan sebagainya. Jadi Tuan Yang Dipertua, sampailah masanya kita mesti memperkasakan daripada anak-anak sekolah, daripada golongan wanita, daripada semua rakyat supaya melihat perdagangan ini satu budaya yang sangat mulia. Insya Allah, bukan sekadar 'Nasi Dagang' atau 'dagang' itu dari Terengganu, Tuan Yang Dipertua, kalau sebut nama Dagang pun mesti orang tahu ini orang Terengganu. Tuan Yang Dipertua, begitu jugaklah kita juga terkenal dengan pengukir, kita terkenal dengan tukang emas, kita terkenal dengan tukang perak, tukang tembaga, tukang batik, tukang songket dan sebagainya yang tidak ada tolak bandingnya di seluruh dunia. Jadi inilah keistimewaan kita dan mestilah Tuan Yang Dipertua, dalam keadaan kita yang membangun hari ini, kita mesti mempopularkan lagi ataupun menjadikan asas yang telah kita ada dari orang tua-tua ini untuk kita letakkan di persada dunia dengan seribu kecemerlangan. Tuan Yang Dipertua, saya menyeru kepada rakyat negeri Terengganu Insya Allah, marilah kita mempopularkan anak Terengganu itu 'Anak Dagang'. Anak Terengganu itu mesti tamat sekolah mesti nak berdagang,

mesti nak berniaga. Anak Terengganu itu mesti utamakan perdagangan. Jadi saya percaya dengan peranan rakan-rakan kita di sebelah sana, dah disebut oleh Alur Limbat dengan ICTnya, semua sekali kita nampak kita dah jadi satu pasukan, kita berilah kekuatan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dengan keadaan suasana pada hari ini, saya lihatlah dengan kawasan perindustrian yang dengan infrastruktur kita yang menarik, kita akan menjadikan Terengganu sebagai kawasan yang menjadi tarikan kepada pelabur dengan strategi-strategi yang tertentu dan kita juga telah bersetuju di peringkat kerajaan bahawa kita mesti gerakkan sederap soal perdagangan ini, soal perniagaan ini bukan sahaja perniagaan di bidang yang saya sebut tadi malah kita jadikan sektor pelancongan, sektor pertanian, sektor IKS, pendidikan, kesihatan dan sebagainya satu perdagangan yang amat menarik, yang menarik kepada rakyat, yang menarik kepada semua peringkat untuk dijadikan Insya Allah apa jua yang kita gerakkan di negeri kita ini supaya menjadi peluang kepada rakyat untuk menambah rezeki sebagai pengusaha, sebagai pedagang.

Tuan Yang Dipertua, ringkas kepada strategi-strategi, antara strategi baru yang akan diutamakan oleh kerajaan kita akan perluaskan kawasan industri yang sedia ada. Kita tambah kawasan baru dan juga sebagainya terutama sekali di sepanjang Lebuh Raya Pantai Timur yang menghubungkan Kuala Lumpur, Pantai Barat ke Kuantan dan juga LPT2 ke Kuala Terengganu. Begitu juga kita akan perhebatkan One Stop Investment Centre kita. Kemudian insentif-insentif yang sedia ada daripada persekutuan dan juga daripada kerajaan negeri kita akan tambahkan. Begitu juga dengan promosi yang kita akan hebatkan. Kemudian peranan ECER, Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur yang sedia ada kita bekerjasama penuh dan kita jadikan peranan, pengalaman ataupun kehebatan ECER sebagai rakan kita untuk merealisasikan yang paling kita hendakkan yang segeranya ialah Kawasan Zon Perdagangan Bebas Di Lapangan Terbang Antarabangsa di Kuala Terengganu kita iaitu di Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

Begitu juga Tuan Yang Dipertua, untuk mewujudkan tenaga-tenaga mahir, separuh mahir sebagaimana dibangkitkan oleh rakan kita Wakil Telemong sebentar tadi. Dan kita nak mengoptimumkan sumber yang sedia ada sebagaimana yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. di negeri Terengganu kita ini yang tak putus-putus. Kalau dulunya sejak tahun 60an, 70an ditingkatkan sumber petroleum dan gas, sebelum itu perkayuan, kemudian hari ini dengan tambahan bijih emas dan sebagainya kita jadikan ianya sebagai tarikan kepada pelabur ataupun kepada rakyat sendiri untuk memperjuangkan bidang ini sebagai bidang kejayaan mereka.

Jadi Tuan Yang Dipertua, Insya Allah yang lebih pentingnya kita ramai-ramai di pihak pegawai ataupun di peringkat kerajaan dan juga pihak pembangkang kita dengan latihan yang cukup, dengan sumber yang cukup dengan infrastruktur yang

kita tingkatkan, dengan pelbagai strategi yang kita jadikan strategi untuk menarik peringkat pelaburan, kita nak perhebatkan informasi kepada semua rakyat. Jangan kita jadikan pekerjaan ini hanyalah pekerjaan pihak kerajaan semata-mata. Jadi Insya Allah, saya percaya dengan kenyataan ataupun usaha kerajaan ini, Insya Allah kita akan dapat melihat suatu hari nanti, kalau kita tengok kepada susunan kita punya negeri yang panjang daripada Besut sampai ke Kemaman dengan kawasan industri di selatan, industri berat – industri petroleum dan gas, di bahagian tengah melibatkan industri ringan – industri kayu dan semua yang kita susun bakal masa yang akan datang pun saya percaya Insya Allah, yang perlu yang penting kita nak menarik usaha-usaha kerajaan ini supaya disedari oleh pihak rakyat untuk mengambil peluang. Kita tak nak besok apa yang kerajaan buat kita tidak mengambil peluang tetapi peluang ini diambil oleh orang-orang luar daripada negeri Terengganu.

Jadi Tuan Yang Dipertua, itulah hasrat kita dan saya percaya Insya Allah pada asasnya persidangan kita hari ini saya berdoa mudah-mudahan sepanjang sepenggal ini dan sehingga sampai ke pilihan raya yang akan datang, kita mintak cita-cita kita Insya Allah nak menjadikan usaha 5 tahun ini menuju ke arah 'Terengganu Maju 2020' itu kita pertingkatkan semaksimum mungkin. Itulah sahaja Tuan Yang Dipertua. Terima kasih. Insya Allah. Wabillahi taufik walhidayah. Wasssalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Kuala Berang. Jadi kita teruskan lagi .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Pohon laluan Yang Dipertua. Sekejap je. Oleh kerana nama saya disebut oleh Wakil Seberang Takir dan ayahnda Y.B. Kuala Berang tentang kesalahan, kesilapan ataupun ketidakpatutan kelakuan Kerajaan 1999 – 2004. Saya teringat satu pegangan orang-orang Kristian yang meletakkan sebab kenapa Jesus Christ dengan izin, yang disalib kerana meletakkan kesilapan dan kesalahan orang-orang yang terdahulu ke atas anak-anak. Saya mintak izin, dengan ini jika sekiranya kesalahan orang-orang dahulu diletakkan kepada kami yang belum lagi menampakkan ciri-ciri yang tidak disukai oleh pihak kerajaan, maka ini suatu perkara yang tidak adil. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Jadi kita teruskan dengan penggulungan pihak kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia, Salam 1Terengganu. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan para Pemerhati sekalian.

Turut sama memberikan jawapan-jawapan atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku atau dibahaskan oleh Ahli-ahli Dewan pada hari kelmarin dan hari ini, saya mulakan dengan membuat sedikit pembetulan dan juga untuk menyatakan kenyataan yang dibuat oleh Wakil dari Manir sebentar tadi berkait dengan masalah kemiskinan dan sebagainya. Kedudukan terkini Terengganu dari segi ranking termiskin iaitu yang kesebelas. Itu suatu pencapaian yang cukup baik bagi Terengganu ....(tepukan sokongan) ..... Dari segi miskin, dulu Terengganu berada di tempat yang kedua, selepas Kelantan, kini mengikut statistik terbaru berasaskan paras kemiskinan terkini 2012, Terengganu telah melonjak ke tempat yang keempat, menaiki dua anak tangga dari sebelumnya. Kalau dilihat dari segi sejarahnya, saya sekali lagi menyatakan dalam Dewan yang mulia ini semasa kita mencapai kemerdekaan tahun 1957, kadar kemiskinan Terengganu 89.9%. Ini adalah realitinya dari segi sejarahnya.

Dan di samping itu, Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberikan penjelasan mengenai apa yang dibangkitkan oleh Wakil Rantau Abang. Yang pertama, mengenai permohonan tapak rumah. Kerajaan tidak pernah menutup permohonan tapak rumah, mereka boleh memohon tapak rumah dari masa ke semasa iaitu dengan maksimumnya 1,000 meter persegi dengan mengisi borang Jadual 1 Pejabat Tanah. Dan untuk pengetahuan Wakil Rantau Abang dalam tempoh 5 tahun, 2008 hingga baru-baru ini 2013 sebelum pilihan raya, Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan kira-kira 12,000 lot tapak rumah untuk rakyat Terengganu. Dan pada masa yang sama kita meluluskan 8,000 lot tapak pertanian untuk rakyat Terengganu. Jadi soal tutup permohonan tapak rumah tidak timbul sama sekali. Jadi saya berharap rakyat dapat mengemukakan permohonan ke Pejabat Tanah masing-masing dan berasaskan kelayakan dan kelulusan yang akan kita berikan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, begitu juga dari segi perumahan yang telah dibangkitkan oleh Wakil Rantau Abang. Bagi daerah Dungun iaitu bagi DUN Bukit Besi, Sura dan juga Paka dalam tempoh 5 tahun, Kerajaan Negeri Terengganu telah membina sebanyak 1,139 unit rumah. Dan alhamdulillah, sebagaimana dinyatakan tadi semua rumah-rumah ini telah disiapkan dan kita telah menerima sebanyak 1,586 permohonan yang sekarang sedang dalam proses siasatan kelayakan mereka dan Insya Allah kalau kerajaan bersedia membina rumah ini sudah tentulah kerajaan bersedia untuk memasukkan penghuninya, masa yang akan menentukan dalam masa yang terdekat ini. Insya Allah, Yang Dipertua. Cuma saya nak nyatakan satu perkara yang tidak dijawab tadi iaitu mengenai masalah air bertakung di Sekolah Kebangsaan Pulau Serai, ini di luar bidang kuasa kita Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana melibatkan bangunan dan sebagainya ianya di bawah kerajaan pusat kerana saya tahu Wakil Rantau Abang

adalah bekas Guru Besar sudah tentunya tahu ini adalah bangunan-bangunan, aset kepunyaan kerajaan pusat yang sepatutnya pihak sekolahlah yang mengemukakan bagi pihak Pejabat Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran untuk mengambil tindakan dalam masalah ini, Dato' Yang Dipertua.

Saya juga ingin merujuk kepada persoalan-persoalan dibangkitkan oleh Wakil Ladang. Yang pertama, mengenai pengambilan balik tanah yang terlibat dengan rumah teres di kawasan berhampiran Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Walaupun dulu saya telah jawab dan dibangkitkan kembali, mungkin dah lupa dan saya akan jawab kembali pada kali ini. Sebagaimana kita sedia maklum, ketika Barisan Nasional memerintah Terengganu sebelum tahun 1999, memang telah ada perancangan yang telah dibuat untuk menaikkan taraf pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu. Tetapi dengan takdir Illahi PAS telah memerintah Terengganu dalam PRU tahun 1999 – 2004 dan menyebabkan pembinaan lapangan terbang itu tertangguh tapi perancangannya ada. Malangnya semasa PAS memerintah Terengganu, Kerajaan PAS telah meluluskan kepada tuan punya tanah atau pemaju untuk membangunkan tanah ini sebagai rumah teres. Apabila Kerajaan Terengganu diberi peluang oleh Allah S.W.T. sekali lagi memerintah Terengganu tahun 2004 dan setelah rumah itu siap, hasil pandangan semua pihak dan bagi memastikan imej Kerajaan Terengganu adalah tidak elok rumah teres itu berdiri di hadapan airport Kuala Terengganu kerana apabila kita melalui kawasan berkenaan kadang kala kita lihat macam-macam yang tersangkut di luar. Jadi 'eyesore' Yang Dipertua, dengan izin. Dan di atas hasrat itulah untuk menjamin masa depan dan kita tidak mahu penghuni tinggal di situ, kerajaan negeri mengambil balik dengan tujuan untuk memperbesarkan tempat letak kereta dan program-program lain sesuai dengan pembangunan berdekatan dengan airport. Dan kita telah membelanjakan wang yang banyak bagi pengambilan balik tanah ini, justeru itu kita masih lagi mempunyai perancangan tapi buat sementara waktu kita belum robohkan rumah ini, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Apakah kawasan yang diambil balik atas nama pembesaran tempat letak kereta itu akan kekal sebagai tempat letak kereta atau bagaimana?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Berasaskan kepada kita tengoklah atas pengambilan balik, kalau pengambilan balik itu menyatakan tempat meletak kereta, kita akan terus sebagai tempat letak kereta. Ini merupakan peraturan dan undang-undang kecuali kita boleh mendapat kelulusan lain selain daripada itu. Kita akan patuhi kehendak undang-undang kerana saya tahu Wakil Ladang juga seorang Pegawai Tadbir.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, berkaitan dengan persoalan DUN Ladang mengenai kelewatan keputusan Tukar Syarat Tanah. Sebenarnya kita telah membuat satu prosedur baru iaitu melalui KPI yang telah ditetapkan. Permohonan hendaklah dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak lewat dari tempoh 3 bulan. Tetapi kadangkala ada juga kes-kes terpencil yang sedemikian dan saya harap kalau terdapat kes-kes sebegini bolehlah kita adukan kepada pihak SUK untuk kita ambil tindakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih atas jawapan itu. 3 bulan itu dah cukup baik sebenarnya. Cuma masalahnya sebelum dapat diangkat, kena minta pandangan jabatan teknikal termasuk Bandaraya dan itu sebenarnya yang lewat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab itu Yang Dipertua, oleh kerana kita tidak bertindak bersendirian, kita perlukan pandangan-pandangan teknikal, sokongan dan sebagainya tetapi walau apapun, penambahbaikan telah kita buat sebab itu sekarang ini paper-paper Exco sekarang ini yang melibatkan tanah dia ada cop tarikh permohonan dibuat dari Pejabat Tanah, kemudian diangkat kepada PTG dan tarikh diterima oleh Dewan Undangan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Missed the point sikit di situ Dato', saya memang sokong, 3 bulan itu sudah cukup baik, terbaiklah agaknya tetapi nak boleh sampai ke Pejabat Tanah tu pandangan yang diminta dari jabatan-jabatan itu terlalu lama, mungkin ini boleh dibaiki.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ya, Dato' Yang Dipertua, oleh sebab itu bila kita lihat berasaskan cop yang ada pada kertas Exco, kita dapat mengesan di mana kelewatan itu berlaku. Bila kita dapati kelewatan berlaku di jabatan berkenaan, kita akan panggil ketua jabatan itu untuk memberikan penjelasan kenapa kelewatan ini berlaku. Jadi Wakil Rakyat Ladang boleh lihat prosedur kerja kita ketika ini untuk mempastikan kita mengambil tindakan secepat yang mungkin.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya bukan nak berbalah, tidak jugak. Tapi .....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dah cukup dah tu Ladang, dah banyak dah tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah. Tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kita selesai kemudianlah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Okey. Yang Dipertua, seterusnya kita melihat bahawa soal-soal pembangunan yang dibangkitkan mengenai kawasan Ladang dan sebagainya. Kita mempunyai tanggungjawab di Ladang, di Tanjung dan sebagainya Tuan Yang Dipertua, kerana kita sedar bahawa tanggungjawab ini akan dibebani kepada kita suatu ketika nanti sebab itu kita perlu mengambil balik tanah-tanah ini. Walaupun ada tuduhan-tuduhan liar yang tidak bertanggungjawab dilemparkan tetapi sebagai ketua kerajaan yang bertanggungjawab demi masa depan orang-orang Melayu. Saya bukan bercakap berasaskan rasis, Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf tapi demi untuk menyelamatkan tanah-tanah ini walaupun kadang kala tidak sepatutnya kita mengambil balik dengan kosnya yang terlalu tinggi. Sekali lagi saya nak ulangi di Dewan yang mulia ini, bermula pada tahun 1967 sehingga 2012, kita ada rekod. Bermula dari Bulatan Ladang sampai menghala ke Flat Seri Kolam, kemudian berpatah balik ke Tanjung sampai ke Bulatan Ladang. Tanah-tanah orang Melayu yang telah terjual sama ada secara sukarela atau terpaksa kerana masalah keluarga, kematian ibu bapa, pergaduhan adik beradik dan sebagainya iaitu sebanyak 50 lot tanah orang Melayu telahpun terjual dan dibeli oleh orang Tionghua dengan keluasan 4.1072 hektar atau 10.1491 ekar Tuan Yang Dipertua. Dengan tanah yang terhad ini, tanah-tanah Melayu dalam bandar ini kalau kerajaan kerajaan tidak bertindak sesuatu sudah tentu hampir kesemuanya nanti akan dimiliki oleh orang lain. Dan ketika itu anak cucu kita akan memaki hamun kita. Atas rasa tanggungjawab inilah selaku Ketua Kerajaan Negeri, kita mengambil balik tanah ini untuk dibangunkan dan memberi peluang dan kesempatan kepada orang Melayu untuk memiliki rumah kedai di bandar ini. Sebagai contoh, kita tidak pernah mengecewakan atau mengkhianati orang Melayu. Sekarang ini tanah di Tanjung yang terbaru yang kita ambil balik melibatkan kos kepada kerajaan negeri kira-kira RM1.2 hingga RM1.3 juta setiap satu lot tanah untuk dijadikan tapak kedai 20 x 70, nilainya sekarang antara RM12 juta hingga RM13 juta per ekar. Kalau kerajaan nak berniaga, kerajaan takkan berniaga, 1 ekar tanah bernilai RM13 juta, buat rumah kedai 4 tingkat antara RM650,000 hingga RM700,000 maknanya RM2 juta sebuah rumah kedai dan rumah kedai di tingkat yang keempat tak laku, yang laku hanya tingkat ketiga. Nak buat bangunan pejabat 30 tingkat tak laku di Terengganu. Ini dilema yang kita hadapi. Tapi kita terpaksa ambil balik demi masa depan hak orang Melayu. Dan saya ulangi sekali lagi saya bukan rasis, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Ini perlu kita lakukan. Dan saya juga .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Pohon penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya memang

menyokong tentang dasar untuk kerajaan negeri mengambil atau membeli tanah-tanah orang Melayu dan ini bertepatan dengan cadangan yang dikemukakan oleh Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Negeri Terengganu, Dato' Tengku Ismail bin Tengku Jaafar yang menyatakan bahawa perlu agensi-agensi kerajaan negeri seperti Tabung Amanah Warisan, Yayasan Terengganu, Yayasan Islam dan mungkin MARA juga UDA Holding boleh membeli tanah-tanah sedemikian. Cuma saya bimbang dari segi pembangunan yang dijalankan. Saya pergi kepada dua kes yang spesifik yang saya dah berulang-ulang sebut perkara ini. Yang pertama, pembangunan yang telah siap sekarang ini iaitu Projek Paya Keladi 2 ianya merupakan perkampungan turun temurun orang Melayu ratusan tahun. Projek ini telah siap dan pemilikan kedai-kedai Paya Keladi 2, saya difahamkan tidak sampai 5% yang dimiliki oleh orang-orang Melayu. Itu yang pertama. Yang kedua, dari segi pembangunan Pasar Cabang Tiga, rumah kedai yang dibangunkan di Cabang Tiga ianya juga merupakan tanah-tanah orang Melayu yang diambil, kerajaan ambil tetapi diberikan kepada syarikat yang bukan Melayu dan saya difahamkan projek tersebut sudah hampir siap, pemilikan bumiputera Melayu jugak kurang daripada 5%. Ini persoalannya di Pasar Cabang Tiga. Jadi persoalan inilah yang perlu dikaji balik dasar supaya kita pertahankan entiti Melayu itu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Hasil dari rintitan tersebutlah saya selaku ketua kerajaan mengambil tindakan-tindakan pembetulan kerana apabila kita melihat apa yang berlaku di Paya Keladi dan dengan apa yang bakal berlaku di Kampung Tiong. Saya sebagai ketua kerajaan telah mengambil inisiatif bukan atas desakan siapa-siapa mengambil balik tanah ini dan kita telah buat polisi baru di Tanjung, Ladang dan sebagainya. 50% aset-aset ini akan dimiliki, dipegang oleh kerajaan sama ada melalui tabung ataupun agensi-agensinya dan 50% lagi akan dijual dan apabila dijual nanti sekurang-kurangnya 30% mesti dibeli oleh bumiputera tapi kalau dapat 40%, 50% dan 100% itu lagi baik. Itulah polisi yang telah jelas kita luluskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Penjelasan sikit. Apakah ini juga berlaku kepada Paya Keladi 2 tadi dan di Cabang Tiga?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, masa perkara itu telah berlalu dan itu bukan zaman saya. Walau dibuat dibuat dalam masa saya. Sebab itu kita buat pembetulan. Kita akui .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Jadi maknanya betullah pemilikan di Pasar Payang 2 itu cuma 5% milikan orang Melayu sekarang ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya kena semak dan saya perlukan notis.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Di Cabang Tiga begitu juga agaknya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Di Cabang Tiga, tidak. Cabang Tiga telah kita buat pembetulan, Tuan Yang Dipertua kerana Cabang Tiga ini kita boleh tunjukkan bukti dilaksanakan semasa zaman PAS .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Maksud saya bukan begitu, maksud saya milikan sekarang ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nanti saya cerita. Tunggulah, sabarlah, giliran saya pulak ni. Semasa pemerintahan PAS, Yang Berhormat Tuan Guru, Menteri Besar ketika itu dua hari sebelum pilihan raya telah meletakkan kerja-kerja tanah bagi pembinaan projek Cabang Tiga ini. Dan kita melihat ketika itu polisinya hanya 30% rumah kedai yang bakal siap nanti dijual kepada bumiputera, orang Islam. Dan kita buat perjanjian baru walaupun pada waktu itu dipilih oleh Kerajaan PAS tapi oleh kerana kita memerintah dan mungkin orang itu rasa tak sedap hati, dia serah kepada orang lain juga orang Tionghua bukan kita yang pilih, dia telah ada perjanjian dengan pemaju yang berkenaan kerana tuduhan selama ini mengatakan kita punya kroni orang Tionghualah, macam-macam tapi ini bukan kita yang pilih, pemaju asal yang telah dipilih oleh orang PAS. Ini hakikatnya. Saya boleh buktikan dan saya mintak lepas ini tidak ada lagi fitnah terhadap saya, kalau ada kita akan berjumpa di mahkamah. Sebab itu kita buat perjanjian yang baru, kita minta dia bersetuju dengan kita 50-50 iaitu 50% mesti dijual kepada bumiputera, ini syarat baru. Mana lebih baik 30% baik ke, 50% lebih baik? Saya yakin .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua, sikit aje. Setakat ini 50% di Pasar Cabang itu telah terisi ataupun masih kosong dimiliki oleh orang Melayu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Belum dijual lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Belum didaftarkan untuk .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ya. Ini saya boleh beri keyakinan. Kita boleh tunjuk kelulusan kita 'Open Book', takdok masalah. Boleh compare 30% zaman PAS dan 50% zaman BN. Takdok masalah, tidak ada apa

yang saya sembunyikan, Tuan Yang Dipertua. Dan sebab itulah saya nyatakan tadi kita benar-benar prihatin bukan sahaja tanah kita ambil balik mahal, malah ada setengah itu kita beritahu ke orang kampung, di Tanjung kemungkinan kita dok jadi, kemudian orang kampung mari jumpa kita balik, katanya jangan tak jadi begitu, dia orang mintak. Sekarang ini bukan tuan punya tanah, orang-orang yang tak berkenaan seolah-olah yang nak jadi jaguh, nak halau orang Melayu dalam bandarlah dan sebagainya. Apa jadi? Saya tinggal di Tanjung, Tuan Yang Dipertua, saya boleh tunjuk Tanjung Che Mat Tauke, Tanjung Haji Mat Litor, Tok Amat Tauke Besi, Grand Con itu tanah siapa dia? Di sebelah Grand Con tu rumah saya duduk. Kerajaan ambil balik bayar harga rumah. Kalau nak ikut peraturan, rumah itu jadi hak milik kerajaan tapi kita serah kepada tuan tanah nak rombak, jual ke, terserah kepada dia. Rumah yang saya duduk 100% kayu cengal, kerajaan bayar RM70,000. Sepatutnya kayu-kayu itu menjadi hak milik kerajaan tapi kita serah ke dia, pokok pun dibayar, rumah lagi dia dapat. Kita tidak mengkhianati orang Melayu, kita tidak mahu jadi isu politik benda ini. Demi masa depan orang Melayu. Lepas itu kita buat rumah pulak, dulu kita pindahkan orang dulu, rumah takdok. Tapi sekarang kita buat rumah dulu, bila-bila masa boleh pindah kalau terkena tanah mereka. Macam baru-baru ini ada yang terkena jalan, okey, pindah dulu, kita beri pulak subsidi 50%. Mana ada kerajaan yang buat, adakah ini suatu kezaliman? Ini duk hasut orang kampung. Kita dah buat polisi, tahun yang pertama kita beri sewa sebab kita tak hendak orang yang boleh rumah itu jual rumah mereka dengan kita beri subsisi dia jual ataupun dia tak layak ke, orang complain bukan nama dia dan sebagainya. Lepas 3 tahun, okey, kita juallah ke dia, kita tolak berapa dah dia bayar, takdok masalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua, boleh saya tahu harga sebenarnya harga satu unit hak di Ladang Gemilang sekarang ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya dah beritahu beberapa kali dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak harga sebenarnya, tak tahu sebenarnya ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita dah beritahu, rumah kos rendah tu harga dia RM150,650 tapi kita jual RM75,000, subsidi RM75,650. Hak yang baru kita ni 31 tingkat termasuk tempat letak kereta, kos kita RM180,000, nak jual rumah nanti tak tahu berapa, kita tak tentukan lagi keputusannya dan dapat tapak lot kereta satu lot seorang. Kalau di KL antara RM15,000 hingga RM25,000 satu lot untuk kereta. Itu kita bagi. Apa yang berlaku di Pulau Duyong, kita telah buat keputusan walaupun kemudian ini Exco buat naik

sikit tak apa kerana telah diisytiharkan. Di Pulau Duyong kos kita RM160,000 seunit, rumahnya cukup besar dan selesa. Kita jual RM68,000, subsidinya RM97,000 oleh kerana nak pindah orang-orang yang duduk secara haram hari ini, Wakil Bukit Tunggal dan kerana kesesakan dan sebagainya kita nak pindahkan ke situ dan juga mana-mana yang terlibat dan sebagainya dan yang terkena pengambilan balik tanah yang 8 ekar itu yang kita bangunkan termasuklah pembinaan masjid baru. Ini saya jawab terus soalan yang dibangkitkan oleh Wakil Bukit Tunggal. Jangan pulak lain kali nak susun pulak sebelah lagi, kita perlu buat jalan lain, kita kena ambil balik, bila ambil balik jangan jadi isu pulak, halau orang dan sebagainya. Ini yang perlu kita lakukan. Sebab itu saya kata tadi di Tanjung saya boleh tunjuk, Grand Con tanah siapa, Tanjung Vista tempat saya takraw petang-petang. Di sebelah itu saya boleh tunjuk tanah siapa dia dekat ING, rumah arwah Cikgu Jaafar, waris saya, dia jual keris dengan lembing antik. Sebelahnya rumah Ustaz Alias. Sebelah parit Rumah Pak Yit, tukang nikah, saya kenal seorang-seorang. Sebelah rumah saya arwah Haji Mat Litor. Jadi janganlah tuduh ke kita ni macam-macam seolah-olah kita mengkhianati orang Melayu. Ini, kita ada rekod, saya takmboh sebut aje nama tuan tanah seorang-seorang. Itu yang kita lakukan.

Dan seterusnya, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak sebut juga mengenai dasar pemberian .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sementara kita di Ladang, sikit je. Berkenaan dengan tempat perniagaan untuk orang-orang yang pernah buat tembaga, keris dan sebagainya di manakah sekarang ini ditempatkan mereka?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, kita jangkakan pada tahun ini akan membina semula di Ladang itu dengan rumah perkedaian dan kita akan beri keutamaan kepada mereka ini yang nak berkedai balik di situ dan termasuklah satu tapak yang cukup besar kepada pengusaha yang saya takmboh sebut namanya, pengusaha tembaga yang paling besar, kita beri balik tanah ke dia untuk buat di situ.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sementara dah 3 tahun ni, sekarang ini di manakah mereka berada sekarang ini untuk berniaga?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah dia berniaga di mana-mana, Pasar Payang dan sebagai, dia orang sekarang ini dapat meneruskan perniagaan mereka. Sebab saya katakan tadi kita memerlukan masa untuk pembinaan bukan kita takmboh bina tapi bila kita buat susunatur baru-baru ini, perancangannya, banyak perkara-perkara yang perlu kita selesaikan.

Pertamanya, dia punya substation. Pada peringkat awal substationnya duduk di belakang, lepas tu TNB minta duduk di depan, bila duduk di depan sebanyak 12 lot rumah kedai terlibat. Berapa juta terlibat? Itupun nilai tanah, tapak TNB kita beri RM3.5 juta, 50m x 50m. Lepas itu kita terpaksa bergaduh pulak dengan IWK nak 100m pula untuk buffer zone, tinggal berapa tanah kita. Lepas itu tunggu ECER buat lot sewerage system dan sebagainya, dah selesai semua ini baru kita boleh betulkan balik layout rumah kedai yang bakal kita buat lebih kurang 90 unit, Yang Dipertua. Insya Allah, saya impikan kalau boleh biarlah 100% rumah kedai ini dimiliki atau disewa oleh bumiputera Melayu. ....(Tepukan sokongan) .... Dan kita akan buat banyak lagi termasuk di Tanjung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan saya tadi bukan untuk jualan tapi untuk dia buat kerja.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah kita pergi tengoklah, dia buat kerja dia boleh sewa dan sebagainya, kita banyak pilihan. Sebab itu saya kata tadi, 50% akan kita beri sewa, 50% akan kita jual.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebab kedai tidak sesuai untuk perniagaan *cottage* ini .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kerajaan ada alternatif lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Okey.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mengenai polisi pemberian kawasan bijih besi dan sebagainya di Bukit Besi dan lain-lain tempat. Pertama, saya nak nyatakan setakat ini bila kita luluskan lesen mengeluarkan besi tidak ada lagi yang memohon untuk mengeluarkan balak, kalau ada balak di dalamnya kita akan mengeluarkan tender secara terbuka. Siapa yang tinggi dialah yang dapat. Itu prosedur terbaru. Dan saya nak maklumkan juga Yang Dipertua mengenai bijih Bukit Besi, kesemua kawasan Bukit Besi itu kita letakkan di bawah Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu ini bermakna dan kita beri syarat lagi bijih Bukit Besi hanya boleh dipohon oleh pengusaha-pengusaha yang bakal mendirikan kilangnya di Terengganu, kalau nak ambil besi untuk dieksport, kita tidak benarkan. Dan hasil polisi inilah alhamdulillah, 1,800 ekar di Bukit Besi yang telah dikenal pasti kita agih kepada 3 lot setiap satu lot 600 ekar sama ada Burn Hill, dengan izin Yang Dipertua, nama tempat itu ataupun Seri Bangun. Kita beri kepada 3 syarikat, pertama yang mula kita beri kepada Rolling Perwaja Steel Mill – 600 ekar kerana

dia menambahkan pelaburan lagi Kilang Palletization di Perwaja itu dengan kos RM300 juta dan bila siap sepenuhnya nanti boleh memberi peluang pekerjaan kepada 800 orang pekerja dan dengan syarat 60% sekurang-kurangnya rakyat Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Yang kedua, kita meluluskan satu lagi 600 ekar kepada Eastern Steel sebuah syarikat joint venture dengan syarikat daripada Republic of China, Shogang Group iaitu pengusaha besi terbesar di China, hasil lawatan saya ke sana dulu melibatkan pelaburan RM3.8 bilion. Kerja-kerja pembinaan sedang berjalan sekarang ini yang akan memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 2,000 pekerja. Dan yang ketiga, kira-kira 3 atau 4 bulan yang lepas kita telah meluluskan satu lagi 600 ekar kepada Hyundai Corporation daripada Korea dengan pelaburan RM6.6 bilion dengan kira-kira 2,000 orang pekerja. Jadi untuk Bukit Besi sahaja seluas 1,800 ekar kita dapat 3 buah kilang besi yang akan beroperasi di kawasan industri Teluk Kalong yang melibatkan pelaburan RM10.74 bilion dan kira-kira melibatkan 4,800 peluang pekerjaan. Dan untuk pengetahuan juga Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita sedang berurusan untuk menarik pelabur yang lebih besar untuk datang ke Terengganu untuk melabur dalam bidang industri besi ini. Kita berharap dengan kehendak Allah Taala ia akan menjadi kenyataan. Sebab itulah kita buat Jambatan Bukit Kuang itu tinggi untuk membolehkan tugboat dengan izin, menarik tongkang melalui di bawah jambatan sungai berkenaan dan kerajaan negeri juga akan membina satu terusan di kawasan industri Teluk Kalong untuk membawa bijih dan mengeluarkan besi untuk dihantar ke pelabuhan kalau tidak bila ketiga-tiga atau empat industri besi ini siap termasuk pelabuhan, kira-kira 1,000 buah treler akan melalui jambatan, jalan berkenaan sudah tentu ia akan menjadi kesesakan jalan, traffic jam dan kemalangan yang tidak dapat dielakkan. Ini perancangan jangka panjang kita Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tuan Yang Dipertua, minta maaflah cakap banyak sikit ni. Bagaimana pula dengan permohonan bijih-bijih di luar kawasan Bukit Besi dan nak tanya selalu jugak bagaimanakah keadaan Bukit Besi, akan dibangunkan bandar Bukit Besi itukah ataupun macam mana?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Dipertua. Saya *dokdang* jawab lagi. Tak apa saya beri peluang, *takdok* masalah. Bagi kawasan-kawasan di luar daripada Bukit Besi apabila kita kenal pasti kawasan itu mempunyai mineral besi atau lain-lain mineral ketika ini, kita minta supaya malah arahan telahpun dibuat peringkat demi peringkat di mana Lembaga Tabung Amanah Warisan akan memohon kawasan berkenaan. Dan bila kawasan ini menjadi milik Lembaga Tabung Amanah Warisan, dasar terbaru kita kalau ada pemohon walaupun agak sulit untuk kita luluskan setakat ini kecuali kes-kes tertentu kita akan beri tidak lebih dari 100 ekar dan mereka hendaklah joint

venture, dengan izin, usaha sama dengan Lembaga Tabung. Dan hendaklah memberikan sekurang-kurangnya RM30 per tan metrik atau mana yang lebih tinggi atau 10% dan dibayar kepada PTG royalti sebanyak 5%. Ini yang telah kita lakukan. Dan di samping itu, bandar Bukit Besi Insya Allah, akan dibangunkan dan kita akan beri kepada SEDC untuk menyediakan projek perumahan, perkedaian di berhampiran bandar Bukit Besi kerana bila kemasukan pelajar-pelajar UiTM peringkat pertama dan peringkat kedua nanti akan memerlukan sejumlah rumah perkedaian dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin dan kadang kala bercampur baur, sedih ada, kecewa ada, nak marah pun ada. Macam saya sebut tadilah royalti negeri lain dapat 5% aje. Kita dapat dari Lembaga Tabung RM30 atau 10% ditambah pulak bayar royalti 5% jadi 15%. Iaitu isu yang hangat diperkatakan rasa-rasa sebahagian besarnya merupakan fitnah iaitu Program Pembangunan Pasar Kedai Payang yang dibangkitkan oleh Wakil Batu Burok tapi kadang-kadang tak sampai hati jugak Yang Dipertua, bila saya kata dia pembohong bersiri dia marah ke saya. Dengan kenyataan-kenyataan yang tidak tepat, kita ada blog-blog yang ditulis oleh beliau. Saya boleh baca dengan izin Yang Dipertua. Beliau merasakan 'ada udang di sebalik batu' terhadap pemberian projek tersebut kepada sebuah syarikat yang didaftarkan di ibu negara Kuala Lumpur. Ada gambar dengan Ahli Parlimen Kuala Terengganu dan seorang lagi saya tak kenal siapa dia. Antaranya lagi saya boleh baca: "Saya mohon untuk mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan Ahmad Said, Menteri Besar, apakah rasionalnya diberikan projek bernilai RM400 juta kepada Tan Sri Abu Sahid dan tidak diberikan kepada rakyat Terengganu yang juga berwibawa. Dr. Syed Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok mendakwa masih ramai kontraktor-kontraktor negeri Terengganu yang berwibawa tetapi tidak diutamakan. Justeru kata beliau apakah rasionalnya memberikan projek yang bernilai RM400 juta kepada Tan Sri yang telah kaya raya dan telah diberi banyak projek oleh kerajaan negeri sebelum ini." Ini satu fitnah, satu fakta yang mengelirukan. Kerajaan negeri tidak pernah mengeluarkan projek dan dibayar oleh kerajaan negeri dengan harga RM400 juta. Apa yang berlaku ialah cadangan penswastaan kepada pihak Bandaraya Kuala Terengganu untuk mendirikan Pasar Baru Kedai Payang dan sebagai balasannya pemaju akan dapat membina sebuah hotel 23 tingkat bertaraf 5 bintang dan sebuah apartmen. Nilai pasar ini hampir RM80 juta lebih diberi percuma kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Tak pernah kita keluarkan belanja RM400 juta, tak timbul soal beri projek kepada orang Kuala Lumpur dan tidak diberi kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Ini cadangan penswastaan yang kita ajukan kepada Bandaraya dan kita minta supaya projek ini dibangunkan sesuai dengan keadaan semasa. Kalau kita robohkan pasar ini dan dibuat hotel dan apartmen tanpa pasar, okey, saya sanggup dikutuk, saya sanggup dihina tetapi Pasar Payang masih lagi Pasar Payang dengan design yang baru

dikekalkan tradisi Terengganu, di sebelahnya ada hotel 5 bintang dan di sebelah lagi ada apartmen. Bayangkan bila apartmen ada, orang-orang ini akan membeli ikan dan sayur, maka sudah ditentu di pasar, ini akan menambahkan lagi peluang perniagaan orang di pasar. Pasar ini rekaan dalamannya cukup moden, siap dengan aircond, escalator, ada 400 tempat letak kereta, ada jejambat yang akan menyambung Pasar Baru Kedai Payang dengan Plaza Warisan yang tidak berapa laku hari ini, ada tandas baru, ada surau baru, ada kawasan yang lebih sempurna, ada CCTV, ada tempat disediakan khas dengan spesifikasi untuk peniaga emas dan sebagainya.

Dan juga berlaku sekali lagi pembohongan fakta yang jelas disebut pasar berusia hampir 100 tahun, ini satu lagi fakta yang tidak tepat, kalau saya kata pembohongan susah pulak. Sebab pasar ini dulu saya tahu masa saya kecil-kecil Pasar Kedai Payang ini asalnya Pasar Tanjung, kalau malam pulak orang berjual itu duduk bersila aje, jual nasi dagang dan lain-lain. Lepas itu berpindah ke Kedai Payang pada tahun 1967, lepas itu dibuat lagi pengubahsuaian, masa tu ada Jam Besar, tahun 1983 dibuat pengubahsuaian dirobohkan Jam Besar, kenapa tidak dibuat demonstrasi? Saya masih ingat jenama jam itu saya masih ingat sebab itu masa kita berunding dengan pemaju baru-baru ini saya kata: "You cari jam ini di Switzerland atau di mana-mana." Kalau takdok yang baru, cari yang antik. Nama jam itu Favre Leuba, jenamanya.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Pohon penjelasan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang pertamanya, saya ingin mendapat kepastian apakah benar kontrak ini diberikan kepada Syarikat Gabungan Granite Sdn. Bhd., itu yang pertama yang dimiliki oleh Tan Sri Abu Sahid, Lim Chiau Woei, Law Phooi Wong, Chan Lai Choon yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Yang keduanya, persoalan Pasar Payang ini adalah persoalan warisan kita negeri Terengganu. Bukan sahaja saya yang buat bantahan tetapi Dato' Seri Menteri Besar perlu meneliti pandangan-pandangan ramai dalam negeri, luar negeri dan yang terakhir seorang penulis Purificator, anak Terengganu kita, Awang Goneng menulis dengan begitu jelas dalam akhbar The New Straits Time yang menyatakan kalau nak buat jugak buat di tempat lainlah. Kita pertahankan warisan Pasar Payang kita yang menjadi kebanggaan kita .....

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Penjelasan, Tuan Yang Dipertua. Pandangan boleh diterima tapi fitnah tak boleh.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini laluan saya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah tu Tuan Yang Dipertua, cukuplah. Giliran sayalah pulak. Banyak dah bercakap, duk bersyarah di merata ceruk termasuk di pasar duk bercerita macam-macam.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Jawab dengan rasional, saya tanya dengan rasional.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah saya jawab dengan rasionallah ni.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, saya tanya dengan rasional adakah ini boleh dilaksanakan dalam konteks bantahan yang begitu ramai termasuk jugak daripada berpuluh-puluh NGO yang membuat bantahan secara terbuka.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, bantahan ini dibuat setelah ada orang mengambil inisiatif untuk melaksanakannya. Kita telah bertemu dengan peniaga-peniaga Pasar Kedai Payang, surat khabar ada, t.v. ada menyaksikannya dan mereka bersetuju dengan syarat mereka mintak satu saja hari itu supaya kekalkan pasar ikan. Okey, kita setuju kekalkan pasar ikan di situ. Tetapi bila ada inisiatif pihak tertentu duk panggil orang, angkut orang, buat macam-macam, inilah yang menjadi masalah, bangkitkan warisan. Apa itu warisan? Berpandukan Akta 645, Akta Warisan Kebangsaan 2005, kita dah kira dah pasar ini bukan 100 tahun baru 30 tahun lebih, tahun '83 hingga 2013, 30 tahun. Dah kita nakkan warisan, okey kita buat design warisan, *takdok* masalah, kita yang buat. Macam muzium kita, baru tahun bila buat tapi kita kekalkan warisan, macam Dewan kita ini juga, design warisan Terengganu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat saya tanya soalan yang spesifik.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nantilah dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Jadi kalau saya kata, saya guna bahasa jawapan bodoh, saya rasa tidak kena dengan Dewan tapi jawapan memang jawapan bodoh.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Soal bodoh, jawapan bodohlah. Mu nak benda lagi?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan hak tanya soalan pun bodoh dah mesti jawapannya orang beri begitu jugak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Dipertua, ini orang panggil paling bodoh ni, PhD ada tapi memfitnah orang kiri-kanan. RM400 juta tu kita telah beritahu bukan kita yang beri projek ini, bukan kita punya kontraktor tapi dia yang memajukan, dia beri ke kita pasar itu percuma. PhD apa gini dok faham-faham. Saya dah sebut tadi nama Tan Sri Abu Sahid.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Bertenang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bertenang guana, boleh sakit baru nak bertenang. Ini cakap nak menipu *sokmo*.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kalau Yang Amat Berhormat boleh guna bahasa-bahasa yang sedemikian, saya pun boleh guna jugak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Siapa dia guna dulu? Siapa kata 'bodoh' dulu. Bukan mu kata 'bodoh'?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak jawapan secara rasional.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya pun rasional jugak. Saya boleh belaka, nak rasional ke, tak rasional ke, boleh belaka, royat aje. Hah! Tak kenal orang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Duduk. Ini giliran saya. Saya takmboh beri laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok duduk, Jabi duduk.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Batu Burok, duduk.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mintak ruling.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Mu pun kena ruling jugak, bukan mu kata dulu tadi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Penggunaan bahasa-bahasa yang .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Siapa kata dulu!

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya boleh pertimbangkan tapi dua-dua kena sabar. Perkataan seperti 'bodoh' tidak dibenarkan mengikut peraturan tapi saya rasa kita ada adab. Saya minta supaya Batu Burok duduk dulu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Duduklah. Ini giliran saya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita kena sabar.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mintak ruling dulu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ruling apa, ruling?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Bahasa sebegitu boleh guna ke?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah mu guna bahasa benda tadi?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok duduk.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Duduklah! Duduk, duduk.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Batu Burok duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, minta izin Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Amat Berhormat, saya ingat tahun '80an bagaimana kita nak bina jambatan ke Pulau Duyong ke seberang sana, Jambatan Sultan Mahmud, beginilah jugak caranya tapi akhirnya oleh kerana pada ketika itu kosnya agak tinggi tak sampai RM100 juta, saya masih ingat kita terpaksa buat tol sebab kita

tak dapat tabung untuk bangunkan sebarang sini dan seberang sana. Bantahan sebegini rupa juga dibuat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ke hulu, ke hilir memfitnah dan sebagainya tapi akhirnya bila mereka menang tahun 1999 yang kita kutip sedikit untuk buat maintenance pun tak boleh itulah yang diwarwarkan: "Kita roboh, kita hapuskan tol", malam itu jugak. Jadi, saya ingat Dato' Seri teruskanlah yang baik, rakyat di belakang kita dan saya harap juga pembangkang terutamanya pihak Kuala Terengganulah kemenangan dalam pilihan raya lepas barangkali hasil daripada provokasi dan ketidakfahaman rakyat. Pada saya melihat pasar yang perlu dibaiki itu tapi kalau tak dibaikipun seluruh dunia pergi, ada rombongan dari Singapura pada minggu lepas Dato' Seri Menteri Besar, mereka komen nak beli panas, anak-anak nak masuk menangis dan dengan keadaan yang begitu sesak. Saya pun tak tergamak nak pergi. Saya duk kata perdagangan-perdagangan tadi, betul kata Dato' Seri, sudahlah Batu Burok, selesailah. Yang Berhormat Ahli Parlimen Kuala Terengganu pun ada di sini. Kalau tak buat, kata tak buat. Kalau kita buat begini pulak caranya. Rakyat, masa yang akan menentukan. Tapi janganlah ada khianat, jangan ada perkara penyelewengan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua, penjelasan tidak ada siapa yang khianat dalam projek ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yalah, saya jelas.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Bantahan demi bantahan. NGO saja berpuluh-puluh NGO semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Batu Burok, saya ada bersama semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipelopori oleh satu golongan yang biadab, saya ada bersama.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Itu saya tidak tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat tidak ada, saya ada.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua, orang takdok dokleh cakap benda yang dok tahu. Berilah ruang kepada orang yang tahu bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betul tu Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu saya ada dan saya menghampiri golongan ini yang didokongi oleh parti yang Yang Berhormat dokong.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Pasar Payang itu kita boleh perbaiki kalau dikatakan panasnya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betul.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kalau dikatakan crowded-nya, kita boleh upgrade, kita boleh perbaiki, kenapa perlu dirobohkan? Kenapa nak dibina hotel 23 tingkat ia boleh dibina di tempat lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yalah, inilah tujuannya. Jadi kalau ambil publisiti benda-benda macam ini saya ingat terlalu murahlah politik Yang Berhormat. Teruskan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mintak duduklah Batu Burok.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Batu Burok duduklah dulu. Sila Wakil Kijal teruskan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Macam kata tadilah, ini giliran saya. Kita berusaha untuk penambahbaikan, buat yang terbaik. Tidak ada pembangunan kata tidak ada pembangunan. Ada pembangunan kata macam-macam. Tidak ada masalah kata nak kekalkan warisan, kita boleh design ikut warisan, keselesaan yang kita nak berikan. Dan sementara kita robohkan atau kita bina semula pasar ini, kita akan bina pasar sementara yang bernilai RM8 juta yang juga dibuat oleh pemaju, satu sen pun tidak melibatkan duit kita. Dah kalau ada orang sanggup belanja RM80 juta hanya dia dapat portion dia hotel dan apartmen secara percuma, kenapa tidak. Inilah yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkait dengan penglibatan swasta dalam pembangunan, takkan kita tak beri kerjasama. Kita prihatin orang nak berniaga bukan tak prihatin. Saya malam-malam pergi di situ, sejak akhir-akhir ini saja tak pergi. Saya pergi beli buah dan lain-lain tapi barangkali ADUN Batu Burok dok gi saya rasa. Saya pergi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh tanya lagi ke dok dah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cukuplah, cukuplah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kita cakap luarlah pulak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cakap di luar okey, tak apa. Takdok masalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Seri saya nak suruh Ladang kalau tanya, sokong, bukannya memutar belit, kalau boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Apa hak tuan untuk mengarah saya untuk sokong?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Hak saya memintaklah jangan memutar belit, sokong yang baik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itu hak sayalah nak sokong tak sokong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kalau boleh jadi yang mulialah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Speaker di sana, Speaker di sana tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telah mencadangkan keperluan lain yang diperlukan ialah pengekalan warisan dan tradisi. Penggunaan teknologi hijau hendaklah diberi perhatian seperti penggunaan pengudaraan semulajadi dan pengcahayaan. Laluan dalam pasar hendaklah lebar dan selesa bagi mengurangkan kesesakan dalaman. Lain-lain aktiviti seperti kiosk akan disediakan dan mengembalikan nostalgia jam besar. Itulah saya kata tadi, saya ingat nama jam itu Favre Leuba, saya duk main di situ masa kecil-kecil dulu walaupun saya orang Kemaman. Saya pergi makan roti tempayan di depan pengkalan penambang. Kita pun nak tengok, apatah lagi saya sebagai pemimpin kerajaan takkan nak tengok keadaan yang begitu rupa, memalukan kita, orang datang complaint, dia kata: "Dato' saya pergi ke spa satni." Saya kata: "Spa mana

pulak?" "*Free* aje spa/sauna", dia kata. Saya kata: "Kat mana?" "Pasar Kedai Payang", dia kata. Inilah masalahnya. Apa salahnya kita nak buat yang baru dan moden. Kalau saya robohkan Pasar Kedai Payang dan tidak buat pasar itu, buat apartmen dan hotel saja, okey, kutuklah saya, hinalah saya. Kalau kata nak kekalkah tradisi. Okey, kita kekalkanlah nilai tradisinya, dari segi design atau dari segi apapun. Kita nakkan yang terbaik, keselesaan, kita nakkan pelancong supaya datang lebih ramai akan datang. Waterfront pun kita akan tambah, molekkan lagi. Ini yang kita kehendaki, jadi saya haraplah .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua, satu soalan. Kenapa kita tidak baikpulihkan?

YANG AMAT BERHORAMT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baikpulih tidak memberi makna yang besar, tidak banyak perubahan. Kita buat ini melibatkan tempat letak kereta 400 buah. Kalau kita buat baik pulih sahaja tidak boleh menambahkan tempat letak kereta dengan jam apa semua sekali. Ini ada tempat letak kereta bertingkat di bawahnya apa semua. Ini untuk kemudahan. Kita buat yang terbaik. Inilah masalahnya, bila kita buat tempat letak kereta berputar kata macam-macam. Kata Johor tak buat, Penang tak buat. Sekarang ini tengok tak ada masalah malah orang mintak pulak, mereka datang jumpa saya: "Boleh tak buat satu lagi, buat kat Pasar Payang ke atau dekat lain-lain lagi." Jadi kita haraplah, cukuplah kita berpolitik, banyak lagi benda-benda lain nak berpolitik, menang, dah menang dah kerana berpolitik, kita tak apa, tak ada masalah. Kita buatlah untuk masa depan negeri Terengganu, untuk kemudahan rakyat supaya lebih selesa, lebih baik, pelancong lebih ramai datang, kita buat macam-macam program, bukan untung ke kita. Kita buat program ini, kita belanja duit, bila pelancong ramai datang dia akan masuk ke Kedai Payang, dia berbelanja, dia pergi beli keropok bila nak balik, kerajaan tak dapat apa-apa pun tapi kita gembira jadi tuan rumah kepada Sukan Bomba Peringkat Malaysia di Terengganu. Baru-baru ini Sukan Badan-Badan Berkanun 8,000 peserta dari seluruh negeri Terengganu mari, kita beri makan malam, kita yang belanja tapi orang niaga keropok, orang niaga Pasar Payang dapat hasil, mereka gembira. Kita tidak sekali-sekali mengkhianati, apatah lagi orang-orang Melayu yang berniaga di situ. Saya pun orang Melayu nak melihat taraf kita dinaikkan, ruang berniaga yang lebih baik, selesa, lebih kondusif, ini yang kita kehendaki, kenapa kita takut perubahan. Kalau warisan yang dikehendaki, kita buatlah design warisan. Dah dua kali dah pindaan telah dibuat tahun 1983 dan 1987. Dulu saya masih ingat, macam saya kata tadilah di Tanjung malam-malam orang berjual duduk bersila, jual nasi dagang, jual pulut ikan panggang di pasar depan tapak Astaka tu. Saya boleh bangkit satu persatu tapi saya rasa cukuplah. Baiklah main politik hak lain, banyak lagi kalau nak jadikan isu politik. Begitu juga dengan duit Dana Khas dikatakan diberi kepada projek-projek pembangunan bukan sahaja projek di Terengganu malah ke negeri-negeri lain termasuk Sabah dan

Sarawak. Sabah dan Sarawak tak terlibat, nanti berasa hati pulak orang Sabah, orang Sarawak kata dia ambil duit kita apa semua sekali, mereka tak terlibat. Tidak ada satu sen pun dia ambil duit dari Kerajaan Negeri Terengganu ke Sabah dan Sarawak tapi negeri-negeri lain kita akui ada sebab itu kita mintak balik. Saya berjuang untuk dapatkan balik, kerajaan pusat bayaran sekarang ini RM200 juta setahun sebagai bayaran balik apa yang dibelanjakan untuk pembangunan projek kepada negeri-negeri lain sebanyak RM2 bilion, kita dah berjaya dapatkan balik, dah dua kali dah dia bayar kepada kita. Dan bila saya jadi Menteri Besar, terus saya stopped, tidak ada lagi Dana Khas digunakan untuk negeri-negeri lain dan juga untuk projek-projek di negeri Terengganu tapi disebut inilah merupakan pengkhianatan terbesar dalam sejarah oleh pemimpin UMNO Terengganu, Idris Jusoh dan Ahmad Said sejak mereka merampas kuasa dari PAS tahun 1999 – 2004. Rampas kuasa bila? Demokrasikan, kita menang balik, kita akur kita menang, kita kalah pun kita akur, bukan rampas kuasa tapi ditulis 'Rampas Kuasa'.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ada hak tak sihat rupanya dalam Dewan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Inilah saya kata, kita sedih dengan sikap kita sekarang ini yang sudah berubah begitu jauh sekali. Fitnah telah dijadikan sebahagian daripada kebenaran sedangkan kita tahu kita orang Islam, sesungguh fitnah itu lebih dahsyat daripada membunuh. Diceritakan dalam Israk-Mikraj, potong lidah kemudian tumbuh balik dan dipotong lagi bagi orang yang membuat fitnah. Dulu fitnah dari mulut ke mulut, lening melalui twitter, melalui SMS, melalui *Facebook*, lebih dahsyat. Ingat gok hari mati kita, nak mati belaka ni. Jadi saya haraplah Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan tadi kita bertanggungjawab, kita ingin melihat perubahan pembangunan dan saya sekali-sekali tidak akan mengkhianati nasib masa depan bangsa saya. Kita ingin buat yang terbaik, sebab itu kita sanggup beri subsidi rumah dengan begitu besar, bina rumah 10,000 tak pernah berlaku dalam sejarah negeri Terengganu, kita buat macam-macam. Jadi saya haraplah, insaflah, marilah sama-sama kita muhasabah diri. Saya sebenarnya seorang yang lembut kalau orang berlembut dengan saya tapi saya cukup keras kalau orang berkeras dengan saya .....(tepukan sokongan) ..... Sebab itu Tuan Yang Dipertua, saya diibarat ular kalau digosok sudah tentu akan lembut (lembik) tapi kalau dihentap dia akan melawan, saya tak takut menghadapi cabaran, ini sikap saya. Sebab itu minta maaf saya bersikap kasar bila orang berkasar dengan saya, jangan mulakan kasar terhadap saya. Sebab itu saya kata tadi, kita ingin melihat Terengganu terus dimajukan. Kita ingin melihat perubahan pembangunan semasa kita diberi amanah dan tanggungjawab ini, ini yang kita ingin lakukan. InsyaAllah, dengan kerjasama, dengan baik sangka kita, dengan diiringi doa agar Tuhan memurahkan rezeki kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu setiap masa, InsyaAllah. Hari ini semakin banyak mineral-

mineral baru ditemui di bumi Terengganu yang tidak perlu saya jelaskan buat masa ini. Terlalu banyak penemuan-penemuan baru yang ditemui di negeri ini kerana rezeki yang Tuhan berikan kepada kita dan anak-cucu kita di masa akan datang, Insya Allah. Sebab itu saya kata tadi InsyaAllah kita berusaha untuk menarik beberapa buah lagi kilang besi yang melibatkan kira-kira RM15 bilion lagi pelaburan InsyaAllah akan datang ke bumi Terengganu, kita dalam proses rundingan untuk beri kelulusan dan sebagainya. Sebab itu saya katakan tadi kita beri kepada Lembaga Tabung supaya senang Lembaga Tabung mendapat faedah bukan diberi kepada kroni sebagaimana didakwa dan sebagainya. Inilah yang kita lakukan.

Jadi sekali lagi Tuan Yang Dipertua, saya turut sama merakamkan menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan Titah Ucapan sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan kali ini, mudah-mudahan Allah merahmati kita, mudah-mudahan Allah merahmati rakyat Terengganu dan mudah-mudahan Allah memurahkan rezeki rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu. Dan dengan rezeki yang melimpahruah ini, InsyaAllah bumi Terengganu terus disinari cahaya keimanan, kemakmuran dan kedamaian di masa depan. Mudah-mudahan Allah merahmati kita. Sekian, Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Kijal. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, golongan daripada pihak kerajaan, alhamdulillah telah selesai sekarang saya buka untuk undian –

> *Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

USUL INI DITERIMA.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI

YANG BERHORMAT DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan -

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri menurut Fasal 103 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:***
>
> 1. ***Y.B. Yang Dipertua Dewan - Pengerusi***
> 2. ***Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar***
> 3. ***Y.B. Dato' Sabri bin Mohd Noor***
> 4. ***Y.B. Mohd Mahdi bin Musa***
> 5. ***Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman***
> 6. ***Y.B. Mohd Iskandar bin Jaafar***
> 7. ***Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak***
> 8. ***Setiausaha, Dewan Undangan Negeri -Setiausaha"***

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul tersebut.

> *Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.*

USUL INI DITERIMA.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan –

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik suatu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri menurut Fasal 110 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahlinya terdiri daripada:***
>
> ***1. Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof - Pengerusi***
> ***2. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar***
> ***3. Y.B. Dato' Sabri bin Mohd Noor***
> ***4.. Y.B. Mohd Mahdi bin Musa***
> ***5. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman***
> ***6. Y.B. Mohd Iskandar bin Jaafar***
> ***7 Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar***
> ***8. Setiausaha, Dewan Undangan Negeri - Setiausaha"***

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya bagi pihak PAS memohon untuk menggantikan Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar kepada Wakil Paka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul tersebut dengan pindaan. Terima kasih.

> *Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui diterima dengan pindaan dan dengan sebulat suara.*

USUL INI DITERIMA.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya menangguhkan Dewan ini saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian selama 4 hari kita bersidang. Nampaknya ada konsep Mawaddah warahmah, ada ramai di antara kita yang telah mengamalkan apa yang telah Allah tentukan dalam Al-Quran dan pengajaran bahawa 'Innallaha wa sabirin minal iman', itulah konsep yang perlu kita amalkan. Politik, politik jugak tapi kita perlu banyak bersabar ingatlah bahawa kemungkinan inilah sidang yang terakhir kita hadiri mungkin sidang akan datang kita tidak sempat. Jadi saya mohon supaya kita ingat apa yang kita akan hadapi sebagaimana pesanan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Wakil Kijal. InsyaAllah.

